



# Lembaran Baharu

LAPORAN TAHUNAN 2018





# Lembaran Baharu

Bagi kebanyakan individu, persaraan menandakan bermulanya lembaran yang baharu. Mereka kini boleh menikmati kehidupan dengan lebih santai dan menjalani aktiviti yang tidak boleh dilakukan sebelum ini semasa bekerja.

Justeru itu, konsep laporan tahunan ini ialah meraikan kehidupan selepas persaraan. Lembaran baharu ini hanya boleh dicapai menerusi usaha gigih KWAP dalam memastikan pembelajaran dan pembangunan kemahiran yang berterusan di kalangan pesara. Mereka kemudiannya boleh menikmati tahun-tahun keemasan mereka dengan jaminan kewangan, keselesaan dan kehidupan yang lebih bermakna.

# DANA YANG BERKAT

Usia tua sesantainya angin nyaman yang sihat,  
renyai hayat anugerah Tuhan yang teramat nikmat.

Kini kita maruahi lagi sejarah kebajikan,  
Menyemainya dengan benih jerih perih pendapatan  
agar usia tua akan waras terpelihara:  
damai di tangan, nikmat di hati dan indah di mata.

Dan tarikh lahirnya badan dana yang amat bertuah -  
Mac - kini bulan yang molek, cahaya manis sejarah;  
dengan wang dirancang untuk ranum ke usia sarat  
peluh jujur rezeki subur mengisi dana berkat.

Sopan di tangan, jernih di mata dan santun di kalbu,  
peranum labur jimat tercermat yang mengembang gebu.

Diurus tangan canggih amanah yang tulus berhemah  
sehingga pepohon rezeki sempat merimbun buah.

Tulus petugas setia serasi bakti pekerja  
ringani bahu pentadbir, suburi harta pesara,  
alir pencen sumber harta yang luhur sepanjang hayat  
tersimbah tuahnya ke yatim diri, ke badan sihat.

Dengan tekun berilmu, tindakan yang bersanubari,  
yakin dipasti taman labur terindah harum ini.

**5 - 15, Februari, 2007**  
**A. SAMAD SAID**

# Isi Kandungan

Perutusan Pengerusi	3	4.0 Memulakan Pertumbuhan	
Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	6	4.1 Ulasan Ekonomi & Strategi	96
<b>1.0 Menyahut Setiap Cabaran</b>		4.2 Caruman & Pelaburan	106
1.1 Mengenai KWAP	14	4.3 Prestasi Kami	110
1.2 Ringkasan Kewangan 5-tahun	21	4.4 Pengurusan Risiko Menyeluruh	146
1.3 Tahun 2018 Sepintas Lalu	22	<b>5.0 Memperkasakan Kemajuan</b>	
1.4 Sorotan Prestasi	24	5.1 Sijil Ketua Audit Negara	162
<b>2.0 Meningkatkan Nilai untuk Generasi Emas</b>		5.2 Penyata Pengerusi	166
2.1 Kesejahteraan Para Pesara	28	5.3 Perakuan Berkanun	167
2.2 Insan & Proses	34	5.4 Penyata-penyata Pendapatan Komprehensif	168
2.3 Memenuhi Tanggungjawab	46	5.5 Penyata-penyata Kedudukan Kewangan	170
<b>3.0 Melindungi Masa Depan</b>		5.6 Penyata Perubahan dalam Ekuiti	172
3.1 Kepimpinan Kami	52	5.7 Penyata-penyata Aliran Tunai	174
3.2 Tadbir Urus Korporat	74	5.8 Nota-nota kepada Penyata Kewangan	177
		<b>6.0 Lampiran</b>	
		6.1 Istilah	318



**Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir**  
Pengerusi

# Perutusan Pengerusi

Saya sungguh berbesar hati diberi penghormatan untuk membentangkan Laporan Tahunan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

KWAP bukan sahaja membanggakan kerana saiznya tetapi juga rekod prestasi pelaburannya yang berhemah. Situasi ini diperkuatkan lagi dengan prestasinya pada tahun 2018, yang terus berdaya tahan walaupun menghadapi pelbagai cabaran geopolitik serta tekanan makroekonomi dari kedua-dua arena global dan juga domestik. Dikekalkan oleh dasar pelaburan jangka panjang yang kukuh, KWAP terus memberikan sumbangan yang baik kepada dana pesara, hasil daripada pendapatan pelaburan mantap yang diterima dalam tempoh tinjauan yang sejajar dengan momentum yang mencatat tahap tertinggi yang dicapai pada tahun sebelumnya. Maka, asas yang dibentuk itu mengukuhkan lagi kedudukan KWAP sebagai penjaga pelaburan bertanggung jawab dan pada masa yang sama memberi makna dalam penglibatan pihak berkepentingan, khususnya dengan kelompok pemegang kepentingan yang paling bermakna kepada KWAP, ***para pesara perkhidmatan awam.***

### Sokongan Pelaburan Strategik

Lembaga Pengarah terus memainkan peranan aktif dalam membimbing dasar dan prosedur pelaburan KWAP. Antara banyak kelebihan dalam menguruskan dana pencen adalah perspektif jangka panjang, yang membolehkan KWAP meningkatkan fleksibiliti dalam menguruskan selera risikonya. Inilah yang ingin dilakukan oleh pihak pengurusan, dengan kelulusan Lembaga. Berikutan Dasar dan Garis Panduan Pelaburan yang disemak semula, kami telah bersetuju dengan cadangan Panel Pelaburan untuk meluaskan selera risiko KWAP ke arah meningkatkan pendedahan pulangan risiko dengan kelas pelaburan yang berisiko lebih tinggi sedikit demi meningkatkan pulangan dan mengembangkan dana serta meneroka lebih banyak kelas sub-aset, seperti modal teroka, untuk kepelbagaian portfolio selanjutnya.

Alokasi Aset Strategik (SAA) yang disemak semula dimasukkan ke dalam Polisi dan Garis Panduan Pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga setelah menerima input daripada Panel Pelaburan. SAA yang merangkumi peningkatan peruntukan untuk kelas aset alternatif, membolehkan organisasi mencapai pulangan yang memberangsangkan dalam tempoh setahun, yang bukannya mudah dalam bidang pelaburan.

Peralihan dalam selera risiko kami ditunjukkan dalam Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko yang baharu, yang juga mengambil kira klasifikasi semula instrumen kewangan kami selaras dengan Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) 9 yang baru dilaksanakan. Penggunaan standard baharu telah menjadi satu usaha utama di KWAP, yang melibatkan kajian semula pelbagai dasar, yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga.

### Tadbir Urus Dalaman & Luaran

Di samping mengawasi prestasi pelaburan KWAP, salah satu kebimbangan utama Lembaga adalah memastikan tahap tadbir urus yang tinggi dalam organisasi. Lanjutan itu, kami juga mengharapkan syarikat-syarikat di mana kami melabur turut beroperasi dengan cara yang bertanggungjawab kepada para pemegang kepentingan mereka. Sehubungan ini, KWAP sentiasa memantau aktiviti pemegang saham dengan menghadiri mesyuarat agung tahunan syarikat pelaburan kami, dan mengadakan pertemuan secara tetap dengan pengurusan mereka.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, kami terus memperhebatkan peranan kami dalam membentuk ekosistem korporat yang lebih bertanggungjawab dengan menggunakan garis panduan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) semasa membuat keputusan pelaburan. Pada tahun 2015, KWAP menjadi penandatangani kepada Kod Malaysia untuk Pelabur Institusi. Ini diperkuatkan lagi pada bulan Februari 2018 apabila kami juga berjanji setia kepada Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI) yang disokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sebagai penandatangani kepada PRI, kami berjanji untuk menegakkan enam prinsip yang mempromosikan kepatuhan yang meluas kepada prinsip ESG.

Untuk menekankan penyeliaan kami dalam pelaburan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar, kami menganjurkan *KWAP Inspire: Environmental Conference 2018* buat julung-julung kalinya pada bulan Julai, yang menarik tidak kurang daripada 450 wakil dari sekumpulan organisasi, dari badan korporat kepada institusi kewangan, NGO dan agensi kerajaan. Dengan kejayaan acara ini, kami berharap ia akan memberi inspirasi kepada organisasi lain untuk mencontohi usaha kami dan terus menganjurkan acara ini setiap tahun.

Secara dalaman, pada tahun 2019, kami akan mengukuhkan rangka kerja tadbir urus KWAP melalui penubuhan fungsi tadbir urus dan integriti dalam pengurusan bagi memastikan ketelusan dan integriti yang lebih tinggi dalam operasi kami di semua peringkat dan jabatan.



### **Penglibatan Pemegang Kepentingan Yang Bermakna**

Sejak mengambil alih fungsi perkhidmatan pesara daripada Bahagian Perkhidmatan Pasca Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam Kerajaan (JPA) pada tahun 2015, KWAP telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk lebih memahami keperluan pesara dan mereka yang memasuki alam persaraan. Antara acara penting yang berkaitan dalam hal ini ialah Karnival Rasa Sayang, yang diadakan di Ipoh pada November 2018, untuk mempromosikan kesediaan persaraan dan penuaan aktif. Karnival ini adalah acara pertama seumpamanya yang diadakan, membolehkan para pekerja KWAP berinteraksi secara langsung dengan mereka yang merupakan teras dalam segala yang kami lakukan. Bukan sahaja karnival tersebut membolehkan kami terlibat dengan lebih bermakna dengan pesara, ia juga menunjukkan pendekatan holistik KWAP untuk melaksanakan fungsi kami.

### **Penghargaan**

Tahun 2018 menandakan kemasukan KWAP ke dalam dekad operasi yang kedua. Walaupun kita masih merupakan sebuah organisasi yang agak muda, kita telah matang dengan pantas sebagai pelabur, dan peneraju ESG yang aktif dalam industri. Inilah hasil daripada kepimpinan yang memiliki pandangan yang jauh.

Oleh itu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tulus ikhlas kepada setiap individu di KWAP atas sumbangan mereka dalam membentuk KWAP yang ada pada hari ini. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya juga ingin merakamkan penghargaan kami kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutif kami, Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad, yang memulakan transformasi KWAP dan mengarahkan organisasi melalui perubahan ketara dalam tempoh lima tahun bermula dari 2013.

Pada masa yang sama, kami ingin mengalu-alukan Dato' Mohd Asri Hamidon @ Hamidin, yang menyertai kami pada 27 Oktober 2018 sebagai wakil Kementerian Kewangan; dan Ketua Pegawai Eksekutif kami yang baharu, Syed Hamadah Syed Othman, yang membawa pengalaman bertahunnya sebagai aktuaris.

Saya juga ingin mengiktiraf prestasi cemerlang ahli Lembaga Pengarah, Panel Pelaburan kami, kepimpinan seluruh pasukan Pengurusan dan dedikasi semua kakitangan kepada objektif KWAP.

Saya berkeyakinan bahawa, dengan pasukan yang ada di sini, kita akan dapat mencapai visi KWAP untuk menjadi dana persaraan yang dipercayai yang menyokong pembangunan negara dengan memberi manfaat yang mampan secara inovatif.

Kepada seluruh keluarga KWAP, sekali lagi, terima kasih. Dan kepada pihak berkepentingan kami, terutamanya para pesara, yakinlah kami akan terus melakukan yang terbaik.



**Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir**

Pengerusi

“Persaraan bukanlah matlamat akhir tetapi satu peringkat baharu dalam kehidupan untuk melakukan perkara yang tidak dapat dibuat sebelum ini. Persaraan adalah bermulanya lembaran yang baharu.”

**Syed Hamadah Syed Othman**  
Ketua Pegawai Eksekutif



# Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Saya dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan ini sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWAP yang baharu selepas dilantik pada 1 November 2018. Sejak ditubuhkan pada tahun 2017, KWAP telah mengekalkan kadar pertumbuhan yang berhemah dan strategik sebagai dana pencen perkhidmatan awam yang terbesar di Malaysia yang berperanan untuk menjaga kepentingan sekitar 700,000 pesara awam Malaysia yang memasuki tahun-tahun emas mereka.

Tahun 2018 merupakan tahun yang penuh dengan pelbagai cabaran. Di peringkat global, ketegangan geopolitik akibat Brexit, perang dagang antara AS-China dan konflik di kawasan Teluk telah menyebabkan

kemeruapan pasaran, pengetatan monetari dan melembapkan perdagangan. Ini telah memberi kesan kepada pasaran di seluruh dunia, ekonomi baharu muncul dan juga Malaysia. Pertumbuhan global telah menguncup daripada 3.1% pada tahun 2017 kepada 3%, manakala pertumbuhan Malaysia telah menjadi semakin sederhana daripada 5.9% kepada 4.7%. Ekonomi domestik turut terjejas akibat penurunan nilai Ringgit dan ketidaktentuan berikutan Pilihan Raya Umum yang menyaksikan pertukaran pentadbiran kerajaan persekutuan buat pertama kalinya sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

Namun demikian, KWAP telah berjaya memperoleh pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM7.06 bilion, jumlah yang kedua tertinggi dalam sejarah, manakala kadar pulangan berwajaran masa (TWRR) bagi tempoh satu, tiga dan lima tahun telah melepasi tanda aras kami masing-masing sebanyak 0.17%, 1.09% dan 1.66%. Jumlah saiz dana kami pada akhir 2018 adalah sebanyak RM136.51 bilion. Tahun kewangan 2018 juga mencerminkan penggunaan sepenuhnya Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) 9 yang menggantikan MFRS 139.

## 2007-2018

Purata Pertumbuhan Saiz Dana

**10.49%** Setahun

Purata Pendapatan Pelaburan Kasar

**RM6 Bilion** Setahun

Purata Pulangan Pelaburan Kasar

**6.23%** Setahun

### Prestasi Pelaburan

KWAP terus mengekalkan portfolio aset yang pelbagai di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa bagi tebaran risiko yang lebih luas dan memastikan kecairan yang mencukupi. Alokasi Aset Strategik (SAA) kami yang disemak secara kerap untuk mencerminkan perubahan dalam persekitaran pelaburan menjadi panduan kepada kami dan membolehkan kami mengoptimumkan pulangan yang mencerminkan toleransi risiko. SAA telah disemak semula pada tahun 2018 dengan pembahagian 45% Ekuiti, 40% Pendapatan Tetap dan 15% Pelaburan Alternatif.

Setakat tahun 2018, kami memegang Ekuiti bernilai RM58.21 bilion, yang mewakili 42.6% daripada jumlah aset kami. Kami memperoleh jumlah pendapatan sebanyak RM1.91 bilion dengan 71% mewakili pasaran domestik. Kami mengatasi prestasi penanda aras campuran TWRR berkala satu tahun sebanyak 0.17% dengan TWRR berkala lima tahun kami berada pada 1.87%, melebihi penanda aras campuran sebanyak 2.55%.

Daripada pelaburan Pendapatan Tetap sebanyak RM69.48 bilion, kami telah memperoleh jumlah pulangan sebanyak RM3.37 bilion. Walaupun peruntukan Pendapatan Tetap kami semakin berkurangan sejak beberapa tahun yang lalu, namun pulangannya telah meningkat. Sebagai contoh, pada tahun 2018, TWRR berkala lima tahun bagi pelaburan Pendapatan Tetap telah mencapai pulangan sebanyak 5.11% dan mengatasi penanda aras campuran sebanyak 0.69%. Untuk melindungi nilai pelaburan antarabangsa, kami telah melaksanakan pelbagai instrumen lindung nilai seperti Pertukaran Kadar Faedah (IRS), Kontrak Hadapan Mata Wang Asing (FX Forward) dan Pertukaran Mata Wang Bersilang (CCS).

Antara pencapaian prestasi kami boleh dilihat dalam Pelaburan Alternatif yang mengesahkan keputusan untuk meningkatkan pendedahan kami dalam kelas aset ini. Pendapatan yang ketara diperoleh daripada penjualan kepentingan KWAP di dalam Munchy Food Industries Sdn Bhd yang membawa kadar pulangan dalaman sebanyak 33.2% selepas tempoh pegangan selama 3.5 tahun. Kami telah menambah portfolio

#### Ekuiti\*

Jumlah Nilai Pasaran

**RM58.21**  
Bilion

Jumlah Pendapatan

**RM1.91**  
Bilion

#### Pelaburan Alternatif

Nilai Saksama

**RM8.88**  
Bilion

Jumlah Pendapatan

**RM648.5**  
Juta

#### Pendapatan Tetap

Jumlah Portfolio

**RM69.48**  
Bilion

Jumlah Pendapatan

**RM3.37**  
Bilion

\*Pada 31 Disember 2018

hartanah dan meneroka hartanah kediaman pelajar di UK dan mengekalkan strategi membeli kompleks peruncitan di peringkat domestik. Gabungan Pelaburan Alternatif kami telah menjana pendapatan sebanyak RM648.5 juta setakat akhir tahun 2018.

#### **Perkhidmatan Yang Lebih Baik Untuk Para Pesara**

Sejak mengambil alih perkhidmatan pencen pada tahun 2015, KWAP telah meningkatkan tumpuan untuk mengukuhkan kecekapan operasi. Sukacita saya memaklumkan bahawa pasukan kami terus mencapai kecemerlangan dalam melaksanakan fungsi ini. Tahun ini menyaksikan kami mencapai 95.2% daripada keperluan Perjanjian Tahap Perkhidmatan, melebihi sasaran 90% yang ditetapkan. Kami

turut mencatatkan produktiviti yang lebih tinggi dengan 83,914 transaksi bagi setiap warga kerja berbanding 72,477 transaksi bagi setiap warga kerja pada tahun 2017.

Selain memanfaatkan kelebihan teknologi digital, kami turut memberi peluang kepada para pesara menggunakan teknologi untuk kemudahan tambahan. Pada tahun 2017, kami telah melancarkan aplikasi mudah alih yang membolehkan pesara mengakses maklumat peribadi mereka dan mendapat perkembangan terkini tentang status tuntutan. Pada November 2018, kami telah meningkatkan fungsi aplikasi dengan memasukkan rekod perubahan pesara, modul tentang pengurusan kewangan, khidmat nasihat serta ciri S.O.S yang boleh digunakan oleh pesara untuk mengenal pasti lokasi mereka dan memberitahu penjaga sekiranya berlaku kecemasan.



Karnival Rasa Sayang yang pertama, November 2018

### Membina Platform ESG yang Lebih Kukuh

KWAP telah meneruskan penghayatan amalan persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG) yang baik dalam pelaburan serta operasi dan menggalakkan syarikat-syarikat pelaburan kami melaksanakan penghayatan yang sama.

Sebagai bukti komitmen kami terhadap ESG, KWAP telah menjadi dana pencen yang pertama di Malaysia yang menandatangani Prinsip-prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (*Principles of Responsible Investment, PRI*) yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Menerusi perjanjian ini, kami menjadi sebahagian daripada rangkaian pembuat dasar global PRI yang berusaha untuk meningkatkan lagi tadbir urus korporat dan membina sistem kewangan yang mampan bagi pelaburan yang bertanggungjawab.

Sebagai komitmen KWAP untuk melindungi persekitaran, kami telah mula melabur dalam syarikat-syarikat teknologi hijau. Selain itu, pada tahun 2018, kami telah bekerjasama dengan *World Wide Fund for Nature (WWF)* untuk menganjurkan *KWAP Inspire: Environmental Conference* yang julung kali diadakan. Persidangan serantau yang menarik minat 456 perwakilan dan 22 orang penceramah antarabangsa ini merupakan persidangan yang pertama seumpamanya di Malaysia. Ia menjadi platform untuk mewujudkan kesedaran tentang kepentingan kelestarian alam sekitar dalam kalangan pelabur dan peniaga.

Kami berbesar hati apabila usaha ESG kami menerima pengiktirafan apabila KWAP muncul sebagai Juara ESG Asia Pasifik semasa Anugerah Kecemerlangan Institusi AsianInvestor 2018 yang diadakan di Singapura.

### Menghadapi Masa Depan

Keadaan ekonomi global dan domestik dijangka akan terus mencabar dalam tahun 2019. Namun saya menaruh keyakinan dengan pasukan yang mantap di KWAP serta dasar yang kukuh dan pelaburan yang strategik dapat menyokong KWAP untuk terus melindungi sistem pencen yang mampan dan memberi pulangan yang positif kepada para pemegang kepentingan kami.

Dua bidang fokus utama yang seterusnya adalah untuk mengekalkan strategi pelaburan yang kukuh dan menambah baik rangka kerja tadbir urus kami. Bagi bidang fokus yang pertama, kami akan membina keupayaan pengurusan risiko manakala bagi bidang fokus kedua pula melibatkan penubuhan fungsi tadbir urus atau integriti dalam KWAP.



Anugerah Kecemerlangan Institusi 2018, AsianInvestor

Warga kerja merupakan kunci kepada kejayaan kami selama ini dan kami sedang merancang untuk meningkatkan kemahiran serta memberi ganjaran kepada mereka. Ini termasuklah mengadakan program peningkatan kemahiran dan meluaskan program Bakat Tenaga Kerja KWAP. Kami juga berhasrat mewujudkan Hab Bakat untuk menjadi platform di mana para pesara kami dapat terus menyumbang kepada dana antaranya sebagai mentor, pengurusan projek dan menyediakan khidmat nasihat. Organisasi kami memiliki pelbagai pengetahuan dan kemahiran dan cara ini memastikan kami tidak kehilangan sebarang modal intelek sekiranya bakat tenaga kerja yang berpengalaman meninggalkan kami.

Sebelum meneruskan usaha untuk tahun yang seterusnya, saya mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada Lembaga pengarah atas kepercayaan yang mereka berikan kepada saya untuk menerajui dana pencen perkhidmatan awam negara. Saya akan berusaha sedaya upaya untuk memenuhi jangkaan anda. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad, yang telah menerajui KWAP selama lima tahun dan memulakan proses transformasi untuk menjadikan dana relevan dengan landskap korporat semasa.

Akhir sekali, saya turut ingin merakamkan penghargaan kepada semua warga KWAP yang telah bekerja dengan gigih selama ini bagi membolehkan kami mencapai pelbagai kejayaan. KWAP telah berkembang dengan pesat sepanjang 11 tahun yang lalu, namun saya percaya ada lebih banyak perkara yang boleh kita lakukan. Menerusi kolaborasi dan kerjasama berterusan yang anda berikan, kita dapat memainkan peranan yang lebih besar untuk membangunkan negara dan membantu para pesara menikmati sepenuhnya tahun-tahun keemasan mereka.



**Syed Hamadah Syed Othman**  
Ketua Pegawai Eksekutif







BAB 1

# *Menyahut Setiap Cabaran*


Memang benar bahawa perubahan pasti akan berlaku. Tahun 2018 pastinya menjadi tahun penuh perubahan. Walaupun dengan segala cabaran yang mendatang, warga kami berupaya bertindak balas terhadap perubahan keadaan pasaran untuk memaksimumkan pulangan.

1.1 MENGENAI KWAP

## Peranan & Objektif Kami




KWAP merupakan pengurus pelaburan jangka panjang dana pencen bagi penjawat awam Malaysia. Kami menguruskan caruman daripada kerajaan persekutuan dan agensi yang berkaitan bagi mendapatkan pulangan yang maksimum menerusi pengurusan dan pelaburan yang kukuh. Pada tahun 2015, KWAP secara rasmi telah mengambil alih peranan Bahagian Pasca Perkhidmatan Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi urusan pembayaran pencen, ganjaran dan manfaat lain.

Matlamat KWAP adalah untuk memperkasakan para pesara, bukan sahaja kekayaan menerusi pelaburan yang berhemah dan strategik, malah membolehkan para pesara mencapai mutu kehidupan yang lebih baik menerusi pelbagai program yang memudahkan persaraan yang lebih bermakna.



1.1 MENGENAI KWAP

## KWAP dalam Sistem Pencen Malaysia

	<b>Pembentukan Dasar</b>	<b>Sistem Caruman Ahli</b>	<b>Dasar Pelaburan &amp; Garis Panduan</b>	<b>Pengurusan Pelaburan</b>	<b>Pentadbiran Ahli</b>	<b>Pembayaran Faedah</b>
	Dasar untuk pencen / dana persaraan	Mengurus kutipan caruman ahli individu	Menetapkan dasar pelaburan dan mengawasi prestasi	Melaksana pengurusan pelaburan	Menguruskan akaun ahli	Mengurus pentadbiran kewangan dan pembayaran
<b>Kakitangan Sektor Awam Berpencen</b>	<b>Perbendaharaan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengiraan impak kewangan</li> <li>• Meluluskan dasar EPU</li> <li>• Membangun dan mengkaji semula dasar</li> </ul> <b>JPA</b> Membentuk dan mengkaji semula dasar	<i>Ejen yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan</i>  				
<b>Angkatan Tentera</b>	<b>MINDEF</b> Membentuk dan mengkaji semula dasar	<b>LTAT</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memungut caruman dari anggota tentera dan kakitangan Kerajaan</li> <li>• Mengira bayaran balik LTAT kepada KWAP</li> </ul>			<b>Hal Ehwal Veteran (MINDEF)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berhubung dengan pesara</li> <li>• Mengagihkan pengeluaran</li> <li>• Mengira faedah</li> <li>• Memindahkan bayaran balik kepada KWAP</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berhubung dengan ahli-ahli</li> <li>• Mentadbir akaun ahli</li> </ul>
<b>Kakitangan Sektor Swasta dan Awam tidak Berpencen</b>	<b>KWSP</b> Memberi input kepada pembentukan dasar					

**Petunjuk:**  
**Perbendaharaan:** Perbendaharaan, Kementerian Kewangan   
**JPA:** Jabatan Perkhidmatan Awam   
**MINDEF:** Kementerian Pertahanan  
**LTAT:** Lembaga Tabung Angkatan Tentera   
**KWSP:** Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

1.1 MENGENAI KWAP

## Visi & Misi Kami

### Visi

Menjadi dana persaraan yang dipercayai yang menyokong pembangunan negara dengan memberikan manfaat yang berkekalan secara inovatif.



### Misi

Mengoptimumkan pulangan pelaburan dan memberikan perkhidmatan cemerlang dengan menerima pakai amalan terbaik dalam memenuhi komitmen pihak berkepentingan utama.



1.1 MENGENAI KWAP

## Nilai Teras Kami

Nilai teras kami memacu cara kami Berurusan dan menjalankan pelaburan.



### **Kepimpinan**

Kami percaya bahawa keupayaan untuk memimpin diri sendiri dan memimpin orang lain akan membantu kita semua ke arah penambahbaikan sebagai individu dan organisasi.



### **Kecemerlangan & Pencapaian**

Kami percaya dengan pencapaian yang diperoleh menerusi kecemerlangan usaha kami.



### **Semangat Kerjasama**

Kami percaya kerjasama dapat mencapai hasil yang cekap dan berkesan untuk pihak berkepentingan. Kami juga belajar antara satu sama lain dalam proses ini.



### **Berorientasikan Pihak Berkepentingan**

Kami memberi tumpuan kepada semua pihak berkepentingan dalam urusan kami. Tiada siapa yang ditinggalkan.



### **Akauntabiliti**

Kami memegang tanggungjawab dan akauntabiliti dalam setiap tindakan yang dibuat. Langkah ini serta melakukan yang terbaik mendatangkan nilai untuk kami.



### **Pembelajaran Berterusan & Inovasi**

Kami percaya dengan inovasi dalam setiap usaha yang kami lakukan dan sentiasa belajar daripada pelbagai cabaran yang dihadapi dan pencapaian yang diperolehi.



### **Integriti**


Kami menghargai prinsip dan moral yang kukuh di kalangan warga kerja sepanjang masa. Sentiasa melakukan perkara yang betul walaupun tiada siapa yang memerhatikan.


1.1 MENGENAI KWAP

# Struktur Organisasi



Kementerian Keuangan





1.1 MENGENAI KWAP

## Struktur Syarikat

Pelaburan Hartanah*	Pembangunan Hartanah*	Pelaburan Ekuiti*	Pengurusan Aset*
<p><b>Australia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• KWAP MIT</li> <li>• KWAP MIT 2</li> <li>• KWAP MIT 3</li> <li>• KWAP MIT 4</li> </ul> <p><b>Jerman</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prima Harta 3 (Lux) Sàrl</li> </ul> <p><b>Malaysia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Capsquare Tower Sdn Bhd</li> <li>• Harta Integra Berkat Sdn Bhd</li> </ul> <p><b>UK</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prima Harta (Jersey) Unit Trust</li> <li>• Prima Harta 2 (Jersey) Unit Trust</li> <li>• Prima Harta 4 (Jersey) Unit Trust</li> </ul>	<p><b>Malaysia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• KWEST Sdn Bhd</li> </ul>	<p><b>UK &amp; Eropah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prima Ekuiti (UK) Limited</li> </ul>	<p><b>Malaysia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Valuecap Sdn Bhd</li> </ul>
<p><b>100%</b> Pegangan</p>			<p><b>33.34%</b> Pegangan</p>

\* Ini merupakan platform pelaburan. Ia tidak mewakili tanggapan fungsi pelaburan.



1.2 KWAP 2018

## Ringkasan Kewangan 5 Tahun

	2014	2015	2016	2017	2018
<b>SAIZ DANA PADA NILAI KOS (RM BILION)</b>	109.40	118.40	125.00	140.80	<b>136.51</b>
<b>PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN (RM)</b>					
Pendapatan Kasar Pelaburan (Bilion)	6.50	6.40	6.40	9.00	<b>7.06</b>
Perbelanjaan Mengurus (Juta)	120.90	294.60	372.60	368.80	<b>292.40</b>
Pendapatan Bersih Pelaburan (Bilion)	4.80	4.40	4.80	8.80	<b>1.20</b>
<b>PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN (%)</b>					
Pulangan Atas Pelaburan Kasar (ROI Kasar)	6.20	5.40	5.40	5.80	<b>4.10</b>
Kadar Pulangan Perakaunan (ROI Bersih)	4.60	3.30	4.00	7.00	<b>0.80</b>
Perbelanjaan Operasi Berbanding					
Pendapatan Kasar	1.90	4.60	5.90	4.10	<b>4.10</b>
Perbelanjaan Operasi Berbanding					
Purata Dana	0.10	0.20	0.20	0.30	<b>0.20</b>
<b>PULANGAN DAN RISIKO (%)</b>					
Kadar Pulangan Berwajaran Masa	4.00	5.40	4.60	9.10	<b>-1.30</b>
Volatiliti	2.40	3.10	2.20	2.40	<b>1.40</b>
<b>CARUMAN (RM BILION)</b>					
Caruman Bersih Majikan	2.87	2.80	3.00	3.00	<b>2.90</b>
Caruman Kerajaan Persekutuan	1.50	0.10	0.40	0.50	<b>0.50</b>
<b>KOMPOSISI PORTFOLIO PELABURAN PADA NILAI KOS (RM BILION) DOMESTIK</b>					
Ekuiti	35.90	39.10	45.70	53.90	<b>54.20</b>
Bon Korporat dan Pinjaman	28.00	31.40	29.10	30.40	<b>28.00</b>
Bon Berdaulat Malaysia	29.50	29.40	32.90	32.10	<b>30.00</b>
Deposit Pasaran Wang	5.00	5.90	6.70	7.10	<b>9.40</b>
Ekuiti Persendirian	1.20	0.10	0.10	0.60	<b>0.60</b>
Hartanah	-	1.20	1.80	1.80	<b>2.40</b>
<b>ANTARABANGSA</b>					
Ekuiti	4.20	5.40	6.90	8.30	<b>10.20</b>
Pendapatan Tetap	2.50	2.50	2.60	2.20	<b>2.00</b>
Ekuiti Persendirian	0.70	1.10	1.60	2.20	<b>2.40</b>
Hartanah	3.70	3.90	2.60	2.90	<b>2.60</b>
<b>PENGURUSAN DANA (%)</b>					
Pengurusan Dana Dalaman	89.60	87.50	88.30	87.60	<b>87.00</b>
Pengurusan Dana Luaran	10.40	12.50	11.70	12.40	<b>13.00</b>
Bilangan Majikan Mencarum	503	498	513	502	<b>485</b>
Bilangan Ahli	171,528	177,75	186,511	193,684	<b>200,299</b>
Bilangan Kakitangan KWAP	255	529	592	591	<b>603</b>
Pendapatan Setiap Kakitangan (RM Juta)	25.40	12.20	15.30	15.30	<b>11.70</b>

1.3 KWAP 2018

# Tahun 2018 Sepintas Lalu: Sorotan Pelaburan, Operasi & Acara



## FEBRUARI

- Majlis tandatangan UNPRI - Pertama di rantau ini yang Menandatangani Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab Bangsa-bangsa Bersatu (UNPRI)



## APRIL

- Memulakan operasi KWEST Sdn Bhd (cabang pembangunan hartanah KWAP)
- Projek termasuk:
  - Seri Tanjung Pinang
  - Changkat Kia Peng
- Penjualan pegangan Ekuiti Munchy's



- Flickers of Hope
- Menanam pokok bakau di Sabak Bernam, Selangor
- Projek CSR *Young Talent* (KYT) KWAP



## OGOS

- Pelancaran KWAP Sayang Pesara



## SEPTEMBER


- *Liter of Light 2.0*



- Pemasangan 120 lampu solar di Kampung Ulu Tual A, Raub Pahang; dan Kampung Batu 23, Tapah, Perak, memanfaatkan 350 penduduk

## OKTOBER

- Laporan penyelidikan MyAgeing



## NOVEMBER

- Program sukarelawan Pulau Mantanani





MEI

JULAI

- Peti Amal KWAP untuk Rumah Ehsan & RUKESA



- *KWAP Inspire: Environmental Conference*



- Program penglibatan pekerja VIA<sup>2</sup>U bermula untuk tempoh 5 bulan
- Penyertaan seramai 574 orang kakitangan

- Sebahagian Minggu Pelaburan Mampan, usaha sama antara KWAP, Suruhanjaya Sekuriti dan Khazanah Nasional

**AsianInvestor**

DISEMBER

- Program Freemarket & Kembali ke Sekolah KWAP



- Siri Ceramah KWEST *Rediscover Kuala Lumpur*
- Siri Kepimpinan bersama Profesor Mazlan Othman, ahli astrofizik wanita yang pertama di Malaysia

- Juara ESG Asia Pasifik




- KWAP memenangi Anugerah Kecemerlangan Institusi 2018 bagi kategori kecekapan keupayaan ESG


1.4 KWAP 2018

## Sorotan Prestasi


### Jumlah Pulangan Berkala 5-Tahun



### Sumber Dana: 2007-2018




**Pendapatan Pelaburan Kasar**



Pendapatan Kasar Pelaburan 2018  
**RM7.06**  
Bilion

Purata Pendapatan Kasar Pelaburan selama 10 Tahun  
**RM6**  
Bilion



**Saiz Dana**



Setakat 31 Disember 2018  
**RM136.51**  
Bilion

Purata Pertumbuhan Dana selama 10 Tahun  
**10.49%**

**Komposisi Portfolio Pelaburan pada Kos (dalam %)**





BAB 2

# Meningkatkan Nilai untuk Generasi Emas

Kami di KWAP percaya bahawa kemewahan, kesejahteraan dan nilai-nilai bergerak secara seiringan. Organisasi dan kemahiran warga kerja kami diselaraskan dengan standard dan amalan terbaik supaya kami sentiasa mengikuti perkembangan terkini yang mampu meningkatkan nilai pihak berkepentingan kami dan seterusnya para pesara.





## 2.1 KESEJAHTERAAN PARA PESARA

### Mencipta Nilai untuk Warga Kita

Semasa KWAP ditubuhkan pada tahun 2007, matlamat utama kami adalah untuk menguruskan caruman yang diterima dan pelaburan dana. Pada tahun 2015, apabila kami mengambil alih beberapa fungsi tertentu Bahagian Pasca Perkhidmatan Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), peranan kami telah diperluaskan untuk merangkumi urusan pembayaran pencen, ganjaran dan manfaat lain bagi para pesara. Buat kali pertama, kami berurusan secara terus dengan para pesara. Kami menerima sepenuhnya peranan yang baharu ini dan berbesar hati dapat memberikan perkhidmatan kepada mereka di mana sebelum ini kami hanya menguruskan dan mengembangkan dana.

Kami berusaha bukan sahaja untuk memberi perkhidmatan yang cekap kepada para pesara, malah menyediakan khidmat nasihat kepada bakal pesara dengan memperkasakan mereka menerusi pengetahuan dan persediaan untuk menjalani kehidupan yang lebih sihat, lebih aktif dan juga lebih produktif.

Pada masa yang sama, kami melatih dan membangunkan warga kerja kami untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada para pesara dan juga memastikan tenaga kerja kami memperoleh kepuasan kerja yang maksimum dengan KWAP. Kami sedar bahawa warga kerja kami adalah penggerak KWAP. Oleh yang demikian, kami berusaha untuk menarik minat bakat kerja yang terbaik dan mengekalkan mereka menerusi persekitaran kerja yang menggalakkan dengan ganjaran yang setimpal.





### Khidmat untuk para Pesara

Jabatan Perkhidmatan Persaraan kami terletak di Cyberjaya. Di sini kami menghitung dan membayar faedah dan pelarasan pencen, perbelanjaan pengebumian dan bayaran ex-gratia. Kami juga menguruskan tuntutan pesara untuk rawatan perubatan yang diterima di klinik/hospital swasta dan sebarang perbelanjaan pengangkutan yang berkaitan dengannya. Di samping itu, kami juga membantu Kerajaan dalam penyediaan belanjawannya dengan membuat ramalan dan unjuran pencen tahunan dan faedah lain.

Walaupun pembayaran dibuat secara terus ke akaun bank pesara atau tanggungan mereka, kami turut mengendalikan kaunter-kaunter di Unit Perkhidmatan Pelanggan di Cyberjaya di mana kami berurusan dengan para pesara yang berkunjung dan menguruskan permintaan dan/atau pertanyaan mereka. Perkhidmatan kami disokong oleh sebuah pusat panggilan dan perhubungan dengan para pesara menerusi e-mel serta aplikasi MyPesara.

Penyediaan perkhidmatan kami diawasi oleh Kerajaan berdasarkan dengan ketepatan masa dalam membuat pembayaran. Kami terus mencapai prestasi yang cemerlang pada tahun 2018 dengan mencapai skor Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA) sebanyak 95.2% dan mengatasi penanda aras 90%. Tahun ini turut menyaksikan tahap produktiviti yang lebih tinggi dalam kalangan warga kerja dengan 11,076,683 transaksi dilaksanakan, ataupun 83,914 transaksi bagi setiap kakitangan berbanding 72,477 transaksi bagi setiap kakitangan pada tahun 2017.

### Perjanjian Tahap Perkhidmatan

2018

**95.20%**  
Mengatasi penanda  
aras 90%

### Produktiviti yang Lebih Tinggi

2018

**83,914**  
Transaksi setiap  
kakitangan

2017

**72,477**  
Transaksi setiap  
kakitangan



Aplikasi MyPesara

### Menyumbang ke Arah Kesejahteraan Para Pesara

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk melibatkan para pesara secara lebih menyeluruh, KWAP Sayang Pesara telah dilancarkan pada 28 Ogos 2018 di Pejabat Cyberjaya. Idea yang dicadangkan oleh bakat Program Pembelajaran Pengalaman KWAP ini adalah untuk membangunkan perhubungan yang lebih rapat dengan para pesara bagi mengetahui tentang keperluan mereka dan pada masa yang sama mendidik mereka tentang kepentingan kesihatan fizikal. Program yang sedang dilaksanakan ini merupakan program yang pertama seumpamanya untuk KWAP dan melibatkan sokongan daripada Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Hal Ehwal Korporat serta Jabatan Strategi Korporat & Prestasi.

Di bawah program ini, para Sukarelawan Platinum ditempatkan di kaunter perkhidmatan pelanggan kami pada setiap hari Isnin dan Selasa untuk bersama para pesara dan mendapatkan maklum balas mereka tentang perkhidmatan dan aktiviti yang kami laksanakan dan memupuk hubungan yang lebih rapat dengan mereka. Sejak September sehingga penghujung tahun 2018, sebanyak 252 maklum balas telah diterima. Kaunter pemeriksaan kesihatan dibuka sekali atau dua kali sebulan dengan menawarkan saringan percuma parameter kesihatan asas seperti tekanan darah, paras gula dan paras kolesterol bagi para pesara. Inisiatif ini menerima maklum balas yang positif dengan para pesara memberikan purata penarafan 4.52 (daripada jumlah maksimum 5) kepada Sukarelawan Platinum.

Kami juga telah menganjurkan Karnival Rasa Sayang pada 24 November di Ipoh yang memberi tumpuan kepada para pesara. Acara ini merupakan lanjutan daripada pelbagai usaha untuk melibatkan para pesara secara lebih bermakna. Karnival Rasa Sayang menyaksikan 33 pembekal perkhidmatan mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka yang mempunyai kaitan langsung dalam meningkatkan tahap kewangan, sosial, psikologi dan fizikal para pesara. Lebih daripada 1,500 orang pesara dan bakal pesara telah mendapat manfaat daripada acara ini yang menampilkan organisasi antaranya seperti Yayasan Penyakit Alzheimers Malaysia, Majlis Kanser Nasional Malaysia (MAKNA), Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK), RHB Trustees Berhad, Andalusia Travel & Tours, Grab, Celcom dan MyNews.com.

### Karnival Rasa Sayang

24 November 2018

lebih **1,500** pengunjung





**“Kami berhasrat untuk mengubah persepsi di kalangan pesara yang menganggap persaraan sebagai pengakhiran tetapi sebaliknya menggalakkan mereka untuk menganggapnya sebagai fasa pembaharuan semula yang memberikan pelbagai peluang untuk menikmati kehidupan yang sihat, aktif dan produktif.”**

Syed Hamadah Syed Othman, Ketua Pegawai Eksekutif



### MyPesara yang Dipertingkatkan

Pada 22 November 2018, kemudahan MyPesara yang dipertingkatkan telah dilancarkan. Aplikasi ini menawarkan lebih banyak ciri yang memberi manfaat kepada para pesara sedia ada dan juga bakal pesara. Antara ciri baharu termasuklah:



Papan pemuka dengan akses mudah ke maklumat peribadi, penyata bayaran pencen, eKad Pesara serta pemberitahuan penting dan kemas kini daripada kerajaan



Butang togol yang mengenal pasti lokasi pesara dan memberi amaran kepada penjaga sekiranya berlaku kecemasan



Rekod perubatan yang menjejaki pengambilan air harian, paras glukosa dan tekanan darah serta kotak pil digital untuk menjejaki pengambilan ubat



Hab maklumat dengan modul e-pembelajaran tentang perancangan persaraan, pengurusan kewangan, nasihat kesihatan dan petua berguna tentang persaraan



Laman untuk mencari pekerjaan semula bagi para pesara dengan perkhidmatan bimbingan kerja



Program manfaat dengan kupon dan diskaun daripada rakan peniaga untuk makanan, pengangkutan, kesihatan, dan lain-lain



Fungsi e-kad untuk kad pesara yang boleh digunakan untuk pelbagai transaksi di kedai-kedai perniagaan yang mengambil bahagian



Alat-alat antara lain termasuk kalkulator kewangan, penjejak perbelanjaan, direktori perkhidmatan kecemasan, kalendar acara dan kaji selidik secara langsung

Rakan peniaga dan kandungan yang dipilih khusus berdasarkan perkaitan tawaran yang mereka tawarkan untuk kesejahteraan para pesara. Setakat akhir tahun 2018, MyPesara telah dimuat turun sebanyak 68,860 kali, hampir tiga kali lebih tinggi berbanding akhir tahun 2017.

### Menyediakan Kakitangan Awam untuk Persaraan

Kami percaya adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk memahami sepenuhnya alam persaraan, pilihan mereka pada umur persaraan, dan bagaimana mereka boleh membuat persediaan untuk bersara. Aspek utama persaraan yang sihat adalah kesejahteraan kewangan. Oleh itu, sepanjang tahun ini, kami meneruskan kerjasama dengan JPA, AKPK dan Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC) untuk menjalankan pelbagai sesi perancangan kewangan untuk kakitangan awam.

## 27 program

Telah dijalankan bagi para pekerja di agensi dan jabatan kerajaan di seluruh negara dan telah memanfaatkan seramai **3,491 peserta**.

## 6 sesi

Telah diadakan untuk warga kerja **Institut Tadbiran Awan Negara (INTAN)** di kampus **Kuala Lumpur, Kemaman, Sungai Petani, Kluang, Sabah dan Sarawak**. Sesi selama dua jam menyentuh tentang pengurusan aliran kewangan dan pengurusan hutang. Para peserta terdiri daripada mereka yang berumur antara **21 tahun hingga 58 tahun**.



Menjelang 2030

**15%**

daripada warga Malaysia akan terdiri daripada mereka yang berumur lebih 60 tahun

### Memahami Pesara & Bakal Pesara

Menjelang 2030, 15% daripada penduduk Malaysia akan melebihi usia 60 tahun, berbanding 6.5% pada masa ini\*. Untuk mempersiapkan diri bagi bilangan pesara yang semakin bertambah, KWAP berusaha untuk memahami profil pesara Malaysia. Pada September 2017, kami telah meminta Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing) di Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk menjalankan kaji selidik bakal pesara dan juga para pesara. Lebih 1,600 rakyat Malaysia di Lembah Klang telah di kaji selidik untuk kajian itu.

Antara penemuan penting adalah seperti berikut:

- Lebih 60% daripada bakal pesara yang lebih muda memerlukan nasihat atau bantuan kewangan untuk membantu mereka bersedia untuk persaraan, diikuti dengan bantuan penyediaan emosi.

- Masalah kesihatan utama dalam kalangan bakal pesara dan pesara adalah penyakit berkaitan gaya hidup yang boleh dicegah, seperti tekanan darah tinggi, diabetes dan kolesterol tinggi.
- Hanya 23% daripada pesara yang terlibat dalam aktiviti produktif untuk masyarakat seperti sukarelawan dan bimbingan.

Implikasinya ialah kedua-dua bakal pesara dan pesara boleh mendapat manfaat daripada program awam yang memberi tumpuan untuk membantu mereka mencapai perlindungan kewangan selepas persaraan sambil mengekalkan kesihatan yang baik dan terus menyumbang kepada ekonomi negara. Untuk maklumat lanjut tentang tinjauan ini, yang diterbitkan pada 30 Oktober 2018, sila rujuk laman web kami.

\* Data yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) 2017.

## 2.2 INSAN & PROSES

# Menambahbaikkan Operasi Kami

Untuk memacu tahap perkhidmatan yang bermutu tinggi kepada pesara, kami perlu melabur dalam warga kerja dan proses dalaman KWAP. Kami berhasrat untuk meningkatkan produktiviti warga kerja kami menerusi amalan terbaik global seperti kaedah *Lean* dan 5S selain memanfaatkan teknologi digital bagi mencapai kecekapan proses yang optimum.

### Program Kecemerlangan Produktiviti KWAP (KPEX) 2.0

KPEX telah dilancarkan pada tahun 2017 dengan fokus untuk meningkatkan produktiviti menggunakan kaedah *Lean Six Sigma* yang secara asasnya menggalakkan aliran nilai kepada pelanggan menerusi penambahbaikan yang berterusan dan sikap menghormati insan. Pada masa yang sama, untuk mewujudkan persekitaran kerja yang lebih tersusun, kondusif dan menjimatkan kos, kami telah menggunakan prinsip 5S untuk mengenal pasti dan menghapuskan pembaziran dalam proses seharian. Hasil daripada penggunaan kedua-dua program, produktiviti kami telah meningkatkan sebanyak 16% tahun-ke-tahun.

#### Produktiviti

# 16%

## Penambahbaikkan tahun-ke-tahun



### Program *Lean*

Program *Lean* ini dijalankan dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sebagai penasihat program, dan Jabatan Sumber Manusia kami sebagai rakan program. Ia melibatkan pengenalan konsep *Lean* dan prinsipnya kepada warga kerja KWAP dan melibatkan warga kerja terpilih dalam melaksanakan projek *Lean*.

Sehingga kini, hampir semua warga kerja yang berkaitan telah menjalani Latihan Kesedaran *Lean* asas, manakala pelaksanaan projek, di bawah Program Pengamal *Lean*, telah bermula bulan Julai 2018. Seramai 14 orang warga kerja – dari Jabatan Perkhidmatan Persaraan (PeSD), Jabatan Caruman, Jabatan Perkhidmatan Sokongan Pelaburan dan Jabatan Hal Ehwal Korporat – telah bekerja dalam beberapa buah kumpulan untuk melaksanakan enam projek, dengan lima projek berkaitan dengan operasi pencen dan satu projek berkaitan proses caruman.

Sebelum memulakan projek, mereka telah diperkenalkan kepada dua komponen teras *Lean*:

#### Peta Aliran Nilai

yang mendedahkan mereka kepada kaedah pelaksanaan projek seperti pengumpulan data, analisis nilai dan pemetaan proses

#### Alat & Teknik *Lean*

untuk penyelesaian masalah, penjejakan projek dan perancangan mampan

### Proses Yang Telah Selesai & Penambahbaikkan Produktiviti

#### Program Pengurusan Kos Transformasi

Papan pemuka pengurusan kos telah disiapkan pada 30 Ogos dan membolehkan kami mengenal pasti titik masalah kos dan melaksanakan inisiatif pengurusan kos yang bersesuaian.



### Penilaian 5S

Program 5S telah bermula pada April 2017 di Pejabat Cyberjaya. Pada 10 Oktober 2018, juruaudit MPC telah menjalankan penilaian 5S yang menyeluruh bagi semua operasi kami di PeSD bagi amalan Persekitaran Berkualiti / 5S, dan mentauliahkan kami dengan 2 bintang (daripada maksimum 3 bintang).

Menerusi program ini, operasi harian kami menjadi lebih tersusun dan teratur. Selain daripada itu, inisiatif Kaizen di bawah program 5S telah menggalakkan warga kerja untuk memperkenalkan penambahbaikan proses kecil.

### Penambahbaikan Sistem & Teknologi Maklumat

KWAP terus melabur dalam sistem dan infrastruktur untuk memastikan penyediaan perkhidmatan yang berkualiti. Pada tahun 2018, kami telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memodenkan ekosistem IT, meningkatkan akses dan mobiliti sistem IT, data selamat dan menyusun proses tadbir urus IT serta memberi tumpuan kepada inisiatif penjimatan kos dan penambahbaikan yang berterusan.

### Mobiliti & Modenisasi

Papan Pemuka Operasi IT telah dilaksanakan, di mana visualisasi data menggunakan peralatan Kecerdasan Perniagaan (BI) dan Mengekstrak, Mengubah dan Memuat (ETL) telah meningkatkan pengawasan dan pelaporan keadaan proses berkaitan IT, aktiviti dan acara yang sering berubah. Skype untuk Perniagaan (SFB) telah dipertingkatkan lagi untuk membolehkan mesyuarat secara dalam talian dengan opsyen panggilan termaju serta ciri kolaborasi yang lain untuk perhubungan yang lebih baik merentasi lokasi geografi dan zon masa yang berlainan. Selain daripada itu, sistem Pengurusan Perkhidmatan IT (ITSM) yang baharu dan penetapan semula kata laluan secara sendiri dengan keupayaan aplikasi mudah alih telah diperkenalkan. Semua sistem ini adalah mesra mudah alih dan boleh diakses dari mana-mana sahaja menerusi sebarang peranti pada bila-bila masa.

### Melindungi Ruang Siber Kami

Untuk meningkatkan keselamatan IT KWAP, Bulan Keselamatan Maklumat (InfoSec) telah dianjurkan pada bulan Mac untuk meningkatkan kesedaran pengguna tentang keperluan untuk melindungi kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumat dan data perniagaan. Sistem operasi, perlindungan pelayan, perlindungan kebocoran data, keselamatan parameter dan sistem pencegahan pencerobohan telah dipertingkatkan. Sementara itu, rangka kerja keselamatan siber telah dibangunkan yang kemudiannya diluluskan oleh Lembaga untuk dilaksanakan. Kajian mengenai keperluan Garis Panduan Paynet berkaitan Ketahanan Siber telah selesai. KWAP turut menjalankan Penilaian Penembusan Keselamatan (SPA) tahunan untuk menilai keadaan keselamatan platform IT kami secara keseluruhan serta ancaman yang dihadapi.

### Menyusun Proses Tadbir Urus IT

Untuk mempertingkatkan tadbir urus IT bagi proses perolehan berkaitan sistem, Kumpulan Kerja Semakan Seni Bina organisasi (EARW) telah diwujudkan. Objektif kumpulan kerja adalah untuk memaksimumkan pulangan pelaburan dengan memanfaatkan penyelesaian sedia ada, menyeragamkan platform penyelesaian seluruh organisasi, mengumpulkan maklum balas daripada pakar-pakar bidang, dan mempercepat proses perolehan.

### Ketersediaan Infrastruktur IT & Penjimatan Kos

Pada tahun 2018, perkakasan infrastruktur IT kami telah dipertingkatkan dan infrastruktur baharu untuk Pemulihan Bencana (DR) telah dipasang untuk memenuhi keperluan operasi perniagaan berskala dan kesinambungan perniagaan. Rangkaian IT KWAP telah disatukan, diperkemas dan keupayaan jalur lebar dipertingkatkan untuk prestasi yang lebih baik pada kos yang lebih rendah. Di samping itu, sumber pengkomputeran turut dikaji semula untuk mengoptimumkan kapasiti.

**Penambahbaikan Sistem IT Perniagaan secara Berterusan**

Kajian semula Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu (ICMS) telah dijalankan dengan pengguna perniagaan untuk mengenal pasti cabaran operasi dan fungsi, dan keupayaan sistem untuk menguruskan keperluan masa depan. Usaha kerjasama yang lain termasuk bekerja dengan Jabatan Hal Ehwal Korporat untuk memperkemas portal intranet KWAP, PULSE, dan juga dengan Jabatan Akaun dan Pengurusan Perkhidmatan dalam menaik taraf sistem perakaunan kewangan kami yang dikenali sebagai Sistem Perakaunan Standard bagi Agensi Kerajaan (SAGA), dengan ciri-ciri baharu.

Sistem pentadbiran pencen dan pengurusan pembayaran teras, yang dikenali sebagai Persekitaran Aliran Kerja Pencen Dalam Talian (POWER) Generasi 2 (PG2), telah dipertingkatkan lagi untuk menyokong papan pemuka kecerdasan perniagaan (BI). Sebagai tambahan, penambahbaikan lain untuk sistem bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti termasuklah perubahan aliran kerja, membolehkan penyerahan tuntutan secara dalam talian oleh pihak luar dan pelaksanaan pengkodan baharu untuk pemprosesan berkumpulan, dengan sejumlah 140 penambahbaikan yang diselesaikan pada tahun 2018.

**Penambahbaikan Teknologi yang Dilaksanakan****Pengurusan Perhubungan Pelanggan (CRM)**

Sistem ini merekodkan interaksi pelanggan, mengautomasikan proses aliran kerja seperti tugas, kalendar dan peringatan serta prestasi dan produktiviti yang dijejaki berdasarkan maklumat yang dimasukkan dalam sistem.

**Pengumpulan Data (DW)**

Inisiatif ini telah memindahkan semua data kami ke platform tunggal, meningkatkan kualiti data, konsistensi dan prestasi papan pemuka.

**Alat Mengekstrak, Mengubah dan Memuat (ETL)**

Pelaksanaan alat ini meningkatkan proses menguruskan interaksi dalam KWAP serta pihak ketiga. ETL menguruskan pertukaran data antara sistem teras KWAP dan sumber luaran seperti agensi kerajaan, bank, dan sebagainya.

**Alat Kecerdasan Perniagaan (BI)**

Perlaksanaan Alat BI telah mengumpulkan data pada papan pemuka:

- Membolehkan KWAP mengukur prestasi dalam masa sebenar dan membawa kepada kawalan proses yang lebih baik
- Membolehkan analisis data yang cepat dan tepat, seterusnya meningkatkan proses membuat keputusan



## 2.2 INSAN & PROSES

# Membangunkan Warga Kerja Kami

Menyedari bahawa warga kerja merupakan aset yang paling bernilai, kami terus melabur dalam latihan dan pembangunan yang berterusan untuk membantu mereka merealisasikan potensi sebenar mereka sambil memperkayakan keupayaan dan kecekapan organisasi kami. Pada masa yang sama, kami kerap berinteraksi dengan warga kerja untuk menggalakkan sikap bertanggungjawab terhadap fungsi tugas mereka, dan meningkatkan kepuasan kerja secara keseluruhan.

### Program Pembelajaran Pengalaman KWAP (KELP)

KELP merupakan program latihan sambil kerja yang dipercepatkan di mana PeSD, terutama warga kerja baharu, diberi panduan tentang pelbagai aspek pengurusan pesara oleh kakitangan yang dipinjamkan dari JPA. Objektif program ini adalah:

Untuk mempercepatkan pemindahan pengetahuan dari pakar-pakar bidang (SMEs) JPA ke KWAP

Mewujudkan SMEs kami sendiri dalam bidang seperti perundangan dan dasar pencen

Untuk menghasilkan pemimpin yang berpotensi sebagai ganti

Untuk mengenal pasti jurang dalam prosedur operasi standard (SOP) dan tugas harian / rutin

Program ini mengamalkan kaedah berstruktur, dengan pekerja tertentu yang ditetapkan sebagai jurulatih di tempat kerja. Para jurulatih disediakan rangka kerja sebagai panduan supaya semua pekerja baharu menerima latihan yang sama, yang dijejaki dan direkodkan.



### Sinopsis KELP:



#### Fasa Yayasan KELP

1. Latihan Wajib PeSD
2. Pengetahuan tentang Pencen Ekosistem
3. Pengetahuan & Kemahiran Teknikal
4. Penilaian Asas




#### Ujian Akta Pencen



#### Fasa Pembelajaran Pengalaman

1. Eksplorasi berbentuk Pengalaman
2. Siri *Get Connected*
3. Kajian Profesional
4. Penglibatan Kepimpinan
5. Istimewa - Projek CSR



#### Penarafan Bidang Pembelajaran Utama & Temuramah Panel



#### Fasa Puncak

1. Latihan Tambahan
2. Pengenalan Rangkaian
3. Latihan Graduasi
4. Bab Inspirasi



#### Persembahan Penambahbaikan Kerja & Penilaian Akhir

Program ini telah dilancarkan pada 30 November 2016, dengan 10 warga kerja dari Bahagian Operasi Pencen dan Akaun & Pelaporan. Pada 2 Julai 2017, kami telah merekrut sembilan lagi kakitangan PeSD dari organisasi luar untuk menampung sejumlah 19 peserta KELP. Semua peserta KELP menjalani latihan selama 24 bulan meliputi enam Bidang Pembelajaran Utama, iaitu:

Manfaat Pencen

---

Derivatif Pencen

---

Pemprosesan Pembayaran Pencen & Pembayaran Khas

---

Manfaat Perubatan, Pelarasan & Pengiraan Semula

---

Akaun & Pelaporan

---

Sistem Pencen - PG2

---

Pada 30 November 2018, kumpulan pertama peserta KELP telah melengkapkan program dan akan menamatkan pengajian. Baki peserta akan meneruskan program sehingga 2 Julai 2019. Di samping itu, untuk mencapai sasaran untuk memiliki 60 pakar pencen menjelang 2021, lebih banyak lagi bakat baru sedang diambil untuk pusingan ketiga program ini, yang dijangka dimulakan pada pertengahan bulan Februari 2019.

### Program KWAP Young Talent (KYT)

KYT merupakan platform utama kami untuk merekrut graduan baharu yang terbaik. Sejak dilancarkan pada tahun 2014, KWAP telah mengambil 50 bakat muda untuk bekerja menerusi program ini dengan 14 orang telah menamatkan program dan kini menyumbang sepenuh masa kepada organisasi dalam pelbagai kapasiti dan fungsi.

Program ini melibatkan latihan suai kenal di dalam kelas yang intensif diikuti dengan pusingan kerja selama lapan hingga 10 bulan ke jabatan-jabatan pilihan peserta, dengan bimbingan yang rapat oleh Jabatan Sumber Manusia. Sepanjang pusingan ini, kemahiran kepimpinan rekrut baharu dinilai seperti usaha mereka untuk prestasi dan hasil, keupayaan membuat keputusan dan membina hubungan serta kecekapan teknikal dan fungsi. Para bakat KYT juga dikehendaki menjalankan projek CSR, yang menggariskan kepentingan yang diberikan oleh KWAP dalam menyumbang kembali kepada masyarakat.

15 siswazah baharu telah diambil di bawah KYT Kumpulan 2018/2019 semasa *Malaysian Career Fair*, UK pada bulan Mac 2018, dengan kebanyakan mereka terdiri daripada pemegang biasiswa JPA, MARA atau Khazanah.




### Meningkatkan Kemahiran Tenaga Kerja

Kami sentiasa menilai keupayaan dan kecekapan warga kerja, dan membandingkannya dengan keperluan organisasi KWAP. Program-program latihan kemudian dianjurkan untuk mengisi jurang yang dikenal pasti. Program-program ini memenuhi keperluan warga kerja di semua peringkat di dalam organisasi.


Dalam usaha kami menjadi pemimpin pemikiran dalam ekosistem pelaburan, pencen, tadbir urus korporat dan ESG, warga kerja digalakkan untuk mendaftarkan diri dalam kursus yang menambah pengetahuan mereka dalam bidang-bidang yang berkaitan serta meningkatkan kemahiran bahasa dan lisan mereka untuk menyertai secara lebih aktif dalam forum global.

KWAP kini sedang mempromosikan program Perancang Kewangan Berdaftar (RFP), dan telah menganjurkan kelas bahasa Mandarin untuk mereka yang mahu memainkan peranan di peringkat antarabangsa. Pada masa yang sama, kami telah melancarkan program *Hot Seats* yang berfungsi sebagai platform untuk warga kerja melibatkan diri dalam perdebatan yang membina. Matlamat kami adalah untuk mewujudkan tempat kerja di mana warga kerja merasa yakin untuk menyatakan pandangan dan pendapat mereka, dan kami mahu mewujudkan penyampai yang kompeten di semua peringkat dalam organisasi.


Hari Pembelajaran mengikut Kategori Pekerja



Hari Pembelajaran mengikut Kategori Program



Perbelanjaan Bajet Latihan mengikut Kategori Program



### Latihan Amali Prima Ekuiti

Prima Ekuiti (UK) Limited (Prima Ekuiti), anak syarikat pelaburan kami di UK, menjalankan program latihan sambil belajar untuk para pelajar Malaysia di UK. Program ini direka untuk memberikan pelatih dengan pengalaman sebenar dan praktikal dalam industri pengurusan aset. Tahun lepas menyaksikan kumpulan terbesar pelatih, dengan lima pelajar terpilih sepanjang tahun 2018. Di samping itu, Cabaran Pelaburan Prima Ekuiti telah diadakan untuk tahun ketiga berturut-turut, bertujuan bagi membolehkan para pelajar merasai pengalaman analisis pelaburan dan pengurusan aset di mana mereka dikehendaki melakukan analisis asas mengenai stok pilihan mereka. Cabaran Pelaburan 2018 menarik penyertaan 56 pelajar.



### Program VIA<sup>2</sup>U

Nilai-nilai kami menentukan siapa kami. Nilai teras KWAP membentuk cara kami berfikir dan tingkah laku dalam organisasi serta dengan pemegang kepentingan kami. Bagi memastikan warga kerja mengamalkan nilai dan menyedari visi dan misi, kami telah menjalankan Program VIA<sup>2</sup>U (*Values in Action via You*) selama lima bulan dalam separuh kedua tahun 2018.



Program ini dimulakan dengan bengkel Penjajaran Pengurusan, di mana semua Pengurusan Kanan menyumbang ke arah membangunkan pernyataan tingkah laku bagi nilai teras KWAP. Ini diikuti dengan 'menyebarkan' nilai-nilai teras melalui kempen-kempen yang diterajui oleh ejen perubahan, serta melalui permainan menerusi aplikasi mudah alih. Untuk menggalakkan pemilikan, kakitangan telah menghadiri bengkel pemikiran reka bentuk untuk membangunkan modul permainan kreatif untuk kempen. Sepanjang program ini, kami mengumpulkan maklum balas yang berguna dari warga kerja berhubung dengan nilai dan budaya tempat kerja kami yang didokumenkan dan dianalisis.



Secara keseluruhan, seramai 574 kakitangan telah menyertai program ini, termasuk dari pejabat kami di Cyberjaya dan di London. Penilaian pasca program menunjukkan bahawa warga kerja semakin sedar tentang nilai korporat kami dan definisi tingkah laku mereka. Melangkah ke hadapan, kami berhasrat untuk mengukur sejauh mana warga kerja kami mengamalkan nilai-nilai KWAP.


## Profil Kakitangan Tahun 2018

KWAP mengambil seramai 603 kakitangan yang berkhidmat selama purata 4.2 tahun bagi setiap orang. Kami merupakan sebuah organisasi yang secara relatifnya muda, dengan purata usia kakitangan berumur 35 tahun. Kebanyakan kakitangan kami berkelulusan ijazah (atau setara) atau yang lebih tinggi, dengan tidak kurang daripada 12% memegang ijazah sarjana dan merupakan Penganalisis Kewangan Berkanun yang bertauliah.



Pejabat KWAP KL

**366**  
kakitangan



Pejabat KWAP Cyberjaya

**237**  
kakitangan

### Purata Umur Kakitangan (Tahun)



Lelaki

**34.5**  
Tahun



Wanita

**34.4**  
Tahun

### Pengagihan mengikut umur



Bawah 30 tahun

**233** kakitangan

**38.6%**



31-40 tahun

**247** kakitangan

**41.0%**



41-50 tahun

**106** kakitangan

**17.6%**




Atas 50 tahun

**17** kakitangan

**2.8%**

### Pengambilan & Pusing Ganti



Pengambilan

**94**  
kakitangan



Keciciran

**5%**  
kakitangan

### Tahap kelulusan profesional kakitangan



Pasca Ijazah / Pemegang CFA

**74** kakitangan

**12.3%**



Kelulusan Ijazah / Profesional

**282** kakitangan

**46.7%**

Diploma

**187** kakitangan

**31.0%**

Sijil

**60** kakitangan

**10%**

### Kepelbagaian & Rangkuman

KWAP mengiktiraf nilai perspektif yang pelbagai dalam meningkatkan asas intelektual dan keupayaan kami untuk membuat keputusan yang berkesan. Oleh itu, kami berusaha untuk menyatukan semua rakyat Malaysia dari pelbagai latar belakang budaya dan akademik serta zaman yang berbeza. Tahun lepas, warga kerja baharu telah diambil dari sembilan industri yang berbeza, manakala graduan baru yang dibawa masuk melalui KYT telah mendapat ijazah dalam pelbagai bidang termasuklah Perakaunan, Kewangan dan Pengurusan Perniagaan hinggalah Hartanah, Undang-undang, Pengajian Bahasa Gunaan dan Fizik.

Dari segi umur pula, kami mempunyai wakil daripada pelbagai generasi yang berbeza, terutamanya Generasi X, Y dan Z. Kami juga berbangga dengan hakikat bahawa wanita terdiri daripada lebih separuh jumlah bilangan warga kerja kami. Kami juga mempunyai perwakilan wanita yang signifikan dalam kalangan pengurusan kanan kami. Empat orang ahli pasukan Pengurusan Kanan terdiri daripada wanita, termasuklah bekas Ketua Pegawai Pelaburan kami – Puan Nik Amlizan Mohamed.

#### Pengagihan Warga Kerja Mengikut Generasi



Baby Boomers

**12** kakitangan

**2%**



Generasi X

**147** kakitangan

**24.4%**



Generasi Y

**385** kakitangan

**63.9%**



Generasi Z

**59** kakitangan

**9.8%**

#### Pengagihan Jantina



Lelaki

**282** kakitangan

**46.8%**



Wanita

**321** kakitangan

**53.2%**

#### Pecahan mengikut Etnik



Melayu

**550** kakitangan

**91.2%**



Cina

**27** kakitangan

**4.5%**



India

**18** kakitangan

**3.0%**



Lain-lain

**8** kakitangan

**1.3%**

Sumber Pengambilan Baharu mengikut Industri



Institusi Kewangan  
**31** kakitangan



Hartanah  
**1** kakitangan



Perundingan  
**5** kakitangan



Minyak & Gas  
**3** kakitangan



Kerajaan  
**5** kakitangan



Pendidikan  
**2** kakitangan



Pembuatan  
**4** kakitangan



Peruncitan  
**12** kakitangan



Perkhidmatan  
**14** kakitangan



Graduan Baharu  
**17** kakitangan



### Penglibatan Pekerja

Kami percaya adalah penting untuk menyampaikan berita korporat dan kemas kini secara kerap kepada warga kerja, dan KWAP telah menyediakan beberapa saluran untuk menyampaikannya. Selain daripada intranet, kami kerap mengadakan sesi *Townhall* untuk memastikan warga kerja kami dikemas kini dengan isu-isu semasa yang mempengaruhi operasi harian kami. Kami turut menganjurkan ceramah Aspirasi di mana para individu terkemuka dijemput untuk berkongsi pengalaman mereka dengan warga kerja; *Hot Seats*, yang merupakan platform untuk menggalakkan warga kerja untuk terlibat dalam perdebatan yang membina sesama mereka. Di samping itu, kami menjemput personaliti terkemuka untuk berkongsi cerita-cerita inspirasi dengan warga kerja kami di bawah Siri Kepimpinan.

Selain daripada komunikasi ke arah korporat, kami turut menyediakan program kesejahteraan untuk warga kerja kami. Antara inisiatif pada tahun 2018 termasuklah menggalakkan tidur yang baik serta diet yang sihat. Menerusi program *'Sleep It Right'*, seorang pakar psikologi kesihatan telah menyampaikan ceramah tentang kepentingan tidur yang berkualiti, manakala para vendor telah menyediakan gerai-gerai yang mempamerkan pelbagai produk berkaitan tidur. Bagi menggalakkan warga kerja mengamalkan diet yang seimbang, kami telah bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk menjual buah-buahan tempatan di pejabat kami pada harga diskaun.



Program *'Sleep it Right'*



Program Permukiman Lembaga & IP di Johor



Nostalgia Raya KWAP



*Hot Seats*



Makan Malam Tahunan KWAP - *Urban Night*



Pemasangan Lampu Tenaga Solar di Kawasan Luar Bandar

# 300

Orang Asli di Perak dan Pahang



### **Berkhidmat untuk Mereka yang Kurang Bernasib Baik**

Selain menggalakkan pesara menjadi sebahagian daripada kehidupan arus perdana, menyumbang pengalaman dan kepakaran mereka kepada masyarakat, kami telah menghulurkan bantuan kepada kumpulan masyarakat yang kurang mendapat perhatian atau yang terpinggir melalui program jangkauan. Kami telah memberi impak kepada kehidupan lebih daripada 300 orang penduduk Orang Asli di Perak dan Pahang dengan memasang lampu berkuasa solar di kampung mereka yang, jika dijaga dengan betul, akan bertahan seumur hidup. Kami turut meluangkan masa untuk melawat dan menyampaikan bantuan untuk orang tua dan anak-anak yatim. Kami melaksanakan inisiatif ini kerana kami mahu menjadi sebahagian daripada usaha untuk membentuk negara yang lebih adil dan diperkasakan.

## 2.3 MEMENUHI TANGGUNGJAWAB

# Menambahbaikkan Kehidupan

### Sorotan CSR

#### Program CSR Freemarket KWAP 2018

Freemarket KWAP telah diadakan pada 16 Disember 2018 untuk golongan yang kurang bernasib baik di Kampung Batu 23, Tapah, Perak bagi membolehkan mereka mendapat barangan keperluan harian secara percuma. Seramai 40 sukarelawan KWAP telah menyertai program CSR ini di mana pelbagai barangan yang terpakai atau yang belum digunakan yang disumbangkan oleh warga kerja diberikan secara percuma. Lebih 300 orang penduduk kampung telah mendapat manfaat daripada program ini yang bertujuan memupuk sikap saling membantu dalam masyarakat.



Freemarket KWAP di Tapah





### **Flickers of Hope**

*Flickers of Hope* merupakan inisiatif CSR baharu yang dilancarkan pada tahun 2018 oleh KWAP Young Talent (KYT) sebagai sebahagian daripada misi kami membantu melindungi dan memelihara alam sekitar. Inisiatif yang dijalankan dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ini bermatlamat untuk memulihara koloni kelip-kelip di Sabak Bernam, Selangor dengan menyediakan habitat yang kondusif bagi kelip-kelip hidup dan membiak.

Program ini telah dilancarkan pada 20 April dengan ceramah oleh Prof. Dr Norela Sulaiman dari Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam, UKM, tentang isu-isu persekitaran yang dihadapi oleh kelip-kelip serta latar belakang tentang usaha yang telah dijalankan bagi membantu memulihara populasi kelip-kelip.

Pada 26 April, seramai 45 orang sukarelawan KWAP telah membantu menanam 50 pokok bakau di sepanjang tebing sungai Kampung Sungai Panjang, Sabak Bernam. Di sini mereka juga berpeluang melihat kelip-kelip dalam habitat semula jadi serangga ini.



*Flickers of Hope*



## 2.3 MEMENUHI TANGGUNGJAWAB

# Menambahbaikkan Kehidupan



*Liter of Light di Raub, Pahang*



*Liter of Light di Perak*



### **Liter of Light 2.0**

*Liter of Light 2.0* merupakan kesinambungan program yang dimulakan pada tahun 2017. Program ini telah berjaya mengubah kehidupan penduduk di perkampungan masyarakat orang asli yang terpinggir menerusi pemasangan lampu berkuasa solar bagi kemudahan dan keselesaan mereka. Program telah dimulakan dengan bengkel selama satu hari di mana 80 orang sukarelawan KWAP telah mempelajari cara untuk membina lampu berkuasa solar. Ini diikuti dengan kerja-kerja pemasangan pada hari kedua. Dua lokasi telah dipilih bagi program pada tahun 2018, Kampung Ulu Tual A, Raub, di Pahang dan Kampung Batu 23, Tapah, di Perak. Sebanyak 120 lampu berkuasa solar telah dipasang di kedua-dua buah kampung dan memberi kemudahan kepada lebih 70 buah keluarga atau 350 orang penduduk kampung.



Bersama penduduk tempatan

### Program Sukarelawan Pulau Mantanani 2018 - Selamatkan Laut Kita

38 orang hero kemapanan KWAP telah menyertai program sukarelawan bertemakan laut yang telah diadakan mulai 26 hingga 29 Oktober di Pulau Mantanani berhampiran Kota Belud, Sabah.

Usaha bersama antara KWAP dan Reef Check Malaysia ini bertujuan memelihara ekosistem laut menerusi pemuliharaan terumbu karang dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tempatan.



Sukarelawan Pulau Mantanani



Aktiviti membersihkan pantai



Para Sukarelawan Pulau Mantanani





BAB 3

# Melindungi Masa Depan

Kami menanam prinsip tadbir urus korporat yang baik seperti integriti, ketelusan dan profesionalisme untuk melindungi dan meningkatkan nilai pemegang saham dalam usaha mencapai matlamat kami.



3.1 KEPIMPINAN KAMI

## Ahli Lembaga



**Datuk Ahmad Badri  
Mohd Zahir**

Ketua Setiausaha  
Perbendaharaan,  
Kementerian Kewangan  
– Pengerusi

**Adnan Zaylani  
Mohamad Zahid**

Wakil Bank Negara  
Malaysia

**Dato' Asri  
Hamidon @ Hamidin**

Wakil Kementerian  
Kewangan





**Datuk Saat Esa**

Wakil Kerajaan  
Persekutuan



**Datuk Siti Zainab Omar**

Wakil Kerajaan  
Persekutuan



**Teo Khian How**

Wakil Kerajaan  
Persekutuan



**Dato' Siow Kim Lun**

Wakil Sektor Swasta

3.1 KEPIMPINAN KAMI

## Ahli Lembaga



**Dato' Dr Gan Wee Beng**  
Wakil Sektor Swasta

**Dato' Azmi Abdullah**  
Wakil Sektor Swasta

**Datuk Azih Muda**  
Wakil Pencarum

**Syed Hamadah Syed  
Othman**  
Ketua Pegawai Eksekutif

3.1 KEPIMPINAN KAMI

## Profil Ahli Lembaga



### Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,  
Kementerian Kewangan – Pengerusi

Warganegara	<b>Malaysia</b>
Umur	<b>58</b>
Tarikh Pelantikan	<b>12 September 2018</b>
Tarikh Pelantikan Terakhir	<b>Tidak berkenaan</b>

### Adnan Zaylani Mohamad Zahid

Wakil Bank Negara Malaysia

Warganegara	<b>Malaysia</b>
Umur	<b>47</b>
Tarikh Pelantikan	<b>7 Jun 2016</b>
Tarikh Pelantikan Semula Terakhir	<b>1 Oktober 2018</b>

Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga pada 12 September 2018.

Beliau kini merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.

Sebelum ini, beliau ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Perbendaharaan. Beliau telah berkhidmat selama hampir 30 tahun di Kementerian Kewangan dengan memegang beberapa jawatan kanan termasuk Pengarah di Pejabat Belanjawan Negara dan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pelaburan Strategik.

Adnan Zaylani telah menjawat semula jawatan sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 1 Oktober 2018.

Beliau kini merupakan Penolong Gabenor BNM yang bertanggungjawab tentang Pembangunan dan Inovasi Kewangan, Perbankan Islam dan Takaful, Pembangunan Insurans, Pembangunan Kewangan dan Penyertaan dan Undang-undang.

Beliau ialah Pengerusi Lembaga Pengarah BNM Sukuk Kijang Berhad, Ahli Lembaga Credit Guarantee Corporation Berhad (CGC), ahli Jawatankuasa Lembaga Eksekutif International Islamic Liquidity Management Corporation, dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif dan Ahli Jawatankuasa Audit INCEIF.

3.1 KEPIMPINAN KAMI

## Profil Ahli Lembaga



### Dato' Asri Hamidon @ Hamidin

Wakil Kementerian Kewangan

Warganegara	<b>Malaysia</b>
Umur	<b>52</b>
Tarikh Pelantikan	<b>26 Oktober 2018</b>
Tarikh Pelantikan Terakhir	<b>Tidak berkenaan</b>

### Datuk Saat Esa

Wakil Kerajaan Persekutuan

Warganegara	<b>Malaysia</b>
Umur	<b>59</b>
Tarikh Pelantikan	<b>16 Oktober 2017</b>
Tarikh Pelantikan Terakhir	<b>Tidak berkenaan</b>

Dato' Asri Hamidon telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 26 Oktober 2018.

Beliau kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Pelaburan) Kementerian Kewangan.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1994. Beliau kemudiannya berpindah ke Agensi Pencegahan Rasuah pada April 1998, sebelum berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Jabatan Perkhidmatan Awam pada Mac 2003. Dato' Asri meneruskan khidmatnya sebagai Ketua Penolong Setiausaha di Kementerian Kewangan (MOF) dan telah memegang beberapa jawatan lain sejak itu, termasuk Timbalan Setiausaha Bahagian, Pelaburan, MOF Inc. dan Bahagian Penswastaan.

Datuk Saat Esa dilantik sebagai ahli Lembaga berkuatkuasa mulai 16 Oktober 2017. Beliau kini merupakan Akauntan Negara Malaysia.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai akauntan dalam sektor awam pada tahun 1983. Pengalaman beliau yang luas meliputi pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Lembaga Pelaburan Bintulu, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Perbendaharaan Negeri Selangor. Beliau juga telah dilantik sebagai Pengarah Pengurusan Aset Air Berhad.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Perakaunan, dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Putra Malaysia dan Universiti Aix-Marseille, Perancis. Beliau juga merupakan Akauntan Bertauliah dan ahli Institut Akauntan Malaysia.



### Datuk Siti Zainab Omar

Wakil Kerajaan Persekutuan

Warganegara	<b>Malaysia</b>
Umur	<b>55</b>
Tarikh Pelantikan	<b>1 Mac 2016</b>
Tarikh Pelantikan Terakhir	<b>Tidak berkenaan</b>

### Teo Khian How

Wakil Kerajaan Persekutuan

Warganegara	<b>Malaysia</b>
Umur	<b>58</b>
Tarikh Pelantikan	<b>28 Februari 2017</b>
Tarikh Pelantikan Terakhir	<b>Tidak berkenaan</b>

Datuk Siti Zainab Omar dilantik sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2016.

Beliau kini memegang jawatan sebagai Peguam Cara Negara II, Jabatan Peguam Negara.

Sebelum ini, beliau telah berkhidmat dalam pelbagai kapasiti di beberapa agensi Kerajaan termasuk menjadi Peguamcara Perbendaharaan di Kementerian Kewangan dan Penasihat Undang-undang Negeri Melaka.

Beliau kini menjadi ahli Lembaga Pengarah Subang Golf Course Corporation dan Indah Water Consortium. Beliau memperolehi Ijazah LLB (Kepujian) dari Essex University, United Kingdom dan telah diterima masuk ke Badan Peguam England & Wales (Gray's Inn) pada tahun 1986. Pada tahun 1998, beliau telah diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia sebagai seorang Peguambela dan Peguamcara.

Teo Khian How telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 28 Februari 2017.

Beliau kini ialah Pengarah, Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Beliau berkelulusan Sarjana Sains Polisi dari Universiti Saitama, Jepun dan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia

3.1 KEPIMPINAN KAMI

## Profil Ahli Lembaga



### Dato' Siow Kim Lun

Wakil Sektor Swasta

Warganegara	<b>Malaysia</b>
Umur	<b>68</b>
Tarikh Pelantikan	<b>1 Mac 2007</b>
Tarikh Pelantikan Semula Terakhir	<b>1 Mac 2016</b>

Dato' Siow Kim Lun dilantik semula sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2016. Beliau kini ialah ahli Lembaga Pengarah Citibank Berhad, UMW Holdings Berhad, Sunway Construction Group Berhad, Eita Resources Berhad, Hong Leong Assurance Berhad dan Eco World International Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Catholic University of Leuven, Belgium dan menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, AS.

### Dato' Dr Gan Wee Beng

Wakil Sektor Swasta

Warganegara	<b>Malaysia</b>
Umur	<b>71</b>
Tarikh Pelantikan	<b>1 Mac 2013</b>
Tarikh Pelantikan Semula Terakhir	<b>1 Mac 2016</b>

Dato' Dr Gan Wee Beng telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2016.

Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengarah PIDM dan Pengerusi KWEST Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh KWAP. Beliau pernah berkhidmat sebagai Penasihat Kumpulan CIMB, jawatan yang disandang oleh beliau sejak tahun 2012 sehingga persaraannya pada tahun 2015. Sebelum itu, beliau merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CIMB, bertanggungjawab bagi pengurusan risiko, dan juga merupakan Pengarah Eksekutif CIMB Bank. Beliau juga pernah menjadi perunding bagi pelbagai agensi tempatan dan antarabangsa, termasuk Bank Negara Malaysia (BNM), Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Bank Dunia, Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Bank Pembangunan Asia dan Pertubuhan Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Perdagangan dan Pembangunan.



### Dato' Azmi Abdullah

Wakil Sektor Swasta

Warganegara	<b>Malaysia</b>
Umur	<b>67</b>
Tarikh Pelantikan	<b>20 September 2012</b>
Tarikh Pelantikan Semula Terakhir	<b>1 Mac 2016</b>

Dato' Azmi Abdullah telah dilantik semula sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2016. Beliau kini merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Bank Muamalat Malaysia Berhad di mana beliau ialah Pengerusi Lembaga Imbuhan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko serta ahli Pencalonan Lembaga Audit dan Veto. Beliau kini ialah Pengarah Amanah Raya Berhad, Ireka Corporation Berhad, Transnational Insurance Brokers Sdn Bhd, ECS Solution Sdn Bhd dan Bayo Pay Sdn Bhd.



### Datuk Azih Muda

Wakil Pencarum

Warganegara	<b>Malaysia</b>
Umur	<b>61</b>
Tarikh Pelantikan	<b>20 Disember 2013</b>
Tarikh Pelantikan Semula Terakhir	<b>1 Mac 2016</b>

Datuk Azih Muda telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2016. Pada masa ini, beliau ialah Presiden CUEPACS dan Ahli Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Beliau juga merupakan Presiden Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Pihak Berkuasa Tempatan (ANULAE).

3.1 KEPIMPINAN KAMI

## Profil Ahli Lembaga



### Syed Hamadah Syed Othman

Ketua Pegawai Eksekutif

Warganegara	<b>Malaysia</b>
Umur	<b>47</b>
Tarikh Pelantikan	<b>1 November 2018</b>
Tarikh Pelantikan Terakhir	<b>Tidak berkenaan</b>

Syed Hamadah Syed Othman dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWAP pada 1 November 2018.

Beliau merupakan salah seorang yang berpengalaman luas di dalam bidang pencen dan keselamatan sosial di negara ini. Sebelum menyertai KWAP, beliau ialah Pengarah di Actuarial Partners Consulting Sdn Bhd. Semasa di firma tersebut, beliau mengetuai bahagian pencen dan pakar dalam perundingan tentang isu-isu termasuk pendanaan pencen dan perakaunan, penggabungan dan pengambilalihan, reka bentuk skim pencen, pembaharuan pencen dan latihan.



3.1 KEPIMPINAN KAMI

## Ahli Lembaga yang Bersara

**Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah**

Bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan  
(Meletak jawatan pada 14 Mei 2018)

**Dato' Seri Dr Ismail Hj Bakar**

Bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan  
(Meletak jawatan pada 28 Ogos 2018)

**Datuk Siti Zauyah Md Desa**

Bekas Wakil Kementerian Kewangan  
(Meletak jawatan pada 26 Oktober 2018)

**Abdul Rahman Hussein**

Bekas Wakil Bank Negara Malaysia  
(Tempoh pelantikan berakhir pada 30 September 2018)

**Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Ex-Officio (Meletak jawatan pada 31 Oktober 2018)

3.1 KEPIMPINAN KAMI

## Panel Pelaburan



**Dato' Mohammed  
Azlan Hashim**  
Pengerusi



**Dato' Dr Yusof Ismail**  
Wakil Kementerian  
Kewangan



**Tan Sri Dr Ong Hong Peng**  
Wakil Sektor Swasta



**Datuk Abdul Farid Alias**  
Wakil Sektor Swasta



**Johari Abdul Muid**  
Wakil Sektor Swasta



**Mohamed Nazri Omar**  
Wakil Sektor Swasta



**Syed Hamadah Syed  
Othman**  
Ketua Pegawai Eksekutif

3.1 KEPIMPINAN KAMI

## Profil Panel Pelaburan



**Dato' Mohammed Azlan Hashim**

Pengerusi

Dato' Mohammed Azlan Hashim telah dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan KWAP pada 1 Jun 2015. Beliau pernah menjadi wakil sektor swasta untuk Pelaburan.

Beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi beberapa entiti tersenarai awam termasuk Marine & General Berhad, D&O Green Technologies Berhad dan Universiti Malaysia Terengganu, dan ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Monash University, Australia dan berkelayakan sebagai Akauntan Bertauliah (Australia). Beliau adalah seorang Ahli Fellow Institute of Chartered Accountants, Australia, ahli Institut Akauntan Malaysia, ahli Fellow Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia dan Ahli Kehormat Institut Juruaudit Dalamn Malaysia.



**Dato' Dr Yusof Ismail**

Wakil Kementerian Kewangan

Dato' Dr Yusof Ismail telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 15 Mei 2016. Beliau kini ialah Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan.

Beliau memegang Ijazah Kedoktoran (PhD) Pembangunan Komuniti dari Universiti Putra Malaysia. Beliau pernah memegang pelbagai jawatan Kerajaan termasuk Pegawai Khas kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Seksyen Tenaga, Unit Pembangunan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Pengarah Seksyen Sains dan Teknologi Industri Pembuatan.

Beliau kini menjadi ahli pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Perbadanan PRIMA Malaysia, AgroBank and Danalnfra Nasional Bhd.



### **Tan Sri Dr Ong Hong Peng**

Wakil Sektor Swasta

Tan Sri Dr Ong Hong Peng telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan berkuat kuasa pada 15 Mac 2017.

Beliau ialah ahli Lembaga Berjaya Sampo Insurance Berhad, Sepang International Circuit dan Malaysia Convention Bureau. Beliau sebelum ini merupakan Pengerusi Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

Tan Sri Dr Ong memegang Ijazah Sarjana dalam bidang Ekonomi dari Universiti Hiroshima, Jepun dan PhD Ekonomi dari Michigan State University, AS.



### **Datuk Abdul Farid Alias**

Wakil Sektor Swasta

Datuk Abdul Farid Alias telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan berkuat kuasa 1 Oktober 2013. Beliau ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Eksekutif Kumpulan Maybank. Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Denver, AS dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Pennsylvania State University, AS. Beliau juga telah menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, AS.

Beliau telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Presiden PT Bank Maybank Indonesia Tbk, dan juga ahli Lembaga Pengarah Etiqa International Holdings Sdn Bhd, Cagamas Holdings Berhad (Perbadanan Gadaai Janji Malaysia), Payments Network Malaysia Sdn Bhd, STF Resources Sdn Bhd dan Asian Banking School Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Pengerusi bagi The Association of Banks di Malaysia (ABM) serta Naib Pengerusi dan Felo, Chartered Bankers of Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) dan Chartered Banker Institute (CBI) di United Kingdom. Di samping itu, beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Advokasi Dasar Asian Bankers Association (ABA) dan Emerging Markets Advisory Council (EMAC), Institute of International Finance yang berpangkalan di Washington, DC. Beliau dilantik sebagai ahli ASEAN Business Advisory Council (ASEAN-BAC) Malaysia pada tahun 2016 dan baru-baru ini, sebagai Ahli Kehormat Lee Kuan Yew Exchange di bawah Program Lee Kuan Yew Exchange of Singapore.

### 3.1 KEPIMPINAN KAMI

## Profil Panel Pelaburan



**Johari Abdul Muid**

Wakil Sektor Swasta

Encik Johari bin Abdul Muid telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 20 Oktober 2015. Beliau kini menjadi Ahli Lembaga Bursa Malaysia Berhad, Malaysia Debt Ventures Berhad, Al Rajhi Bank Malaysia, Nomura Asset Management Malaysia Sdn Bhd dan Nomura Islamic Asset Management Malaysia Sdn Bhd. Beliau telah memulakan kerjayanya di Bahagian Perbendaharaan, CIMB Investment Bank Berhad.

Beliau kemudiannya menyertai CIMB Securities Sdn Bhd sebagai Naib Presiden Kanan bagi Jualan Institusi. Selepas berkhidmat selama 20 tahun di Kumpulan CIMB, beliau kemudiannya menyertai Valuecap Sdn Bhd sebagai Ketua Pegawai Pelaburan sebelum menyertai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai Ketua Pegawai Pelaburan (Ekuiti). Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Bahagian Pelaburan dan seterusnya Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Dasar Persaraan dan Perancangan Korporat. Selepas 8 tahun berkhidmat di KWSP, beliau menyertai RHB Bank Berhad sebagai Pengarah Urusan dan telah bersara pada tahun 2013. Beliau adalah Ahli Fellow Chartered Institute of Management Accountant, United Kingdom.



**Mohamed Nazri Omar**

Wakil Sektor Swasta

Encik Mohamed Nazri Omar telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 1 Mei 2016.

Beliau kini merupakan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Danajamin Nasional Berhad. Kerjaya korporat beliau termasuk dalam industri kewangan, terutamanya dalam perbankan korporat dan pasaran modal. Beliau memulakan kerjayanya di Citibank Berhad dan seterusnya berkhidmat di Macquarie Bank Limited dan RHB Sakura Merchant Bankers Berhad (kini dikenali sebagai RHB Investment Bank Berhad). Sebelum menyertai Danajamin, beliau pernah menyandang beberapa jawatan di Kuwait Finance House (M) Bhd, termasuk sebagai Pengarah Perbankan Pelaburan dan Ketua Pasaran Modal dan Khidmat Nasihat.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam jurusan Ekonomi dan Kerajaan (Kepujian), dari Cornell University, AS.



### **Syed Hamadah Syed Othman**

Ketua Pegawai Eksekutif

Syed Hamadah Syed Othman telah dilantik sebagai Setiausaha Panel Pelaburan berkuat kuasa 1 November 2018.

3.1 KEPIMPINAN KAMI

## Kumpulan Eksekutif



**Syed Hamadah Syed Othman**

Ketua Pegawai Eksekutif

Syed Hamadah Syed Othman telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWAP berkuat kuasa 1 November 2018.



**Azmeen Adnan**

Ketua Pegawai Pelaburan

Azmeen Adnan mempunyai pengalaman selama 21 tahun dalam industri perbankan dan pengurusan aset merangkumi bidang pelaburan, perbendaharaan, jualan dan pembangunan produk. Sebelum jawatan semasa, beliau merupakan Pengarah Jabatan Pendapatan Tetap KWAP. Sebelum menyertai KWAP beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd.

Beliau ialah Ahli Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan dari University of Denver di Colorado, AS.



**Nik Ahmad Fauzan Nik Mohamed**

Ketua Pegawai Operasi

Nik Ahmad Fauzan telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi KWAP pada September 2015.

Beliau mempunyai lebih dari 25 tahun pengalaman dalam konglomerat dan industri kewangan. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Ketua Perkhidmatan Korporat Kumpulan di Pos Malaysia Berhad.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam bidang Kewangan dan Pelaburan dari Universiti George Washington, AS.





### Azlan Hussin

Pengarah Kanan, Jabatan Ekuiti

Azlan mempunyai pengalaman selama lebih 21 tahun dalam pengurusan portfolio. Sebelum ini, beliau ialah Ketua Pegawai Eksekutif MIDF Amanah Asset Management Berhad.

Azlan memulakan kerjayanya dengan SBB Asset Management (SBBAM) sebagai Penganalisis Pelaburan dan kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi Naib Presiden Pelaburan.

Seterusnya, beliau menyertai Amanah Raya JMF Asset Management sebagai Pengurus Besar bagi Pelaburan Ekuiti.

Azlan berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) dalam Perakaunan dan Kewangan dari Universiti South Bank, London dan mendapat ACCA dari Emile Woolf College, London.



### Zalman Ismail

Pengarah Kanan, Jabatan Pelaburan Alternatif

Zalman Ismail mempunyai lebih dari 20 tahun pengalaman dalam penarafan kredit, penyelidikan ekuiti, kewangan korporat dan pembangunan perniagaan dalam industri telekomunikasi, hartanah, kesihatan, dan komoditi. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Ketua Strategi dan Pembangunan Perniagaan di Sime Darby Property Berhad. Beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah, Munchy Food Industries Sdn Bhd dan Pengarah Gantian Malakoff Corporation Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan Kewangan dari Eastern Michigan University, AS.



### Md Saffi Nadzir

Pengarah Kanan, Jabatan Perkhidmatan Persaraan

Md Saffi mempunyai pengalaman selama 27 tahun sebagai akauntan. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat dalam beberapa jabatan kerajaan dan badan berkanun. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Teknologi MARA dan mendapat Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Utara Malaysia.

Beliau juga merupakan Akauntan Bertauliah dan ahli Institut Akauntan Malaysia.

### 3.1 KEPIMPINAN KAMI

## Pasukan Eksekutif



#### **Nazaiful Affendi Zainal Abidin**

Pengarah, Jabatan Strategi Portfolio

Nazaiful mempunyai pengalaman selama 20 tahun dalam pasaran modal termasuk jawatan dalam penyelidikan, analisis pasaran dan strategi dengan pendedahan dalam ekuiti, pendapatan tetap dan komoditi. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat sebagai pakar ekonomi di Suruhanjaya Sekuriti.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kewangan/Ekonomi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Kewangan dari institusi yang sama.



#### **Ambalagam R. Marappan**

Pengarah, Jabatan Caruman

Ambalagam mempunyai pengalaman selama lebih 35 tahun sebagai akauntan. Sebelum menyertai KWAP, beliau telah berkhidmat dalam beberapa bahagian dan cawangan di Jabatan Akauntan Negara.

Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan dari Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan dan Pengajian Antarabangsa) daripada institusi yang sama. Beliau merupakan Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia dan Sekutu serta ahli Harvard Business School Alumni Club of Malaysia (HBSACM).



#### **Hamkhusairi Jahari**

Pengarah, Jabatan Audit Dalam

Hamkhusairi merupakan Pengarah Jabatan Audit Dalam sejak Oktober 2017. Beliau memiliki pengalaman selama 18 tahun dalam industri perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Pengurus Kanan Audit Negara di Standard Chartered Bank Malaysia Berhad dan Pengurus Risiko Kanan di Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Beliau juga pernah berkhidmat dengan Bank Negara Malaysia sebagai Penyelia Kanan selama beberapa tahun.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan memperoleh Sijil Audit Dalam dan Risiko Perniagaan daripada Institut Juruaudit Dalam Berkanun, UK. Beliau adalah Akauntan Bertauliah di bawah Institut Akauntan Malaysia dan ahli Institut Juruaudit Dalam Berkanun, UK.



**Tursina Yaacob**

Pengarah, Jabatan Penyelidikan

Tursina mempunyai pengalaman lebih 20 tahun sebagai seorang penganalisis pelaburan meliputi pelbagai sektor di peringkat domestik dan global. Pengkhususan sektor beliau termasuk minyak dan gas, utiliti, telekomunikasi, produk pengguna, automotif, komoditi, dan industri kewangan Islam.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi Kewangan dari Coventry University, UK dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Strategik) dari Universiti Teknologi Malaysia.



**Siti Ilmiah Ramli**

Pengarah, Jabatan Sumber Manusia

Siti Ilmiah mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman sebagai pengamal undang-undang di organisasi bukan berkeuntungan dan di jabatan sumber manusia dalam pelbagai organisasi tempatan dan asing di Malaysia. Sebelum menyertai KWAP, beliau telah berkhidmat di Maybank Berhad.

Beliau memperoleh Ijazah LLB (Kepujian) dari University of London, UK dan Sijil Amalan Guaman (CLP) Malaysia dari Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang, Malaysia.



**Khairul Azwa Kamalul Bahrin**

Pengarah, Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan

Khairul mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam pengurusan risiko dan perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat di OCBC Bank (Malaysia) Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah LLB (Kepujian), University of Liverpool, UK dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam bidang Pengurusan dari University of Wales, Cardiff, UK. Beliau juga adalah Pengurus Risiko Kewangan Bertauliah (FRM), Global Association of Risk Professionals.

### 3.1 KEPIMPINAN KAMI

## Pasukan Eksekutif



### **Ismail Zakaria**

Pengarah, Jabatan Strategi dan Prestasi Korporat

Ismail mempunyai 19 tahun pengalaman dalam industri kewangan dan strategi korporat khususnya dalam transformasi perniagaan. Sebelum menyertai KWAP, beliau telah berkhidmat di Strategi Kumpulan, Sime Darby Berhad. Beliau merupakan Pengerusi Kumpulan Kerja Tadbir Urus & Dasar, Majlis Pelabur Institusi Malaysia.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan & Kewangan) dari Universiti New South Wales, Australia.



### **Najihah Mohd Norwi**

Pengarah, Jabatan Akaun dan Pengurusan Perkhidmatan

Najihah mempunyai 19 tahun pengalaman sebagai seorang akauntan korporat dalam pelbagai sektor, antaranya, insurans, IT, utiliti dan infrastruktur. Sebelum menyertai KWAP, beliau bertugas sebagai akauntan korporat di MMC Berhad.

Beliau merupakan seorang akauntan profesional, dengan lulusan CPA Australia dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Perakaunan dan Kewangan) dari Monash University, Australia.



### **Syed Ali Haidar Syed Shahabuddin**

Pengarah, Jabatan Undang-undang dan Kesetiausahaan

Syed Ali mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang undang-undang. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Ketua Bahagian Perundangan di KAF Investment Bank Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah LLB (Hons) dari University of Glamorgan, Wales, UK dan Sijil Amalan Guaman (CLP), Malaysia dari Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang, Malaysia.



**Nor Faridah Amin**

Ketua Jabatan Hal Ehwal Korporat

Nor Faridah merupakan graduan Pemasaran dengan pengalaman lebih 20 tahun dalam bidang jualan, pemasaran & promosi, perhubungan dan pengurusan acara.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dalam Pemasaran dari Institut Teknologi MARA, Shah Alam.

Nor Faridah telah menyertai KWAP sejak tahun 2010.



**Md Hayrani Mireso**

Ketua Jabatan Perkhidmatan Sokongan Pelaburan

Md Hayrani telah menjadi Ketua Jabatan Perkhidmatan Sokongan Pelaburan sejak Mei 2018. Beliau mempunyai pengalaman selama 28 tahun sebagai seorang akauntan serta pengurusan perbendaharaan dan pendapatan tetap dalam sektor perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat sebagai pengurus di Bahagian Perbendaharaan, Jabatan Perbendaharaan dan Pelaburan di Bank Simpanan Nasional.

Beliau memperoleh Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan Akauntan Bertauliah di bawah Institut Akauntan Malaysia dan ahli Institut Pasaran Kewangan Malaysia.



**Abdul Razak Jabar**

Ketua Jabatan Teknologi Maklumat


Abdul Razak mempunyai pengalaman selama 20 tahun dalam industri Teknologi Maklumat. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan perunding kanan di sebuah syarikat tempatan dan multinasional yang melaksanakan perisian dan sistem dalam industri perkhidmatan kewangan.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Sistem Maklumat) dari Charles Sturt University, Australia. Beliau juga merupakan Juruaudit Utama Bertauliah bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO 27001, dan mempunyai sijil ITIL v3 Foundation dan COBIT v5.

## 3.2 TADBIR URUS KORPORAT

## Penyata Tadbir Urus Korporat

Dalam mengekalkan tahap tadbir urus yang termampun, KWAP mematuhi semua peraturan dan peruntukan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662, atau Akta sahaja). Kami juga mengamalkan amalan tadbir urus korporat domestik dan antarabangsa yang terbaik, terutamanya yang berkaitan dengan pengurusan dana pencen.



### Komposisi Lembaga

Lembaga KWAP terdiri daripada ahli-ahli yang berkeelayakan, berpengalaman dan berkemahiran tinggi yang mewakili Kerajaan, sektor swasta, Bank Negara Malaysia (BNM) dan pencarum. Komposisi yang pelbagai ini adalah penting untuk pencapaian strategik keseluruhan KWAP.

Selaras dengan Seksyen 6 Akta 662, semua ahli Lembaga akan dilantik oleh Menteri Kewangan. Mereka termasuk:

- Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, sebagai Pengerusi KWAP;
- seorang wakil dari BNM;
- seorang wakil dari Kementerian Kewangan;
- Ketua Pegawai Eksekutif yang menjadi ahli ex-officio;
- tiga orang wakil Kerajaan Malaysia;
- tiga orang dari sektor swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan atau kewangan; dan
- seorang wakil daripada pencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan selain daripada wakil Kerajaan Malaysia.

Profil ringkas setiap Ahli Lembaga ada dibentangkan di muka surat 52 hingga 60 Laporan Tahunan ini.

Pada 2018, Abdul Rahman Hussein telah dilantik pada 1 Januari 2018 hingga 30 September 2018 sebagai wakil BNM, berikutan Adnan Zaylani Mohd Zahid yang telah mengambil cuti belajar. Abdul Rahman meletak jawatan pada 30 September dan Adnan Zaylani menyambung semula jawatannya pada 1 Oktober 2018.

Tan Sri Dr Irwan Serigar Abdullah meletak jawatan sebagai Pengerusi Lembaga pada 14 Mei 2018 dan digantikan oleh Datuk Seri Dr Ismail Hj Bakar pada 12 Jun 2018. Bagaimanapun, pada 28 Ogos, Datuk Seri Dr Ismail telah meletak jawatan berikutan pelantikannya sebagai ketua Setiausaha Negara Malaysia yang baharu dan digantikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia yang baharu, Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir.

Satu lagi perubahan kepada Lembaga KWAP adalah pelantikan Dato' Asri Hamidon @ Hamidin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pelaburan) Perbendaharaan, untuk menggantikan Datuk Siti Zauyah Md Desa yang meletak jawatan berkuat kuasa 26 Oktober 2018.

### Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Seperti yang dikehendaki di bawah Akta dan sebagai sebahagian daripada tadbir urus korporat yang baik dan amalan terbaik, peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif KWAP adalah berbeza dan terpisah.

Pengerusi bertanggungjawab terutamanya untuk memastikan keberkesanan Lembaga Pengarah dan menjalankan mesyuarat Lembaga manakala Ketua Pegawai Eksekutif, yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan, bertanggungjawab terhadap operasi harian, pentadbiran dan pengurusan KWAP yang meliputi penyeliaan pelaksanaan dasar dan keputusan yang dibuat oleh Lembaga dan keputusan pelaburan yang dibuat oleh Panel Pelaburan mengikut Akta.

Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh Pengurusan tertinggi dalam mengendalikan pentadbiran harian KWAP dan para pekerjanya.

### Tanggungjawab dan Akauntabiliti Lembaga

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pengurusan KWAP. Ia menetapkan hala tuju strategik organisasi, dan mengawasi pengurusan KWAP dengan fokus untuk melindungi dan meningkatkan berkepentingan para pencarum dan pemegang berkepentingan yang lain. Lembaga Pengarah merumuskan dasar dan prosedur pentadbiran dan pengurusan KWAP untuk memastikan KWAP mencapai objektifnya.

Lembaga menggalas beberapa tugas khusus seperti mengawasi pengendalian operasi yang betul, mengenal pasti bidang risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk menguruskan risiko-risiko ini serta mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman seperti yang dinyatakan dalam Akta dan Piagam Lembaga.

### Komponen Lembaga yang Efektif

<p><b>KWAP memastikan Lembaga berprestasi tinggi dengan:</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menstruktur Lembaga untuk disepadankan dengan keperluan organisasi;</li> <li>• Menentukan peranan jawatankuasa, struktur dan komposisinya untuk melengkapi keperluan Lembaga;</li> <li>• Memilih dan mencalonkan ahli Lembaga menggunakan proses berdisiplin; dan</li> <li>• Menilai Lembaga secara keseluruhan dan setiap ahli secara berkala.</li> </ul>
<p><b>Untuk memastikan operasi dan interaksi Lembaga yang efektif, Lembaga Pengarah dikehendaki:</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan setiap mesyuarat Lembaga adalah produktif;</li> <li>• Memastikan kualiti dan ketepatan masa semua maklumat kepada Lembaga; dan</li> <li>• Membina kepercayaan melalui interaksi dinamik Lembaga yang positif dan komunikasi terbuka dalam Lembaga dan dengan Pengurusan.</li> </ul>
<p><b>Peranan dan tanggungjawab utama Lembaga Pengarah adalah untuk:</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyumbang kepada strategi korporat dan penetapan sasaran;</li> <li>• Mempunyai pendekatan pengurusan prestasi korporat yang kukuh;</li> <li>• Mengawasi pembangunan pemimpin KWAP dan modal insan masa depan;</li> <li>• Memahami dan mengurus risiko organisasi;</li> <li>• Mengamalkan perspektif pemegang saham semasa membuat keputusan; dan</li> <li>• Mengimbangi kepentingan pihak berkepentingan yang sah.</li> </ul>



### Mesyuarat Lembaga

Pada tahun kewangan 2018, lapan (8) mesyuarat Lembaga Pengarah, satu (1) Mesyuarat Lembaga Khas dan satu (1) mesyuarat Khas bagi Lembaga dan Panel Pelaburan telah diadakan.



Ringkasan kehadiran dibentangkan seperti di bawah:

Bil.	Nama	Kehadiran
1	Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir - Pengerusi (Dilantik pada 12 September 2018)	4/4
2	Dato' Asri Hamidon @ Hamidin (Dilantik pada 26 Oktober 2018)	3/3
3	Datuk Saat Esa	7/10
4	Datuk Siti Zainab Omar	9/10
5	Teo Khian How	10/10
6	Adnan Zaylani Mohamad Zahid (Mengambil semula jawatan pada 1 Oktober 2018)	2/4
7	Dato' Siow Kim Lun	10/10
8	Dato' Azmi Abdullah	8/10
9	Dato' Dr Gan Wee Beng	7/10
10	Datuk Azih Muda	8/10
11	Syed Hamadah Syed Othman (Dilantik pada 1 November 2018)	3/3
12	Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad (Meletak jawatan pada 31 Oktober 2018)	7/7
13	Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah - Pengerusi (Meletak jawatan pada 14 Mei 2018)	3/3
14	Datuk Seri Dr Ismail Hj Bakar - Pengerusi (Dilantik pada 14 Mei 2018 dan meletak jawatan pada 11 September 2018)	2/2
15	Datuk Siti Zaayah Md Desa (Meletak jawatan pada 26 Oktober 2018)	6/7
16	Abdul Rahman Hussein (Dilantik pada 1 Januari 2018 dan meletak jawatan pada 30 September 2018)	6/7

Dalam keadaan di mana keputusan penting dan segera diperlukan, dan Setiausaha tidak dapat mengadakan mesyuarat, kelulusan boleh diminta melalui pekeliling yang dihantar kepada semua ahli Lembaga. Keputusan melalui pekeliling memerlukan kelulusan majoriti yang akan dilaporkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk ratifikasi.

Aktiviti-aktiviti Lembaga Utama pada 2018 adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Bil.	Tanggungjawab dan Akauntabiliti Lembaga seperti yang Dinyatakan dalam Akta	Aktiviti yang Dilaksanakan
1	Menetapkan prosedur berkenaan perkara kewangan dan perakaunan, termasuk menyimpan, menutup dan mengaudit akaun KWAP dan mewujudkan prosedur kewangan dan perakaunannya sendiri.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meluluskan penyata kewangan KWAP yang telah diaudit atau tahun kewangan 2018.</li> <li>• Meluluskan belanjawan perbelanjaan KWAP untuk tahun kewangan 2019.</li> </ul>
2	Menetapkan tanggungjawab kakitangan KWAP termasuk perkara yang berkaitan dengan imbuhan, terma dan syarat perkhidmatan, tempoh perkhidmatan, dan cuti.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meluluskan pakej pekerjaan Ketua Pegawai Eksekutif dan pembaharuan kontrak beberapa Ketua Jabatan.</li> </ul>
3	Menubuhkan pihak berkuasa tatatertib yang bersesuaian dengan kelakuan dan disiplin kakitangan KWAP.	Tiada
4	Menubuhkan jawatankuasa dan prosedur jawatankuasa tersebut.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada jawatankuasa baharu ditubuhkan pada tahun 2018.</li> </ul>
5	Mengawal selia prosedur dalamannya termasuk prosedur yang berkaitan dengan perkara-perkara operasi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meluluskan Dasar dan Garis Panduan Pelaburan KWAP yang telah disemak.</li> <li>• Meluluskan Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko.</li> <li>• Meluluskan Risiko Pinjaman dan Cagaran, Risiko Pengurusan Leverage dan Dasar Pengurusan Kesenambungan Perniagaan.</li> </ul>
6	Menetapkan cara dokumen, cek dan apa-apa instrumen hendaklah ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak KWAP.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyemak Had Pihak Berkuasa untuk Jabatan Pendapatan Tetap.</li> </ul>
7	Mengadakan peruntukan bagi semua perkara yang perlu ditetapkan atau yang perlu atau yang wajar untuk melaksanakan dan bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meluluskan pelantikan Sub-Kustodian KWAP, Pengurus Dana Luaran (EFM), panel broker saham, penasihat dan perunding.</li> <li>• Meluluskan penamatan EFM.</li> </ul>

### Panel Pelaburan

Akta ini juga memerlukan penubuhan Panel Pelaburan - sebuah badan yang bertanggungjawab untuk perkara-perkara berkaitan dengan pelaburan Dana yang ditubuhkan di bawah Seksyen 7 (1) Akta. Oleh itu, ia berfungsi untuk memberi hala tuju strategik tentang semua perkara berkaitan pelaburan serta menentukan dan meluluskan dasar dan garis panduan pelaburan, dasar pengurusan risiko, peruntukan aset, dan hala tuju strategik pelaburan.

### Komposisi Panel Pelaburan

Panel Pelaburan hendaklah terdiri daripada ahli yang berikut, seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 7 (2) Akta, yang hendaklah dilantik oleh Menteri Kewangan:

- (i) Seorang Pengerusi yang hendaklah menjadi Pengerusi Lembaga atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Menteri Kewangan (Seksyen 7 (2) (a) Akta);
- (ii) Seorang wakil dari Kementerian Kewangan (Seksyen 7 (2) (c) Akta);
- (iii) Ketua Pegawai Eksekutif KWAP yang akan menjadi setiausaha (Seksyen 7 (2) (d) Akta); dan
- (iv) Empat (4) orang lain dari sektor awam atau swasta dengan pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan, pelaburan, perbankan dan kewangan (Seksyen 7 (2) (e) Akta).

Profil ringkas setiap ahli Panel Pelaburan ada dibentangkan di muka surat 62 hingga 67 Laporan Tahunan ini.

### Tugas dan Tanggungjawab Utama Panel Pelaburan

Panel Pelaburan dikawal oleh Seksyen 7 (1) Akta dan bertanggungjawab terutamanya untuk meluluskan, antara lain, hala tuju strategik KWAP berhubung dengan semua perkara pelaburan. Ini termasuk dasar pelaburan, garis panduan, strategi peruntukan aset serta arahan untuk semua cadangan pelaburan. Dalam melaksanakan fungsinya, Panel Pelaburan hendaklah melaporkan aktivitinya kepada Lembaga dan hendaklah bertindak mengikut dasar am yang boleh dikeluarkan oleh Lembaga dan kemudiannya diluluskan oleh Menteri Kewangan.

### Mesyuarat Panel Pelaburan

Pada tahun kewangan 2018, tiga belas (13) Mesyuarat Panel Pelaburan dan dua (2) Mesyuarat Khas telah diadakan. Ringkasan kehadiran Ahli Panel Pelaburan dinyatakan di bawah:

Bil.	Nama	Kehadiran
1	Dato' Mohammed Azlan Hashim - Pengerusi	15/15
2	Dato' Dr Yusof Ismail	14/15
3	Datuk Abdul Farid Alias	7/15
4	Johari Abdul Muid	14/15
5	Mohammed Nazri Omar	12/15
6	Tan Sri Dr Ong Hong Peng	15/15
7	Syed Hamadah Syed Othman	2/2
8	Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad	11/13

### Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Untuk membantu melaksanakan tugasnya, Lembaga telah menubuhkan jawatankuasa berikut untuk mengawasi perkara-perkara tertentu yang berkaitan dengan operasi KWAP: Jawatankuasa Lembaga Audit, Jawatankuasa Lembaga Risiko, Jawatankuasa Lembaga Imbuan dan Pencalonan, dan Jawatankuasa Lembaga Perolehan.

Butiran aktiviti Jawatankuasa Lembaga semasa tahun kewangan 2018 dinyatakan di bawah.

### Jawatankuasa Lembaga Audit

Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC) ditubuhkan untuk memastikan sistem kawalan dalaman yang betul ditubuhkan dan dikuatkuasakan di KWAP.



### Keahlian

Pada masa ini, BAC terdiri daripada empat (4) ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan tiga ahli berikut yang telah dilantik oleh Lembaga:

- (i) Dato' Azmi Abdullah – Pengerusi;
- (ii) Dato' Siow Kim Lun – Ahli;
- (iii) Dato' Dr Gan Wee Beng – Ahli; dan
- (iv) Datuk Saat Esa – Ahli.

Dato' Azmi Abdullah adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Sebanyak lima (5) mesyuarat, termasuk satu (1) mesyuarat khas BAC, telah diadakan pada tahun 2018.

### Tugas dan Tanggungjawab BAC

#### (i) Penyata kewangan:

- (a) Untuk mencadangkan dan mengkaji semula peraturan kewangan, peraturan perakaunan, dasar dan amalan;
- (b) Untuk mengkaji semula penyata kewangan KWAP dengan pihak Pengurusan dan juruaudit sebelum diluluskan oleh Lembaga; dan
- (c) Untuk mengkaji perubahan yang dilakukan kepada Prosedur Kewangan.

#### (ii) Audit dalaman:

- (a) Untuk mengkaji semula dan membincangkan sifat dan skop pelan audit dalaman dan luaran serta memastikan penyelarasan pendekatan di kalangan juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan/atau penyedia perkhidmatan jaminan dan perundingan luaran yang lain;
- (b) Untuk mengkaji semula pemerhatian audit dan tindakan susulan pihak pengurusan kepada juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan/atau penyedia perkhidmatan jaminan dan perundingan luaran yang lain;
- (c) Untuk memantau sebarang pelantikan, pembaharuan, prestasi atau penggantian Ketua Jabatan Audit Dalaman;
- (d) Untuk mengkaji semula piagam audit dalaman, aktiviti, perjawatan dan struktur organisasi kepada fungsi audit dalaman termasuk pelan audit tahunan, dan membuat cadangan yang sesuai kepada Lembaga; dan
- (e) Untuk mengkaji semula keberkesanan fungsi audit dalaman, termasuk pematuhan dengan Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa Institut Audit Dalaman (IPPF) bagi Pengauditan Dalaman.

#### (iii) Kawalan dalaman:

- (a) Untuk memberi penilaian bebas tentang kecukupan dan kebolehpercayaan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman dan pematuhan terhadap dasar risiko, undang-undang, garis panduan dalaman dan keperluan pengawalseliaan.

**(iv) Tanggungjawab-tanggungjawab Lain:**

- (a) Untuk berbincang secara berkala dengan juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan/atau penyedia perkhidmatan jaminan dan perundingan luaran yang lain berkaitan sebarang perkara yang mereka ingin bincangkan (sekiranya ketiadaan pihak Pengurusan dan sekiranya perlu);
- (b) Untuk mempertimbangkan penemuan utama penyiasatan dalaman dan tindakan susulan pihak Pengurusan;
- (c) Untuk mengarahkan dan memberi pemantauan ke atas sebarang penyiasatan khas yang akan dilaksanakan oleh juruaudit dalaman atau mana-mana pihak bebas, dan mengkaji semula hasil siasatan;
- (d) Untuk mempertimbangkan sebarang transaksi pihak berkaitan yang mungkin timbul di dalam KWAP; dan
- (e) Untuk mempertimbangkan sebarang isu-isu lain menurut pentakrifan Lembaga.

Juruaudit luaran KWAP adalah Ketua Audit Negara Malaysia sebagaimana ditentukan oleh Akta Badan-Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240].

Bil.	Nama	Kehadiran
1	Dato' Azmi Abdullah	5/5
2	Dato' Siow Kim Lun	5/5
3	Dato' Dr Gan Wee Beng	5/5
4	Datuk Saat Esa (Dilantik pada 1 Mac 2018)	1/4



**Ringkasan Aktiviti-aktiviti BAC:**

Antara isu-isu utama yang dibincangkan oleh BAC sepanjang tahun 2018 adalah:

- Penyata Kewangan Disatukan KWAP bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017;
- Pindaan kepada Piagam Audit Dalaman;
- Pindaan kepada Penggredan Isu Audit Dalaman, Penggredan Audit Keseluruhan dan Kaedah Penilaian Kesedaran Risiko Pengurusan;
- Pengkelasan semula instrumen kewangan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) 9;
- Metodologi penilaian risiko dan rancangan audit dalaman untuk tahun kewangan 2018;
- Isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan MFRS 9; dan
- Kajian semula audit dalaman dan isu audit yang belum diselesaikan di beberapa jabatan di KWAP.

**Jawatankuasa Lembaga Risiko**

Jawatankuasa Lembaga Risiko (BRC) telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya berkaitan dengan pengurusan risiko.

**Keahlian**

Buat masa ini, BRC terdiri daripada tiga (3) ahli Lembaga dan satu (1) ahli Panel Pelaburan yang dilantik oleh Lembaga:

- (i) Dato' Dr Gan Wee Beng – Pengerusi;
- (ii) Dato' Siow Kim Lun – Ahli;
- (iii) Dato' Mohammed Azlan Hashim – Ahli;
- (iv) Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad – Ahli (Meletak jawatan pada 31 Oktober 2018); dan
- (v) Syed Hamadah Syed Othman – Ahli (Dilantik pada 1 November 2018).

Empat (4) mesyuarat BRC telah diadakan sepanjang tahun 2018.

### Tugas dan tanggungjawab BRC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BRC:

- (i) Menentukan selera risiko KWAP dan mengesyorkannya kepada Lembaga untuk kelulusan;
- (ii) Mengkaji semula rangka kerja dan dasar pengurusan dan pematuhan risiko serta mengesyorkannya kepada Lembaga untuk kelulusan;
- (iii) Mengkaji garis panduan pengurusan risiko dan pematuhan;
- (iv) Meluluskan had risiko, dan merujuknya kepada Lembaga, sekiranya perlu;
- (v) Memastikan proses pematuhan yang berkesan (untuk kawalan luaran dan dalaman) dengan mencadangkan kawalan bagi risiko yang wujud dalam produk, aktiviti, proses dan sistem;
- (vi) Meluluskan Dasar Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM);
- (vii) Memastikan bahawa infrastruktur, sumber dan sistem yang mencukupi telah disediakan bagi mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko bagi pengurusan risiko yang berkesan di dalam KWAP;
- (viii) Mengkaji semula pendedahan risiko dan kawalan untuk mengurangkan risiko KWAP; dan
- (ix) Pertimbangkan isu-isu lain yang ditakrifkan oleh Lembaga.

Bil.	Nama	Kehadiran
1	Dato' Dr Gan Wee Beng	4/4
2	Dato' Siow Kim Lun	4/4
3	Dato' Mohammed Azlan Hashim	3/4
4	Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad (Meletakkan jawatan pada 31 Oktober 2018)	3/3
5	Syed Hamadah Syed Othman (Dilantik pada 1 November 2018)	1/1

### Ringkasan Aktiviti-aktiviti BRC

Antara isu-isu utama yang dibincangkan oleh BRC sepanjang tahun 2018 adalah:

- Laporan profil risiko korporat, tinjauan risiko, peristiwa risiko operasi, risiko pelaburan, pendedahan pertukaran asing dan kegiatan lindung nilai, pengurusan kesinambungan perniagaan;
- Kelulusan dasar termasuk Dasar Risiko Pinjaman dan Cagaran; Dasar dan Garis Panduan Risiko Pengurusan Leverage; Dasar Pengurusan Kesenambungan Perniagaan; dan Rangka Kerja Sekuriti Cyber; dan
- Kemas kini Amalan Pematuhan.

### Jawatankuasa Lembaga Imbuan dan Pencalonan

Jawatankuasa Lembaga Imbuan dan Pencalonan (BRNC) membantu Lembaga dalam mewujudkan rangka kerja dasar yang relevan dalam menentukan pelantikan dan imbuan pihak pengurusan dan kakitangan KWAP serta mencadangkan kepada Lembaga Pengarah berkaitan imbuan berpandukan prestasi kakitangan.

### Keahlian

BRNC terdiri daripada empat (4) ahli Lembaga dan satu (1) ahli Panel Pelaburan :

- (i) Dato' Siow Kim Lun - Pengerusi;
- (ii) Dato' Mohammed Azlan Hashim - Ahli;
- (iii) Dato' Azmi Abdullah - Ahli;
- (iv) Datuk Azih Muda - Ahli;
- (v) Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad - Ahli (Meletak jawatan pada 31 Oktober 2018); dan
- (vi) Syed Hamadah Syed Othman - Ahli (Dilantik pada 1 November 2018).

Lima (5) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun 2018, termasuk satu (1) mesyuarat Khas BRNC

### Tugas dan tanggungjawab BRNC

#### (i) Berkaitan hal-hal sumber manusia:

- (a) Untuk mengesyorkan keperluan minimum berkaitan kemahiran, pengalaman, kelayakan dan lain-lain kecekapan teras warga kerja KWAP;
- (b) Untuk mengesyorkan dan mengkaji semula terma dan syarat pekerjaan dan perkhidmatan warga kerja;
- (c) Untuk mengesyorkan dan mengkaji semula kod tatalaku dan tatatertib warga kerja;
- (d) Untuk mengesyorkan mekanisme penilaian formal warga kerja;
- (e) Untuk mengesyorkan kenaikan pangkat warga kerja;
- (f) Untuk mengkaji semula dan mengesyorkan kepada Lembaga berkaitan pelantikan dan kenaikan pangkat pihak pengurusan kanan;
- (g) Untuk menyemak dan meluluskan cadangan daripada Pengarah Eksekutif bagi pelantikan eksekutif kanan;
- (h) Untuk mempertimbangkan dan mengesyorkan tempoh perkhidmatan Pengarah Eksekutif;
- (i) Untuk mempertimbangkan pelan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif dan pihak pengurusan kanan;
- (j) Untuk mengesyorkan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif dan pihak pengurusan kanan sekiranya mereka didapati tidak berkesan, menyeleweng dan cuai dalam menjalankan tugas mereka;
- (k) Untuk menentukan imbuhan dan syarat-syarat perjawatan Ketua Pegawai Eksekutif;
- (l) Untuk menentukan kontrak prestasi dan sasaran, serta struktur imbuhan Ketua Pegawai Eksekutif, dan untuk menilai prestasi Ketua Pegawai Eksekutif berbanding sasaran-sasaran ini;
- (m) Untuk mengesyorkan rangka kerja imbuhan Ketua Pegawai Eksekutif dan pihak pengurusan kanan. BRNC boleh mendapatkan nasihat profesional bebas dan sebarang maklumat lain yang diperlukan dalam menentukan rangka kerja;
- (n) Untuk mendapatkan kelulusan Lembaga berkaitan sebarang cadangan bagi bayaran imbuhan dan manfaat Ketua Pegawai Eksekutif dan pihak Pengurusan Kanan (sekiranya ada), termasuk kontrak perkhidmatan dan bayaran pampasan;

- (o) Untuk mewujudkan prosedur formal dan telus untuk membangunkan dasar berkaitan imbuhan Ketua Pegawai Eksekutif dan pihak Pengurusan Kanan (sekiranya ada) dan untuk menetapkan pakej imbuhan masing-masing;
- (p) Untuk mengkaji semula kesemua manfaat dan kelayakan Ketua Pegawai Eksekutif dan pihak Pengurusan Kanan (sekiranya ada);
- (q) Untuk mempertimbangkan komitmen pampasan/ bayaran pemberhentian bagi Ketua Pegawai Eksekutif sekiranya berlaku penamatan awal kontrak pekerjaan/ perkhidmatan; dan
- (r) Untuk mempertimbangkan isu-isu lain yang ditakrifkan oleh Lembaga.

#### (ii) Fungsi-fungsi lainnya termasuk yang berikut:

- (a) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga sebarang skim bayaran berpandukan prestasi bagi KWAP;
- (b) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga dasar dan skop perjanjian perkhidmatan eksekutif, pembayaran pemberhentian dan pampasan;
- (c) Untuk mengawasi sebarang perubahan besar berkaitan warga kerja KWAP; dan
- (d) Untuk mempertimbangkan dan mengkaji perkara relevan yang dianggap sesuai oleh BRNC.

Bil.	Nama	Kehadiran
1	Dato' Siow Kim Lun	5/5
2	Dato' Mohammed Azlan Hashim	5/5
3	Dato' Azmi Abdullah	5/5
4	Datuk Azih Muda	5/5
5	Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad (Meletak jawatan pada 31 Oktober 2018)	4/4
6	Syed Hamadah Syed Othman (Dilantik pada 1 November 2018)	1/1



### Ringkasan Aktiviti-aktiviti BRNC

Antara cadangan yang dipertimbangkan dan disahkan oleh BRNC sepanjang tahun 2018 adalah seperti berikut:

- Pembayaran Bonus Tahun 2017 dan Peningkatan Gaji Tahunan bagi 2018;
- Kelulusan Syarat Pekerjaan Ketua Pegawai Eksekutif;
- Kelulusan pelantikan Ex-Officio KWEST sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWEST Sdn Bhd;
- Cadangan untuk merasmikan strategi perancangan dan strategi pengurusan bakat KWAP; dan
- Pembaharuan beberapa kontrak pekerjaan Ketua Jabatan.

### Jawatankuasa Lembaga Perolehan

Jawatankuasa Lembaga Perolehan (BPC) membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya berkaitan dengan penilaian cadangan perolehan.

### Keahlian

Buat masa sekarang, BPC terdiri daripada empat (4) ahli Lembaga iaitu:

- (i) Datuk Siti Zauyah Md. Desa - Pengerusi;
- (ii) Datuk Saat Esa - Ahli;
- (iii) Datuk Azih Muda - Ahli;
- (iv) Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad - Ahli (Meletak jawatan pada 31 Oktober 2018); dan
- (v) Syed Hamadah Syed Othman - Ahli (Dilantik pada 1 November 2018).

Sepanjang tahun 2018, dua (2) Mesyuarat BPC telah diadakan untuk membincangkan dan mengesyorkan kepada Lembaga cadangan pemerolehan di dalam had bidang kuasanya.

### Tugas dan tanggungjawab BPC:

- (i) Untuk mengkaji semula pendaftaran petender dengan Kementerian Kewangan dan Pusat Khidmat Kontraktor, iklan pelawaan tender, spesifikasi tender, dokumen tender (sekiranya perlu), penyediaan jadual tender oleh Jawatankuasa Pembuka Tender, laporan penilaian teknikal dan kewangan, dan lain-lain;
- (ii) Untuk memastikan yang proses perolehan mematuhi kesemua etika, dasar dan prosedur perolehan;
- (iii) Untuk mengkaji keupayaan teknikal dan kewangan petender. Semasa penilaian dilakukan, cadangan teknikal akan dibuka dan dinilai terlebih dahulu, diikuti dengan cadangan kewangan;
- (iv) Untuk mempertimbangkan dan mengesyorkan pemberian tender yang bermanfaat kepada KWAP, dengan mengambil kira faktor-faktor seperti harga, penggunaan produk/ barangan dan/atau perkhidmatan, tempoh penyerahan atau tempoh siap, kos penyelenggaraan serta faktor-faktor lain yang berkaitan;
- (v) Untuk membuat keputusan mengenai proses tender semula atau mencadangkan mana-mana kaedah perolehan lain, sekiranya BPC mendapati bahawa prosedur perolehan tidak mengikut peraturan-peraturan atau mengesyaki bahawa terdapat penyelewengan dalam proses tender;
- (vi) Untuk mempertimbangkan dan menerima tender yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa dengan sekurang-kurangnya majoriti mudah dan berada dalam had yang diluluskan;
- (vii) Untuk mempertimbangkan dan menerima sebarang sebutharga yang diperakui oleh Jawatankuasa Sebutharga yang melebihi had sebutharga; dan
- (viii) Untuk mempertimbangkan isu-isu perolehan lain sebagaimana yang ditakrifkan oleh Lembaga.

Bil.	Nama	Kehadiran
1	Datuk Siti Zauyah Md Desa	2/2
2	Datuk Saat Esa	0/1
3	Datuk Azih Muda	2/2
4	Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad	2/2
5	Syed Hamadah Syed Othman (Dilantik pada 1 November 2018)	Belum dilantik lagi

#### Pelantikan dan Imbuan Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan

Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan dilantik bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun, dan setelah tamat tempoh tersebut, ahli-ahli layak untuk dilantik semula. Imbuan ahli Lembaga dan Panel Pelaburan ditentukan dari masa ke semasa, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.

Pada tahun 2018, ahli Lembaga dan Panel Pelaburan masing-masing telah menerima imbuan sebanyak RM681,833 dan RM440,120.

#### Konflik Kepentingan

KWAP telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan dasar untuk menguruskan konflik kepentingan yang boleh didapati di laman web kami.

- (i) Konflik kepentingan berkaitan dengan Lembaga KWAP dan ahli Panel Pelaburan ditangani dalam Akta KWAP dan Piagam Lembaga.
- (ii) Tatakelakuan KWAP untuk Aktiviti Pelaburan terpakai kepada semua pekerja untuk menguruskan kerahsiaan berkenaan dengan maklumat harga bukan awam yang berkaitan dengan pelaburan.
- (iii) *Integriti Pact* diterima pakai untuk memastikan semua pekerja dan penyedia perkhidmatan tidak bertindak atas kepentingan peribadi mereka dalam transaksi perniagaan.
- (iv) Dasar *Chinese Wall* boleh dicetuskan untuk mengawal aliran maklumat material tidak awam dan sensitif harga di dalam KWAP untuk menguruskan risiko perdagangan orang dalam dan potensi pelanggaran undang-undang dan/atau peraturan.
- (v) Menguruskan kerahsiaan semua maklumat berkaitan dengan KWAP ditangani oleh Akta Kumpulan Wang Persaraan 2017 (Akta 662).
- (vi) Semua pekerja dikehendaki mengisytiharkan aset mereka di bawah Dasar Pengisytiharan Aset KWAP.
- (vii) Kami menguatkuasakan Polisi Tiada Hadiah selaras dengan amalan industri terbaik.

### 3.2 TADBIR URUS KORPORAT

## Penyata Kawalan Dalaman

### Tanggungjawab

---

#### Lembaga

---

Ahli Lembaga (Lembaga) mempunyai tanggungjawab keseluruhan untuk mewujudkan dan mengekalkan sistem kawalan dalaman yang baik di KWAP. Struktur kawalan terdiri daripada proses untuk mengenal pasti, menilai, mengawasi, mengurus dan memberi respons kepada risiko penting yang dihadapi oleh KWAP ketika kami berusaha untuk mencapai objektif perniagaan kami. Walau bagaimanapun, kawalan ini hanya boleh mengurus dan mengurangkan risiko kami dalam selera risiko yang boleh diterima, dan bukannya menghapuskan risiko kegagalan sepenuhnya. Oleh itu, sistem itu hanya memberi jaminan yang munasabah, bukannya mutlak daripada salah nyata, penipuan atau kehilangan material.

Struktur dan proses kawalan yang telah dimulakan dikaji semula dan dikemas kini dari semasa ke semasa untuk mencerminkan perubahan dalam persekitaran perniagaan.

Lembaga mewakili peranan dan tanggungjawab tertentu untuk kawalan dalaman kepada jawatankuasa Lembaga, iaitu Jawatankuasa Lembaga Audit, Jawatankuasa Lembaga Imbuan dan Pencalonan, Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Jawatankuasa Lembaga Perolehan.

#### Pengurusan

---

Pengurusan bertanggungjawab kepada Lembaga dan bertanggungjawab untuk melaksanakan kawalan dan proses dalaman yang ditubuhkan di KWAP. Pengurusan juga bertanggungjawab untuk pelaksanaan dan komunikasi berkesan tentang keputusan operasi dan pengurusan utama. Pasukan pengurusan memastikan semua dasar dan prosedur yang berkaitan, infrastruktur operasi, sistem dan kawalan kewangan disediakan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurangkan risiko.

## Proses dan Struktur Kawalan Dalaman

Lembaga telah mewujudkan proses utama berikut untuk mengkaji kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman KWAP:

---

### Penubuhan Rangka Kerja, Dasar, Manual dan Prosedur

---

- **Rangka kerja, dasar dan prosedur** •  
Setiap jabatan bertanggungjawab memastikan dokumen-dokumen ini dikuatkuasakan dan dimasukkan ke dalam operasi harian mereka serta dikaji semula secara berkala untuk membina konsistensi ke dalam operasi pengurusan KWAP dan mengubah visi dan misi kami ke arah tindakan berorientasikan hasil.
- **Dasar-dasar sumber manusia** •  
Dasar dan garis panduan tentang pengambilan dan penamatan pekerja, pampasan dan latihan mereka adalah penting dalam menguruskan sumber manusia kita dan mengelakkan konflik kepentingan. KWAP komited untuk meningkatkan kemahiran, kecekapan dan keupayaan kakitangan kami untuk memastikan pelaksanaan tugas yang betul dan profesional.
- **Penilaian prestasi** •  
Kad Skor Korporat telah diwujudkan untuk memetakan strategi, inisiatif perniagaan, perancangan dan pelaporan KWAP terhadap hasil yang dijangkakan. Tinjauan ini dibentangkan kepada Pengurusan setiap suku tahun.

---

### Audit dalaman

---

Fungsi Audit Dalaman dikawal oleh Piagam Audit Dalaman, yang diluluskan oleh Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC). Audit Dalaman adalah penting untuk sistem kawalan dalaman KWAP, dengan Ketua Audit Dalaman melaporkan terus kepada BAC untuk memberi jaminan tentang kecukupan tadbir urus, pengurusan risiko dan keberkesanan keseluruhan sistem kawalan dalaman, dan menyediakan cadangan untuk penambahbaikan .

Pelbagai aktiviti audit dijalankan ke atas aktiviti berkaitan pelaburan, operasi dan teknologi maklumat selaras dengan pelan audit yang diluluskan untuk tahun ini.

BAC membincangkan secara berkala mengenai laporan audit, dengan fokus kepada penambahbaikan bidang ketidakpatuhan dan pelan tindakan yang dilakukan oleh pihak Pengurusan untuk menangani punca-punca utama. Terdapat tindakan susulan berterusan terhadap semua isu audit yang masih belum selesai dan kemas kini berkala dilaporkan Jawatankuasa BAC dan Eksekutif sehingga penutupan.

Sepanjang tahun ini, Metodologi Penilaian Risiko Audit dan Kaedah Audit Dalaman terus ditingkatkan untuk kekal relevan dengan persekitaran operasi dan pengurusan semasa KWAP.

- 
- **Keselamatan maklumat**  
Pengurusan KWAP memanfaatkan teknologi untuk mengekalkan keselamatan data melalui kawalan berpusat sistem *Virtual Desktop Infrastructure (VDI)* dan Sistem Pencegahan Kehilangan Data (DLP).
  - **Penambahbaikan proses pelaburan**  
Peranan Pelaburan merangkumi pembangunan, penyelenggaraan dan kajian berkala terhadap dasar dan prosedur, memastikannya diselaraskan dengan jangkaan keuntungan KWAP.
  - **Dasar perlindungan pemberi maklumat**  
Dasar ini menggalakkan pekerja atau mana-mana pihak berkepentingan lain untuk mengutarakan sebarang kebimbangan serius yang mungkin ada mengenai cara organisasi dijalankan atau tentang kelakuan mereka yang terlibat dalam menjalankannya. KWAP komited untuk mengenal pasti dan menghapuskan sebarang penyelewengan atau aktiviti yang menyalahi undang-undang untuk menegakkan integriti KWAP.
- 

### Pengurusan Risiko


---

Barisan pertahanan kedua yang disediakan melalui penubuhan Jawatankuasa Risiko (RC) membantu Jawatankuasa Lembaga Risiko dalam membincangkan strategi, dasar dan garis panduan pengurusan risiko sebelum ianya diluluskan. Peranan dan tanggungjawab RC termasuklah kajian semula dan penilaian pendedahan risiko KWAP, keputusan berkaitan dasar dan kawalan mitigasi yang sesuai. Oleh itu, fungsi RC adalah untuk memastikan wujudnya infrastruktur, sumber dan sistem untuk pengurusan risiko yang berkesan.

3.2 TADBIR URUS KORPORAT

## Pelaburan yang Bertanggungjawab

Sebagai salah satu pelabur institusi terbesar di negara ini, KWAP berusaha untuk mempengaruhi bagaimana syarikat membuat keuntungan mereka, memastikan pengurusan mereka seimbang dengan kad skor alam sekitar dan sosial yang tinggi dan serta tadbir urus korporat yang baik. Kami juga menjalankan pengawasan alam sekitar, sosial dan pentadbiran (ESG) yang berkesan untuk menyampaikan pulangan jangka panjang yang mapan dengan memasukkan tujuh teras asas ESG ke dalam Garis Panduan ESG KWAP:



Kami berusaha untuk melabur hanya dalam syarikat yang menunjukkan prinsip ESG yang kukuh. Pada 2018, kami melancarkan garis panduan ESG untuk portfolio pendapatan tetap serta portfolio ekuiti domestik dan antarabangsa. Garis panduan ESG akan diperluaskan kepada pelaburan ekuiti persendirian pada tahun 2019.



**Prinsip Pelaburan Yang Bertanggungjawab (PRI) yang disokong Bangsa-Bangsa Bersatu**

Pada 8 Februari 2018, KWAP mengambil inisiatif pelaburan yang bertanggungjawab kami ke platform yang diiktiraf secara global dengan menjadi dana pencen pertama di Malaysia sebagai penandatanganan kepada PRI - organisasi bukan keuntungan bebas yang menggalakkan para pelabur menerima pakai pelaburan yang bertanggungjawab dengan memasukkan enam (6) Prinsip ke dalam keputusan pelaburan dan pemilikan mereka:

**Prinsip 1:**

Kami akan menggabungkan isu-isu ESG ke dalam analisis pelaburan dan proses membuat keputusan.

**Prinsip 2:**

Kami akan menjadi pemilik aktif dan menggabungkan isu-isu ESG ke dalam dasar dan amalan pemilikan kami.

**Prinsip 3:**

Kami akan mendapatkan pendedahan yang sesuai berkaitan isu-isu ESG oleh entiti yang kami melabur.

**Prinsip 4:**

Kami akan mempromosikan penerimaan dan pelaksanaan Prinsip ini dalam industri pelaburan.

**Prinsip 5:**

Kami akan bekerjasama untuk meningkatkan keberkesanan kami dalam melaksanakan Prinsip-prinsip ini.

**Prinsip 6:**

Kami akan melaporkan setiap aktiviti dan kemajuan kami ke arah melaksanakan Prinsip-prinsip ini.

Sebagai penandatanganan, kami komited untuk mengadaptasi Prinsip-prinsip ini dan menyepadukannya dengan prinsip ESG kami sendiri untuk menjana pulangan yang disesuaikan dengan risiko yang berterusan.

KWAP juga terlibat rapat dengan wakil-wakil PRI untuk meningkatkan lagi tadbir urus korporat di rantau ini. Salah seorang pegawai kami telah dilantik sebagai ahli Kumpulan Kerja Pelaburan PRI bagi Minyak Sawit Mampan.



### Memastikan Pelaburan Bertanggungjawab

Untuk memastikan syarikat-syarikat pelaburan kami beroperasi dengan cara yang bertanggungjawab, kami telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang meliputi penglibatan secara berkala melalui lawatan pengurusan, penyertaan aktif dalam mesyuarat agung tahunan (AGM) dan mesyuarat agung luar biasa (EGM), serta kehadiran oleh Jabatan Penyelidikan kami pada taklimat penganalisis mereka. Resolusi kepada syarikat mengenai perkara-perkara seperti latihan korporat, kepelbagaian jantina, isu kemampanan dan alam sekitar dikemukakan sebelum AGM dan diikuti dalam mesyuarat pengurusan berikutnya.

Kami juga berkongsi Garis Panduan Undian kami dengan semua syarikat pelaburan, dengan jelas menggariskan jangkaan kami terhadap:

- ketelusan syarikat dalam mendedahkan prestasi kewangan dan bukan kewangan;
  - dasar yang memastikan penciptaan nilai pemegang saham yang mampan dalam jangka panjang; dan
  - pendedahan ESG dalam laporan tahunan dan laman web mereka.
- Ini semua berfungsi sebagai panduan tentang cara KWAP untuk mengundi bagi resolusi yang dibangkitkan di AGM/EGM. Maklumat lanjut tentang Garis Panduan Pengundian kami boleh didapati di: **[www.kwap.gov.my](http://www.kwap.gov.my)**

Untuk memantau syarikat pelaburan kami, kami mengekalkan daftar pantauan ESG berdasarkan tiga parameter: ESG Scorecard, jejak karbon dan kontroversi. Apa-apa yang ditandakan amaran akan dipantau dengan teliti dengan tujuan menyediakan panduan untuk meningkatkan prestasi mereka.

Di samping itu, KWAP turut menghantar surat tahunan kepada semua syarikat-syarikat pelaburan kami di mana kami menggariskan nilai-nilai KWAP, serta apa yang kami harapkan daripada syarikat-syarikat ini.

### Mengikuti Amalan Terbaik

Untuk terus mengikuti isu-isu ESG terkini dan tadbir urus korporat, KWAP terlibat dengan pengawal selia seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan institusi-institusi yang mempromosikan ESG seperti Bank Dunia, *Minority Shareholders Watchdog Group* (MSWG), *World Wildlife Fund* (WWF) dan ACCA Malaysia.

Kami kekal terlibat dengan isu-isu ESG yang baru muncul melalui keahlian dalam pelbagai organisasi berkaitan seperti *International Corporate Governance Network* (ICGN), *Asian Corporate Governance Association* (ACGA) dan *Institutional Investors Council* (IIC). Ketua Pegawai Eksekutif kami telah berkhidmat sebagai Pengerusi IIC sejak perasmian pada tahun 2015.

Kami juga menyumbang kepada perkongsian pengetahuan dalam persatuan ini. Pada 7-8 November 2018, salah seorang pegawai kami mengambil bahagian sebagai panel penceramah dalam Persidangan Meja Bulat OECD-Asia Tentang Urus Tadbir Korporat yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Sekuriti di Kuala Lumpur.

### Pemantauan Pengurus Dana Luaran

Sebagai sebahagian daripada pelaburan yang bertanggungjawab, kami memantau pengurus dana luaran kami (EFM) dan memastikan mereka mematuhi garis panduan pelaburan kerana mereka mengekalkan tahap prestasi yang tinggi. Tinjauan diadakan secara bulanan atau suku tahunan, manakala lawatan di lokasi dijalankan di premis EFM untuk memastikan kepatuhan kepada terma perjanjian kami.

Sepanjang tahun ini, sebanyak 86 mesyuarat, tiga lawatan tahunan dan dua lawatan pematuan telah dijalankan untuk memantau pematuan EFM dengan prosedur kawalan dalaman yang relevan dan amalan perniagaan terbaik dalam aktiviti perdagangan harian.

Tahun 2018 juga menandakan tahun ketiga KWAP menganjurkan Mandat Ketua Pegawai Eksekutif untuk EFM. Semasa majlis tersebut, yang diadakan pada 8 Februari 2018, Ketua Pegawai Eksekutif kami menyampaikan aspirasi dan harapannya kepada ketua-ketua EFM kami.

Untuk mengiktiraf prestasi dan sumbangan EFM kami kepada pulangan KWAP, buat julung-julung kalinya, kami telah menganjurkan Anugerah EFM 2017 pada 13 April 2018.

## Pengiktirafan daripada ACGA atas Pengaruh Positif terhadap Korporat Malaysia

Dalam Laporan Pemerhatian Tadbir Urus Korporat (CG Watch) 2018, yang diterbitkan dengan kerjasama CLSA Ltd, ACGA mengiktiraf KWAP sebagai salah satu Organisasi Berkaitan Pelaburan Kerajaan (GLIC) yang telah membantu meningkatkan kedudukan tadbir urus korporat Malaysia di Asia dari kedudukan ke-7 hingga ke-4 melalui pengawasan ESG yang dipertingkatkan.

## 3.2 TADBIR URUS KORPORAT Inisiatif pada 2018



Dikeluarkan

**150**  
surat tahunan KWAP  
kepada syarikat penerima  
pelaburan



KWAP mengambil bahagian dalam semua

**3**  
acara Majlis Pelabur Institusi  
(IIC)



Jabatan Penyelidikan kami menjalankan

**798**  
penglibatan



Lawatan pengurusan

**8**  
syarikat pelaburan tempatan



Mengemukakan resolusi kepada

**150**  
syarikat-syarikat sebelum  
AGM/EGM mereka  
dan melaksanakan hak  
mengundi KWAP.



**Meneroka potensi pelaburan**  
semasa lawatan serantau ke Filipina



Mengadakan lawatan peringkat kerja ke

**13**  
syarikat awam tersenarai



### KWAP Mengajukan Persidangan Alam Sekitar 2018

Untuk mengesahkan komitmen kami untuk mengurangkan perubahan iklim, buat pertama kalinya, KWAP mengajukan *KWAP Inspire: Persidangan Alam Sekitar 2018*. Persidangan tersebut diadakan pada 17 & 18 Julai 2018, yang bertindak untuk mewujudkan kesedaran tentang pentingnya perniagaan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar yang mampan bagi menguruskan risiko global, serantau dan tempatan. Ia menarik lebih daripada 450 peserta tempatan dan asing dari syarikat tersenarai awam, institusi kewangan, pemilik aset dan pengurus, NGO dan badan-badan kerajaan. Sebahagian hasil daripada persidangan itu disalurkan kepada NGO tempatan.

### Juara ESG Asia Pasifik

Hasil daripada usaha kami untuk menanamkan ESG ke dalam korporat Malaysia, KWAP telah memenangi Anugerah Kecemerlangan Institusi di bawah kategori kecekapan keupayaan dalam Alam Sekitar, Sosial & Tadbir Urus (ESG) di Majlis Makan Malam Anugerah *Asian Investor* yang telah diadakan di Singapura pada 10 Disember 2018. Program anugerah ini direka untuk mengiktiraf amalan terbaik di kalangan pelabur institusi di seluruh Asia Pasifik dalam pelbagai kategori termasuk keupayaan pelaburan, inovasi serta inisiatif alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).





## BAB 4

# Memulakan Pertumbuhan

Sepanjang dekad yang lalu, kami telah mengimbangi usaha untuk mendapatkan pulangan yang menarik disamping mengekalkan pendekatan yang berhemah untuk memastikan pulangan pelaburan yang optimum secara jangka panjang.



## 4.1 ULASAN EKONOMI &amp; STRATEGI

## Ulasan Ekonomi

Ekonomi dunia terus berkembang pada tahun 2018 dengan didahului oleh AS yang mencatatkan pertumbuhan tahunan yang paling kukuh sejak 2008. Namun pertumbuhan adalah tidak sekata kerana ketegangan perdagangan antara AS dan China telah memberi kesan kepada banyak negara lain, terutamanya China serta rakan dagangnya yang menyaksikan kelembapan yang ketara dalam separuh kedua tahun 2018.

Ekonomi AS telah berkembang dengan pesat pada 2018 sebahagiannya disebabkan oleh pemotongan cukai korporat pada penghujung tahun 2017 yang mendorong penggunaan swasta dan perbelanjaan pelaburan yang lebih tinggi. Akibat pengembangan di luar jangkaan, Federal Reserve telah memulakan kitaran pengetatan dan menaikkan kadar dana Fed sebanyak empat kali pada tahun 2018.

Gabungan kesan kadar faedah yang lebih tinggi dan lembaran imbalan Fed yang berkurangan mencetuskan pergolakan pasaran di seluruh dunia, terutamanya bagi negara-negara ekonomi baru muncul. Pasaran ekuiti global mengalami penjualan secara besar-besaran menjelang akhir tahun 2018, manakala perang perdagangan Presiden Trump terhadap China telah menyebabkan mata wang serantau menjadi semakin lemah berbanding dolar AS.

Negara-negara pasaran maju lain juga menghadapi cabaran struktur mereka sendiri. Ekonomi Eropah bergelut dengan ketegangan perdagangan dan pengaturan ekonomi dengan UK yang bersedia untuk keluar dari Kesatuan Eropah. Ketidaktentuan ini membawa kepada kemerosotan sentimen pengguna dan perniagaan. Inflasi

di Jepun menyimpang jauh daripada sasaran Bank of Japan, menyebabkan bank pusat tiada pilihan lain dan terpaksa meneruskan dasar pengembangan monetari yang menyebabkan lembaran imbangannya meningkat dengan lebih besar berbanding ekonomi.

Di China, pertumbuhan KDNK sebenar berkurangan ke paras terendah dalam tempoh 28 tahun sebanyak 6.6% pada tahun 2018 akibat penurunan permintaan dalaman dan luaran. Secara dalaman, pertumbuhan kredit menjadi lemah akibat usaha untuk mengekang hutang; manakala secara luaran ia menghadapi sekatan perdagangan yang serius yang dikenakan oleh AS. Keadaan kewangan domestik yang lebih ketat telah menyebabkan penurunan harga ekuiti dan sentimen yang suram. Kejatuhan mata wang renminbi China tidak membantu kerana kebimbangan tentang asas ekonomi dan arah tuju dasar pada masa depan menyebabkan pelabur menyusun semula portfolio mereka mengikut risiko yang telah dinilai semula.

Sengketa perdagangan yang berlarutan antara Amerika Syarikat dan China menyebabkan negara-negara ekonomi baharu muncul yang menanggung hutang dolar yang besar





Malaysia dijangka mengekalkan kadar pertumbuhan KDNK sebenar pada

**4.9%**

pada tahun 2019

Sengketa perdagangan yang berlarutan antara Amerika Syarikat dan China menyebabkan ekonomi baru muncul yang memiliki hutang dolar yang besar mengalami penurunan nilai mata wang, seterusnya menimbulkan kebimbangan kesan penularan.

mengalami penurunan nilai mata wang, seterusnya menimbulkan kebimbangan kesan penularan. Beberapa buah bank pusat (India, Indonesia, Mexico dan Filipina) telah menaikkan kadar faedah untuk mengurangkan kesan kejatuhan. Sementara itu, kemerosotan harga komoditi, khususnya minyak, telah menyebabkan keadaan panik di kalangan pelabur yang bimbang dengan nasib negara yang bergantung kepada hasil minyak sebagai sumber pendapatan pentadbiran.

Tahun ini merupakan tahun yang agak menarik buat Malaysia yang menyaksikan pertukaran pentadbiran kerajaan. Walau bagaimanapun, asas ekonomi negara kekal kukuh kerana disokong oleh kepelbagaian eksport, lebih akaun semasa yang berterusan dan sistem perbankan yang kukuh. Namun sebagai sebuah ekonomi yang terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada cabaran luaran. Harga minyak mentah yang tidak menentu juga tidak memberikan kesan positif kepada prospek negara dan mencabar kedudukan fiskalnya. Cabaran luaran dan pembalikan aliran asing pasaran yang baru muncul menyumbang kepada paras ringgit yang tidak menentu, yang kemudiannya mengakhiri tahun dalam keadaan yang stabil.

Melangkah ke hadapan, pentadbiran negara membayangkan ekonomi berkembang pada kadar 4.9% pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, ekonomi domestik terdedah kepada kelembapan perdagangan global, peningkatan perlindungan perdagangan dan kemunculan semula ketidaktentuan pasaran kewangan. Dalam senario ini, risiko pertumbuhan dijangka akan meningkat.

## 4.1 ULASAN EKONOMI &amp; STRATEGI

## Ulasan & Gambaran Keseluruhan Pasaran

### Ulasan Pasaran Ekuiti 2018

#### Malaysia

Tahun 2018 merupakan tahun yang mencabar bagi pasaran ekuiti Malaysia berikutan peningkatan ketidakpastian dalam persekitaran ekonomi luaran. Ini disebabkan oleh kenaikan kadar faedah AS, peningkatan ketegangan perdagangan antara AS dan China serta harga minyak yang tidak menentu.

Pasaran Malaysia sebagaimana yang diwakili oleh FBMKLCI memulakan tahun 2018 secara positif dan meningkat ke paras tertinggi sebanyak 1,895.19 mata pada 19 April berikutan prestasi pasaran global yang kukuh. Kenaikan 25 mata asas bagi kadar dasar semalaman turut menyokong sektor kewangan untuk menjadi sektor dengan prestasi terbaik dalam FBMKLCI.

Namun pasaran mengalami penjualan pada bulan Mei apabila para pelabur bimbang dengan perubahan dasar domestik. Walaupun FBMKLCI mencatatkan penurunan sebanyak 5.9% bagi sepanjang tahun 2018, barometer pasaran Malaysia berada pada kedudukan yang lebih tinggi berbanding kebanyakan pasaran serantau berdasarkan jumlah pulangan dan mengatasi prestasi MSCI AC Asia kecuali Jepun (MXASJ) untuk enam daripada 12 bulan. Prestasi yang lebih tinggi ini sebahagiannya disebabkan oleh keadaan mudah tunai yang kukuh dan sifat bertahan pasaran domestik.

Walaupun indeks mengalami kejatuhan, pasaran Malaysia kekal tinggi berbanding dengan pasaran serantau.

#### Asia Pasifik

Pasaran serantau, seperti yang diwakili oleh Indeks MSCI AP, telah jatuh sebanyak 15.6% pada 2018 untuk ditutup pada 146.71 mata. Pasaran China mengalami tekanan terutamanya disebabkan oleh kelembapan aktiviti ekonomi dan kebimbangan mengenai konflik perdagangan dengan AS. Indeks CSI300 China kehilangan hampir satu perempat daripada nilainya selepas memasuki pasaran menurun separuh pertama tahun 2018, yang juga menandakan China

#### FBMKLCI pada akhir tahun mencatatkan

**1,690.6** mata,

penurunan sebanyak

**5.9%**

#### Indeks MSCI Asia Pasifik pada akhir tahun mencatatkan

**146.7** mata,

penurunan sebanyak

**15.6%**

#### Indeks MSCI AS pada akhir tahun mencatatkan

**2,383.6** mata,


penurunan sebanyak

**7.1%**

sebagai pasaran ekuiti dengan prestasi paling buruk pada tahun lepas.

Pasaran serantau yang lain turut menerima kesan negatif akibat kelembapan di China dan ketegangan perdagangan global. Oleh yang demikian, para pengeksport dari Korea Selatan, Taiwan dan Jepun tidak dapat mencapai keputusan yang diharapkan pada tahun 2018. Penjualan saham di Asia adalah ketara disebabkan oleh pengukuhan dolar AS yang membawa keluar wang daripada pasaran baru muncul yang lebih berisiko selepas para pelabur mengaut keuntungan daripada peningkatan pasaran pada tahun 2017.

## Prestasi Indeks Ekuiti Global pada 2018 (Pulangan Harga dalam MYR)



Sumber: Bloomberg

### AS

Bagi pasaran ekuiti AS, 2018 merupakan tahun terburuk sejak krisis kewangan. Pasaran ekuiti global menurun daripada prestasi yang kukuh pada 2017, akibat kebimbangan mengenai kelembapan ekonomi global dan dasar monetari yang semakin ketat. Keadaan geopolitik yang semakin tegang akibat perang perdagangan yang semakin meningkat antara AS dan China hinggalah Brexit telah membuatkan para pelabur bimbang dan mengambil sikap yang berhati-hati terhadap ekuiti.

Tahun 2018 akan dikenang sebagai tahun dengan keadaan ketidakpastian yang ekstrem. Indeks VIX yang mengukur kemaruhan pasaran ekuiti AS, meningkat pada tahun 2018, dengan lima kenaikan mendadak yang mencapai tahap yang sangat tinggi. Keadaan ini didorong oleh tanda-tanda kelembapan ekonomi global, kebimbangan tentang dasar monetari, keadaan politik yang kucar-kacir, ketakutan inflasi dan kebimbangan tentang peningkatan peraturan dalam sektor teknologi. Sentimen kebimbangan yang meluas menyebabkan

penurunan pasaran AS seperti yang ditunjukkan oleh Indeks MSCI AS, yang jatuh sebanyak 7.1% untuk ditutup pada 2,383.55 mata pada 31 Disember 2018.

### Pasaran Ekuiti pada tahun 2019

Pertumbuhan pendapatan global dijangka sederhana pada tahun 2019. Di AS, jangkaan kelembapan sebahagiannya mencerminkan cabaran yang lebih besar berbanding pada tahun 2018 apabila pemotongan cukai korporat telah memberikan galakan kepada pendapatan syarikat. Menurut data Thomson Reuters, anggaran pertumbuhan pendapatan AS dijangka akan kembali normal daripada paras tinggi 24% pada 2018 kepada 9% pada 2019. Paras ini masih mengatasi purata global. Pasaran yang baru muncul dijangka mengekalkan pertumbuhan pendapatan dua digit, dengan diketuai oleh China apabila sektor teknologinya pulih.

Pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan dan kejatuhan pendapatan ditambah pula dengan ketidakpastian yang lebih tinggi daripada peristiwa-peristiwa seperti pengetatan Rizab Persekutuan AS, perang dagang, ketidakpastian di China, kebimbangan di Itali dan Brexit membayangkan pulangan yang lebih rendah. Pasaran global turut menghadapi risiko yang semakin meningkat daripada keputusan dasar-dasar utama yang memberi kesan kepada ekonomi global dan aliran dana. Namun demikian, kelemahan pasaran juga dilihat sebagai peluang untuk mengumpul ekuiti.

Di pasaran domestik pula, kami percaya bahawa perubahan akan mengambil masa. Malaysia berada teguh pada fasa peralihan apabila para pelabur, perniagaan dan pengguna menyesuaikan diri dengan dasar dan inisiatif yang baharu. Perubahan struktur secara menyeluruh akan mengambil masa untuk dilaksanakan dan akan berhadapan dengan risiko pelaksanaan. Peningkatan kebergantungan pada minyak merupakan satu risiko tambahan apabila Bajet 2019 yang dikeluarkan oleh kerajaan adalah berasaskan harga purata jualan Brent sebanyak USD72 setong. Kebimbangan yang ada ialah risiko terhadap sasaran defisit fiskal sebanyak -3.4% (sebagai % KDNK) bagi tahun 2019. Minyak dan Gas dijangka menjadi 19.5% daripada pendapatan pentadbiran pada tahun 2019 yang akan digunakan untuk membayar kembali Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan bayaran balik cukai pendapatan sebanyak RM37 bilion.

## Ulasan Pasaran Bon 2018

### Bon Berdaulat Malaysia

Tahun 2018 merupakan tahun yang mencabar untuk pasaran bon berdaulat domestik dengan pengetatan monetari AS disebabkan pulangan Perbendaharaan AS yang lebih tinggi, ketegangan perdagangan AS-China dan kemeruapan pasaran ekuiti global yang membawa kepada kelemahan yang menyeluruh bagi pasaran baru muncul.

Sepuluh pertama tahun 2018 merupakan tempoh yang tidak menentu bagi bon berdaulat domestik apabila selera risiko merosot menjelang PRU 14. Hasil Perbendaharaan 10 tahun AS mencapai paras tertinggi sebanyak 3.12% apabila Donald Trump memulakan perang tarif perdagangannya. Beberapa pusingan jualan oleh pelabur asing dalam tempoh tersebut menyaksikan hasil bon domestik meningkat apabila penanda

aras MGS 10 tahun didagangkan pada 4.26% pada bulan Mei, berbanding paras pembukaan 3.96% pada 1 Januari 2018. Sentimen pelabur juga ditekan oleh kebimbangan mengenai kestabilan fiskal Pentadbiran sebagai tindak balas kepada pemansuhan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Pasaran telah menunjukkan pemulihan yang sederhana pada separuh kedua tahun ini dengan disokong oleh permintaan domestik yang kukuh apabila bank-bank dan dana pelaburan tempatan memanfaatkan pulangan hasil yang tinggi dalam sejarah. Kebimbangan mengenai kedudukan fiskal Pentadbiran kembali timbul pada bulan November dengan pengumuman Bajet 2019 di mana defisit 2018 sebanyak 3.7% melebihi jangkaan. Walau bagaimanapun, sentimen negatif telah diatasi oleh situasi optimis berhubung perang dagang AS-China selepas kedua-dua negara bersetuju untuk berdamai selama 90 hari. Jangkaan pengetatan monetari yang lebih perlahan di Amerika Syarikat turut menyokong sentimen risiko dan menyaksikan hasil Perbendaharaan AS 10 tahun diniagakan pada tahap rendah sebanyak 2.74% menjelang akhir tahun 2018. Peningkatan sentimen juga membawa kepada pemulihan secara meluas untuk pasaran bon domestik apabila pulangan hasil menjadi lebih rendah, dengan penanda aras MGS 10 tahun berada pada 4.06% menjelang akhir tahun.

### Pasaran Bon Korporat Domestik

Di Malaysia, prestasi bon mengatasi prestasi saham apabila Indeks Bon Thomson Reuters (TR) BPAM mencapai pulangan sebanyak 4.10%. Indeks Bon TR BPAM Corps menjadikan indeks bon dengan prestasi teratas pada 5.52% diikuti oleh Indeks Bon TR BPAM Quasi dengan pulangan sebanyak 5.45%. Pelabur asing merupakan penjual bon pentadbiran dan bon korporat, dengan jumlah aliran keluar keseluruhan menjadi RM21.9 bilion dan yang terbesar sejak tahun 2008. Ini disebabkan oleh pengetatan kecairan global dan kebimbangan penuluran hutang pasaran baru muncul. Walaupun dalam menghadapi tekanan aliran keluar asing, bon mendapat manfaat daripada sokongan yang diterima daripada pembeli berstruktur jangka panjang.

Bekalan bon korporat dan sukuk merosot kepada RM104 bilion pada 2018 daripada RM122 bilion pada tahun 2017 akibat pengurangan terbitan Jaminan Kerajaan (GG). Penerbitan GG jatuh ke paras RM29 bilion daripada RM38 bilion pada 2017 disebabkan oleh keperluan pendanaan yang lebih rendah

berikutan kajian semula beberapa projek mega oleh Kerajaan. Nilai penerbitan AAA adalah kurang RM5.0 bilion pada RM24.0 bilion. Penerbitan AA kekal sama pada RM30.0 bilion manakala penerbitan tunggal A meningkat sebanyak RM1.0 bilion tahun ke tahun. Bagi segmen tanpa taraf, penerbitan jatuh kepada RM14.0 bilion pada tahun 2018 daripada RM21.0 bilion pada tahun sebelumnya.

Seperti pada tahun-tahun sebelumnya, terbitan bon korporat dan sukuk sebahagian besarnya terdiri daripada infrastruktur (RM36.6 bilion pada 2018 berbanding RM35.9 bilion pada 2017). Penerbitan GG untuk infrastruktur terus menguasai pasaran, dengan mencakupi 60% daripada jumlah bekalan bon dan sukuk infra dalam tahun 2018 berbanding 54% pada tahun 2017. Sektor perkhidmatan kewangan menyaksikan penerbitan yang kedua tertinggi, pada RM22.0 bilion, turun sedikit daripada RM26.3 bilion pada 2017. Penurunan ini disebabkan oleh penerbitan hutang senior dan subordinat yang lebih rendah.

### Kualiti Kredit Domestik

Kualiti kredit tidak menunjukkan tanda-tanda tekanan dengan tiada keingkaran bon pada 2018. Walau bagaimanapun, agensi penarafan telah menerbitkan lebih banyak penurunan taraf (sembilan) berbanding kenaikan taraf (dua), kebanyakannya pada separuh kedua 2018.

Kenaikan taraf terhasil dari industri perbankan manakala kebanyakan penurunan adalah dari sektor media, konsesi tol jalan raya, perbankan (asing), produk perindustrian dan hartanah. Sektor hartanah, produk perindustrian dan sektor media telah terjejas akibat cabaran berkaitan sektor dan bukannya berkaitan isu tertentu. Sektor media, sebagai contoh, berhadapan dengan perubahan struktur ke arah platform digital dan penurunan perbelanjaan pengiklanan oleh korporat.

### Penarafan Berdaulat

Ketiga-tiga agensi penarafan utama (Moody's, S&P dan Fitch) mengesahkan penarafan berdaulat Malaysia walaupun terdapat kebimbangan awal tentang penarafan kredit negatif memandangkan kedudukan fiskal yang lemah dan tahap hutang pentadbiran yang tinggi.

Moody menyatakan bahawa Malaysia mendapat manfaat daripada potensi pertumbuhan yang kukuh dan pasaran modal

domestik yang teguh manakala cabaran termasuklah beban hutang yang tinggi berbanding negara sebaya, pangkalan pendapatan yang sempit dan kecenderungan kepada aliran modal yang berasaskan keyakinan. S&P memandang positif terhadap penekanan pentadbiran untuk mengukuhkan kedudukan fiskalnya. Pengesahan penarafan Fitch bukan sahaja mengambil kira penghapusan Cukai Barangan dan Perkhidmatan, tetapi juga penambahbaikan tadbir urus dan hasrat untuk mengurangkan defisit fiskal.


S&P telah menyemak semula unjuran untuk Australia dari Negatif kepada Stabil dan mengesahkan penarafan AAA berdaulat. Kewangan pentadbiran yang merosot adalah antara sebab unjuran negatif dikenakan untuk Australia pada masa lalu.

Sebagai ringkasan, sebahagian besar negara yang diliputi di bawah Moody menunjukkan unjuran Stabil manakala negara-negara dengan unjuran Negatif berada di rantau Afrika sub-Sahara, Caribbean dan Amerika Latin.

### Pasaran Bon pada Tahun 2019

Pasaran memberi tumpuan kepada kebimbangan pertumbuhan dan risiko kemelesetan apabila bank-bank pusat utama menamatkan pendirian dasar akomodatif masing-masing. Rizab Persekutuan AS mengekalkan pendirian normalisasi kadar pada tahun 2019 yang menyebabkan keluk hasil perbendaharaan AS kekal mendatar. Kebimbangan utama ialah

### Kenaikan dan Penurunan Penarafan Malaysia oleh RAM dan MARC



Sumber: RAM Ratings, MARC

Rizab Persekutuan menjadi terlalu agresif dalam menaikkan kadar faedah lalu menyebabkan pembalikan keluk hasil dan menandakan pertumbuhan yang semakin perlahan dan potensi berlakunya kemelesetan ekonomi.

Kesan limpahan daripada pelbagai cabaran seperti perang dagang, potensi kelembapan di China, pengetatan likuiditi global dan risiko politik berkemungkinan menjejaskan permintaan bon tempatan oleh pelabur global. Kami menjangkakan aliran keluar asing domestik akan kekal sederhana pada tahun 2019 dan bukannya kembali ke paras tahun 2018 disebabkan oleh kenaikan kadar faedah Fed AS yang lebih perlahan. Permintaan domestik daripada dana pencen dan bank dijangka berterusan pada tahun 2019 dengan disokong oleh pertumbuhan aset yang sihat. Kemeruapan pasaran bon yang berhadapan dengan cabaran juga akan mencipta peluang kepada para pelabur.

Ketekunan wajar yang teliti adalah penting untuk mengelakkan sebarang kemungkinan kemerosotan kualiti kredit akibat cabaran luaran. Kami tidak menjangkakan kadar keingkaran akan meningkat secara ketara dalam tempoh terdekat kecuali terdapat penurunan mendadak pertumbuhan KDNK Malaysia.

Penerbitan bon korporat pasaran utama akan pulih kepada sekitar RM90 bilion pada tahun 2019 apabila pentadbiran merasionalisasikan beberapa projek infrastruktur. Walau bagaimanapun, infrastruktur, utiliti dan perkhidmatan kewangan akan kekal sebagai pemacu utama bagi penerbitan pasaran utama. Penerbit dijangka akan memenuhi keperluan pembiayaan semula dengan lebih awal disebabkan kematangan yang lebih besar pada separuh kedua 2019 serta untuk memastikan kos pendanaan yang lebih rendah apabila kadar faedah global semakin meningkat.

### **Landskap Ekuiti Persendirian Tahun 2018**

Sepanjang tahun 2018, industri ekuiti persendirian (PE) dan modal teroka menyaksikan kerancakan pengumpulan dana daripada segi agregat yang memberikan kesan positif kepada pasaran yang disokong oleh pelaburan ekuiti persendirian. Permintaan pelabur kekal kukuh dengan agihan modal yang sihat kepada para pelabur terus meningkatkan aktiviti pembelian.

Tahun 2018 merupakan tahun kelima berturut-turut di mana pengumpulan dana melebihi jumlah USD400 bilion dengan 1,176 dana yang mengumpulkan sebanyak USD432 bilion di seluruh dunia. Pada masa yang sama, jumlah ini adalah lebih rendah berbanding tahun 2017 sebanyak USD566 bilion. Penurunan ini mungkin menjadi petanda awal bahawa ketidakpastian pasaran mula memberi kesan kepada aktiviti pelabur.

Dana belian telah menguasai pasaran dengan 215 dana yang mengumpulkan sebanyak USD235 bilion manakala dana modal teroka telah melalui tahun yang memberangsangkan dengan 605 instrumen dimuktamadkan.

Instrumen berfokuskan Amerika Utara telah mengumpulkan modal ekuiti persendirian yang paling banyak berbanding rantau lain pada tahun 2018 diikuti oleh dana yang menyasarkan Eropah, Asia dan bahagian lain di dunia. Bagi jumlah dana yang terkumpul, bahagian dana yang berfokuskan Asia bagi tahun 2018 adalah enam mata peratusan lebih rendah berbanding 2017 dan menandakan bahagian pasaran paling kecil oleh rantau ini sejak tahun 2013. Walau bagaimanapun, dana yang berfokuskan Amerika Utara dan Eropah menyaksikan peningkatan jumlah modal masing-masing sebanyak empat dan dua mata peratusan.


Walaupun selera para pelabur untuk kelas aset tidak menunjukkan tanda-tanda akan berkurangan, ketidakpastian berhubung penilaian serta jangkaan pembetulan pasaran yang semakin meningkat menunjukkan bahawa pelabur semakin mencari jenama yang diiktiraf dan pengurus yang dikenali.

### **Landskap Infrastruktur 2018**


Pelabur melabur dalam infrastruktur untuk kepelbagaian, pulangan diselaraskan risiko tinggi dan aliran pendapatan yang boleh dipercayai yang disokong oleh aset sebenar. Sebanyak USD90 bilion telah dilaburkan dalam 68 dana yang dimuktamadkan pada tahun 2018, yang merupakan rekod tertinggi, jauh melebihi pelaburan yang dibuat pada 2017, iaitu sebanyak USD75 bilion. Walaupun modal yang berjaya diperoleh ini meningkat, jumlah dana yang dimuktamadkan tahun lepas jatuh dengan ketara kepada 68 berbanding 94 dana pada tahun 2017, yang menggambarkan bahawa modal tersebut semakin tertumpu dalam kalangan pengurus yang lebih kecil.




**Pengumpulan Dana Ekuiti Persendirian Global Tahunan, 2008-2018**



**Pengumpulan Dana Ekuiti Persendirian Global pada tahun 2018 mengikut Jenis Dana**



**Pengumpulan Dana Ekuiti Persendirian pada Tahun 2018 mengikut Fokus Geografi Utama**





Dana yang memfokuskan kepada Amerika Utara terus menguasai pasaran pengumpulan dana infrastruktur tidak tersenarai, meningkatkan USD49.0 bilion, yang mewakili bahagian terbesar Amerika Utara (54%) daripada jumlah global sejak krisis kewangan global. Rancangan untuk pelaburan dalam infrastruktur Amerika Syarikat oleh Pentadbiran AS adalah tanda positif bagi pengurus dana mencari peluang dalam ruang ini. Awal tahun 2018 pelan yang dilancarkan adalah sebanyak USD200 bilion yang dibelanjakan mengikut bajet Persekutuan AS bagi merangsang perbelanjaan berjumlah USD1.5 trilion untuk tempoh lebih sedekad.

Dana yang memfokuskan kepada Eropah mencatatkan pertumbuhan terbesar (48%) dari segi bahagian pasaran semua wilayah dari 2017, memperoleh USD35 bilion atau 41% daripada jumlah keseluruhan pada 2018. Jumlah ini dibandingkan dengan USD24 bilion pada tahun 2017 dan menandakan bahagian terbesarnya dalam pengumpulan dana global. Berbeza dengan pertumbuhan yang dilihat di pasaran yang disebutkan di atas, dana yang menyasarkan Asia dan bahagian lain dunia memperoleh agregat USD6.3 bilion, merosot dari USD14 bilion pada 2017, kerana para pelabur semakin memandangkan pasaran infrastruktur mapan dan berpeluang lebih besar di Amerika Utara dan Eropah.

Pada tahun 2018, dana dengan strategi kepelbagaian (melabur dalam pelbagai jenis aset infrastruktur dan sektor) menyumbang hampir separuh daripada dana yang dimuktamadkan dan tiga perempat daripada pengumpulan modal infrastruktur tidak tersenarai, di mana masing-masing meningkat daripada 43% dan 65% pada 2017. Di tengah-tengah persaingan untuk aset dan kenaikan harga, keupayaan pengurus untuk menerapkan modal secara efektif melalui strategi kepelbagaian adalah pembezaan/faktor penting bagi para pelabur dengan kebimbangan tentang pelaksanaan perjanjian yang berpotensi. Dana kepelbagaian yang dimuktamadkan pada 2018 mencatatkan saiz purata lebih daripada USD2.0 bilion, berbanding USD1.3 bilion pada tahun 2017, yang memberi kesan ketara kepada peningkatan keseluruhan pasaran dalam saiz purata dana yang dilihat pada 2018. Situasi ini didorong secara konsisten oleh dana yang lebih besar yang berjaya mencapai penutupan akhir - 12 dana telah mengumpul USD2.0 bilion atau lebih berbanding dengan empat pada 2017.

## 2019 Tinjauan Landskap Ekuiti & Infrastruktur Persendirian


Industri ekuiti persendirian telah menyaksikan pertumbuhan yang kukuh sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dengan aliran tunai kepada pelabur yang mencetuskan aktiviti pengumpulan dana yang begitu aktif. Walau bagaimanapun, tahun 2019 mungkin memperlihatkan dinamik pasaran baharu dan peluang baharu. Dalam konteks persaingan yang semakin meningkat dan trend penilaian tinggi yang berterusan, peserta industri percaya pasaran ekuiti persendirian mungkin berada di ambang pembetulan. Walau bagaimanapun, sukar untuk menentukan bila pembetulan ini akan berlaku.

Walaupun apa pun, pengurus dana mempunyai pelbagai kaedah untuk mengurus cabaran-cabaran kitaran. Sebagai contoh, bagi ekuiti persendirian yang tertekan, ia menjadi strategi pelaburan khusus yang luas bertujuan untuk mendapatkan pendedahan kepada syarikat-syarikat yang berada dalam kesulitan kewangan akibat iklim ekonomi yang sukar. Ekuiti sedemikian menawarkan kepelbagaian dan potensi pulangan yang lebih tinggi dalam persekitaran tersebut. Dengan cara ini, pelaburan dalam ekuiti persendirian yang tertekan boleh bertindak sebagai penampungan kepada portfolio pelaburan sedia ada semasa tempoh kemerosotan. Lebih-lebih lagi, pemilihan pengurus yang terbukti dengan pulangan sepanjang kitaran dan pengurus dengan kepakaran operasi/sektor yang berbeza juga boleh menjadi strategi yang baik dalam kemelesetan ekonomi.


Di samping itu, walaupun pelabur berhati-hati terhadap persekitaran penilaian yang tinggi, membayar harga tinggi bagi syarikat portfolio atau aset tidak semestinya mengurangkan pulangan. Dengan maklumat yang betul, tumpuan terhadap model perniagaan yang mampan dan struktur pendanaan dapat membawa kepada prestasi yang kukuh.

Dalam ruang infrastruktur, minat pelabur tidak merosot kerana industri ini mempunyai beberapa pemangkin. Sebagai contoh, Inisiatif Satu Jajaran, Satu Laluan negara China dan pakej infrastruktur Pentadbiran AS yang mungkin besar menunjukkan defisit yang tinggi dalam landskap infrastruktur global, menarik pelabur baru dan modal kepada kelas aset. Lagi pun, aset infrastruktur dapat memberi aliran pendapatan yang boleh dipercayai dan mempunyai korelasi yang rendah berbanding kelas aset yang lain.


**Pengumpulan Dana Infrastruktur Tidak Terserai Global Tahunan, 2008-2018**



**Pengumpulan Dana Infrastruktur Tidak Terserai pada Tahun 2018 mengikut Fokus Geografi Utama**



**Pengumpulan Dana Infrastruktur Tidak Terserai pada Tahun 2018 mengikut Industri**




4.2 CARUMAN & PELABURAN

## Pengurusan Caruman

Caruman daripada Kerajaan Persekutuan, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan dan agensi memainkan peranan utama dalam pertumbuhan dana tahunan KWAP.

Untuk tahun kewangan 2018, KWAP menerima caruman sebanyak RM3.37 bilion. Jumlah ini merangkumi RM500 juta daripada Kerajaan Persekutuan, RM1.62 bilion daripada bahagian Kerajaan agensi Kerajaan yang menyumbang, dan baki RM1.25 bilion daripada majikan. Jumlah ini adalah RM140 juta kurang daripada jumlah caruman yang diterima pada tahun 2017, disebabkan oleh pengurangan caruman Pentadbiran daripada agensi yang mencarum.

### Sumber Caruman: 2018




Caruman Persekutuan  
**RM500  
Juta**


Bahagian Pentadbiran  
**RM1.62  
Bilion**

Caruman Majikan  
**RM1.25  
Bilion**


### Jumlah Caruman 2016-2018



### Caruman Suku Tahun 2018, mengikut Jenis



### Bilangan Kakitangan, mengikut Kategori



**20 Pencarum Tertinggi**

<b>Bil.</b>	<b>Majikan</b>	<b>RM (juta)</b>
1	Universiti Teknologi Mara	166.13
2	Majlis Amanah Rakyat	83.05
3	Universiti Kebangsaan Malaysia	67.11
4	Universiti Teknologi Malaysia	45.72
5	Universiti Putra Malaysia	42.09
6	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	39.14
7	Universiti Malaya	35.85
8	Hospital Universiti Sains Malaysia	32.84
9	Universiti Sains Malaysia	28.00
10	Universiti Utara Malaysia	25.08
11	Pusat Perubatan Universiti Malaya	22.79
12	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah	21.73
13	Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia	18.14
14	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	17.43
15	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	17.37
16	Universiti Pendidikan Sultan Idris	17.30
17	Lembaga Pertubuhan Peladang Kuala Lumpur	15.90
18	Universiti Malaysia Sarawak	15.82
19	Universiti Malaysia Sabah	15.01
20	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	14.54
		741.04

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan pada tahun 2018 untuk meningkatkan lagi caruman pencen di bawah pengurusan KWAP. Ini termasuk menjalankan Penyusunan Semula Proses Pelaburan yang melibatkan kajian semula fungsi utama yang sedia ada, sistem digital dan sumber manusia untuk meningkatkan keupayaan operasi kami.

Lanjutan dari tahun-tahun sebelumnya, majikan digalakkan untuk menghantar caruman mereka melalui Pindahan Dana Elektronik (EFT). Pada 31 Disember 2018, 391 majikan (atau 81% daripada jumlah keseluruhan) menggunakan kemudahan pembayaran EFT.



Kami berusaha untuk membangunkan hubungan yang erat dengan majikan, dan terlibat bersama mereka dengan kerap untuk memastikan mereka dikemaskini tentang hal-hal caruman. Sebanyak 48 lawatan penglibatan dan penguatkuasaan pematuhan telah dijalankan pada tahun ini di pelbagai kementerian, setiausaha negeri, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun dan agensi yang berkaitan dengan Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 / 2018. Di samping itu, Program Kesedaran selama tiga hari telah dijalankan di pejabat kami pada bulan Oktober 2018 untuk mengemaskini majikan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan caruman.

Untuk mengukur tahap kepuasan majikan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh KWAP, kami menjalankan Tinjauan Pelanggan pada setiap tahun. Pada tahun 2018, kami mendapat markah 77%, yang dianggap memuaskan.

### 4.3 PRESTASI KAMI

## Strategi & Prestasi Pelaburan

Tahun 2018 menyaksikan persekitaran yang mencabar untuk pelaburan secara keseluruhan dan mencerminkan ketidaktentuan makro ekonomi dan geopolitik. Selepas pertumbuhan selama dua tahun, Indeks MSCI World telah memberikan pulangan negatif -9.59% (dalam MYR). Dalam pasaran bon domestik pula, walaupun penerbitan bon korporat domestik mengatasi paras RM100 bilion untuk tahun yang kedua, nilai penerbitan telah jatuh dari RM122 bilion pada 2017 kepada RM104 bilion.

Walaupun berdepan dengan cabaran ini, KWAP telah mencatatkan pendapatan pelaburan kasar kedua tertinggi sebanyak RM7.06 bilion. Kadar pulangan berwajaran masa (TWRR) kami untuk tahun ini telah melebihi penanda aras kami sebanyak 0.17%, dan selama tempoh 10 tahun, kami telah mencapai TWRR sebanyak 6.44%, melebihi penanda aras campuran sebanyak 1% atau 544 mata asas.

Setakat 2018, kami tidak lagi menghadkan tumpuan untuk mengukur prestasi kami dari segi pulangan pelaburan (ROI) tetapi akan berkembang untuk meliputi jumlah pulangan kerana ia menyediakan cara yang lebih menyeluruh dan mampan untuk menguruskan pelaburan kami. Pendekatan ini membolehkan kami mengembangkan dana secara mampan kerana ia mengambil pendekatan portfolio secara menyeluruh sambil menguruskan risiko secara dinamik.

SAA untuk tahun 2018 telah disemak semula untuk mengambil kira persekitaran makro, dan telah diluluskan oleh Lembaga pada bulan Mac. SAA kami kemudiannya telah berubah untuk meningkatkan kepelbagaian portfolio kami dari segi kelas aset, geografi dan strategi. Pada tahun 2018, peruntukan yang lebih besar telah diberikan kepada pelaburan alternatif dengan sumber pulangan yang berkemungkinan tidak berkait bagi menguruskan risiko kami dengan lebih baik. Pelaburan alternatif juga membolehkan kami memanfaatkan tema dan trend yang baru muncul.

Dari segi kepelbagaian geografi, tahun ini kami telah mula melangkah masuk ke pasaran ekuiti China dengan melabur terus dalam saham A yang tersenarai pada Bursa Saham Shanghai dan Shenzhen. Kami juga telah mempelbagaikan portfolio hartanah antarabangsa kami dengan pembelian penginapan pelajar di UK. Pelaburan antarabangsa kami telah berkembang dengan pesat sejak beberapa tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, sebahagian besar (87%) daripada aset kami masih di Malaysia.

Pada akhir tahun 2018, saiz dana kami berjumlah RM136.51 bilion, 3.1% kurang daripada RM140.80 bilion pada penghujung 2017.

### Strategi Pelaburan

KWAP berusaha untuk memaksimumkan jumlah pulangan kami secara mampan menerusi strategi pelaburan dinamik selaras dengan selera risiko dana. Untuk meningkatkan pulangan berwajaran risiko, kami berusaha untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan kami dengan peruntukan ke dalam spektrum kelas aset di lokasi geografi yang berbeza. Ini telah menyaksikan kami mengembangkan pelaburan kami ke luar negara dan merangkumi kelas pelaburan alternatif, sambil meningkatkan jumlah yang diperuntukkan kepada EFM.

Kami berhasrat untuk menyertai pelaburan ekuiti persendirian terutamanya dalam perkongsian dengan pengurus pelaburan khusus atau dengan memanfaatkan rangkaian, sektor dan kepakaran geografi rakan kongsi kami untuk mencari peluang pelaburan langsung dan pelaburan bersama jangka panjang. Kami mempunyai pelaburan strategik dengan pelbagai firma ekuiti persendirian terkemuka di pelbagai kawasan geografi yang membuka peluang modal swasta di pasaran yang tidak dapat kami akses secara mudah.

Pasukan infrastruktur menggunakan pendekatan yang sama dan melabur secara jangka panjang di seluruh dunia, terutamanya dalam sektor jana kuasa dan telekomunikasi



KWAP berusaha untuk memaksimalkan jumlah pulangan dana secara mapan menerusi strategi pelaburan dinamik selaras dengan selera risiko dana.



dengan fokus terhadap pelaburan langsung, termasuk platform dan pelaburan bersama.

Kami terus menyalurkan dana untuk mengukuhkan pendedahan kami kepada pelaburan Syariah, ESG, Modal Kecil dan Pelaburan Mutlak domestik. Ini dilakukan melalui suntikan modal tambahan ke dalam EFM berprestasi tinggi dan menambah EFM baru kepada mandat yang sedia ada.

Walaupun perlantikan EFM melalui proses pemilihan yang ketat, kami secara aktif memantau prestasi mereka apabila mereka mula melabur bagi pihak KWAP. Ini memerlukan interaksi yang kerap dan langsung dengan pengurus pelaburan supaya kami dapat memastikan penjajaran kepentingan yang sewajarnya antara pengurus dan pelabur.

Pada bulan November 2018, KWAP memulakan proses penandaan portfolio teras dan bukan teras kami untuk membangunkan aliran pendapatan yang lebih mudah dijangka dan mantap secara tahun ke tahun, seterusnya meningkatkan prestasi dan kedudukan kewangan kami (iaitu Penyata Untung Rugi dan Lembaran Imbangan). Penandaan

adalah berdasarkan sumber pulangan, dengan pelaburan yang menyediakan pulangan berasaskan pendapatan yang membentuk portfolio teras manakala portfolio yang menghasilkan keuntungan modal membentuk komponen bukan teras.

Secara jangka sederhana hingga panjang, komponen teras akan menyediakan pendapatan yang stabil dan pulangan daripada dividen, pembayaran kupon, pendapatan sewa dan hasil keuntungan. Komponen ini berfungsi sebagai bahagian perlindungan dari keseluruhan portfolio semasa pasaran menurun dan akan menjadi lebih stabil. Walaupun ciri portfolio adalah sedemikian, namun hasil pendapatan masih boleh diperolehi sekiranya ada keperluan. Komponen bukan teras, yang secara teknikalnya bersifat jangka pendek, lebih mudah terdedah kepada pergerakan pasaran. Pulangan dari komponen ini datangnya dari perubahan harga/ keuntungan modal dalam ekuiti, pendapatan tetap dan penilaian semula aset alternatif.

Pada masa yang sama, penggunaan jumlah pulangan kekal menjadi bahagian penting bagi prestasi jangka

#### TWRR Lima Tahun Ekuiti

Mengatasi penanda aras sebanyak

**255**  
mata asas

#### Bon Berdaulat Domestik

Mencapai TWRR sebanyak

**4.50%**

vs

Penanda aras

**3.60%**

#### Bon Korporat Domestik

Mencapai TWRR sebanyak

**5.51%**

vs

Penanda aras

**4.65%**

#### Pendapatan Tetap Antarabangsa

TWRR Lima Tahun  
Ekuiti sebanyak

**1.33%**

vs

Penanda aras

**0.74%**

panjang KWAP ia membolehkan Dana mengaut pelbagai sumber pulangan, iaitu pendapatan dan pertumbuhan modal (dan pengkealan).

### Prestasi Pelaburan

Setakat 31 Disember 2018, Pendapatan Tetap membentuk 50.88% daripada jumlah keseluruhan dana kami, Ekuiti 42.6% dan Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur 2.9%, manakala Hartanah merangkumi bakinya. Portfolio Pelaburan Alternatif kami telah mencapai prestasi yang cemerlang dengan mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 13.38% untuk tahun 2018. Pendapatan Tetap memberikan pulangan sebanyak 4.58% pada tahun 2018. Jumlah ini adalah kurang sedikit berbanding 4.62% yang dicapai pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, portfolio Ekuiti kami paling banyak menerima kesan persekitaran yang mencabar, dan mencatatkan pulangan -10.1%.

Jumlah hasil pendapatan pelaburan kami sebanyak RM5.93 bilion terdiri daripada Pendapatan Tetap sebanyak RM3.37 bilion, Ekuiti sebanyak RM1.91 bilion dan Pelaburan Alternatif sebanyak RMO.65 bilion.

Portfolio yang diurus secara dalaman terus mencapai keputusan yang sangat menggalakkan, dengan kebanyakannya mengatasi penanda aras masing-masing. Bagi Ekuiti domestik pula, kami telah mengatasi prestasi penanda aras sebanyak 347 mata asas untuk lima tahun TWRR. Kami turut mencapai TWRR sebanyak 4.50% bagi bon berdaulat domestik, dan TWRR sebanyak 5.51% bagi bon korporat domestik. Bon korporat domestik telah mengatasi prestasi pulangan Indeks Sederhana Quantshop Corporate penanda aras sebanyak 4.65%. Portfolio Pendapatan Tetap antarabangsa kami yang diuruskan secara dalaman telah mencapai TWRR sebanyak 1.33% berbanding pencapaian penanda aras sebanyak 0.74%.

EFM kami turut mencapai prestasi yang baik dalam kebanyakan kelas aset. Semua portfolio Ekuiti antarabangsa kami yang diurus secara luaran, kecuali Euro AR yang baru diwujudkan, telah mengatasi penanda aras masing-masing. Mandat UK dan Euro mengatasi prestasi Indeks FTSE100 dan

Indeks MSCI Euro masing-masing sebanyak 234 mata asas dan 173 mata asas, manakala mandat ESG Global mengatasi penanda aras masing-masing dengan 897 mata asas dan 659 mata asas.

Dari segi Pendapatan Tetap antarabangsa pula, EFM kami mengatasi penanda aras yang ditetapkan masing-masing sebanyak 85 mata asas dan 38 mata asas untuk satu tahun dan tiga tahun secara berkala.

Prestasi kukuh Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur telah disumbangkan sebahagiannya oleh penjualan ekuiti KWAP dalam Munchy Food Industries Sdn Bhd (Munchys), yang merupakan pelaburan bersama dengan rakan kongsi dana serantau.

### Impak MFRS9 terhadap Pendapatan KWAP

Pada tahun 2018, sejajar dengan penggunaan standard perakaunan MFRS9, rakaman prestasi pelaburan telah mencerminkan pendekatan baharu dalam dasar perakaunan. MFRS9 mengiktiraf perubahan bersih dalam keuntungan / kerugian tidak direalisasi bagi aset pelaburan yang dikelaskan sebagai Nilai Saksama Melalui Penyata Untung Rugi (FVTPL) dalam penyata untung rugi, berbanding MFRS139 yang mengiktiraf perubahan bersih dalam keuntungan / kerugian tidak direalisasi bagi rizab aset pelaburan yang dikelaskan sebagai sedia untuk dijual. Semasa penggunaan MFRS139, semua pelaburan ekuiti dikelaskan sebagai sedia untuk dijual.

Sehubungan dengan pendekatan baharu dan untuk terus mencerminkan ciri-ciri dana pelaburan jangka panjang, pendekatan pengurusan pelaburan ekuiti berubah menjadi pendekatan dua arah, iaitu melalui portfolio FVTPL dan Nilai Saksama Melalui Lain-lain Pendapatan Komprehensif (FVOCI). MFRS9 membolehkan pemilihan FVOCI tanpa boleh diubah berdasarkan instrumen. Instrumen yang dikelaskan di bawah FVOCI hanya boleh mengiktiraf dividen dalam untung rugi manakala perubahan bersih dalam untung rugi tidak direalisasikan diiktiraf dalam rizab, berbanding FVTPL yang mengiktiraf kedua-dua dividen dan perubahan bersih dalam untung rugi tidak direalisasi dalam penyata untung rugi.

### 4.3 PRESTASI KAMI

## Ekuiti

Jumlah pasaran ekuiti KWAP setakat 31 Disember 2018 berjumlah RM58.21 bilion, mewakili 42.62% daripada jumlah aset kami. Ekuiti domestik menyumbang 84% daripada jumlah pendedahan ekuiti kami, dengan 86% diurus secara dalaman dan selebihnya disalurkan kepada EFM yang dilantik oleh KWAP.

Ekuiti mengatasi prestasi penanda aras campuran tiga dan lima tahun, seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

	2018 (%)	2017 (%)	3 Tahun (%)	5 Tahun (%)
Jumlah Ekuiti	-10.10	15.03	1.87	1.87
Penanda Aras				
Campuran	-9.06	12.40	0.58	-0.68
<b>Alpha</b>	<b>-1.05</b>	<b>2.63</b>	<b>1.29</b>	<b>2.54</b>

Pada tahun 2018, kami merealisasikan jumlah pendapatan sebanyak RM1.91 bilion daripada pelaburan ekuiti, dengan sebahagian besarnya (85%) diperoleh daripada ekuiti domestik.

### Ekuiti Domestik yang Diuruskan Secara Dalaman

Pada tahun 2018, kami telah membahagikan ekuiti domestik yang diuruskan secara dalaman kepada portfolio teras dan bukan teras. Portfolio teras mencerminkan strategi pelaburan jangka panjang kami yang memberi tumpuan kepada peningkatan nilai aset bersih (NAV) serta pendapatan tetap yang semakin bertambah daripada dividen. Sementara itu, portfolio bukan teras pula mencerminkan strategi perdagangan jangka pendek.

Bagi kadar pulangan berwajaran masa (TWRR), ekuiti domestik yang diuruskan secara dalaman telah mengatasi prestasi penanda aras masing-masing sebanyak 209 mata asas dan 347 mata asas.


Daripada segi pulangan yang direalisasikan, kami telah mencatatkan jumlah pendapatan yang direalisasikan sebanyak RM1.31 bilion.

### Ekuiti Antarabangsa yang Diuruskan Secara Dalaman


Penyertaan KWAP dalam ekuiti antarabangsa bermula pada tahun 2012 selepas pelancaran mandat ekuiti antarabangsa yang diuruskan secara dalaman untuk pasaran Asia Pasifik. Pada tahun 2017, kami telah meluaskan pasaran meliputi ekuiti AS. Pada penghujung tahun 2018, kami telah mencipta sejarah dengan memasuki pasaran kewangan China dengan melabur secara terus dalam saham-A yang tersenarai di Bursa saham Shanghai dan Shenzen dengan menggunakan platform Stock Connect Bursa Saham Hong Kong. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada penerimaan KWAP terhadap penyertaan saham-A China ke dalam indeks MSCI pada Julai dan September 2018.

Secara keseluruhannya, tahun 2018 adalah tahun yang sukar untuk pasaran ekuiti global dengan Indeks MSCI World memberikan pulangan -9.59% (dalam MYR), selepas

### Saiz Dana Ekuiti mengikut Rantau



### Saiz Dana Ekuiti mengikut Pengurus



pertumbuhan harga aset selama dua tahun. Walaupun dengan pertumbuhan dan pendapatan korporat yang kukuh di AS, pertumbuhan ekonomi di tempat lain menguncup terutamanya di zon Euro dan China, manakala pertumbuhan global pula tidak lagi serentak. Keadaan ini diburukkan lagi oleh pengetatan dasar monetari di Amerika Syarikat, dan retorik perang dagang. Ketika Presiden Donald Trump dari AS bersedia untuk mengenakan lebih banyak tarif bagi menutup jurang defisit perdagangan sebanyak lebih USD300 bilion, ketidaktentuan pula semakin meningkat terutamanya dalam tiga bulan terakhir tahun 2018.

Pasaran yang tidak menentu pada tahun 2018 menyaksikan portfolio ekuiti antarabangsa yang diuruskan secara dalaman mencatatkan TWRR -14.09% berbanding penanda aras sebanyak -9.59%. Pada masa yang sama, KWAP telah mencatatkan jumlah pendapatan direalisasikan sebanyak RM237.50 juta.

### Ekuiti Domestik yang Diuruskan Secara Luaran

Jumlah portfolio ekuiti yang diuruskan oleh EFM domestik terdiri daripada 5.2% daripada jumlah saiz dana KWAP sebanyak RM136.57 bilion. Daripada 22 EFM domestik kami, lima menguruskan mandat Konvensional, Syariah dan Modal Kecil; empat menguruskan mandat Pulangan Mutlak; dan tiga menguruskan mandat Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Setakat 31 Disember 2018, EFM ekuiti domestik KWAP mencatatkan agregat pendapatan yang direalisasikan sebanyak RM34.77 juta. Secara agregat, semua mandat sumberan luar kecuali mandat Modal Kecil tidak dapat mengatasi prestasi penanda aras masing-masing.

**Senarai Pengurus Dana Luaran Domestik setakat 31 Disember 2018**

	<b>Penubuhan Dana</b>		<b>Penubuhan Dana</b>
<b>Konvensional</b>		<b>Modal Kecil</b>	
CIMB-Principal Asset Management Sdn Bhd	2005	Affin Hwang Asset Management Berhad	2014
Nomura Asset Management Malaysia Sdn Bhd	2007	Maybank Asset Management Sdn Bhd	2015
Aberdeen Standards Investments (Malaysia) Sdn Bhd	2008	Eastspring Investments Berhad	2015
Kenanga Investors Berhad	2011	UOB Asset Management (Malaysia) Sdn Bhd	2017
Affin Hwang Asset Management Berhad	2016	Amundi Malaysia Sdn Bhd	2017
<b>Islamik</b>		<b>Persekitaran, Sosial &amp; Tadbir Urus (ESG)</b>	
i-VCAP Management Sdn Bhd	2011	VCAP Asset Managers Sdn Bhd	2014
CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd	2012	BNP Paribas Asset Management Malaysia Sdn Bhd	2015
Amlamic Fund Management Sdn Bhd	2012	Corston-Smith Asset Management Sdn Bhd	2015
AIIMAN Asset Management Berhad	2015	<b>Pulangan Mutlak</b>	
MIDF Amanah Asset Management Berhad	2016	Eastspring Investments Berhad	2018
		Aberdeen Standards Investments (Malaysia) Sdn Bhd	2018
		MIDF Amanah Asset Management Berhad	2018
		Affin Hwang Asset Management Berhad	2018

### **Ekuiti Antarabangsa yang Diuruskan Secara Luaran**

Pada tahun 2018, pelaburan antarabangsa KWAP yang diuruskan secara luaran adalah dalam lima mandat, iaitu United Kingdom (UK), Eropah (Euro), Pulangan Mutlak Eropah (Euro AR), Asia Pasifik kecuali Jepun (APEXJ) dan Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus Global (ESG). Subsidiari milik penuh kami, Prima Ekuiti (UK) Limited (Prima Ekuiti) bertanggungjawab untuk mandat UK, Euro dan Euro AR, manakala mandat APEXJ diuruskan oleh State Street Global Advisors Asia Limited (SSGA) dan Invesco Asset Management Singapore Limited (Invesco) dan mandat Global ESG pula dikendalikan oleh Nikko Asset Management Asia Limited (Nikko) dan LGT Capital Partners (LGT).

Setakat 31 Disember 2018, EFM ekuiti antarabangsa KWAP mencatatkan pendapatan yang direalisasikan antara 1.7% dan 8.7% untuk jumlah sebanyak RM322.89 juta. Semua portfolio mengatasi prestasi penanda aras masing-masing kecuali AR Euro yang baru ditubuhkan. Mandat UK dan Euro berjaya mengatasi prestasi Indeks FTSE100 dan Indeks MSCI Euro masing-masing sebanyak 234 mata asas dan 173 mata asas. Mandat ESG Global menunjukkan pencapaian yang sangat baik dengan Nikko mengatasi penanda aras sebanyak 897 mata asas manakala LGT mengatasi penanda aras MSCI ACWI ESG sebanyak 659 mata asas.

### **Senarai EFM Antarabangsa setakat 31 Disember 2018**

	<b>Penubuhan Dana</b>
<b>UK</b>	
Prima Ekuiti (UK) Ltd	2012
<b>Eropah</b>	
Prima Ekuiti (UK) Ltd	2014
<b>Pulangan Mutlak Eropah</b>	
Prima Ekuiti (UK) Ltd	2018
<b>Asia Pasifik kecuali Jepun</b>	
State Street Global Advisors Ltd	2011
Invesco Asset Management Singapore Ltd	2015
<b>Global ESG</b>	
Nikko Asset Management Asia Limited	2017
LGT Capital Partners	2017



## 4.3 PRESTASI KAMI

## Pendapatan Tetap

Portfolio Pendapatan Tetap KWAP telah meningkat daripada RM34.9 bilion pada tahun 2007 kepada RM69.48 bilion pada 2018, dengan pengurangan sedikit berbanding tahun 2017 (RM72.52 bilion) berikutan pengurangan Alokasi Aset Strategik (SAA).

Walaupun SAA dikurangkan, jumlah pendapatan daripada portfolio Pendapatan Tetap meningkat sebanyak 14.24% kepada RM3.37 bilion berbanding RM2.95 bilion pada tahun 2017. Ia juga mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 4.58% berbanding dengan 4.62% pada tahun 2017.

KWAP terus melindungi pelaburan antarabangsa kami dengan meminimumkan risiko harga dan mengekalkan nilai pelaburan kami menerusi instrumen lindung nilai seperti Pertukaran Kadar Faedah (IRS), Kontrak Hadapan Mata Wang Asing (FX Forward) dan Pertukaran Silang Mata Wang (CCS). Alat lindung nilai ini hanya digunakan untuk mengurangkan risiko turun naik harga dan bukan untuk tujuan pengambilan untung secara spekulasi.

### Portfolio Pendapatan Tetap kami

---

**RM69.48 bilion**

pada 2018, dari

**RM72.52 bilion**

pada tahun 2017

### Jumlah pendapatan daripada Pendapatan Tetap

---

**RM3.37 bilion**

pada tahun 2018 berbanding

**RM2.95 bilion**

pada tahun 2017

### TWRR

---


**4.58%**

pada tahun 2018, berbanding


**4.62%**

pada tahun 2017

**Jumlah Pendapatan bagi Pendapatan Tetap berbanding Jumlah Portfolio dan Jumlah Dana dari tahun 2007-2018**



**Pulangan Portfolio Keseluruhan Pendapatan Tetap berbanding SAA dari tahun 2007-2018**



## Pendapatan Tetap Diuruskan Secara Dalam


### Bon Berdaulat Malaysia

Walaupun pasaran bon Malaysia menghadapi kadar kemeruapan yang lebih tinggi, portfolio berdaulat domestik telah mencapai TWRR sebanyak 4.5% dan pendapatan direalisasikan yang lebih tinggi sebanyak RM1.33 bilion pada tahun 2018 berbanding RM1.27 bilion pada tahun kewangan sebelumnya dengan purata tempoh portfolio selama lapan tahun.

KWAP kekal sebagai peserta aktif di pasaran utama dan pasaran sekunder untuk bon pentadbiran domestik dan penerbitan jaminan pentadbiran. Tahun 2018 mencatatkan jumlah dagangan kumulatif sebanyak RM23.86 bilion yang termasuk jumlah pembelian dan jualan masing-masing sebanyak RM11.386 bilion dan RM12.472 bilion.


Jumlah pelaburan KWAP dalam bon berdaulat pada 31 Disember 2018 adalah 21.62% daripada jumlah saiz dana berbanding 22.64% pada 31 Disember 2017.

## Pendapatan Pelaburan (RM juta)




Sumber: FID

## Pegangan Berdaulat Domestik dari tahun 2007-2018 (RM bilion)



Sumber: FID

## Pengagihan Portfolio Mengikut Jenis Instrumen pada 31 Disember 2018



Sumber: FID

### Bon Korporat

Bagi tahun 2018, portfolio bon korporat domestik dalam KWAP mencapai TWRR sebanyak 5.51%, mengatasi Indeks Sederhana Quantshop Corporate penanda aras yang menunjukkan pulangan sebanyak 4.65%.

Pegangan bon korporat oleh KWAP (pada nilai pasaran) menurun kepada RM14.72 bilion pada 31 Disember 2018 daripada RM15.78 bilion pada awal tahun ini disebabkan oleh penjualan bon yang agak besar disebabkan oleh SAA yang lebih rendah bagi bon korporat dan pinjaman. Sejumlah RM2.62 bilion telah dijual dan ditebus berbanding dengan pembelian baharu sebanyak RM660 juta.

Pendapatan tahun 2018 meningkat kepada RM797.67 juta daripada RM750.2 juta pada tahun 2017 meskipun sasaran SAA yang lebih rendah berikutan aktiviti perdagangan dan pelaburan semula yang aktif untuk bon dan sukuk dengan hasil yang lebih tinggi.

### Pendapatan meningkat kepada


**RM797.67** juta

pada tahun 2018, dari

**RM750.20** juta


pada tahun 2017

### Pendedahan Bon Korporat KWAP mengikut Penarafan




Sumber: FID

### Pendedahan Bon Korporat KWAP mengikut Sektor




Sumber: FID

### Pendedahan Bon Korporat KWAP mengikut Prinsip




Sumber: FID

**Nilai Pasaran Pegangan KWAP Di Dalam Bon Korporat dari Tahun 2007-2018**



Sumber: Investment Income Report (IIR), AMSD

**Pendapatan Dari Pegangan KWAP Di Dalam Bon Korporat dari Tahun 2007-2018**



Sumber: Investment Income Report (IIR), AMSD


### Pinjaman

Setakat 31 Disember 2018, Portfolio Pinjaman berjumlah RM8.76 bilion yang membentuk 6.42% daripada jumlah dana KWAP. Portfolio tersebut telah mencapai pendapatan sebanyak RM477.08 juta berbanding RM499.54 juta pada tahun 2017. Ini disebabkan oleh amaun matang / pembayaran balik yang lebih besar pada tahun 2018.

### Jumlah Portfolio Pinjaman 2018


Jumlah Portfolio Pinjaman	Amaun (RM juta)
Portfolio Pinjaman pada 1 Januari 2018	10,914.72
Pembayaran Semula/Kematangan	(2,169.77)
Penyusunan semula - Pinjaman lama	(513.00)
Penyusunan semula - Pinjaman baharu	530.30
Portfolio Pinjaman pada 31 Disember 2018	8,762.25

### Profil Kematangan Pinjaman



Sumber: FID

### 2018 Loan Portfolio Performance



Sumber: FID


### Pasaran Wang

Pada 31 Disember 2018, pelaburan pasaran wang dalam Ringgit berjumlah RM6.76 bilion, meningkat 41.42% daripada RM3.54 bilion pada awal tahun 2018. Pelaburan dalam mata wang asing KWAP berjumlah USD130.92 juta, GBP10.59 juta, AUD198.55 juta dan EUR67.52 juta. Jumlah baki tunai KWAP mewakili 5.8% daripada jumlah saiz dana KWAP.


Pada tahun 2018, pelaburan pasaran wang menjana pendapatan kasar sebanyak RM259.69 juta, peningkatan sebanyak 54.61% berbanding RM167.96 juta pada tahun 2017. Ini terutamanya disebabkan oleh baki tunai dan hasil yang lebih tinggi yang ditawarkan oleh institusi kewangan untuk deposit, terutamanya menjelang akhir tahun 2018.

### Pelaburan Pasaran Wang setakat 31 Disember 2018

#### Pelaburan Pasaran Wang MYR




#### Pelaburan Mata Wang Asing



Sumber: FID

### Pelaburan dan Pendapatan Pasaran Wang mulai 2007-2018




### Pendapatan Tetap Antarabangsa

Walaupun Rizab Persekutuan AS telah menaikkan kadar sebanyak empat kali, portfolio pendapatan tetap antarabangsa KWAP yang diuruskan secara dalaman terus memberikan prestasi mantap dengan menjana agregat pendapatan yang direalisasikan sebanyak RM153.52 juta. Sementara itu, portfolio Berdaulat Antarabangsa mencatatkan ROI sebanyak 15.13%.

TWRR Portfolio Pendapatan Tetap Antarabangsa tahun 2018 berada pada 1.33% berbanding penanda aras 0.74%. Prestasi yang lebih tinggi ini telah didorong oleh strategi kami untuk menambah bon dalam dolar AS (berbanding bon mata wang tempatan) dan tempoh berbanding penanda aras.

### Pegangan Pendapatan Tetap Asia pada 31 Disember 2018



Perubahan dalam persekitaran monetari mendorong KWAP untuk mengurangkan peruntukan aset kami dalam Pendapatan Tetap. Ini menyaksikan Portfolio Pendapatan Tetap Antarabangsa kami dikurangkan daripada RM1,383 juta pada 31 Disember 2017 kepada RM1,034 juta pada 31 Disember 2018.

Walaupun kebimbangan tentang pertumbuhan global telah timbul pada suku tahun keempat 2018 disebabkan oleh data ekonomi yang lemah dari China, Eropah, Jepun dan Amerika Syarikat, kami menjangkakan hasil kekal tidak berubah pada tahun 2019. Oleh itu, portfolio itu akan terus memberikan pendapatan yang stabil tahun depan.

### Pendapatan Tetap Diuruskan Secara Luaran


Bilangan EFM Pendapatan Tetap telah meningkat daripada hanya dua yang menguruskan mandat konvensional domestik kepada 17 bagi Pendapatan Tetap domestik dan antarabangsa, dengan peningkatan saiz aset melebihi 3,000% dalam

tempoh 12 tahun. Saiz dana EFM telah meningkat daripada RM150.0 juta pada tahun 2006 kepada RM6,029.50 juta pada tahun 2018.

Sebanyak RM6.03 bilion telah disalurkan kepada EFM yang mewakili 4.42% daripada saiz dana KWAP pada 31 Disember 2018. Dari segi pendedahan geografi, 78.11% daripada aset yang diuruskan secara luaran dilaburkan dalam pasaran bon domestik dan 21.89% diperuntukkan di pasaran global.

Pada 31 Disember 2018, jumlah aset yang diurus oleh EFM domestik berjumlah RM4.71 bilion, mencakupi 6.78% daripada keseluruhan pelaburan pendapatan tetap. EFM domestik mencatatkan agregat pendapatan yang direalisasikan sebanyak RM221.38 juta atau 5.08% daripada purata saiz dana EFM domestik. Secara relatifnya, EFM domestik mengatasi prestasi penanda aras yang ditetapkan masing-masing sebanyak 28 mata asas dan 73 mata asas untuk satu tahun dan tiga tahun secara berkala.

### Pendedahan EFM mengikut Geografi dan Jenis Mandat






### Senarai Pengurus Dana Luaran Domestik setakat 31 Disember 2018

Domestik	Penubuhan Dana
CIMB-Principal Asset Management Bhd	2006
AmFunds Management Bhd	2007
Affin Hwang Asset Management Bhd	2011
Amundi Malaysia Sdn Bhd	2012
Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd	2014
Nomura Islamic Asset Management Sdn Bhd	2014
RHB Islamic International Asset Management Bhd	2014
Maybank Asset Management Sdn Bhd	2015
VCAP Asset Managers Sdn Bhd	2015
Franklin Templeton GSC Asset Management Sdn Bhd	2015
AIIMAN Asset Management Sdn Bhd	2015
i-VCAP Management Sdn Bhd	2015

Sumber: FID

### Nilai Pasaran EFM Domestik dan Pendapatan Direalisasikan



Sumber: FID

Pelaburan antarabangsa oleh EFM kami berjumlah RM1,319.88 juta pada 31 Disember 2018. Digabungkan dengan portfolio bon antarabangsa yang diurus secara dalaman, pelaburan pendapatan tetap EFM antarabangsa melibatkan 0.97% daripada saiz dana KWAP. Sepanjang tahun ini, EFM Pendapatan Tetap antarabangsa mencatatkan agregat


pendapatan yang direalisasikan sebanyak RM135.83 juta, mewakili 12.38% daripada purata saiz dana EFM antarabangsa. EFM antarabangsa mengatasi penanda aras yang ditetapkan masing-masing sebanyak 85 mata asas dan 38 mata asas untuk satu tahun dan tiga tahun secara berkala.

### Senarai Pengurus Dana Luaran Antarabangsa setakat 31 Disember 2018

Antarabangsa	Penubuhan Dana
CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd	2011
Amlslamic Funds Management Sdn Bhd	2011
BNP Paribas Investment Partners Najmah Malaysia Sdn Bhd	2014
Franklin Templeton GSC Asset Management Sdn Bhd	2014
JF Asset Management Limited	2015

Sumber: FID

### Nilai Pasaran EFM Antarabangsa dan Pendapatan Direalisasikan



Sumber: FID

\* 2017-2018 dengan lindung nilai / Fx.

4.3 PRESTASI KAMI

## Pelaburan Alternatif

### Prestasi Pelaburan Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur

Portfolio ekuiti persendirian (PE) dan infrastruktur KWAP telah menjana pulangan yang kukuh bagi tahun 2018 berbanding dengan kelas aset yang lain. Sehingga akhir tahun 2018, program ekuiti persendirian dan infrastruktur kami telah menghasilkan jumlah pulangan satu tahun sebanyak 25.02%. Perolehan portfolio infrastruktur menjadi penyumbang terbesar kepada jumlah prestasi relatif kami.

Pada tahun 2018, Alokasi Aset Strategik (SAA) KWAP untuk PE dan infrastruktur meningkat kepada 6% daripada 4% pada tahun 2017. Peruntukan untuk PE secara khususnya meningkat kepada 4% dari 3% pada tahun 2017 sementara untuk infrastruktur, SAA meningkat menjadi 2% dari 1%. Unit ini juga telah turut berkembang selaras dengan kenaikan saiz aset.

KWAP telah melabur di dalam 10 dana ekuiti persendirian dan dana infrastruktur, terutamanya dengan perhubungan pelaburan baharu, yang membawa kepada peningkatan


pendedahan dalam dana dengan peruntukan geografi global dan Eropah serta dana yang melaksanakan strategi pembelian.

Pada akhir 2018, KWAP telah melabur dalam 34 dana ekuiti persendirian (termasuk dua dana PE yang diluluskan yang dimuktamadkan pada 2019) dan dua pelaburan ekuiti persendirian langsung. Pelaburan ini berjumlah RM2.30 bilion atau 1.69% daripada jumlah saiz dana kami. Jumlah ini masih dalam SAA ekuiti persendirian sebanyak 4%.


KWAP juga telah melabur dalam lapan dana infrastruktur dan dua pelaburan infrastruktur langsung berjumlah RM1.60 bilion atau 1.18% daripada jumlah keseluruhan dana kami, dan masih dalam SAA infrastruktur sebanyak 2%.

Oleh kerana kelas aset ekuiti persendirian dan infrastruktur kami terus berkembang dan menghampiri sasaran peruntukan aset, kami menjangkakan dapat mengaut keuntungan daripada sumbangan untuk jumlah pulangan dana secara keseluruhan. Jumlah pendapatan

### Pendedahan Komitmen Dana PE dan Infrastruktur mengikut Geografi



## Pendedahan Komitmen Dana PE dan Infrastruktur mengikut Strategi



pelaburan PE dan infrastruktur KWAP mencapai RM421.08 juta, mencerminkan peningkatan sebanyak 197% daripada RM141.69 juta pada tahun 2017. Peningkatan ini dipacu oleh sumbangan daripada pelaburan dana dan perolehan daripada penjualan kepentingan langsung KWAP dalam Munchy Food Industries Sdn Bhd (Munchys), yang merupakan pelaburan bersama dengan rakan kongsi dana serantau.

### Penjualan Aset Utama

Pada bulan Jun 2018, KWAP menyelesaikan pelupusan kepentingan ekuiti dalam Munchys, sebuah syarikat pengeluar makanan ringan di Malaysia, kepada firma ekuiti persendirian global dengan menghasilkan kadar pulangan dalaman sebanyak 33.2% dan gandaan modal pelaburan sebanyak 3.9x selepas tempoh pegangan selama 3.5 tahun. Penjualan Munchys menunjukkan keupayaan dan kemampuan KWAP untuk melabur dalam syarikat swasta terkemuka dan bekerja dengan pasukan pengurusan dan rakan kongsi dana sedia ada untuk memanfaatkan peluang pertumbuhan.

### Modal Inovasi

Belanjawan 2018 yang diumumkan pada Oktober 2017, oleh Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan RM1 bilion

untuk pelaburan modal teroka (VC) oleh Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), bertujuan menggalakkan aktiviti VC dan membangunkan ekosistem VC di negara ini. Inisiatif ini disokong oleh Kerajaan semasa dengan Belanjawan 2019 yang memperuntukkan RM2 bilion dalam bentuk geran sepadan untuk Dana Pelaburan Berkaitan Kerajaan untuk melabur dalam dana PE dan VC.

KWAP menyokong inisiatif Kerajaan dan bermatlamat untuk melabur dalam peluang VC yang semakin meningkat di Malaysia. Langkah ini akan membantu syarikat-syarikat kecil tempatan (termasuk usahawan, syarikat permulaan, dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)) untuk memulakan langkah awal pembangunan dan berkembang dengan cepat untuk menjadi juara serantau pada masa akan datang.

Dalam mengejar peruntukan VC bernilai RM1 bilion yang disediakan dalam Belanjawan 2018 dan tanpa mengorbankan pulangan, KWAP komited untuk perkongsian jangka panjang bersama dua Rakan Niaga Am (GP) berprestasi tinggi dengan pendedahan serantau untuk menambah pelaburan di Malaysia dan merupakan antara GLIC pertama yang melakukan sedemikian.

### Pencapaian ESG

KWAP telah berusaha secara berhemat untuk melabur dalam peluang yang mengambil kira ESG kerana kami percaya bahawa tumpuan kepada isu-isu ini penting dalam pelaburan yang bertanggungjawab selain meningkatkan pulangan berwajaran risiko secara jangka panjang. Portfolio ekuiti persendirian dan infrastruktur kami termasuklah dana yang sedia memiliki prosedur dalaman untuk analisis ESG serta aset yang menjadi alternatif yang mapan kepada cabaran berkaitan ESG, seperti tenaga yang boleh diperbaharui.

47% daripada jumlah pulangan yang dijana oleh portfolio PE dan infrastruktur pada tahun 2018 adalah daripada aset berasaskan penyelesaian bertemakan ESG.


Pulangan berkaitan ESG kami dipacu terutamanya oleh pendapatan dan perolehan daripada pelaburan infrastruktur. Secara bersendirian, 86% daripada jumlah pulangan yang dijana oleh portfolio infrastruktur adalah daripada aset infrastruktur bertemakan ESG.

Pulangan yang dihasilkan daripada portfolio infrastruktur termasuk penjualan kepentingan oleh Equis, pengurus dana dalam portfolio kami, bagi platform tenaga boleh diperbaharui yang terdiri daripada operasi tenaga solar, angin dan kuasa hidroelektrik di Australia, Jepun, India, Indonesia, Filipina dan Thailand serta keuntungan yang belum direalisasikan daripada pelaburan langsung kami dalam Vortex Solar Investments S.à.r.l. (Vortex), yang dibuat bersama dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB).


Vortex memiliki portfolio loji kuasa photovoltaic (PV) solar yang menjana 365 MW dari 24 tapak di United Kingdom. PV solar Vortex yang menjana 365 MW terus menjadi peneraju dalam mengurangkan pelepasan CO2 sebanyak 126,560 tan setahun, justeru menyokong agenda mapan KWAP untuk menyumbang ke arah ekonomi rendah karbon.

Prestasi KWAP pada platform tenaga boleh diperbaharui membuktikan keupayaan kami menjana pulangan selaras dengan prinsip-prinsip ESG menerusi amalan pelaburan yang bertanggungjawab secara sosial dan persekitaran.


### Jumlah Pulangan PE dan Infrastruktur 2018



### NAV Infrastruktur – Jambatan Atribusi Nilai



## Jejak Geografi Loji Tenaga Solar



Nama Pelaburan

**Vortex Solar Investments S.à.r.l. (Vortex)**

Kapasiti yang dipasang

**365**MW

**24**  
tapak

Purata umur aset semasa 4.5 tahun

Bersandarkan perjanjian pembelian kuasa selama 15 tahun dengan 3 pembeli bereputasi

Disokong oleh insentif tenaga boleh diperbaharui Pentadbiran UK

4.3 PRESTASI KAMI

## Pelaburan Hartanah


Setakat 31 Disember 2018, KWAP memiliki 14 hartanah dalam portfolio kami dengan nilai RM6.90 bilion. Seiring dengan prinsip ESG kami, tujuh daripada hartanah ini diiktiraf dengan pensijilan mesra alam sekitar seperti Sistem Penarafan Bangunan Mesra Alam Nasional Australia (NABERS), Kepimpinan dalam Reka Bentuk Tenaga dan Alam Sekitar AS (LEED), Kaedah Penilaian Alam Sekitar Penyelidikan Penubuhan Bangunan UK (BREEAM) dan Sijil Prestasi Tenaga (EPC), serta Indeks Bangunan Hijau Malaysia (GBI). Bangunan pejabat kami di 747 Collins Street, Melbourne, mempunyai penarafan NABERS tertinggi iaitu 6 bintang. Bangunan ini mendapat pengiktirafan Institut Berkanun Jurutera Perkhidmatan Bangunan Australia (CIBSE) untuk Inisiatif Pengurusan Tenaga Terbaik pada tahun 2018. Menara Integra kami di Kuala Lumpur pula mempunyai penarafan tertinggi LEED Platinum dan telah menjadi ibu pejabat KWAP sejak November 2016. Pada tahun 2018, kami telah membeli dua buah bangunan di UK yang dibina khusus sebagai penginapan pelajar. Ini merupakan penglibatan kali pertama KWAP dalam pelaburan hartanah alternatif. Sebelum ini, KWAP hanya melabur dalam kelas aset konvensional seperti bangunan pejabat, logistik dan runcit.

Sejak KWAP mula menceburi bidang pelaburan hartanah pada 2010, kami telah memperoleh jumlah pendapatan sebanyak RM2.20 bilion. Bagi tahun 2018 sahaja, kami telah menjana jumlah pendapatan yang direalisasikan sebanyak RM227.42 juta.

### Prestasi


Pelaburan Hartanah telah menjana hasil bersih sebanyak 6.25% atas kos pelaburan. Carta berikut menunjukkan hasil pendapatan bersih atas kos pelaburan bagi portfolio hartanah KWAP dari tahun 2011 hingga 2018.

### Hasil pendapatan bersih portfolio hartanah KWAP atas kos pelaburan dari tahun 2011-2018




Bagi tahun 2018, pelaburan hartanah KWAP mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 5.65%. Jumlah ini adalah lebih rendah berbanding jumlah pulangan sebanyak 10.42% pada tahun 2017 disebabkan oleh pengurangan nilai modal tahun ke tahun bagi hartanah UK kami iaitu Intu Uxbridge dan 10 Gresham Street. Kejatuhan nilai hartanah secara am adalah akibat sentimen Brexit dan pengecutan sektor runcit UK. Carta di bawah menunjukkan sejarah jumlah pulangan portfolio hartanah KWAP.

#### Jumlah Pulangan 5 Tahun Portfolio Hartanah KWAP




Pendedahan geografi dan jenis aset portfolio hartanah KWAP berdasarkan kos pelaburan adalah seperti yang ditunjukkan dalam carta berikut. Anggaran 32% daripada pelaburan kami adalah dalam hartanah domestik, manakala selebihnya hartanah di luar negara. Purata penghunian bagi hartanah KWAP adalah 95.8%. Jumlah ini mencerminkan portfolio pelaburan yang kukuh dalam hartanah berkualiti tinggi.

#### Pendedahan Geografi pada 31 Disember 2018 (RM juta)\*



#### Pendedahan Jenis Aset pada 31 Disember 2018 (RM juta)\*



\* Termasuk tanah yang dimiliki oleh KWEST, yang beroperasi pada Februari 2018.





800 Bristol Road, Birmingham, UK



The Mill House, Edinburgh, UK

### Aktiviti Utama Tahun 2018

Pada tahun 2018, kami telah meningkatkan pemilikan kami keatas 747 Collins Street, Melbourne dari 60% kepada 100%. Selain daripada itu, kami telah mempelbagaikan lagi pendedahan kami terhadap jenis hartanah dengan memulakan penginapan pelajar bersama dengan hartanah pejabat, logistik dan runcit.

### Pembelian The Mill House, Edinburgh dan 800 Bristol Road, Birmingham

Kami telah membeli dua buah bangunan yang dibina khusus untuk penginapan pelajar di UK, iaitu 800 Bristol Road di Birmingham dan The Mill House di Edinburgh. Hartanah ini dibeli masing-masing pada harga £14.62 juta dan £25.13 juta.

## Pelaburan Hartanah Domestik

### Menara Integra, Kuala Lumpur (Pejabat 40 Tingkat)

Harga Belian

**RM1,065.00**  
juta

Tarikh Pembelian	<b>31 Mac 2015</b>
Tempoh	<b>Pegangan Bebas</b>
Ruang boleh sewa bersih	<b>765,249 kps</b>



### Menara Capsquare, Kuala Lumpur (Pejabat 41 Tingkat)

Harga Belian

**RM474.30**  
juta

Tarikh Pembelian	<b>15 Disember 2016</b>
Tempoh	<b>Pegangan Bebas</b>
Ruang boleh sewa bersih	<b>601,796 kps</b>



## Pelaburan Hartanah Antarabangsa



### 737 Bourke Street, Melbourne, Australia (Pejabat 12 Tingkat)

Harga Belian

**AUD113.00**  
juta

Tarikh Pembelian **9 Disember 2010**

Tempoh **Pegangan Bebas**

Ruang boleh sewa bersih **204,952 kps**



### 747 Collins Street, Melbourne, Australia (Pejabat 16 Tingkat)

Harga Belian

**AUD318.78**  
juta

Tarikh Pembelian **30 September 2013 (60% kepentingan)**

**8 Februari 2018 (40% kepentingan)**

Tempoh **Pegangan Bebas**

Ruang boleh sewa bersih **430,914 kps**

**179 Turbot Street, Brisbane, Australia  
(Pejabat 25 Tingkat)**

Harga Belian

**AUD172.30**  
juta

Tarikh Pembelian **31 Oktober 2013**

Tempoh **Pegangan Bebas**

Ruang boleh sewa bersih **268,831 kps**



**133 Lenore Drive, Erskine Park, Sydney, Australia  
(Logistik)**

Harga Belian

**AUD75.13**  
juta

Tarikh Pembelian **30 November 2014**

Tempoh **Pegangan Bebas**

Ruang boleh sewa bersih **480,430 kps**



**1 Griffin Crescent, Brendale, Queensland, Australia  
(Logistik)**

Harga Belian

**AUD73.70**  
juta

Tarikh Pembelian **30 November 2014**

Tempoh **Pegangan Bebas**

Ruang boleh sewa bersih **542,570 kps**





**38 - 46 Bernara Road, Prestons, Sydney, Australia  
(Logistik)**

Harga Belian

**AUD70.05**  
juta

Tarikh Pembelian **30 Julai 2015**

Tempoh **Pegangan Bebas**

Ruang boleh sewa bersih **237,884 kps**



**133A, Lenore Drive, Erskine Park, Sydney, Australia  
(Logistik)**

Harga Belian

Kos Tanah

**AUD5.14**  
Juta

Kos Pembinaan

**AUD8.16**  
juta

Tarikh Pembelian **23 Disember 2015**

Tempoh **Pegangan Bebas**

Ruang boleh sewa bersih **81,558 kps**

## 10 Gresham Street, London, UK (Pejabat)

Harga Belian

**GBP200.00**  
juta

Tarikh Pembelian	<b>24 Oktober 2012</b>
Tempoh	<b>Pegangan pajak (tamat pada 24 Jun 2164)</b>
Ruang boleh sewa bersih	<b>259,759 kps</b>



## Intu Uxbridge, London, UK (Runcit)

Harga Belian

**GBP174.80**  
juta

(80% faedah)  
20% kepentingan dimiliki oleh Intu  
Properties PLC

Tarikh Pembelian	<b>20 Jun 2014</b>
Tempoh	<b>Pegangan Bebas</b>
Ruang boleh sewa bersih	<b>452,257kps</b>



## 800 Bristol Road, Birmingham, UK (Penginapan Pelajar)

Harga Belian

**GBP14.62**  
juta

Tarikh Pembelian	<b>8 Ogos 2018</b>
Tempoh	<b>Pegangan Bebas</b>
Ruang boleh sewa bersih	<b>31,724 kps</b>







### The Mill House, Edinburgh, UK (Penginapan Pelajar)

Harga Belian

**GBP25.13**  
juta

Tarikh Pembelian **8 Ogos 2018**

Tempoh **Pegangan Bebas Scotland**

Ruang boleh sewa bersih **63,212 kps**



### Zalando Distribution Warehouse, Erfurt, Germany (Logistik)

Harga Belian

**EUR92.26**  
juta

Tarikh Pembelian **5 Mei 2017**

Tempoh **Pegangan Bebas**

Ruang boleh sewa bersih **1,381,794 kps**

## KWEST Sdn Bhd – Pembangunan Hartanah



Objektif KWEST adalah untuk menjadi pelabur pembangunan hartanah institusi yang terkemuka dan merealisasikan pulangan pelaburan yang bermakna bagi pihak KWAP menerusi pelbagai jenis aset yang berkualiti.

Selepas diperbadankan sebagai subsidiari milik penuh KWAP pada Ogos 2017, KWEST Sdn Bhd (KWEST) telah beroperasi sepenuhnya pada 1 Mac 2018. KWEST berhasrat untuk menjadi pelabur pembangunan hartanah institusi yang terkemuka dengan matlamat untuk merealisasikan pulangan pelaburan hartanah yang tinggi.

Sehingga Disember 2018, KWEST menguruskan 0.65% daripada Aset Di Bawah Pengurusan KWAP yang berkait dengan tiga projek pembangunan hartanah yang telah diberikan komitmen.

Bagi pelaburannya yang pertama, KWEST telah mengadakan perjanjian dengan Eastern & Oriental Berhad (E&O) untuk membangunkan Seri Tanjung Pinang 2 Fasa 2A (STP2A). Untuk projek pembangunan ini, KWEST memiliki kepentingan 20% dalam Persada Mentari Sdn Bhd (PMSB), syarikat pembangunan hartanah yang ditubuhkan bagi membangunkan STP2A. Lapan bidang tanah seluas 33.2 ekar untuk pembangunan yang dimiliki oleh KWEST kini sedang menjalani kerja-kerja penambakan.

STP2A telah direkabentuk untuk menjadi destinasi komersial dan kediaman utama di pulau buatan manusia luar pesisir di bahagian timur laut Pulau Pinang. Kerja penambakan kini berada di peringkat akhir, dan dijangka siap pada tahun 2019.

Kerja-kerja infrastruktur STP2A bermula pada Julai 2018 dengan kerja-kerja pembinaan bermula pada salah sebuah daripada dua jambatan yang dirancang. Akses sementara di sepanjang jambatan ini dijangka siap pada tahun 2019 yang





akan membolehkan laluan kenderaan pembinaan dari Pulau Pinang ke STP2A.

Aktiviti pra-perancangan bermula pada 2018 dan menandakan perkembangan projek yang lancar. PMSB menyusun strategi pelan induk keseluruhan yang mengambil pendekatan pemangkin, merangkumi konsep 'Cradle to Care' pada skala yang lebih luas, sambil memanfaatkan kekuatan sektor pelancongan dan hospitaliti yang sedia wujud di Pulau Pinang. Konsep ini akan merangkumi produk yang memenuhi kehendak pelbagai kumpulan sasaran dari keluarga kepada generasi milenium dan warga emas.

Selain daripada STP2A, KWEST akan memberi tumpuan kepada pembangunan berorientasi persaraan (ROD) sebagai salah satu strategi hartanah kami. Kami telah bertemu dengan beberapa rakan pembangunan yang berpotensi dengan kepakaran dalam kehidupan warga emas, dan telah mengenal pasti peluang pelaburan dengan peserta tempatan dan antarabangsa yang kini sedang dalam peringkat kajian pasaran dan ringkasan pembangunan.

KWEST juga telah bertemu dengan dua pemaju berpotensi untuk pembangunan dua bidang tanah yang dimiliki oleh KWAP, iaitu di Jalan Stonor dan Changkat Kia Peng. Kedua-dua projek sedang dalam peringkat perancangan di mana konsep dan produk sedang dibangunkan.

Jumlah modal pelaburan KWEST pada 2018 berjumlah RM641.90 juta. Sekiranya semuanya berjalan lancar, KWEST menjangka prestasi pelaburan dan kewangannya pada 2019 mencapai tahap memuaskan meski pun berlatarbelakangkan pasaran yang perlahan kerana sentimen berhati-hati yang disebabkan oleh kebimbangan ekonomi.

## Maklumat Korporat

### Lembaga Pengarah

1. Dato' Dr Gan Wee Beng
2. Datuk Mohamed Razeek Md Hussain Maricar
3. Fahariah Abdul Wahab
4. Syed Hamadah Syed Othman (Menggantikan Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad berkuat kuasa 1 November 2018)
5. Sufian Abdullah

## Prima Ekuiti (UK) Limited



Sejak penubuhannya pada 2 Mei 2012, pulangan portfolio ekuiti UK ini telah meningkat sebanyak 35.6%, melebihi dua kali ganda pulangan Indeks FTSE100 sebanyak 15.8% pada tempoh yang sama.

Prima Ekuiti (UK) Limited (Prima Ekuiti) ialah subsidiari milik penuh kami di UK yang ditubuhkan pada tahun 2012 yang beroperasi sebagai rakan pelaburan KWAP di kawasan Eropah.

Dengan modal permulaan sebanyak GBP100 juta untuk dilaburkan dalam ekuiti UK, Prima Ekuiti telah mengembangkan aset di bawah pengurusannya dan meluaskan liputan pelaburan dan mempelbagaikan corak pelaburan menerusi penubuhan portfolio Ekuiti Euro pada 2015 dan Dana Pulangan Mutlak Eropah pada tahun 2018. Nilai pasaran untuk portfolio ekuiti UK telah meningkat kepada GBP228.4 juta manakala portfolio ekuiti euro pula berkembang kepada EUR209.2 juta. Ini menandakan peningkatan sebanyak EUR157.3 juta daripada pelaburan asal sebanyak EUR 170 juta pada tahun 2015.


Kedua-dua portfolio telah membawa pulang jumlah hasil melebihi GBP121.1 juta sejak ditubuhkan. Sementara itu, portfolio Pulangan Mutlak yang baharu telah diwujudkan pada Jun 2018 dengan modal permulaan sebanyak EUR75 juta. Dana ini merupakan satu langkah ke arah pelaburan yang lebih tertumpu kepada pelaburan bertema jangka panjang seperti yang ditunjukkan oleh tempoh pelaburan selama tiga tahun.

Pada 2018, Prima Ekuiti mengagihkan dividen tambahan sebanyak GBP200,000 kepada KWAP, menjadikan jumlah dividen yang dibayar sejak pengenalan program pembayaran dividen pada tahun 2015 kepada GBP900,000.

### Ulasan Pelaburan

Walaupun portfolio ekuiti UK merosot sebanyak 10.4% pada 2018 kepada GBP228.38 juta, namun ia mengatasi prestasi penanda aras FTSE100, yang merosot sebanyak 12.5%. Sejak dimulakan pada 2 Mei 2012, portfolio ini telah meningkat sebanyak 35.6%, lebih daripada dua kali ganda pulangan Indeks FTSE100 sebanyak 15.8% dalam tempoh yang sama. Pada 31 Disember 2018, Nilai Aset Bersih (NAV) portfolio ekuiti UK berada pada 0.88x, mencatatkan pulangan kasar atas pelaburan (ROI) sebanyak 4.2%, dan mengatasi hasil dividen penanda aras kira-kira 4% dan memenuhi sasaran pendapatan KWAP sebanyak 4.1%.

Sementara itu, portfolio ekuiti Euro mencatatkan pulangan sebanyak -13.1% pada 2018. Pulangan ini turut mengatasi indeks penanda aras MSCI Euro sebanyak 110 mata asas dengan disokong oleh konsentrasi stok pertumbuhan, dan keputusan untuk meningkatkan peruntukan tunai memandangkan pasaran menunjukkan tanda-tanda kelemahan. Sejak penubuhannya pada 2 September 2014, portfolio ekuiti Euro telah meningkat sebanyak 27.6%, mengatasi penanda arasnya sebanyak 23.8%. Pada 31 Disember 2018, Nilai Aset Bersih (NAV) portfolio ekuiti Euro adalah pada 0.89x, dengan mencatatkan ROI kasar sebanyak 3.6%, menewaskan hasil dividen penanda aras sebanyak 3% dan memenuhi sasaran pendapatan KWAP sebanyak 3.6%.



Pelaburan Global  
Merangkumi  
**31**  
Buah Negara



Ekuiti




Ekuiti Persendirian



Hartanah



Pendapatan Tetap



## 4.4 PENGURUSAN RISIKO MENYELURUH

## Pengurusan Risiko & Pematuhan

Sepanjang 12 tahun yang lalu, sejajar dengan perkembangan aktiviti pelaburan dan aktiviti bukan pelaburan, profil risiko KWAP telah berkembang dan, begitu juga dengan fungsi dan keupayaan pengurusan risiko kami. Bermula dengan hanya seorang kakitangan di Jabatan Pengurusan Risiko & Pematuhan (RMCD), bilangan pekerja pada akhir tahun 2018 adalah seramai 13 orang.

Dalam menguruskan risiko, kami mematuhi model tiga barisan pertahanan, di mana:

- Tanggungjawab utama atau barisan pertahanan pertama bermula dengan unit perniagaan individu
- Barisan kedua adalah pengurusan risiko dan pematuhan
- Baris ketiga ialah fungsi audit dalaman

Kami mengamalkan pendekatan yang berhemat di dalam aktiviti pelaburan dan bukan pelaburan, berpandukan nasihat pihak pengurusan kanan, seperti yang dinyatakan dalam Penyata Selera Risiko kami.

### Bil. Penyata Selera Risiko

1. Lembaga dan Panel Pelaburan mempunyai pengawasan dan tanggungjawab umum ke atas Dana dan meluluskan Penyataan Selera Risiko yang dibentangkan sebagai pernyataan tahap tinggi, luas, berasaskan prinsip untuk menyokong sifat risiko KWAP yang kompleks, beragam, dinamik, dan bertindih. Panel Pelaburan bertanggungjawab ke atas keputusan pelaburan KWAP sementara Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap tahap risiko keseluruhan yang diambil oleh KWAP. Panel Pelaburan dan Lembaga KWAP akan mengambil tahu perkara ini apabila menjalankan aktiviti mereka.
2. Lembaga dan Panel Pelaburan mengiktiraf bahawa terdapat keperluan untuk mengurus pelaburan Dana secara aktif dengan matlamat untuk

mengembangkan saiz dana, mencapai pulangan pelaburan yang diselaraskan risiko yang mampan sementara memastikan perlindungan dan kecukupan kecairan di dalam portfolio Dana. Matlamat ini perlu dicapai menerusi strategi pelaburan yang dinamik diimbangi oleh amalan pengurusan risiko yang mantap, ditambah dengan keperluan untuk mengimbangi jangkaan pulangan dengan selera risiko. Risiko ini harus dilaporkan kepada Lembaga dan Panel Pelaburan secara berkala.

3. Lembaga dan Panel Pelaburan mengiktiraf bahawa wujudnya kesanggupan dan keupayaan mengambil risiko. Tahap risiko yang sanggup diambil oleh KWAP ini perlu mengambilkira objektif strategik, jangkaan pemegang berkepentingan, matlamat kewangan dan strategi pampasan. Ini dinilai dan dipertimbangkan dalam Alokasi Aset Strategik, Strategi Pelaburan dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko KWAP.
4. Lembaga dan Panel Pelaburan menyatakan bahawa KWAP hanya boleh mengambil risiko yang dapat dinilai dan diuruskan secara munasabah, maka risiko sedemikian, secara keseluruhan dan dalam pengurusan perniagaan harian, tidak akan menyebabkan kerugian kewangan ketara atau penjejasan bukan kewangan ketara dan mengakibatkan Dana gagal memenuhi objektif strategiknya.
5. Bagi portfolio pelaburannya, pilihan kelas aset, strategi pelaburan dan instrumen pelaburan KWAP berpandukan prinsip-prinsip utama berikut:
  - Tahap keyakinan dalam memelihara nilai modal yang munasabah tinggi
  - Tahap kecairan dalam aset atau portfolio aset yang munasabah tinggi
  - Pulangan pelaburan diselaraskan risiko yang munasabah

6. Kemampuan KWAP untuk mengambil risiko dan tahap risiko perlulah disesuaikan dengan keupayaan dalaman KWAP bagi menguruskan risiko-risiko tersebut. Di mana perlu dan dikehendaki, KWAP akan mendapat kepakaran daripada pihak luar. KWAP harus terus berusaha meningkatkan keupayaan dalaman dan mengembangkan kapasiti melalui peningkatan set kemahiran, pengetahuan, teknologi dan sumber-sumber lain.

Pernyataan Selera Risiko (RAS) mendefinisikan sikap menyeluruh KWAP terhadap pelaburan dan membimbing proses membuat keputusan kami. RAS juga menetapkan kemampuan dan keupayaan kami untuk mengambil risiko dalam konteks objektif pelaburan dan toleransi risiko dengan menangani perkara-perkara berikut:

- Matlamat jangka panjang dana, iaitu untuk memenuhi liabiliti pencen pentadbiran
- Pengawasan dan tanggungjawab Lembaga terhadap risiko yang diambil oleh dana
- Keperluan untuk mengimbangi jangkaan pulangan dan selera risiko
- Pertimbangan penting dalam kesediaan dan keupayaan untuk mengambil risiko seperti objektif strategik, jangkaan pihak berkepentingan, matlamat kewangan dan strategi pampasan
- Keperluan pelaporan risiko berkala kepada Lembaga dan Panel Pelaburan
- Kriteria utama untuk aktiviti pelaburan seperti keselamatan, kecairan dan risiko pulangan yang diselarasakan yang munasabah
- Keperluan bagi KWAP untuk terus meningkatkan kapasiti dalaman dan keupayaan untuk menguruskan risiko

RAS dilengkapi dengan struktur tadbir urus yang teguh dengan garis pelaporan bebas antara unit pengambilan risiko dan "kawalan". Ia dipertingkatkan lagi dengan beberapa siri prinsip panduan, iaitu:

- a) Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi
- b) Dasar Pernyataan Selera Risiko

- c) Dasar Pengurusan Risiko
- d) Garis Panduan Pengurusan Risiko
- e) Prosedur Operasi Standard Jabatan

KWAPi melabur dalam tenaga insan, mempunyai dasar yang jelas dan memastikan proses operasi yang kukuh dan berhemat (dengan pelaburan yang besar dalam sistem untuk memastikan kawalan dan automasi yang mencukupi). Kawalan urus tadbir yang mantap merujuk kepada pemisahan baris pelaporan antara jabatan di KWAP.

- Jabatan yang berkaitan dengan pelaburan seperti Ekuiti, Pendapatan Tetap, Pelaburan Alternatif, Penyelidikan dan Strategi Portfolio melapor terus kepada Ketua Pegawai Pelaburan (CIO).
- Jabatan-jabatan bebas seperti Undang-undang & Kesetiausahaan, Strategi & Prestasi Korporat, Sumber Manusia dan Pengurusan Risiko & Pematuhan melapor secara langsung kepada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO).
- Jabatan fungsi kawalan seperti Teknologi Maklumat, Caruman, Hal Ehwal Korporat, Akaun & Perkhidmatan Pengurusan, Perkhidmatan Sokongan Pelaburan dan Perkhidmatan Persaraan melapor secara langsung kepada Ketua Pegawai Operasi (COO).

Pengasingan baris pelaporan memastikan tidak ada pihak berkuasa/kelulusan yang bertindih antara jabatan di samping menanam ketelusan yang lebih tinggi.

### Aktiviti-aktiviti pada tahun 2018

#### • Pengesahsahihan model pemarkahan penarafan kredit dalaman KWAP

RMCD telah memula dan melengkapkan tugas pengesahsahihan Model Pemarkahan Pengadaran Kredit Dalaman untuk memastikan model pemarkahan berfungsi seperti yang diharapkan, sejajar dengan objektif reka bentuk dan penggunaan perniagaannya. Tugas ini bermula pada 21 April dan selesai pada 14 Ogos. Laporan akhir mengenai tugas tersebut telah diluluskan pada 27 September.

• **Taklimat kesedaran dan amalan pengurusan risiko dalam KWAP**

Empat taklimat kesedaran risiko telah dianjurkan tentang topic-topik berikut:

- Perdagangan dalaman oleh Suruhanjaya Sekuriti, 16 Julai
- Kesedaran Penipuan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), 24 September
- Belanjawan Risiko oleh MSCI, 1 Oktober
- Antirasuah oleh Dr KM Loi, 1 November

• **Pasukan risiko dan pematuhan membuat lawatan mengejut ke Pengurus Dana Luaran (EFM)**

Enam lawatan mengejut telah dijalankan untuk memastikan EFM kami mematuhi mandat Pelaburan yang diluluskan dan mereka mempunyai kawalan risiko dalaman yang teguh. EFM yang dilawati adalah:

- VCAP Asset Managers Sdn Bhd (VCAM)
- iVCAP Asset Management Sdn Bhd (i-VCAP)
- Aberdeen Standards Investments (Malaysia) Sdn Bhd (AAM)
- Maybank Asset Management Sdn Bhd (MAM)
- Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd (MIAM)
- Eastspring Investments Berhad (EIB)

• **Lawatan pasukan risiko ke hartanah KWAP**

Pasukan Risiko telah melawat tiga hartanah berikut yang mana kami mempunyai kepentingan untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan potensi risiko dengan pengurus aset dan penasihat pelaburan kami, serta memastikan kawalan risiko yang berkaitan telah disediakan:

- Hartanah KWAP di Australia, 27-30 Ogos
- Cap Square Tower, 8 November
- Integra Tower, 11 Disember

• **Pembentangan infrastruktur dan kawalan risiko kepada wakil-wakil Lembaga Pelabuhan Bintulu**

Pembentangan pada 30 Ogos telah dibuat kepada 12 wakil dari Lembaga Pelabuhan Bintulu (LBP) sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk menubuhkan Jabatan Pengurusan Risiko di LBP. Melalui pembentangan tersebut, pasukan itu berusaha memperkenalkan LBP kepada amalan terbaik industri untuk mengurangkan risiko perniagaan mereka.

**Teknologi dan Inovasi dalam RMCD**

RMCD memanfaatkan teknologi untuk mengendalikan pelbagai analisis portfolio dan analisis senario untuk memenuhi keperluan portfolio KWAP. Analisis daripada sistem seperti BarraOne, Credit Manager dan Bloomberg kemudiannya digunakan menjadi langkah risiko utama.

**Pengurusan Risiko Organisasi (ERM)**

Profil Risiko Korporat KWAP (CRP) menggariskan bilangan risiko, jenis risiko, dan potensi kesan risiko yang akan diambil oleh organisasi serta ancaman yang dihadapi oleh KWAP dan bagaimana risiko tersebut akan mempengaruhi strategi keseluruhan organisasi. Ia dibentangkan secara seimbang dengan perincian yang cukup untuk memberikan konteks dan penerangan risiko yang jelas.

CRP mengambil kira mitigasi potensi risiko dan ancaman di peringkat korporat dan operasi, dan membantu pihak-pihak yang berkaitan memahami pelbagai risiko yang dihadapi serta potensi mereka.

CRP adalah penting dalam mengenal pasti dan menilai kemampuan dan keupayaan pengurusan risiko KWAP yang sedia ada. Apabila risiko utama dikenal pasti dan didokumenkan, tumpuannya adalah untuk mengintegrasikan maklumat risiko ke dalam struktur dan perancangan tadbir urus jabatan sedia ada, serta dalam kitaran pelaporan masing-masing dengan cara risiko utama dapat disampaikan dengan berkesan.


CRP kami dilaporkan pada setiap bulan dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif dan mesyuarat suku tahunan Jawatankuasa Lembaga Risiko. Ia merujuk kepada Matriks Risiko, di mana risiko dikelaskan mengikut kemungkinan dan kesannya.

## Risiko Pasaran

Risiko pasaran adalah risiko kerugian yang tidak dijangka akibat daripada perubahan negatif dalam nilai aset disebabkan pergerakan kadar atau harga pasaran. Punca utama risiko pasaran di dalam aktiviti pelaburan KWAP adalah risiko kadar faedah, risiko ekuiti dan risiko mata wang asing.

Setakat 31 Disember 2018, daripada tiga kelas aset utama kami, Ekuiti merupakan penyumbang risiko paling besar dalam risiko keseluruhan KWAP, iaitu pada 90.58%, diikuti oleh Pendapatan Tetap pada 5.33% dan Pelaburan Alternatif (Hartanah, Pembangunan Hartanah dan Ekuiti Swasta) pada 4.09%.


## Jumlah Sumbangan Risiko Mengikut Kelas Aset



## Nilai Pada Risiko

Kaedah pengukuran utama risiko pasaran yang digunakan di KWAP adalah Nilai-pada-Risiko (VaR). KWAP mengukur VaR sebagai kerugian terburuk yang mungkin terjadi pada kebarangkalian 95% sepanjang tempoh perdagangan 10 hari. VaR kami pada 31 Disember 2018, adalah 1.70% daripada jumlah nilai pasaran dana. Dalam erti kata lain, selama dua minggu selepas akhir tahun, terdapat kebarangkalian 95% bahawa KWAP tidak akan kehilangan lebih daripada 1.70% nilai pasaran dana disebabkan oleh risiko pasaran.

## Nilai pada Risiko ke atas Jumlah Portfolio 2018






## Pendedahan Risiko Ekuiti

Portfolio Ekuiti kami mewakili 43.03% daripada jumlah dana KWAP pada nilai pasaran bagi tahun 2018. Pada 31 Disember 2018, VaR ekuiti KWAP adalah 3.58%, ertinya terdapat potensi kerugian sebanyak 3.58% daripada nilai portfolio selama tempoh dua minggu dengan andaian 95% interval keyakinan seperti yang dipaparkan di bawah.

### VaR Portfolio Ekuiti pada akhir 2018




### Tracking Error

*Tracking Error (TE)*, juga dikenali sebagai risiko aktif, adalah kaedah mengukur sisihan portfolio daripada penanda arasnya. Sebagai contoh, dana indeks yang pasif akan mempunyai TE yang menghampiri sifar manakala dana yang diuruskan secara giat biasanya mempunyai TE yang lebih tinggi.


TE Ekuiti Domestik yang diurus secara dalaman bagi 2018 berada pada 1.66% berbanding TE 3.43% untuk Ekuiti Domestik yang diuruskan secara luaran, seperti yang digambarkan dalam gambar rajah berikut.

### TE Portfolio Ekuiti Domestik Dalaman dan Luaran bagi 2018



TE Portfolio Ekuiti Antarabangsa KWAP adalah lebih tinggi berbanding dengan Ekuiti Domestik kerana saiz mandat dan pendedahan yang lebih kecil berbanding dengan penanda aras masing-masing seperti yang dipaparkan di carta berikut.

### TE Portfolio Ekuiti Antarabangsa Dalaman dan Luaran bagi 2018



### Ujian Tekanan ke Atas Jumlah Portfolio Ekuiti

Secara berkala, KWAP menjalankan ujian tekanan portfolio berdasarkan pelbagai senario. Keputusan dikaji, dianalisa dan dinilai untuk memberi gambaran terhadap kelemahan portfolio.

Keputusan ujian tekanan berdasarkan lima senario bersejarah umum yang boleh memberi kesan kepada keuntungan dan kerugian portfolio ekuiti KWAP adalah seperti berikut.

### Ujian Tekanan pada 5 Senario

Senario	P&L
1987 Kejatuhan Pasaran (Ogos ke Nov)	-17.16%
1990 Penyatuan Jerman	-8.63%
2001 Sept 11	-6.14%
1994 Kenaikan Kadar AS	-5.99%
2004 Masalah Pasaran Baharu Muncul	-5.23%


Nota: Urutan ini berdasarkan senario terburuk

## Pendedahan Risiko Pendapatan Tetap

Portfolio Pendapatan Tetap kami merangkumi Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Instrumen Pelaburan Kerajaan (GII), Bon Kuasi Kerajaan (QB), Bon Korporat (CB), dan Pasaran Wang (MM) mewakili 49.76% daripada jumlah dana KWAP pada 31 Disember 2018.

Pada 31 Disember 2018, VaR Pendapatan Tetap KWAP adalah 0.68% dengan potensi kerugian sebanyak 0.68% daripada nilai portfolio selama tempoh dua minggu dengan andaian 95% interval keyakinan.

### VaR Portfolio Pendapatan Tetap pada akhir 2018




### Tempoh Diubahsuai

Tempoh diubahsuai mengukur kepekaan atau perubahan nilai sekuriti atau portfolio sebagai tindak balas kepada perubahan kadar faedah, seiring dengan konsep bahawa kadar faedah dan harga bon bergerak dalam arah yang bertentangan. Ia merupakan analisis kepekaan yang digunakan untuk menentukan kesan perubahan kadar faedah 1% ke atas harga bon.

Tempoh diubahsuai portfolio MGS, GII dan Dagangan Kerajaan (GVT) pada Disember 2018 adalah 8.06 berbanding 8.02 pada akhir 2017. Ini bermaksud bahawa sekiranya kadar faedah berubah sebanyak 1%, nilai pasaran portfolio akan berubah kira-kira 8.06% bagi MGS/GII/GVT dan 4.73% bagi Bond Korporat.

Tempoh yang lebih tinggi juga sejajar dengan strategi pelaburan KWAP dan selera risiko sebagai pelabur jangka panjang. Ini digambarkan dalam carta berikut.


### Tempoh Diubahsuai bagi Portfolio MGS, GII & Dagangan Kerajaan (GVT) dan Bon Korporat



### Tracking Error


TE bagi portfolio Pendapatan Tetap Domestik Dalam dan Luaran KWAP bagi 2018 masing-masing adalah 0.38% dan 0.14%. Ini digambarkan dalam rajah di bawah.

### TE bagi portfolio Pendapatan Tetap Domestik Dalam dan Luaran bagi 2017 & 2018



TE portfolio Pendapatan Tetap Antarabangsa Dalam dan Luaran bagi 2018 masing-masing adalah 2.79% dan 2.35%.

### TE portfolio Pendapatan Tetap Antarabangsa Dalam dan Luaran bagi 2017 & 2018



### Ujian Tekanan ke Atas Portfolio Pendapatan Tetap

KWAP juga secara berkala menjalankan ujian tekanan ke atas portfolio Pendapatan Tetap kami. Berdasarkan lima senario sejarah yang biasa, anggaran hasil P & L portfolio Pendapatan Tetap adalah minimum seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

### Ujian Tekanan atas 5 Senario

Senario	P&L
2008 - 2009 Krisis Kewangan Global	4.26%
2006 Kejatuhan Pasaran Baharu Muncul	-0.40%
1994 Kenaikan Kadar AS	-0.16%
2000 Penurunan Pasaran Baharu Muncul	-0.15%
2004 Masalah Pasaran Baharu Muncul	-0.15%

Nota: Urutan ini berdasarkan senario terburuk

Anggaran kerugian dari ujian tekanan bagi Pendapatan Tetap adalah minimum berbanding dengan pelaburan dalam ekuiti. Ini mungkin disebabkan oleh saiz besar Pelaburan Pendapatan Tetap Domestik KWAP yang mempunyai kesan yang terhad terhadap kejutan dan kemaruapan pasaran luaran. Dalam pada itu, bon juga dianggap sebagai pelaburan defensif.

### Produk Lindung Nilai dan Derivatif

Pelbagai jenis kontrak derivatif digunakan untuk membendung pendedahan risiko pasaran bagi pelaburan, terutamanya pergerakan mata wang dan kadar faedah. Instrumen derivatif yang digunakan untuk membendung pendedahan adalah Pertukaran Silang Mata Wang (CCS), Pertukaran Kadar Faedah (IRS) dan Kontrak Hadapan Mata Wang Asing (FX Forward). KWAP kebanyakannya menggunakan FX Forward untuk melindungi nilai pendedahan mata wang di pasaran antarabangsa bersandarkan kepada Ringgit Malaysia.

### Pelaburan Alternatif

Pada 31 Disember 2018, jumlah pendedahan KWAP dalam Pelaburan Alternatif adalah pada 6.55%, yang masih dalam sasaran 2020 SAA sebanyak 15%. Pelaburan Alternatif KWAP terdiri daripada Ekuiti Persendirian, infrastruktur dan hartanah.

### Hartanah

Hartanah KWAP di dalam dan luar negara adalah pelbagai, ini dengan sendirinya membendung risiko. Pelaburan hartanah bersifat jangka panjang, oleh itu risikonya berstruktur dan bukannya transaksional. Selain pendedahan kepada pergerakan dalam harga hartanah, pengurusan pajakan sewa adalah penting dalam mengekalkan aliran pendapatan yang stabil.

### Dana Ekuiti Persendirian (PE), Infrastruktur dan Pelaburan Langsung

Pengurusan risiko dana PE secara umumnya tertumpu pada penilaian pra-pelantikan para pengurus dana dan strategi pelaburannya. Aktiviti pasca pelantikan tertumpu kepada pengurusan risiko operasi dan pemantauan seperti usaha wajar bagi dana yang berkemungkinan mengalami penghapusan atau kerugian.


KWAP juga sentiasa mengembangkan pengetahuan dan kemahiran dengan menghadiri forum dan latihan serta penglibatan aktif dengan pemain pasaran dan pakar industri bagi meningkatkan pengurusan risiko dalam pasaran-pasaran di atas yang kian menarik minat para pelabur berbanding dengan aset-aset tradisional seperti ekuiti dan bon.

### Pendedahan Antarabangsa

#### Risiko Mata Wang


Pada 31 Disember 2018, pendedahan KWAP kepada pelaburan antarabangsa adalah 12.69% daripada jumlah dana KWAP.

### Peratusan Jumlah Pendedahan Pelaburan Domestik dan Antarabangsa KWAP




Pendedahan mata wang asing KWAP menerusi pelaburannya terbahagi kepada empat mata wang utama iaitu USD, GBP, AUD dan EUR. Pendedahan mata wang pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut.

### Peratusan Pelaburan KWAP mengikut Mata Wang



Carta berikut menunjukkan perkadaran pelbagai kelas aset dalam pelaburan antarabangsa KWAP.

### Peratusan Pelaburan Antarabangsa KWAP mengikut Jenis Aset



## Risiko Kredit

### Pengurusan Risiko Kredit

Risiko kredit ditakrifkan sebagai kebarangkalian peminjam atau rakan niaga gagal memenuhi obligasi kewangannya mengikut terma perjanjian. Sebagai sebuah organisasi yang aktif dalam sektor pendapatan tetap domestik dan pasaran wang dengan kepentingan di dalam pasaran utama dan sekunder, KWAP memerlukan dasar risiko kredit yang kukuh. Oleh itu, amalan terbaik industri diterapkan secara berterusan menerusi dasar dan proses risiko kredit yang terkini.

Tujuan pengurusan risiko kredit adalah untuk mengekalkan tahap boleh terima pendedahan risiko kredit dan memastikan pulangan adalah bersesuaian dengan risiko yang diambil. Seiring dengan keperluan ini, Rangka Kerja Risiko Kredit dan Garis Panduan Risiko Kredit telah diwujudkan bagi merasmikan fungsi risiko kredit bagi meliputi pengukuran risiko kredit, penilaian risiko kredit dan pemantauan.

## Pengurusan Risiko Kredit Yang Efektif

Risiko Portfolio					Analisis Kredit	Penarafan Dalaman	Ulasan Kredit
Risiko Rakan Niaga	Risiko Penerbit	Risiko Tertumpu	Nilai-pada Risiko Kredit	Risiko Leveraj			
Had Risiko Rakan Niaga	Had Penarafan Minima Bon Korporat, Had Penerbit & Pemerhatian Penarafan Negatif	Had Penarafan Portfolio Bon Korporat, Had Portfolio Peminjam, Had Pinjaman Tunggal, Pendedahan Pelaburan Kumpulan, Tumpuan Sektor dan MAT Kumpulan bagi EFM	Potensi Kerugian Maksimum	Had Leveraj, Had Perjanjian Beli Semula (REPO)	Analisa Kuantitatif dan Analisa Kualitatif untuk menentukan kebolehpercayaan kredit	Model pemarkahan penarafan kredit dalaman bagi bon korporat, pinjaman dan rakan niaga tidak ditaraf	Penilaian ke atas bon korporat dan pinjaman tahunan

Penyelidikan Kredit menyediakan analisis kredit, penarafan dalaman, dan ulasan kredit untuk Portfolio Pendapatan Tetap.

Jawatankuasa Kredit bertanggungjawab mempertimbangkan kesemua cadangan kredit yang sedia ada dan baharu, serta isu-isu berkaitan kredit sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Pelaburan dan Panel Pelaburan. Di samping

itu, Jawatankuasa Kredit mengkaji semula dan meluluskan pemarkahan penarafan kredit dalaman bagi kesemua cadangan kredit.

Bagi menguruskan pendedahan risiko kredit KWAP, satu siri had risiko kredit dan Pencetus Tindakan Pengurusan (MAT) telah disediakan, seperti berikut.



Nota: Had risiko kredit ditandakan dengan asterisk (\*)

Had risiko kredit diluluskan oleh Lembaga, dan ianya dibentuk sama ada untuk menghadkan pendedahan risiko bagi kelas aset atau kelas sub-aset tertentu atau menghadkan pendedahan risiko bagi entiti tunggal atau penerbit. Sebarang ketidakpatuhan had ini akan dilaporkan kepada pengurusan kanan.

Sebaliknya, Pencetus Tindakan Pengurusan (MAT) adalah pencetus yang memerlukan pihak pengurusan mengkaji semula dan menilai semula pendedahan risiko tersebut.

KWAP, di antara lain, menggunakan Kredit Nilai-pada-Risiko (VaR Kredit) sebagai kaedah untuk mengukur risiko kredit. Ia adalah ukuran potensi perubahan maksimum nilai portfolio instrumen kewangan dengan kebarangkalian yang ditetapkan pada sesuatu tempoh yang ditetapkan. Sistem kuantifikasi risiko kredit digunakan untuk memantau komposisi keseluruhan dan kualiti portfolio kredit dengan menyediakan maklumat dan teknik analisis yang mencukupi.

Di samping itu, ujian tekanan digunakan sebagai pelengkap analisis VaR, iaitu sebagai kaedah pengurusan risiko yang digunakan untuk lebih memahami profil risiko, menilai risiko perniagaan, dan seterusnya membolehkan langkah-langkah yang sewajarnya dilaksanakan. Ujian tekanan melibatkan pengenalpastian peristiwa yang mungkin berlaku atau perubahan masa depan dalam keadaan kewangan dan ekonomi yang boleh membawakan kesan buruk kepada pendedahan KWAP dan menilai keupayaan KWAP untuk menghadapi perubahan tersebut. Berikutnya, langkah-langkah yang sewajar dikenal pasti bagi menguruskan risiko dan memelihara modal

Dalam usaha untuk meningkatkan keterlihatan dan menggalakkan pengurusan risiko portfolio bon yang lebih baik, pemerhatian penarafan negatif dipantau dengan teliti sebagai salah satu daripada langkah awal dalam menangani potensi turun taraf dan/atau keingkaran bon.

### Portfolio Pendapatan Tetap KWAP (Pada 31 Disember 2018)




Diagram di atas memaparkan pendedahan pendapatan tetap KWAP, di mana 42.29% dilaburkan di dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Bon Kuasi Kerajaan, 28.62% dalam Hutang Domestik, 13.00% dalam Pinjaman, dan 12.6% dalam Pasaran Wang. Baki 3.49% dilaburkan di dalam Hutang Antarabangsa.

## Pematuhan

Fungsi pematuhan dalam organisasi memainkan peranan yang lebih penting sejak beberapa tahun kebelakangan ini disebabkan oleh sifat dan saiz kerugian kewangan dan kehilangan reputasi yang timbul daripada keingkaran pematuhan. Pematuhan berfungsi sebagai satu fungsi bebas yang mengenal pasti, menilai, menasihati, memantau dan melaporkan isu-isu risiko pematuhan, iaitu, risiko tindakan undang-undang atau peraturan, kerugian kewangan, atau kehilangan reputasi akibat kegagalan mematuhi kesemua undang-undang, peraturan, tatalaku dan piawaian amalan terbaik.

Objektif utama pematuhan adalah untuk memelihara reputasi KWAP agar kedayasaingan, reputasi dan nilai saham KWAP bukan sahaja dikekalkan, malah dipertingkatkan. Bagi mencapai objektif ini, misi kami adalah menilai dan menguruskan risiko pematuhan organisasi bagi memenuhi kehendak kesemua pemegang kepentingan. Pendasar aspirasi ini adalah Rangka Kerja Pematuhan yang telah dilaksanakan pada tahun 2010; yang membentuk asas fungsi pematuhan. Dalam melaksanakan pelancaran Rangka Kerja Pematuhan, Model Tiga Barisan Pertahanan telah diterima pakai bagi menguruskan risiko pematuhan di KWAP.

## Skop Pematuhan

### a) Pematuhan Kawal Selia


Pematuhan kawal selia ini meliputi peraturan-peraturan dan garis panduan luaran yang wajib dipatuhi oleh KWAP, termasuk Akta Parlimen yang berkaitan, dekri Menteri Kewangan dan garis panduan berkaitan terbitan badan-badan kawal selia seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia. Tanggungjawab pematuhan kawal selia terperinci kepada unit operasi yang berkaitan pada peringkat transaksi atau operasi, di mana sekiranya wujud potensi kemungkiran pematuhan, ianya hendaklah dikenal pasti sebelum terjadi. Langkah proaktif telah diguna pakai kerana ketidakpatuhan bukanlah satu pilihan.

### b) Pematuhan Dalaman

Pematuhan dalaman meliputi pematuhan kepada dasar dan garis panduan dalaman, merangkumi Dasar dan Garis Panduan Pelaburan, Had Kuasa Budi Bicara dan Prosedur Operasi Standard. Pendekatan RMCD dalam memastikan pematuhan dalaman dikekalkan menerusi kawalan had risiko di dalam sistem pelaburan dan kawalan proses operasi yang diterapkan di dalam Prosedur Operasi Standard.

## Proses Pematuhan

Aktiviti-aktiviti pematuhan saling berhubung rapat dengan perkembangan pematuhan di peringkat global, keperluan undang-undang sedia ada serta dasar dan prosedur KWAP. Rajah berikut menunjukkan proses pematuhan dan pendekatan am yang diambil dalam pengurusan risiko pematuhan.





### Nilai Pematuhan

Seiring dengan perubahan model perniagaan, munculnya teknologi baharu dan peningkatan kelas aset pelaburan baharu di samping tumpuan yang tinggi ke atas kecekapan operasi. Sebelum ini, KWAP tidak pernah terdedah kepada risiko yang pelbagai seperti ini. Seajar dengan perkembangan ini, Lembaga dan pihak pengurusan kanan telah melanjutkan sokongan dan kerjasama sepenuhnya bagi menjadikan pematuhan sebagai satu keutamaan. Arahan berkaitan isu-isu pematuhan datangnya secara langsung dari Lembaga, supaya mematuhi segala undang-undang dan peraturan-peraturan serta mengekalkan tahap etika korporat yang tinggi. Kesemua tenaga kerja KWAP menyedari bahawa Lembaga dan Pengurusan Kanan amat serius tentang pematuhan ini. Unit Pematuhan semakin menjadi titik rujukan dan penasihat strategi utama bagi inisiatif yang diusahakan oleh KWAP.

Budaya pematuhan juga diperluaskan bagi merangkum pengurus dana kami yang dikehendaki membuat pengisytiharan tahunan bahawa kesemua garis panduan pelaburan KWAP diterima pakai di dalam sistem pelaburan mereka. Ini adalah untuk memastikan bahawa pengurus dana kami sentiasa mematuhi garis panduan kami. Bagi memastikan EFM kami mematuhi mandat pelaburan, kami telah menjalankan lawatan mengejut risiko dan pematuhan sejak tahun 2017.

### Dasar Tembok Cina

KWAP telah melaksanakan Dasar Tembok Cina pada tahun 2014 untuk mewujudkan prosedur mengawal aliran maklumat bukan umum dan maklumat harga sensitif di dalam KWAP, maka mengurangkan risiko dagangan dalaman dan potensi pelanggaran undang-undang dan peraturan. Ia juga membantu memastikan bahawa pemilihan maklumat bukan umum dan maklumat harga sensitif tidak menimbulkan risiko atau risiko percanggahan tanggapan antara kepentingan awam, kepentingan KWAP dan kepentingan peribadi warga kerja.

### Senarai Semak Sendiri Pematuhan Automatis

KWAP juga telah memperkenalkan sistem pematuhan sendiri automatik bagi kesemua proses pengesahan. Latihan pengesahan ini adalah proses tanpa kertas dan lebih cekap. Senarai semak pematuhan sendiri akan dilengkapkan oleh pegawai perhubungan pematuhan jabatan masing-masing dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan mereka menerusi sistem. Latihan pengesahan dilaksanakan dua kali setahun bagi semua jabatan berkaitan pelaburan dan setahun sekali bagi jabatan-jabatan lain.

### Pengurusan Risiko Operasi (ORM)

Bagi menampung operasi perniagaan masa kini yang kompleks, KWAP menggunakan pelaporan Kejadian Risiko Operasi (ORE) untuk mengesan dan merakam kejadian kehilangan atau kejadian yang nyaris berlaku di dalam operasi KWAP.

Pada tahun 2018, tiada ORE dengan impak negatif dilaporkan terhadap operasi kerana majoriti ORE telah diperbetulkan tepat pada masanya. Laporan ORE dikategorikan mengikut kategori risiko seperti berikut:


- Pelanggan, produk dan amalan perniagaan
- Pelaksanaan, penyampaian dan pengurusan proses
- Gangguan operasi dan kegagalan sistem

Dalam menangani ORE yang dilaporkan, langkah-langkah proaktif berikut telah diambil:

- Membentangkan kejadian risiko operasi di mesyuarat EXCO untuk memastikan kesemua isu ditangani dengan tepat.
- RMCD memudahkan perbincangan dengan pihak lain untuk mengurangkan risiko dan mengelakkan berulangnya kejadian yang sama.
- Melaksanakan susulan terhadap isu ORE dengan pihak berkaitan untuk memastikan tindakan pembendungan disediakan bagi meminimumkan berulangnya kejadian yang sama.


Carta berikut menunjukkan bilangan ORE sepanjang 2018:

**Bil. ORE Dilaporkan (mengikut Tahap Impak)**



Sumber: RMCD tahun rekod 2018

**Bil. ORE Dilaporkan (mengikut Jenis)**



Sumber: RMCD tahun rekod 2018

**Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM)**

	Amaun Dibawa Pada 31 Disember 2017 RM'000	Reklasifikasi RM'000		Amaun Dibawa Pada 1 Januari 2018 RM'000	Impak Pada Perolehan Tertahan Pada 1 Januari 2018 M'000
<b><u>PINJAMAN DAN BELUM TERIMA PADA KOS TERLUNAS</u></b>					
<b>BAKI AWAL (MFRS 139)</b>	16,193,999	-	-	16,193,999	-
Penolakan:					
Ke Instrumen Kos Terlunas (MFRS 9) - Reklasifikasi Diperlukan Berdasarkan Kepada Kriteria Klasifikasi	-	(3,341,837)	-	(3,341,837)	-
Ke FVTPL - Instrumen Hutang (MFRS 9) - Reklasifikasi Diperlukan Berdasarkan Kepada Kriteria Klasifikasi	-	(1,533,641)	-	(1,533,641)	-
<b>BAKI AKHIR (MFRS 9)</b>	16,193,999	(4,875,478)	-	<b>11,318,521</b>	-



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.2 Penyata Pematuhan (sambungan)

(a) Piawaian dan pindaan yang telah diterbitkan dan berkuat kuasa bagi Kumpulan dan KWAP (sambungan)

(i) Klasifikasi dan penilaian instrumen kewangan (sambungan)

KWAP (sambungan)	MFRS 139		Pengukuran Semula	MFRS 9	
	Amaun Dibawa Pada 31 Disember 2017	Reklasifikasi		Amaun Dibawa Pada 1 Januari 2018	Perolehan Tertahan Pada 1 Januari 2018
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	M'000
<b><u>NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (KITAR SEMULA)</u></b>					
<b>BAKI AWAL (MFRS 139)</b>	-	-	-	-	-
Penambahan - Instrumen Hutang:					
Dari Sedia Dijual (MFRS 139)	-	48,325,044	-	48,325,044	-
Dari Pinjaman & Belum Terima (MFRS 139) - Reklasifikasi Diperlukan Berdasarkan Kepada Kriteria Klasifikasi	-	-	-	-	-
<b>BAKI AKHIR (MFRS 9)</b>	-	48,325,044	-	<b>48,325,044</b>	-
<b><u>NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (KITAR SEMULA)</u></b>					
<b>BAKI AWAL (MFRS 139)</b>	-	-	-	-	-
Penambahan - Instrumen Ekuiti:					
Dari Sedia Dijual	-	26,807,699	-	26,807,699	-
<b>BAKI AKHIR (MFRS 9)</b>	-	26,807,699	-	<b>26,807,699</b>	-

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.2 Penyata Pematuhan (sambungan)

(a) Piawaian dan pindaan yang telah diterbitkan dan berkuat kuasa bagi Kumpulan dan KWAP (sambungan)

(i) Klasifikasi dan penilaian instrumen kewangan (sambungan)

KWAP (sambungan)	MFRS 139		Pengukuran Semula	MFRS 9	
	Amaun Dibawa Pada 31 Disember 2017	Reklasifikasi		Amaun Dibawa Pada 1 Januari 2018	Perolehan Tertahan Pada 1 Januari 2018
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	M'000
<b>SEKURITI PELABURAN - KOS TERLUNAS</b>					
<b>BAKI AWAL (MFRS 139)</b>	-	-	-	-	-
Penambahan:					
Dari Sedia Dijual (MFRS 139)	-	-	-	-	-
Dari Pinjaman dan Belum Terima (MFRS139)	-	3,341,837	-	3,341,837	-
Peningkatan Kerugian Jangkaan Kredit (MFRS 9)	-	-	(25)	(25)	(25)
<b>BAKI AKHIR (MFRS 9)</b>	-	3,341,837	(25)	<b>3,341,812</b>	<b>(25)</b>
<b>SEKURITI PELABURAN - ASET KEWANGAN SEDIA DIJUAL</b>					
<b>BAKI AWAL (MFRS 139)</b>	110,006,562	-	-	110,006,562	-
Penolakan:					
Ke Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi (MFRS 9)	-	(34,873,820)	-	(34,873,820)	-
Ke FVOCI - Instrumen Ekuiti	-	(26,807,699)	-	(26,807,699)	-
Ke FVOCI - Instrumen Hutang	-	(48,325,044)	-	(48,325,044)	-
Ke Kos Terlunas	-	-	-	-	-
<b>BAKI AKHIR (MFRS 9)</b>	110,006,562	(110,006,562)	-	-	-

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.2 Penyata Pematuhan (sambungan)

(a) Piawaian dan pindaan yang telah diterbitkan dan berkuat kuasa bagi Kumpulan dan KWAP (sambungan)

(i) Klasifikasi dan penilaian instrumen kewangan (sambungan)

KWAP (sambungan)	MFRS 139	Reklasifikasi	Pengukuran Semula	MFRS 9	Impak
	Amaun Dibawa Pada 31 Disember 2017 RM'000			Amaun Dibawa Pada 1 Januari 2018 RM'000	Pada Perolehan Tertahan Pada 1 Januari 2018 M'000
<b>ASET KEWANGAN DERIVATIF</b>					
BAKI AWAL (MFRS 139)	539,181	-	-	539,181	-
BAKI AKHIR (MFRS 9)	539,181	-	-	<b>539,181</b>	-
<b>PENGHUTANG RUNCIT DAN DEPOSIT</b>					
BAKI AWAL (MFRS 139)	172,419	-	-	172,419	-
BAKI AKHIR (MFRS 9)	172,419	-	-	<b>172,419</b>	-
<b>PENGHUTANG PERNIAGAAN</b>					
BAKI AWAL (MFRS 139)	2,467,577	-	-	2,467,577	-
BAKI AKHIR (MFRS 9)	2,467,577	-	-	<b>2,467,577</b>	-
<b>DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN</b>					
BAKI AWAL (MFRS 139)	6,678,292	-	-	6,678,292	-
BAKI AKHIR (MFRS 9)	6,678,292	-	-	<b>6,678,292</b>	-
<b>BAKI TUNAI DAN BANK</b>					
BAKI AWAL (MFRS 139)	1,046,361	-	-	1,046,361	-
BAKI AKHIR (MFRS 9)	1,046,361	-	-	<b>1,046,361</b>	-

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****2.2 Penyata Pematuhan (sambungan)**

(a) Piawaian dan pindaan yang telah diterbitkan dan berkuat kuasa bagi Kumpulan dan KWAP (sambungan)

(ii) Rosot nilai aset kewangan ("ECL")

Jadual berikut menunjukkan penyesuaian baki tutup bagi peruntukan rosot nilai berdasarkan kepada MFRS 139 kepada baki mula bagi peruntukan rosot nilai berdasarkan kepada MFRS 9 pada 1 Januari 2018. Segala perubahan pada peruntukan rosot nilai berdasarkan kepada MFRS 9 adalah disebabkan oleh reklasifikasi instrumen kewangan diantara Kos Yang Dilunaskan dan nilai saksama serta penilaian semula rosot nilai berdasarkan syarat ECL.

	Peruntukan Kerugian MFRS 139/ Peruntukan MFRS 137 RM'000	Reklasifikasi RM'000	Pengukuran Semula RM'000	MFRS 9 Amaun Dibawa Pada 1 Januari 2018 RM'000
<b><u>PINJAMAN DAN BELUM TERIMA (MFRS 139) / ASET KEWANGAN PADA KOS TERLUNAS (MFRS 9)</u></b>				
Sekuriti Pelaburan	-	-	25	25
	-	-	25	<b>25</b>
<b><u>INSTRUMEN KEWANGAN SEDIA DIJUAL (MFRS 139) / ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MEALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN FVOCI (MFRS 9)</u></b>				
Sekuriti Pelaburan	-	-	2,923	2,923
	-	-	2,923	<b>2,923</b>
<b><u>PENGHUTANG PERNIAGAAN</u></b>				
	-	-	-	-
<b><u>PENGHUTANG RUNCIT DAN DEPOSIT</u></b>				
	-	-	-	-

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****2.2 Penyata Pematuhan (sambungan)****(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa**

Piawaian dan interpretasi yang diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa sehingga tarikh pengeluaran Penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP adalah seperti yang dinyatakan dibawah. Kumpulan dan KWAP berhasrat untuk menerima pakai piawaian ini, jika berkenaan, apabila ia berkuat kuasa.

<b>Deskripsi</b>	<b>Berkuat kuasa Bagi Tempoh Tahunan Bermula Pada Atau Selepas</b>
<i>MFRS 16: 'Leases'</i>	1 Januari 2019
<i>IC Interpretation 23: 'Uncertainty over Income Tax Treatments'</i>	1 Januari 2019
<i>Amendments to the MFRS 3: 'Business Combinations Annual Improvements to MFRS Standards 2015-2017 Cycle'</i>	1 Januari 2019
<i>Amendments to the MFRS 9: 'Financial Instruments - Prepayment Features with Negative Compensation'</i>	1 Januari 2019
<i>Amendments to the MFRS 11: 'Joint Arrangements - Annual Improvements to MFRS Standards 2015-2017 Cycle'</i>	1 Januari 2019
<i>Amendments to the MFRS 112: 'Income Taxes Annual Improvements to MFRS Standards 2015-2017 Cycle'</i>	1 Januari 2019
<i>Amendments to the MFRS 119: 'Employee Benefits - Plan Amendment, Curtailment or Settlement'</i>	1 Januari 2019
<i>Amendments to the MFRS 123: 'Borrowing Costs Annual Improvements to MFRS Standards 2015-2017 Cycle'</i>	1 Januari 2019

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****2.2 Penyata Pematuhan (sambungan)**

(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa (sambungan)

Deskripsi	Berkuat kuasa Bagi Tempoh Tahunan Bermula Pada Atau Selepas
<i>Amendments to the MFRS 128: 'Investments in Associates and Joint Ventures – Long-term Interests in Associates and Joint Ventures'</i>	1 Januari 2019
<i>Amendments to the MFRS 3: 'Business Combinations – Definition of a Business'</i>	1 Januari 2020
<i>Amendments to the MFRS 101: 'Presentation of Financial Statements' and MFRS 108: 'Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors – Definition of Material'</i>	1 Januari 2020
<i>MFRS 17: 'Insurance Contracts'</i>	1 Januari 2021
<i>Amendments to MFRS 10: 'Consolidated Financial Statements' and MFRS 128: 'Investments In Associates and Joint Ventures – Sale or Contribution of Assets between an Investor and its Associate or Joint Venture'</i>	Akan Disahkan

Pemakaian awal piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran dijangka tidak memberi sebarang kesan ketara kepada Penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP bagi tempoh semasa dan tempoh terdahulu.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan

##### (a) Subsidiari

Subsidiari ialah entiti di mana Kumpulan mempunyai kriteria-kriteria berikut:

- Kuasa untuk pelaksanaan kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan operasi untuk mengurus aktiviti yang berkaitan dengan entiti;
- Pendedahan, atau hak, ke atas pulangan tidak tetap daripada pelaburan dalam entiti; dan
- Keupayaan penggunaan kuasa ke atas entiti untuk mempengaruhi pulangan daripada entiti.

Syarikat subsidiari digabungkan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan diasingkan dari tarikh kawalan luput. Pelaburan dalam saham tidak tersiar harga syarikat subsidiari dinyatakan pada nilai kos di mana amaun tersebut diselaraskan kepada nilai boleh pulih termasuk kerugian rosot nilai bagi tahun berkenaan, sekiranya ada. Polisi yang berkaitan dengan pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai aset bukan kewangan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.18.

Kos pengambilalihan dinyatakan pada nilai saksama aset yang diterima, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti sedia ada yang tertunggak atau liabiliti yang diambil alih pada tarikh penukaran, termasuk kos pengambilalihan secara langsung, sekiranya ada.

Aset dan liabiliti yang dikenal pasti bagi tujuan pengambilalihan serta liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung semasa gabungan perniagaan pada asalnya dinyatakan mengikut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira Kepentingan Tak Mengawal, sekiranya ada.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan (sambungan)

##### (a) Subsidiari (sambungan)

###### Perubahan kepentingan pemilikan dalam syarikat subsidiari tanpa perubahan kawalan

Transaksi dengan Kepentingan Tak Mengawal yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan dikira sebagai transaksi dengan pemilik ekuiti Kumpulan. Perubahan dalam kepentingan pemilikan akan mengakibatkan pelarasan antara nilai dibawa Kepentingan Mengawal dan Kepentingan Tak Mengawal untuk menunjukkan kepentingan relatif pemilik dalam syarikat subsidiari tersebut. Perbezaan di antara amaun pelarasan ke atas Kepentingan Tak Mengawal dan sebarang pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf dalam ekuiti yang boleh diagihkan kepada pemilik Kumpulan, sekiranya ada.

###### Pelupusan subsidiari

Apabila syarikat subsidiari tidak lagi digabungkan disebabkan oleh kehilangan kawalan, kepentingan tertahan dalam entiti diukur semula pada nilai saksama di mana perubahan dalam nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi, sekiranya ada. Nilai saksama ini menjadi nilai awal yang dibawa bagi tujuan perakaunan susulan kepentingan tertahan sebagai syarikat bersekutu, usaha sama atau aset kewangan. Di samping itu, sebarang amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain berkenaan dengan entiti tersebut diambil kira sebagai pelupusan secara langsung aset atau liabiliti yang berkaitan oleh Kumpulan. Ini boleh menyebabkan reklasifikasi amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain kepada untung atau rugi.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan syarikat subsidiari juga merangkumi nilai dibawa muhibah yang berkaitan dengan syarikat subsidiari.



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan (sambungan)

##### (b) Asas penyatuan

Penyata Kewangan digabungkan merangkumi Penyata-Penyata Kewangan KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari. Penyata Kewangan KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari yang digunakan bagi penyediaan Penyata Kewangan digabungkan adalah disediakan berdasarkan tarikh laporan yang sama. Dasar perakaunan yang konsisten diguna pakai bagi transaksi dan peristiwa yang sama.

Sekiranya KWAP mempunyai hak mengundi bukan majoriti dalam sesuatu entiti, perkara-perkara berikut perlu diambil kira dalam penilaian ke atas hak mengundi yang mencukupi berhubung dengan kuasa KWAP ke atas entiti:

- Saiz hak mengundi KWAP berbanding dengan saiz dan pecahan pegangan pengundi lain;
- Potensi hak mengundi KWAP, pengundi lain atau pihak lain;
- Hak daripada perjanjian kontrak yang lain; dan
- Fakta atau peristiwa lain yang menggambarkan keupayaan semasa KWAP untuk mengarah aktiviti yang relevan semasa keputusan dibuat termasuk corak undian dalam mesyuarat pemegang saham terdahulu.

Transaksi antara kumpulan, baki dan keuntungan tidak nyata daripada transaksi di antara KWAP dan syarikat subsidiari adalah dihapuskan. Kerugian tidak nyata juga dihapuskan melainkan transaksi tersebut memberi petunjuk rosot nilai ke atas aset yang dipindahkan. Penyata Kewangan digabungkan hanya menggambarkan urus niaga luaran Kumpulan.

Kerugian antara syarikat subsidiari direkodkan dalam Kepentingan Tak Mengawal walaupun pelaksanaan tersebut mengakibatkan baki defisit.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan (sambungan)

##### (c) Gabungan perniagaan

Pengambilalihan syarikat subsidiari dinyatakan menurut kaedah pengambilalihan. Kos pengambilalihan ialah agregat pertimbangan yang dipindahkan, yang diambil kira pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan amaun Kepentingan Tak Mengawal dalam entiti, sekiranya ada. Kumpulan memilih untuk menilai Kepentingan Tak Mengawal dalam syarikat yang diambilalih sama ada pada nilai saksama atau pada kadar bahagian aset bersih yang dikenal pasti berdasarkan transaksi demi transaksi. Kos transaksi diiktiraf sebagai perbelanjaan pengurusan.

Sebarang pertimbangan luar jangka yang akan dipindahkan oleh pengambilalih akan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan dalam nilai saksama pertimbangan luar jangka yang diiktiraf sebagai aset atau liabiliti, akan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif, berdasarkan MFRS 9 sama ada dalam untung atau rugi atau sebagai perubahan dalam Pendapatan Komprehensif Lain. Penilaian semula tidak diperlukan sekiranya pertimbangan luar jangka diklasifikasikan sebagai ekuiti. Pembayaran berikutnya adalah dinyatakan dalam ekuiti. Sebelum 1 Januari 2018, perubahan dalam nilai saksama pertimbangan luar jangka yang diiktiraf sebagai aset atau liabiliti, akan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif, berdasarkan MFRS 139 sama ada dalam untung atau rugi atau sebagai perubahan dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

Jika pertimbangan luar jangka berada di luar skop MFRS 9, penilaian pertimbangan luar jangka tersebut adalah berdasarkan piawaian MFRS yang bersesuaian.

Bagi pengambilalihan perniagaan oleh Kumpulan, penilaian ke atas aset dan liabiliti kewangan perlu dilaksanakan bagi penentuan pengelasan dan klasifikasi yang sesuai mengikut syarat-syarat kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan lain pada tarikh pengambilalihan. Termasuk dalam penilaian ialah pemisahan derivatif terbenam dalam kontrak asal oleh pihak yang diambilalih.

Sekiranya gabungan perniagaan dilaksanakan secara berperingkat, nilai saksama pada tarikh pengambilalihan bagi kepentingan ekuiti terdahulu pembeli yang dipegang dalam syarikat yang diambilalih akan dinilai semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan berikutnya melalui untung atau rugi.

Lebih agregat pertimbangan yang dipindahkan, amaun yang diiktiraf bagi Kepentingan Tak Mengawal dan nilai saksama kepentingan ekuiti terdahulu pada tarikh pengambilalihan ke atas lebih aset yang diambil alih dan liabiliti yang ditanggung pada asalnya diiktiraf sebagai muhibah. Sekiranya pertimbangan tersebut adalah lebih rendah daripada nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari yang diambil alih, perbezaannya dinyatakan dalam untung atau rugi.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan (sambungan)

##### (d) Pelaburan dalam syarikat subsidiari dalam Penyata Kewangan yang berasingan

Dalam Penyata Kewangan berasingan KWAP, pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Pada pelupusan pelaburan dalam syarikat subsidiari, perbezaan di antara hasil pelupusan dan nilai dibawa pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Amaun terhutang daripada syarikat subsidiari di mana KWAP tidak menjangkakan pembayaran balik pada masa hadapan akan dianggap sebagai sebahagian daripada pelaburan KWAP dalam syarikat subsidiari.

#### 2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Kepentingan Usaha Sama

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan, tetapi tiada kawalan atau kawalan bersama, yang lazimnya mengiringi pegangan saham diantara 20% dan 50% daripada hak mengundi. Pengaruh signifikan ialah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi bukan kawalan atau kawalan bersama untuk mengawal dasar-dasar tersebut.

Kewujudan dan kesan terhadap hak pengundian berpotensi yang boleh dilaksanakan atau ditukarkan adalah diambilkira dalam penilaian pengaruh signifikan Kumpulan terhadap entiti lain.

Bagi pengambilalihan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, sebarang lebihan kos pelaburan ke atas bahagian Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang dikenal pasti dinyatakan sebagai muhibah dan dimasukkan dalam nilai dibawa pelaburan. Sebarang lebihan bahagian Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang dikenal pasti dan kos pelaburan dikecualikan daripada nilai dibawa pelaburan dan sebaliknya diiktiraf sebagai pendapatan bagi menentukan bahagian untung atau rugi Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama bagi tempoh di mana pengambilalihan pelaburan dilaksanakan.

Syarikat bersekutu atau usaha sama dinyatakan menurut kaedah ekuiti dari tarikh entiti diiktiraf sebagai syarikat bersekutu atau usaha sama.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Kepentingan Usaha Sama (sambungan)

##### **Pengambilalihan berkala dalam syarikat bersekutu**

Apabila Kumpulan meningkatkan kepentingannya dalam pelaburan sedia ada dan pelaburan tersebut menjadi syarikat bersekutu untuk kali pertama, muhibah dikira pada setiap peringkat pengambilalihan. Tiada penilaian nilai saksama untuk bahagian aset bersih terdahulu oleh Kumpulan. Sebarang rizab FVOCI akan dinyatakan semula dalam Pendapatan Komprehensif Lain, sekaligus melaraskan pelaburan tersebut kepada kos. Bagi pelaburan yang diklasifikasikan pada FVTPL, pembalikan yang disebabkan oleh penyataan semula kepada kos dibuat terhadap perolehan tertahan. Bahagian keuntungan (selepas dividen) berserta dengan bahagian pergerakan ekuiti yang berkaitan dengan kepentingan pegangan terdahulu, sekiranya ada, diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

##### **Peningkatan pegangan dalam syarikat bersekutu sedia ada dan pengekal pengaruh penting**

Kos pengambilalihan kepentingan tambahan dalam syarikat bersekutu ditambah kepada nilai dibawa syarikat bersekutu dan diakaunkan mengikut kaedah ekuiti. Muhibah yang terhasil daripada pembelian pegangan tambahan ditentukan dengan menggunakan maklumat nilai saksama pada tarikh pembelian kepentingan tambahan. Tiada penilaian semula untuk kepentingan terdahulu yang dipegang dalam syarikat bersekutu tersebut.

Menurut kaedah ekuiti, pengiktirafan asal pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama dinyatakan pada nilai kos, dan seterusnya dilaraskan untuk mengambilkira bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan syarikat bersekutu atau usaha sama dalam untung atau rugi, dan bahagian Kumpulan dalam pergerakan Pendapatan Komprehensif Lain syarikat bersekutu atau usaha sama dalam Pendapatan Komprehensif Lain. Dividen yang diterima atau akan diterima daripada syarikat bersekutu atau usaha sama diiktiraf sebagai pengurangan dalam nilai dibawa pelaburan tersebut. Sekiranya bahagian Kumpulan dalam kerugian syarikat bersekutu atau usaha sama bersamaan atau melebihi kepentingan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama tersebut (termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang secara inti pati, merupakan bahagian Kumpulan dalam kepentingan pelaburan bersih syarikat bersekutu atau usaha sama), pengiktirafan kerugian seterusnya tidak perlu dinyatakan oleh Kumpulan kecuali jika terdapat obligasi perundangan atau konstruktif atau pembayaran yang dibuat bagi pihak syarikat bersekutu atau usaha sama, sekiranya ada.

Keuntungan atau kerugian daripada urus niaga hulu atau hiliran di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu atau usaha sama yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan digabungkan hanya tertakluk kepada pelabur tidak berkait dalam syarikat bersekutu atau usaha sama tersebut. Kerugian tidak nyata dihapuskan kecuali jika transaksi tersebut membuktikan bahawa terdapat rosot nilai bagi aset yang telah dipindahkan.

Penyata Kewangan syarikat bersekutu dan usaha sama disediakan mengikut tarikh laporan yang sama dengan Kumpulan. Pelarasan dibuat untuk menyeragamkan dasar perakaunan syarikat bersekutu dan usaha sama dengan dasar Kumpulan, jika perlu.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Kepentingan Usaha Sama (sambungan)

##### **Peningkatan pegangan dalam syarikat bersekutu sedia ada dan pengekaln pengaruh penting (sambungan)**

Selepas pelaksanaan kaedah ekuiti, Kumpulan mengguna pakai piawaian MFRS 136: 'Impairment of Asset' ("MFRS 136") bagi menentukan keperluan pengiktirafan kerugian rosot nilai tambahan terhadap pelaburan bersih dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, sekiranya ada. Keseluruhan nilai dibawa pelaburan diuji sebagai satu aset untuk pengiraan rosot nilai berdasarkan piawaian MFRS 136 yang menggunakan perbandingan di antara nilai boleh pulih (yang lebih tinggi antara nilai dibawa dan nilai saksama setelah ditolak kos jualan) dan nilai dibawa, jika perlu. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi, sekiranya ada. Penyataan semula kerugian rosot nilai diiktiraf kepada tahap peningkatan nilai boleh pulih pelaburan.

##### **Kehilangan pengaruh penting atau kawalan bersama**

Apabila Kumpulan berhenti merekod syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama berdasarkan kaedah ekuiti disebabkan oleh kehilangan pengaruh penting atau kawalan bersama, sebarang kepentingan tertahan dalam entiti akan dinilai semula kepada nilai saksama di mana sebarang perubahan ke atas nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi, sekiranya ada. Nilai saksama ini akan menjadi nilai dibawa awal bagi tujuan perakaunan susulan kepentingan tertahan sebagai aset kewangan. Di samping itu, sebarang jumlah terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain berkenaan dengan entiti tersebut diambil kira sebagai pelupusan secara langsung bagi aset atau liabiliti yang berkaitan dengan Kumpulan. Ini boleh menyebabkan reklasifikasi amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain kepada untung atau rugi.

Sekiranya terdapat pengurangan ke atas kepentingan pemilikan dalam syarikat bersekutu ataupun usaha sama di mana pengaruh signifikan atau kawalan bersama adalah dikekalkan, hanya sebahagian daripada bahagian Kumpulan dalam amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain direklasifikasikan kepada untung atau rugi, jika perlu.

Pencairan keuntungan atau kerugian yang timbul daripada pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama diiktiraf dalam untung atau rugi.

##### **Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama dalam penyata kewangan yang berasingan**

Dalam Penyata Kewangan berasingan KWAP, pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai terkumpul, sekiranya ada. Pada pelupusan pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama, perbezaan antara hasil pelupusan dan nilai dibawa pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 2.5 Aset Tidak Ketara

Aset tidak ketara yang diperolehi secara berasingan pada asalnya dinyatakan pada nilai kos. Berikutan pengiktirafan asal, aset tidak ketara dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak Kos Yang Dilunaskan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, sekiranya ada. Jangka hayat aset tidak ketara sama ada terhad atau tidak terhad ditentukan. Aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad dilunaskan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang anggaran jangka hayat ekonomi dan rosot nilai diambil kira apabila terdapat tanda rosot nilai, sekiranya perlu. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad disemak semula pada setiap tarikh laporan.

Perubahan dalam jangka hayat atau corak penggunaan berkaitan dengan manfaat ekonomi masa hadapan aset diiktiraf melalui perubahan ke atas tempoh atau kaedah pelunasan, di mana bersesuaian, dan diambil kira sebagai perubahan dalam andaian perakaunan. Kos pelunasan bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad direkodkan dalam untung atau rugi.

Aset tidak ketara dengan jangka hayat tidak terhad atau belum bersedia untuk tujuan kegunaan disemak bagi tujuan rosot nilai setiap tahun, atau lebih kerap, apabila terdapat tanda bahawa nilai dibawa aset mungkin dirosot nilai sama ada secara individu atau pada peringkat Unit Penjana Tunai ("CGU"). Aset tidak ketara tersebut tidak tertakluk kepada pelunasan. Jangka hayat bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat tidak terhad disemak semula setiap tahun untuk menentukan kebolehlaksanaan penilaian jangka hayat. Sekiranya jangka hayat tersebut tidak boleh disokong, perubahan daripada jangka hayat tidak terhad kepada jangka hayat terhad dilaksanakan secara prospektif.

Keuntungan atau kerugian daripada penyahiktirafan aset tidak ketara dinyatakan sebagai perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa aset dan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila penyahiktirafan dilaksanakan.

Susut nilai bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad diperuntukan mengikut kaedah garis lurus di mana kos setiap aset dihapus kira kepada nilai sisa berdasarkan kadar susut nilai yang berikut:

Perisian komputer dan lesen	33.33%
-----------------------------	--------

### 2.6 Hartanah Dan Peralatan

Hartanah dan peralatan pada asalnya dinyatakan pada nilai kos, setelah ditolak amaun cukai yang ditanggung, kecuali jika cukai tersebut tidak dapat diperolehi balik daripada kerajaan. Sekiranya cukai yang ditanggung tidak dapat diperolehi balik daripada kerajaan, cukai tersebut diiktiraf sebagai sebahagian daripada kos perolehan hartanah dan peralatan. Kos bagi sesuatu item hartanah dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika, terdapat kebarangkalian besar bahawa faedah ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut akan diterima oleh Kumpulan dan KWAP dan kosnya boleh dinilai dengan yakin.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.6 Hartanah Dan Peralatan (sambungan)

Selepas pengiktirafan asal, hartanah dan peralatan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, sekiranya ada. Kos asal sesuatu item hartanah dan peralatan yang diiktiraf adalah termasuk harga beli dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung yang ditanggung untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang diperlukan untuk membolehkannya berfungsi mengikut cara yang ditetapkan oleh Kumpulan dan KWAP. Kos juga termasuk kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset layak.

Jika terdapat keperluan untuk menggantikan sebahagian besar daripada item hartanah dan peralatan, bahagian tersebut diiktiraf sebagai aset individu dengan jangka hayat penggunaan serta susut nilai tersendiri. Begitu juga, sekiranya terdapat pemeriksaan utama, kos penggantian bagi item hartanah atau peralatan diiktiraf dalam nilai dibawa item tersebut, tertakluk kepada kriteria pengiktirafan yang ditetapkan. Kos-kos penambahbaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ditanggung.

Susut nilai bagi hartanah dan peralatan diperuntukan mengikut kaedah garis lurus di mana kos setiap aset dihapus kira kepada nilai sisa berdasarkan kadar susut nilai yang berikut:

Renovasi Pejabat	16.67%
Komputer	20.00%
Lukisan	20.00%
Perabot dan Peralatan Pejabat	20.00%
Peralatan Gimnasium	20.00%
Kenderaan	20.00%
Peralatan Elektrik	33.33%

Kerja dalam kemajuan terdiri daripada, antara lain, kerja-kerja pengubahsuaian yang sedang dijalankan dan penambahbaikan atau penaiktarafan sistem maklumat yang sedang dijalankan. Kerja dalam kemajuan dan lukisan bukan berasaskan lukisan air dinyatakan pada nilai kos dan tidak disusut nilai sehingga aset berkenaan sedia untuk digunakan.

Pada akhir tempoh laporan, Kumpulan dan KWAP akan menilai sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Sekiranya ada, analisa dilaksanakan bagi menentukan sama ada nilai dibawa aset boleh dipulih sepenuhnya. Sekiranya nilai dibawa aset melebihi nilai boleh pulih, nilai aset akan dirosot nilai ke nilai boleh pulih. Dasar berkaitan dengan rosot nilai aset bukan kewangan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.18.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya perlu.

Item hartanah dan peralatan dinyahiktiraf apabila dilupuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa hadapan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusan aset tersebut. Keuntungan atau kerugian aset selepas penyahiktirafan aset diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyahiktiraf, sekiranya ada.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 2.7 Aset Kewangan

#### (a) Pengiktirafan asal

Aset kewangan diiktiraf apabila Kumpulan dan KWAP menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut. Instrumen kewangan pada asalnya diiktiraf oleh Kumpulan dan KWAP pada nilai saksama termasuk, bagi instrumen kewangan yang tidak dinyatakan pada FVTPL, kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan perolehan instrumen kewangan atau liabiliti kewangan, sekiranya ada. Klasifikasi instrumen kewangan dan liabiliti kewangan adalah ditentukan pada pengiktirafan asal.

Belian dan jualan lazim aset kewangan diiktiraf pada tarikh penyelesaian akaun. Kaedah ini diguna pakai secara konsisten bagi semua belian dan jualan aset kewangan didalam kategori yang sama.

#### (b) Klasifikasi dan penilaian berikutan

##### (i) Instrumen Kewangan - Polisi yang diguna pakai dari 1 Januari 2018

Mulai 1 Januari 2018, Kumpulan dan KWAP telah mengguna pakai MFRS 9 dan aset kewangan telah diklasifikasikan berdasarkan kepada kategori-kategori berikut- Kos Yang Dilunaskan, FVOCI dan FVTPL.

Klasifikasi bagi instrumen hutang dan ekuiti adalah mengikut keperluan seperti yang dinyatakan dibawah:

#### 1. Instrumen hutang

Instrumen hutang adalah instrumen yang menepati definisi liabiliti kewangan dari perspektif penerbit. Klasifikasi dan penilaian instrumen hutang adalah bergantung kepada model perniagaan Kumpulan dan KWAP bagi pengurusan aset dan ciri- ciri aliran tunai aset tersebut. Berdasarkan kepada faktor diatas, Kumpulan dan KWAP mengklasifikasikan instrumen hutang mengikut salah satu daripada tiga (3) kategori penilaian berikut:

##### **Kos Yang Dilunaskan**

Aset kewangan yang dipegang bagi kutipan aliran tunai kontraktual di mana aliran tunai tersebut mewakili SPPI, dan bukan dikelaskan sebagai FVTPL, dinyatakan pada nilai Kos Yang Dilunaskan berdasarkan kepada kaedah pulangan berkesan. Nilai dibawa aset diselaraskan dengan kerugian rosot nilai yang diiktiraf dan dinilai berdasarkan kepada model ECL. Pendapatan faedah dari aset kewangan yang dinyatakan pada nilai Kos Yang Dilunaskan diiktiraf sebagai Pendapatan Faedah dalam Penyata Pendapatan Komprehensif. Kerugian yang timbul dari rosot nilai aset instrumen kewangan diiktiraf sebagai Peruntukan Rosot Nilai dalam Penyata Pendapatan Komprehensif. Kerugian yang timbul dari rosot nilai aset kewangan selain daripada instrumen kewangan diiktiraf sebagai Peruntukan Rosot Nilai Aset Lain dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.7 Aset Kewangan (sambungan)

##### (b) Klasifikasi dan penilaian berikutan (sambungan)

##### (i) Instrumen Kewangan – Polisi yang diguna pakai dari 1 Januari 2018 (sambungan)

###### 1. Instrumen hutang (sambungan)

###### **FVOCI**

Aset kewangan yang dipegang bagi tujuan kutipan aliran tunai kontraktual dan jualan aset berikutnya dimana aliran tunai aset tersebut mewakili SPPI, dan bukan diklasifikasikan sebagai FVTPL, dinilai pada FVOCI. Perubahan pada nilai saksama diiktiraf melalui Pendapatan Komprehensif Lain, kecuali pengiktirafan kerugian rosot nilai dinyatakan berdasarkan model ECL, pendapatan faedah dan untung atau rugi kadar tukaran mata wang ke atas Kos Yang Dilunaskan bagi aset kewangan tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi. Pendapatan faedah yang diperolehi semasa aset kewangan berada dalam pegangan diiktiraf sebagai Pendapatan Faedah menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Apabila aset kewangan dinyahiktiraf, untung atau rugi terkumpul yang diiktiraf terdahulu dalam Pendapatan Komprehensif Lain diklasifikasikan semula sebagai untung atau rugi dalam Keuntungan dan Kerugian Daripada Jualan Pelaburan.

###### **FVTPL**

Aset kewangan yang tidak memenuhi syarat bagi Kos Yang Dilunaskan atau FVOCI, termasuklah aset kewangan Dipegang Untuk Dagangan (“HFT”) dan derivatif, dinilai pada FVTPL. Apabila aset kewangan dinyahiktiraf, keuntungan atau kerugian aset kewangan tersebut yang dinilai semula pada FVTPL dan tidak merupakan sebahagian daripada hubungan lindung nilai, diiktiraf sebagai Keuntungan dan Kerugian Daripada Jualan Pelaburan dalam untung atau rugi. Pendapatan faedah yang diperolehi semasa aset kewangan berada dalam pegangan diiktiraf sebagai Pendapatan Faedah menggunakan kaedah kadar faedah efektif.

###### **Penilaian model perniagaan**

Kumpulan dan KWAP menilai objektif model perniagaan aset kewangan yang dipegang pada tahap portfolio yang mencerminkan kaedah pengurusan dan laporan kepada pihak pengurusan yang terbaik. Faktor-faktor yang dipertimbangkan merangkumi polisi dan objektif portfolio dan amalan operasi polisi tersebut. Secara terperinci, samada strategi pihak pengurusan adalah bagi penjana pendapatan faedah kontrak, penyelenggaraan profil kadar faedah tertentu, padanan tempoh aset kewangan kepada tempoh liabiliti kewangan yang membiayai aset tersebut atau penjana aliran tunai melalui penjualan aset kewangan.

Faktor-faktor lain yang akan dipertimbangkan termasuk kekerapan, jumlah dan tempoh jualan terdahulu, penilaian prestasi aset kewangan dan laporan kepada pihak pengurusan utama serta penilaian dan pengurusan risiko.

###### **Reklasifikasi instrumen hutang**

Reklasifikasi instrumen hutang oleh Kumpulan dan KWAP dilaksanakan apabila dan hanya apabila terdapat perubahan dalam model perniagaan yang menguruskan aset tersebut. Terdapat instrumen hutang yang direklasifikasikan disebabkan oleh perubahan pada model perniagaan dalam tahun kewangan semasa.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 2.7 Aset Kewangan (sambungan)

#### (b) Klasifikasi dan penilaian berikutan (sambungan)

##### (i) Instrumen Kewangan – Polisi yang diguna pakai dari 1 Januari 2018 (sambungan)

#### 2. Instrumen ekuiti

Instrumen ekuiti adalah instrumen yang memenuhi definisi ekuiti dari perspektif penerbit; iaitu, instrumen yang tidak mempunyai obligasi kontrak untuk membayar dan membuktikan kepentingan residual dalam aset bersih penerbit.

Pada pengiktirafan asal, Kumpulan dan KWAP boleh memilih untuk mengklasifikasikan pelaburan ekuiti yang tidak dipegang untuk tujuan dagangan sebagai FVOCI tanpa pilihan untuk ditarik balik. Klasifikasi tersebut ditentukan atas dasar instrumen ke instrumen dimana nilai saksama untung atau rugi diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan tidak direklasifikasikan ke untung atau rugi, termasuk juga semasa pelupusan. Dividen yang diperoleh ketika instrumen ekuiti berada dalam pegangan diiktiraf sebagai Pendapatan Dividen dalam Penyata Pendapatan Komprehensif setelah hak untuk menerima pembayaran ditentukan.

Keuntungan dan kerugian instrumen ekuiti pada FVTPL diiktiraf sebagai Keuntungan atau Kerugian Daripada Jualan Pelaburan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif selepas penyahiktirafan.

##### (ii) Instrumen Kewangan – Polisi yang diguna pakai sebelum 1 Januari 2018

Sebelum 1 Januari 2018, Kumpulan dan KWAP telah mengklasifikasikan aset kewangan kepada kategori-kategori berikut: pada FVTPL, Pinjaman dan Belum Terima, aset kewangan AFS dan aset pelaburan yang Dipegang Sehingga Matang “(HTM)”. Klasifikasi adalah bergantung kepada tujuan perolehan aset kewangan tersebut. Klasifikasi ditentukan pada pengiktirafan asal dan bagi aset kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset pelaburan HTM, penilaian semula dilaksanakan pada tempoh akhir tahun kewangan.

Belian dan jualan lazim aset kewangan diiktiraf pada tarikh dagangan, iaitu tarikh komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut oleh Kumpulan dan KWAP.

Aset kewangan, kecuali aset kewangan pada FVTPL, pada asalnya diiktiraf pada nilai saksama termasuk kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan aset kewangan, jika ada. Aset kewangan pada FVTPL pada asalnya diiktiraf pada nilai saksama, dan kos transaksi pula diiktiraf dalam untung atau rugi.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.7 Aset Kewangan (sambungan)

##### (b) Klasifikasi dan penilaian berikutan (sambungan)

##### (ii) Instrumen Kewangan - Polisi yang diguna pakai sebelum 1 Januari 2018

###### i. Instrumen kewangan pada FVTPL

Aset Kewangan Pada FVTPL adalah merupakan aset kewangan HFT, aset kewangan derivatif atau aset kewangan yang ditetapkan sedemikian semasa pengiktirafan asal. Aset kewangan HFT adalah aset kewangan yang diperolehi untuk tujuan dagangan, pembelian atau penjualan semula dalam tempoh terdekat. Instrumen pelaburan lain yang diklasifikasikan sebagai aset kewangan HFT adalah instrumen pelaburan pendapatan tetap yang ditetapkan di bawah portfolio dagangan serta instrumen derivatif yang diperolehi secara langsung atau terdapat dalam kontrak yang telah dimeterai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Selepas pengiktirafan asal, aset kewangan pada FVTPL dinyatakan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi, sekiranya ada. Keuntungan atau kerugian bersih ke atas aset kewangan pada FVTPL tidak merangkumi perbezaan pertukaran, faedah dan pendapatan dividen. Perbezaan pertukaran, faedah dan pendapatan dividen bagi aset kewangan pada FVTPL diiktiraf secara berasingan dalam untung atau rugi sebagai pendapatan atau kerugian lain.

Derivatif terbenam dalam kontrak asal diiktiraf sebagai derivatif berasingan dan dinyatakan pada nilai saksama, jika ciri-ciri ekonomi dan risiko derivatif tersebut tidak berkait rapat dengan ciri-ciri ekonomi dan risiko kontrak asal dan kontrak asal tidak diklasifikasikan sebagai Aset kewangan HFT atau ditetapkan pada FVTPL. Derivatif terbenam tersebut dinyatakan pada nilai saksama di mana sebarang perubahan terhadap nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi. Penilaian semula dilaksanakan sekiranya berlaku perubahan pada terma kontrak di mana terdapat pengubahsuaian ketara kepada aliran tunai.

Jika derivatif terbenam tidak boleh dinilai dengan yakin secara berasingan sama ada pada tarikh pengambilalihan atau pada tarikh akhir tempoh laporan yang berikutnya, keseluruhan instrumen tersebut ditetapkan pada FVTPL. Walau bagaimanapun, jika keseluruhan instrumen tidak boleh dinilai dengan yakin, instrumen tersebut dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak rosot nilai.

Aset kewangan pada FVTPL dikelaskan sama ada sebagai Aset Semasa atau Aset Bukan Semasa. Aset kewangan yang dipegang untuk tujuan dagangan dikelaskan sebagai Aset Semasa manakala aset kewangan yang dipegang bukan untuk tujuan dagangan dikelaskan sama ada sebagai Aset Semasa atau Aset Bukan Semasa berdasarkan tarikh pembayaran aset kewangan tersebut.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 2.7 Aset Kewangan (sambungan)

#### (b) Klasifikasi dan penilaian berikutan (sambungan)

##### (ii) Instrumen Kewangan – Polisi yang diguna pakai sebelum 1 Januari 2018 (sambungan)

###### ii. Pinjaman Dan Belum Terima

Pinjaman Dan Belum Terima adalah aset kewangan bukan derivatif yang mempunyai pembayaran tetap atau pembayaran yang tidak tersiar harga dalam pasaran aktif. Selepas pengiktirafan asal, Pinjaman Dan Belum Terima dinyatakan pada nilai Kos Yang Dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi selepas rosot nilai Pinjaman dan Belum Terima tersebut melalui proses pelunasan.

Pinjaman Dan Belum Terima diklasifikasikan sebagai Aset Semasa kecuali Pinjaman Dan Belum Terima di mana tarikh matang adalah melebihi 12 bulan selepas tarikh laporan, yang diklasifikasikan sebagai Aset Bukan Semasa.

###### iii. Aset kewangan AFS

Aset kewangan AFS adalah aset kewangan bukan derivatif yang ditetapkan sebagai AFS atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana kategori aset kewangan lain di bawah MFRS 139.

Selepas pengiktirafan asal, aset kewangan AFS dinyatakan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan nilai saksama aset kewangan tersebut diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain, kecuali kerugian rosot nilai, keuntungan dan kerugian pertukaran mata wang asing ke atas instrumen kewangan serta faedah yang dikira berdasarkan kaedah faedah efektif.

Kerugian rosot nilai, keuntungan dan kerugian pertukaran mata wang asing ke atas instrumen kewangan, pendapatan dividen dan faedah yang dikira berdasarkan kaedah kadar faedah efektif diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen daripada instrumen ekuiti AFS diiktiraf dalam untung atau rugi setelah hak untuk menerima pembayaran ditentukan. Keuntungan atau kerugian terkumpul terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain direklasifikasi daripada ekuiti kepada untung atau rugi sebagai pelarasan reklasifikasi selepas aset kewangan tersebut dinyahiktiraf.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti di mana nilai saksama tidak boleh dinilai dengan yakin dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai, sekiranya ada.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.7 Aset Kewangan (sambungan)

##### (b) Klasifikasi dan penilaian berikutan (sambungan)

##### (ii) Instrumen Kewangan - Polisi yang diguna pakai sebelum 1 Januari 2018 (sambungan)

##### iii. Aset kewangan AFS (continued)

Aset kewangan AFS diklasifikasikan sebagai Aset Bukan Semasa kecuali aset kewangan AFS yang dijangka akan direalisasikan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasikan sebagai Aset Semasa.

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat tempoh atau Kumpulan dan KWAP telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan. Apabila aset kewangan dinyahiktiraf secara keseluruhan, perbezaan antara nilai dibawa dan amaun pertimbangan yang diterima termasuk keuntungan atau kerugian terkumpul terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain, sekiranya ada, dinyatakan dalam untung atau rugi.

Pembelian atau jualan lazim aset kewangan adalah merupakan pembelian atau jualan di mana penyerahan aset kewangan dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut peraturan atau konvensyen dalam pasaran yang berkaitan. Segala pembelian dan jualan lazim aset kewangan diiktiraf atau dinyahiktiraf pada tarikh dagangan iaitu tarikh di mana Kumpulan dan KWAP memberi komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

##### (iii) Penyahiktirafan selain pengubahsuaian pinjaman

Aset kewangan, atau sebahagian daripadanya, dinyahiktiraf apabila terimaan aliran tunai kontraktual daripada aset telah tamat tempoh atau dipindahkan dan samada (i) Kumpulan dan KWAP telah memindahkan sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran pemilikan, atau (ii) Kumpulan dan KWAP tidak memindahkan ataupun mengekalkan sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran pemilikan dan tidak lagi mengekalkan pemilikan kawalan ke atas aset tersebut.

##### (c) Reclassification of Financial Assets

Aset kewangan bukan derivatif boleh direklasifikasi oleh Kumpulan dan KWAP daripada kategori FVTPL (selain daripada instrumen ekuiti), dalam keadaan yang jarang berlaku, jika aset kewangan tidak lagi dipegang bagi tujuan jualan dan pembelian semula dalam tempoh masa yang terdekat. Justeru, aset kewangan yang memenuhi definisi Pinjaman dan Belum Terima boleh direklasifikasikan oleh Kumpulan dan KWAP daripada kategori FVTPL atau FVOCI sekiranya terdapat tujuan dan keupayaan oleh Kumpulan dan KWAP untuk memegang aset kewangan sehingga masa hadapan atau tempoh matang. Instrumen hutang direklasifikasikan oleh Kumpulan dan KWAP apabila, dan hanya apabila terdapat perubahan dalam model perniagaan yang menguruskan aset tersebut.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.8 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diklasifikasikan mengikut kandungan pengaturan kontrak yang dimeterai serta definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, di bawah skop MFRS 9, diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan KWAP menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Mulai 1 Januari 2018, Kumpulan dan KWAP mengklasifikasikan liabiliti kewangan mengikut kategori-kategori berikut – Kos Yang Dilunaskan atau FVTPL. Liabiliti kewangan diklasifikasikan dan dinilai pada Kos Yang Dilunaskan, kecuali:

- (i) liabiliti kewangan pada FVTPL; dan
- (ii) jaminan kontrak kewangan dan komitmen pinjaman.

Tiada perubahan bagi klasifikasi liabiliti kewangan Kumpulan dan KWAP dari MFRS 139, kecuali jaminan kontrak kewangan dan komitmen pinjaman.

#### **Kos Yang Dilunaskan**

Liabiliti kewangan yang dikeluarkan oleh Kumpulan dan KWAP diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan pada Kos Yang Dilunaskan, dimana hasil daripada kandungan pengaturan kontrak oleh Kumpulan dan KWAP melibatkan obligasi bagi Kumpulan dan KWAP untuk melaksanakan pemberian tunai atau aset kewangan yang lain kepada pemilik atau menepati obligasi selain daripada tukaran nilai tunai atau aset kewangan lain yang telah ditetapkan.

Liabiliti kewangan bukan derivatif pada asalnya diiktiraf pada nilai saksama pembayaran yang diterima setelah ditolak kos transaksi yang berkaitan, sekiranya ada. Selepas pengiktirafan asal, liabiliti kewangan bukan derivatif dinilai pada nilai Kos Yang Dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Kos Yang Dilunaskan dikira dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium dari pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian besar daripada kaedah kadar faedah efektif. Liabiliti kewangan dinilai pada nilai Kos Yang Dilunaskan termasuk deposit dari pelanggan, deposit dari bank, perjanjian pembelian balik, sekuriti hutang yang dikeluarkan dan pinjaman dana lain.

#### **FVTPL**

Liabiliti Kewangan pada FVTPL merangkumi derivatif kewangan yang tidak memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai. Derivatif kewangan dinyatakan pada nilai saksama, di mana keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi. Perbezaan pertukaran mata wang adalah termasuk dalam keuntungan atau kerugian bersih derivatif tersebut.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 2.8 Liabiliti Kewangan (sambungan)

#### Liabiliti Kewangan Lain

Pinjaman dinyahiktiraf dari Penyata Kedudukan Kewangan apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang diambil alih, sekiranya ada, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Yuran yang dibayar atas penubuhan fasiliti pinjaman diiktiraf sebagai kos transaksi bagi pinjaman tersebut yang terhad kepada kebarangkalian besar sebahagian atau kesemua fasiliti tersebut akan digunakan. Dalam kes ini, yuran ditangguhkan sehingga berlakunya pengeluaran pinjaman. Sekiranya tiada bukti bahawa kebarangkalian besar atau kesemua fasiliti itu akan digunakan, yuran tersebut akan dipermodalkan sebagai pra-bayaran bagi perkhidmatan kecairan dan dilunaskan sepanjang tempoh fasiliti tersebut.

### 2.9 Penyahiktirafan Aset Dan Liabiliti Kewangan

Kumpulan dan KWAP menyahiktiraf aset kewangan apabila aliran tunai kontrak aset kewangan tersebut tamat tempoh atau hak terimaan aliran tunai kontrak telah dipindahkan kepada pihak lain didalam transaksi yang melibatkan pemindahan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan. Faedah hasil daripada pemindahan aset kewangan yang diwujudkan atau dikekalkan oleh Kumpulan dan KWAP diiktiraf sebagai aset atau liabiliti yang berasingan.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf dari Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan KWAP setelah pelepasan, pembatalan atau tamat tempoh obligasi yang dinyatakan dalam kontrak.

### 2.10 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, tunai di bank dan deposit yang ditempatkan di institusi kewangan yang mempunyai kecairan yang tinggi yang tidak tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang ketara selepas ditolak overdraf bank. Kesetaraan tunai termasuk pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang tidak kurang 90 hari dari tarikh pembelian.

### 2.11 Sewaan

#### Sebagai penyewa

Sewaan operasi adalah sewaan di mana sebahagian besar risiko dan ganjaran ke atas pemilikan aset dikekalkan oleh tuan sewa. KWAP menyewa sebuah bangunan pejabat di Cyberjaya bagi Jabatan Perkhidmatan Pencen KWAP. Bayaran yang dibuat di bawah perbelanjaan ini dinyatakan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif mengikut kaedah garis lurus dalam tempoh sewaan.

#### Sebagai tuan sewa

Apabila aset disewa di bawah sewaan operasi, aset tersebut dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan berdasarkan sifat aset tersebut. Pendapatan sewaan diiktiraf mengikut tempoh sewaan menggunakan kaedah garis lurus.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.12 Pelaburan Hartanah

Pelaburan Hartanah terdiri daripada tanah, hartanah siap dan hartanah sedang dibina (“IPUC”) yang dipegang untuk tujuan kenaikan modal atau sewaan atau kedua-duanya, dan secara amnya tidak diduduki untuk kegunaan atau berada dalam operasi Kumpulan. Pelaburan hartanah diklasifikasikan sebagai pelaburan jangka panjang dengan pengiktirafan asal pada nilai kos termasuk kos urus niaga.

Selepas pengiktirafan asal, pelaburan hartanah dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, sekiranya ada, kecuali hartanah pegangan bebas dengan jangka hayat tidak terhad dan IPUC yang tidak disusut nilai. IPUC tidak disusut nilai kerana aset tersebut belum bersedia untuk digunakan. Pelaburan hartanah lain disusut nilai mengikut anggaran jangka hayat ekonomi. Kadar susut nilai hartanah pegangan bebas adalah 99 tahun pada asas garis lurus. Dasar bagi pengiktirafan dan penilaian kerugian rosot nilai aset bukan kewangan adalah seperti yang dinyatakan didalam Nota 2.18.

Perbelanjaan susulan dipermodalkan kepada nilai dibawa aset hanya apabila kemungkinan manfaat ekonomi masa depan yang berkaitan dengan perbelanjaan tersebut akan mengalir ke Kumpulan dan KWAP serta kos item tersebut boleh dinilai dengan yakin. Semua kos penambahbaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai belanja apabila ditanggung. Sekiranya sebahagian daripada pelaburan hartanah diganti, nilai dibawa bahagian yang diganti akan dinyahiktiraf.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai pelaburan hartanah disemak semula pada setiap tahun kewangan, dan diselaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Pelaburan hartanah dinyahiktiraf apabila dilupuskan atau apabila penggunaan terhenti di mana tiada faedah ekonomi masa hadapan yang dijangka daripada pelupusan dan penamatan aset tersebut. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan atau penamatan pelaburan hartanah diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tahun pelupusan atau penamatan, sekiranya ada.

Pindahan kepada atau daripada pelaburan hartanah dilaksanakan apabila dan hanya apabila terdapat perubahan dalam kegunaan pelaburan hartanah. Bagi pindahan daripada pelaburan hartanah kepada hartanah yang diduduki pemilik, kos bagi perakaunan berikutnya adalah nilai saksama pelaburan hartanah tersebut pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada hartanah yang diduduki pemilik kepada pelaburan hartanah, pelaburan hartanah tersebut diakaunkan mengikut dasar perakaunan bagi hartanah dan peralatan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.6 sehingga tarikh perubahan dalam kegunaan.



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.12 Pelaburan Hartanah (sambungan)

Hartanah pegangan bebas dengan jangka hayat tidak terhad tidak disusut nilai dan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai, sekiranya ada.

Bangunan	2.50%
Tanah Pegangan Pajak	1.01%
Pelaburan Hartanah	18.75%
Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Hartanah	0.00%

Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Hartanah terdiri daripada tanah di mana aktiviti pembangunan belum dilaksanakan atau di mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disempurnakan dalam kitaran operasi yang normal. Tanah tersebut dikelaskan sebagai Aset Bukan Semasa dan dinyatakan pada kos.

#### 2.13 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila terdapat obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) yang disebabkan oleh peristiwa terdahulu di mana terdapat kebarangkalian besar bahawa sumber ekonomi akan dialirkan keluar bagi menyelesaikan obligasi tersebut dan amaun obligasi boleh dinilai dengan yakin.

Sekiranya berlaku pembayaran balik peruntukan kepada Kumpulan dan KWAP, pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset yang berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik dikenal pasti. Tiada pengiktirafan peruntukan bagi kerugian operasi masa hadapan.

Untuk sejumlah obligasi yang sama, kebarangkalian aliran keluar diperlukan bagi pembayaran ditentukan dengan mengambil kira kelas obligasi secara keseluruhan. Peruntukan diiktiraf walaupun kebarangkalian aliran keluar berkaitan dengan mana-mana item didalam kelas obligasi yang sama adalah kecil.

Peruntukan dinilai pada nilai semasa anggaran terbaik bagi perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan obligasi menggunakan kadar pra-cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang serta risiko yang khusus untuk obligasi tersebut. Peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

Peruntukan disemak semula pada setiap tarikh laporan dan diselaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Pernyataan semula peruntukan dilaksanakan sekiranya tiada kebarangkalian pengaliran keluar sumber ekonomi untuk tujuan penyelesaian obligasi.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 2.14 Kos Pinjaman

Kos pinjaman dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset layak sekiranya kos tersebut berkait secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset tersebut. Permodalan kos pinjaman bermula dengan pelaksanaan aktiviti penyediaan aset bagi tujuan kegunaan aset tersebut atau berlakunya perbelanjaan dan kos pinjaman semasa jualan sedang dilaksanakan. Kos pinjaman dipermodalkan sehingga sebahagian besar aset telah siap dibina untuk tujuan kegunaan atau jualan aset tersebut.

Keuntungan pelaburan yang diperolehi daripada pelaburan sementara pinjaman tersebut sebelum perbelanjaan ke atas aset layak, adalah ditolak daripada kos pinjaman yang layak untuk dipermodalkan.

Kos pinjaman lain diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh kos ditanggung. Kos pinjaman terdiri daripada faedah dan kos lain yang ditanggung berhubung dengan pinjaman dana.

### 2.15 Pengiktirafan Hasil Dan Pendapatan

Hasil dan pendapatan diiktiraf pada tahap di mana terdapat kebarangkalian besar bahawa faedah ekonomi masa hadapan akan dialirkan masuk dan boleh dinilai dengan yakin. Hasil dan pendapatan dinyatakan pada nilai saksama bagi pertimbangan yang diterima atau akan diterima.

#### (a) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila terdapat hak untuk menerima pembayaran.

#### (b) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar akruan berdasarkan kaedah faedah efektif.

#### Polisi perakaunan yang diguna pakai dari 1 Januari 2018

Pendapatan faedah diukur dengan mengguna pakai kadar faedah efektif ke atas nilai dibawa kasar aset kewangan kecuali aset kewangan yang menghadapi rosot nilai kredit. Bagi aset kewangan yang menghadapi rosot nilai kredit, kadar faedah efektif diguna pakai keatas nilai dibawa bersih aset kewangan (selepas ditolak peruntukan kerugian)

#### (c) Keuntungan atau kerugian pelupusan pelaburan

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan pelaburan diiktiraf apabila semua syarat-syarat perjanjian yang membawa kepada penjualan pelaburan dipenuhi.

#### (d) Pendapatan sewaan

Pendapatan sewaan diiktiraf atas dasar akruan sepanjang tempoh sewaan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.16 Cukai Pendapatan

##### (a) Cukai semasa

Aset dan liabiliti cukai semasa dinyatakan pada amaun boleh pulih yang dijangka akan diterima daripada pihak berkuasa cukai. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang diguna pakai bagi pengiraan amaun boleh pulih adalah berdasarkan kadar dan undang-undang cukai yang digubal atau sebahagian besarnya telah digubal pada tarikh laporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali cukai yang berkaitan dengan item yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam Pendapatan Komprehensif Lain atau secara langsung dalam ekuiti.

KWAP dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah Seksyen 127[3A] Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi semua pendapatan daripada punca domestik serta cukai pegangan dibawah Seksyen 107A(1) dan Seksyen 109 bagi faedah dan pendapatan kelas khas. Segala pendapatan daripada punca antarabangsa adalah tertakluk kepada kadar dan undang-undang cukai negara asal.

##### (b) Cukai tertunda

Cukai tertunda adalah peruntukan yang menggunakan kaedah liabiliti berdasarkan kepada perbezaan sementara yang timbul di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa aset dan liabiliti tersebut bagi tujuan laporan kewangan pada tarikh laporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara kecuali:

- di mana liabiliti cukai tertunda berpunca daripada pengiktirafan asal muhibah atau pengiktirafan asal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan gabungan perniagaan serta, pada masa transaksi dilaksanakan, tiada memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau untung atau rugi sebelum cukai; dan
- bagi perbezaan sementara boleh cukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan dalam usaha sama, di mana pelaksanaan penyataan semula perbezaan sementara boleh dikawal dan terdapat kebarangkalian besar bahawa perbezaan sementara tersebut tidak akan dinyatakan semula pada masa hadapan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.16 Cukai Pendapatan (sambungan)

##### (b) Cukai tertunda (sambungan)

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kredit cukai dan kerugian cukai tidak diguna yang dibawa ke hadapan, pada tahap di mana kebarangkalian besar bahawa keuntungan boleh cukai boleh digunakan ke atas perbezaan sementara yang boleh ditolak kredit cukai tidak diguna yang dibawa ke hadapan dan kerugian cukai kredit boleh dimanfaatkan kecuali:

- di mana aset cukai tertunda berkaitan dengan perbezaan sementara boleh ditolak yang berpunca daripada pengiktirafan asal sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan merupakan gabungan perniagaan serta, pada masa transaksi dilaksanakan, tiada memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian boleh cukai; dan
- bagi perbezaan sementara boleh ditolak yang berkaitan dengan pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan dalam usaha sama, aset cukai tertunda diiktiraf apabila terdapat kebarangkalian besar bahawa perbezaan sementara akan dinyatakan semula pada masa hadapan dan keuntungan boleh cukai akan membolehkan penggunaan perbezaan sementara tersebut.

Nilai dibawa aset cukai tertunda disemak semula pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan kepada tahap di mana tiada kebarangkalian besar bahawa terdapat keuntungan boleh cukai yang mencukupi untuk membolehkan penggunaan semua atau sebahagian aset cukai tertunda. Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh laporan dan diiktiraf kepada tahap di mana terdapat kebarangkalian besar bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan membolehkan penggunaan aset cukai tertunda tersebut.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dinyatakan pada kadar cukai yang dijangka akan diguna pakai pada tahun aset direalisasi atau penyelesaian liabiliti berdasarkan transaksi kadar cukai dan undang-undang cukai yang digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan.

Cukai tertunda yang berkaitan dengan item yang diiktiraf di luar untung atau rugi diiktiraf di luar untung atau rugi. Cukai tertunda tersebut diiktiraf berdasarkan yang berkaitan sama ada dalam Pendapatan Komprehensif Lain atau secara langsung dalam ekuiti. Cukai tertunda yang berpunca daripada gabungan perniagaan diselaraskan ke atas muhibah yang berkaitan semasa pengambilalihan.

Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda diimbangi, sekiranya terdapat hak yang sah untuk mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa, di mana aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda tersebut adalah berkaitan dengan entiti boleh cukai yang sama serta pihak berkuasa cukai yang sama.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 2.17 Mata Wang Asing

#### (a) Mata wang fungsian dan persembahan

Penyata Kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan dinyatakan berdasarkan mata wang utama dalam persekitaran ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi (“mata wang fungsian”). Penyata Kewangan digabungkan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) sebagai mata wang fungsian dan persembahan bagi Kumpulan dan KWAP.

#### (b) Transaksi dan baki dalam mata wang asing

Transaksi mata wang asing dinyatakan berdasarkan mata wang fungsian bagi KWAP dan syarikat subsidiari masing-masing di mana pengiktrafan asal mata wang fungsian tersebut adalah berdasarkan kadar tukaran mata wang pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti kewangan yang didenominasi dalam mata wang asing diterjemahkan menggunakan kadar tukaran mata wang semerta pada tarikh laporan. Perbezaan kadar tukaran mata wang yang terhasil daripada penyelesaian item kewangan atau pada terjemahan item kewangan pada tarikh laporan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif kecuali perbezaan kadar tukaran mata wang daripada item kewangan yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi luar negara. Item kewangan tersebut pada asalnya diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan digabungkan di bawah Rizab Pertukaran Mata Wang Asing dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Perubahan pada nilai saksama sekuriti kewangan yang didenominasi dalam mata wang asing yang diklasifikasikan sebagai FVTPL dianalisa di antara perbezaan terjemahan berikutan daripada perubahan Kos Yang Dilunaskan dan perubahan lain dalam nilai dibawa sekuriti tersebut.

Perbezaan terjemahan yang berkaitan dengan perubahan Kos Yang Dilunaskan diiktiraf dalam untung atau rugi, dan perubahan lain dalam nilai dibawa diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing yang dinyatakan pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar tukaran mata wang pada tarikh asal transaksi. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing yang dinyatakan pada nilai saksama diterjemahkan menggunakan kadar tukaran mata wang pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan tukaran yang berikutan daripada terjemahan item bukan monetari yang dibawa pada nilai saksama diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun tersebut, kecuali bagi perbezaan yang berikutan daripada terjemahan item bukan monetari di mana keuntungan dan kerugian yang berkaitan diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.17 Mata Wang Asing (sambungan)

##### (c) Kendalian asing

Hasil kewangan dan kedudukan kewangan kendalian asing yang mempunyai mata wang fungsian yang berbeza dengan mata wang persembahan Ringgit Malaysia dalam Penyata Kewangan digabungkan adalah diterjemahkan kepada mata wang persembahan seperti berikut:

- Aset dan liabiliti kendalian asing diterjemahkan pada kadar tukaran mata wang penutup pada tarikh laporan;
- Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap Penyata Pendapatan Komprehensif diterjemahkan pada kadar tukaran purata bagi tahun kewangan tersebut; dan
- Semua perbezaan kadar tukaran mata wang diiktiraf secara langsung dalam Pendapatan Komprehensif Lain melalui rizab pertukaran mata wang asing.

Sekiranya sesuatu kendalian asing dilupuskan, perbezaan kadar tukaran mata wang terkumpul terdahulu berkaitan dengan kendalian asing tersebut yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan dikumpulkan dalam komponen ekuiti yang berasingan, direklasifikasi daripada ekuiti kepada Penyata Pendapatan Komprehensif (sebagai pelarasan reklasifikasi) apabila keuntungan atau kerugian pelupusan diiktiraf.

Bagi pelupusan separa syarikat subsidiari yang melibatkan kendalian asing, bahagian bersekadar untuk perbezaan pertukaran mata wang terkumpul terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain disalurkan kepada Kepentingan Tak Mengawal kendalian asing tersebut. Bagi pelupusan separa kendalian asing yang lain, bahagian bersekadar perbezaan pertukaran mata wang terkumpul terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain direklasifikasi kepada Penyata Pendapatan Komprehensif.

Muhibah dan pelarasan nilai saksama yang berikutan daripada pengambilalihan kendalian asing diiktiraf sebagai aset dan liabiliti kendalian asing tersebut dan diterjemahkan mengikut kadar tukaran mata wang penutup pada tarikh laporan. Perbezaan pertukaran yang berikutan daripada pengiktirafan muhibah dan nilai saksama diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.18 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

Penilaian rosot nilai dilaksanakan pada setiap tarikh laporan bagi menentukan keperluan rosot nilai aset. Sekiranya terdapat tanda-tanda rosot nilai atau keperluan untuk penilaian rosot nilai, jangkaan nilai boleh pulih dianggarkan bagi aset yang berkaitan.

Nilai boleh pulih adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset setelah ditolak kos jualan dan nilai sedang digunakan. Bagi tujuan penilaian rosot nilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan i.e. Unit Penjana Tunai (“CGU”).

Dalam penilaian nilai sedang digunakan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang serta risiko yang khusus kepada aset tersebut. Sekiranya nilai dibawa aset melebihi nilai boleh pulih, aset tersebut dinyatakan pada nilai boleh pulih. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf bagi CGU atau kumpulan CGU pada asalnya diperuntukan untuk mengurangkan nilai dibawa muhibah yang diperuntukan kepada unit atau kumpulan unit tersebut, sekiranya ada, diikuti oleh pengurangan amaun dibawa aset-aset lain dalam unit atau kumpulan unit pada asas pro-rata. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Penilaian rosot nilai dilaksanakan pada setiap tarikh laporan bagi menentukan sama ada keperluan kerugian rosot nilai terdahulu masih lagi wujud atau telah berkurangan. Penyataan semula kerugian rosot nilai terdahulu hanya dilaksanakan sekiranya terdapat perubahan dalam anggaran yang diguna pakai untuk menentukan nilai boleh pulih aset bagi pengiktirafan kerugian rosot nilai terdahulu. Bagi situasi ini, nilai dibawa aset dinaikkan kepada nilai boleh pulih. Walau bagaimanapun, kenaikan tersebut tidak boleh melebihi nilai dibawa aset yang telah ditentukan setelah ditolak susut nilai, di mana tiada pengiktirafan kerugian rosot nilai terdahulu. Penyataan semula rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Tiada penyataan semula bagi kerugian rosot nilai ke atas muhibah dalam tempoh yang berikutnya.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.19 Rosot Nilai Aset Kewangan

##### **Polisi perakaunan yang diguna pakai dari 1 Januari 2018**

Kumpulan dan KWAP menilai ECL berdasarkan kepada asas pandang kehadapan yang berkaitan dengan aset kewangan yang dinyatakan pada Kos Yang Dilunaskan dan FVOCI. Kaedah rosot nilai yang diguna pakai bergantung sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang signifikan.

ECL merupakan anggaran kewajaran kebarangkalian bagi perbezaan diantara nilai semasa aliran tunai berdasarkan kontrak dan nilai semasa aliran tunai yang dijangka akan diterima oleh Kumpulan dan KWAP, dalam baki tempoh hayat instrumen kewangan tersebut.

Penilaian ECL menggambarkan:

- jumlah yang adil dan kewajaran kebarangkalian bagi jumlah yang ditentukan melalui penilaian dari pelbagai kemungkinan;
- nilai masa wang; dan
- maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang boleh didapati tanpa kos atau usaha pada tarikh laporan mengenai peristiwa lalu, situasi semasa serta anggaran situasi ekonomi masa hadapan.

##### **(a) Instrumen kewangan yang diperakaunkan pada nilai Kos Yang Dilunaskan dan FVOCI**

Terdapat tiga (3) kategori aset kewangan yang diambilkira pada nilai Kos Yang Dilunaskan dan FVOCI yang menggambarkan risiko kredit dan penentuan peruntukan kerugian pinjaman bagi setiap kategori.

Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan dan KWAP menyatakan ECL melalui peruntukan kerugian pada jumlah yang bersamaan dengan 12 bulan ECL dengan syarat tiada peningkatan risiko kredit yang signifikan bagi aset kewangan atau kumpulan aset kewangan sejak dari pengiktirafan asal. Bagi instrumen kewangan yang lain, peruntukan kerugian yang diperlukan adalah bersamaan dengan ECL sepanjang hayat.



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.19 Rosot Nilai Aset Kewangan (sambungan)

##### Polisi perakaunan yang diguna pakai dari 1 Januari 2018 (sambungan)

##### (a) Instrumen kewangan yang diperakaunkan pada nilai Kos Yang Dilunaskan dan FVOCI (sambungan)

Ringkasan berkaitan dengan model ECL bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

##### (i) Peringkat 1: 12 Bulan ECL

Bagi pendedahan kredit dimana tiada peningkatan signifikan pada risiko kredit sejak pengiktirafan asal dan tiada rosot nilai kredit sejak permulaan, sebahagian daripada ECL sepanjang hayat yang berkaitan dengan kebarangkalian besar berlakunya peristiwa kemerosotan didalam tempoh 12 bulan berikutnya akan diiktiraf.

##### (ii) Peringkat 2: Sepanjang Hayat ECL - tiada rosot nilai kredit

Bagi pendedahan kredit dimana terdapat peningkatan signifikan pada risiko kredit sejak pengiktirafan asal tetapi tiada rosot nilai kredit sejak permulaan, sepanjang hayat ECL diiktiraf. Peningkatan risiko kredit dianggap signifikan apabila pembayaran balik faedah dan/atau pokok tertunggak telah melebihi tempoh 30 hari tetapi kurang daripada 89 hari.

##### (iii) Peringkat 3: Sepanjang Hayat ECL - terdapat rosot nilai kredit

Penilaian rosot nilai kredit bagi aset kewangan dilaksanakan apabila berlakunya satu atau lebih peristiwa di mana anggaran aliran tunai aset masa hadapan terjejas. Memandangkan kriteria yang diguna pakai adalah bersamaan dengan kriteria di bawah MFRS 139, tiada perubahan dalam kaedah KWAP bagi peruntukan spesifik. Oleh yang demikian, sepanjang hayat ECL diiktiraf bagi aset kewangan yang mempunyai rosot nilai kredit.

Bagi aset kewangan, Kumpulan dan KWAP mengakaunkan risiko kredit mengikut penepatan masa berdasarkan peruntukan ECL yang sesuai, dimana pengiraan kadar ECL mengambil kira kadar kerugian sejarah bagi setiap kategori aset kewangan dan diselaraskan dengan data makro ekonomi pandang hadapan. Tiada perubahan signifikan bagi teknik anggaran atau andaian sepanjang tempoh laporan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.19 Rosot Nilai Aset Kewangan (sambungan)

##### Polisi perakaunan yang diguna pakai dari 1 Januari 2018 (sambungan)

##### (a) Instrumen kewangan yang diperakaunkan pada nilai Kos Yang Dilunaskan dan FVOCI (sambungan)

Tiada perubahan signifikan kepada teknik anggaran atau anggaran sepanjang tempoh laporan.

##### Peningkatan signifikan risiko kredit

Kumpulan dan KWAP menilai kebarangkalian penjejasan bagi aset kewangan pada pengiktirafan asal sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang signifikan sepanjang setiap tempoh laporan. Dalam penilaian sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang signifikan, Kumpulan dan KWAP membandingkan risiko penjejasan ke atas aset kewangan pada tarikh laporan dengan risiko penjejasan pada pengiktirafan asal dengan mengambil kira semua informasi pandang hadapan yang munasabah dan disokong.

Antara petunjuk yang diambil kira adalah seperti berikut:

- kadar kredit dalaman;
- kadar kredit luaran (selagi ada);
- perubahan merosot yang signifikan didalam perniagaan, kewangan atau keadaan ekonomi samada yang nyata atau jangkaan yang dijangka akan mengakibatkan perubahan signifikan bagi memenuhi obligasi penghutang; dan
- perubahan nilai cagaran sokongan obligasi yang ketara atau kualiti jaminan pihak ketiga atau penambahbaikan kredit.

Maklumat makroekonomi (seperti kadar faedah pasaran atau kadar pertumbuhan) adalah merupakan sebahagian daripada model kadar dalaman.

Tanpa mengambil kira analisa diatas, peningkatan risiko kredit dianggap signifikan sekiranya pembayaran kontrak oleh penghutang adalah tertunggak melebihi dari 30 hari..

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.19 Rosot Nilai Aset Kewangan (sambungan)

##### Polisi perakaunan yang diguna pakai dari 1 Januari 2018 (sambungan)

##### (a) Instrumen kewangan yang diperakaunkan pada nilai Kos Yang Dilunaskan dan FVOCI (sambungan)

###### Pengecualian risiko kredit rendah

Instrumen kewangan yang mempunyai syarat-syarat yang dinyatakan dibawah dianggap mempunyai risiko kredit yang rendah pada tarikh laporan:

- mempunyai risiko penjejasan yang rendah;
- keupayaan yang kukuh oleh peminjam bagi memenuhi obligasi aliran tunai dalam jangka masa terdekat; dan
- perubahan negatif yang tidak semestinya mengurangkan keupayaan peminjam untuk membuat pembayaran bila perlu.

###### Definisi penjejasan dan rosot nilai kredit aset kewangan

Kumpulan dan KWAP mentakrifkan penjejasan instrumen kewangan, selari dengan definisi rosot nilai kredit, apabila aset kewangan tersebut memenuhi satu atau lebih kriteria berikut:

###### Kriteria kuantitatif:

Kegagalan pihak berkaitan untuk melaksanakan pembayaran kontrak dalam masa 90 hari pembayaran.

Memenuhi kriteria kebarangkalian besar hutang tidak dibayar oleh pihak berkaitan yang menggambarkan kesulitan kewangan yang signifikan oleh penghutang seperti:

- melanggar perjanjian kewangan;
- konsesi dari peminjam berkaitan dengan kesulitan kewangan penghutang;
- kebarangkalian besar bankrupsi atau penyusunan semula kewangan;
- penghutang yang insolven; dan
- kehilangan pasaran utama bagi aset kewangan disebabkan oleh kesulitan kewangan.

Kumpulan dan KWAP menilai rosot nilai kredit bagi setiap instrumen kewangan atas dasar individu.

###### Hapuskira aset kewangan

Aset kewangan bagi Kumpulan dan KWAP dihapuskira, secara keseluruhan atau sebahagiannya, apabila segala usaha pemulihan tidak berhasil dan berkesimpulan bahawa pemulihan adalah tidak munasabah. Jangkaan pemulihan yang tidak munasabah dinilai berdasarkan ketiadaan sumber pendapatan atau aset yang boleh menjana aliran tunai masa hadapan yang mencukupi bagi membiayai amaun pembayaran oleh penghutang. Aset kewangan yang masih lagi tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan boleh dihapuskira oleh Kumpulan dan KWAP.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 2.19 Rosot Nilai Aset Kewangan (sambungan)

#### **Polisi perakaunan yang diguna pakai sebelum 1 Januari 2018**

Kesemua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang dikelaskan pada FVTPL, dinilai pada setiap tarikh laporan bagi menentukan samada terdapat bukti objektif bagi rosot nilai berikutan daripada sebarang aktiviti yang akan memberi kesan kepada anggaran aliran tunai masa hadapan aset kewangan tersebut. Jangkaan kerugian berikutan daripada sebarang aktiviti masa hadapan, tanpa mengira kebarangkalian, adalah tidak diiktiraf. Bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti, penurunan signifikan atau penurunan berpanjangan nilai saksama di bawah kos adalah merupakan bukti objektif rosot nilai. Sekiranya terdapat sebarang bukti objektif kerugian rosot nilai bagi aset kewangan tersebut akan dianggarkan.

Polisi perakaunan berkaitan pengiktirafan rosot nilai ke atas aset kewangan bagi dalam penilaian berikutnya adalah seperti berikut:

#### **(a) Aset Kewangan AFS**

Bukti objektif bagi rosot nilai aset kewangan AFS disemak pada setiap suku tahun. Kaedah semakan yang digunakan oleh Kumpulan dan KWAP adalah bergantung kepada jenis instrumen pelaburan yang dikelaskan sebagai aset kewangan AFS seperti berikut:

##### **(i) Instrumen Pelaburan Ekuiti**

Kerugian rosot nilai diiktiraf apabila berlaku penurunan nilai saksama yang signifikan atau penurunan berpanjangan jika dibandingkan dengan kos asal pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Jika terbukti amaun kerugian tidak nyata terkumpul yang telah diiktiraf dalam Rizab aset kewangan AFS dinyatakan semula dan kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Amaun kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam untung atau rugi adalah merupakan perbezaan antara kos perolehan dengan nilai saksama semasa setelah ditolak kerugian rosot nilai terdahulu, sekiranya ada.

Rosot nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu bagi instrumen pelaburan ekuiti yang dikelaskan sebagai aset kewangan AFS tidak dinyatakan semula dalam untung atau rugi dalam tempoh semasa.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 2.19 Rosot Nilai Aset Kewangan (sambungan)

#### Polisi perakaunan yang diguna pakai sebelum 1 Januari 2018 (sambungan)

##### (a) Aset Kewangan AFS (sambungan)

##### (ii) Instrumen Pelaburan Pendapatan Tetap

Kaedah semakan rosot nilai bagi instrumen pelaburan berpendapatan tetap yang dikelaskan sebagai aset kewangan AFS adalah konsisten dengan kaedah yang digunakan bagi aset kewangan yang dikelaskan sebagai aset kewangan HTM. Kriteria yang konsisten turut digunakan dalam penentuan bukti objektif bagi kerugian rosot nilai berdasarkan petunjuk-petunjuk berikut:

- Penurunan kadaran gred pelaburan di bawah gred pelaburan yang ditetapkan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan;
- Kegagalan membayar amaun pokok/faedah berdasarkan jadual pembayaran;
- Penamatan operasi perniagaan/mufliis (bagi kes yang telah difailkan);
- Klasifikasi PN17 bagi syarikat yang dilabur;
- Kes fraud signifikan yang disiarkan/pelantikan penasihat kewangan; dan
- Sijil Audit Bersyarat untuk syarikat yang dilabur.

Amaun kerugian rosot nilai bagi instrumen pelaburan pendapatan tetap yang diklasifikasikan sebagai aset kewangan AFS dinyatakan sebagai perbezaan di antara nilai dibawa pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dengan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan menggunakan kadar pulangan efektif asal aset kewangan tersebut. Nilai dibawa aset kewangan akan dikurangkan dan amaun kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Jika terdapat perlaksanaan penilaian semula dalam tempoh berikutnya yang mengakibatkan pengurangan kerugian rosot nilai dan pengurangan tersebut boleh dihubungkan secara objektif kepada peristiwa selepas pengiktirafan asal rosot nilai, kerugian rosot nilai dinyatakan semula dalam untung atau rugi.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 2.19 Rosot Nilai Aset Kewangan (sambungan)

#### Polisi perakaunan yang diguna pakai sebelum 1 Januari 2018 (sambungan)

##### (b) Pinjaman Dan Belum Terima

Bukti objektif bagi rosot nilai Pinjaman Dan Belum Terima disemak pada setiap suku tahun. Aset kewangan ini dianggap terjejas apabila terdapat bukti objektif berikutan daripada beberapa petunjuk yang berlaku selepas pengiktirafan asal aset kewangan tersebut yang memberi kesan ke atas jangkaan aliran tunai masa hadapan dan boleh dianggarkan dengan munasabah.

Kriteria yang digunakan oleh Kumpulan dan KWAP dalam penentuan sama ada terdapat bukti objektif bagi kerugian rosot nilai merangkumi petunjuk-petunjuk berikut:

- Penurunan kadaran gred pelaburan di bawah gred pelaburan yang ditetapkan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan;
- Kegagalan membayar amaun pokok/faedah berdasarkan jadual pembayaran;
- Penamatan operasi perniagaan/mufliis (bagi kes yang telah difailkan);
- Penerimaan perintah penggulangan operasi perniagaan oleh peminjam;
- Kes fraud signifikan yang disiarkan/pelantikan penasihat kewangan; dan
- Sijil Audit Bersyarat untuk syarikat yang dilabur.

Amaun kerugian rosot nilai dinyatakan sebagai perbezaan di antara nilai dibawa Pinjaman Dan Belum Terima dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan daripada yang didiskaunkan menggunakan kadar pulangan berkesan asal aset kewangan tersebut. Nilai dibawa Pinjaman Dan Belum Terima seterusnya dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan dan amaun kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.19 Rosot Nilai Aset Kewangan (sambungan)

##### **Polisi perakaunan yang diguna pakai sebelum 1 Januari 2018 (sambungan)**

##### **(b) Pinjaman Dan Belum Terima (sambungan)**

Sekiranya berlaku penilaian semula dalam tempoh berikutnya yang mengakibatkan pengurangan amaun kerugian rosot nilai dan pengurangan tersebut boleh dihubungkan secara objektif kepada peristiwa selepas pengiktirafan asal, kerugian rosot nilai terdahulu dinyatakan semula dalam untung atau rugi.

Pinjaman Dan Belum Terima yang tidak dapat dikutip akan dihapus kira melalui akaun peruntukan rosot nilai. Tindakan hapus kira hanya dilaksanakan apabila semua prosedur yang berkaitan telah selesai serta amaun kerugian telah dikenal pasti.

##### **(c) Penghutang**

Kerugian rosot nilai atas Penghutang diiktiraf apabila terdapat bukti objektif bahawa amaun tertunggak tidak dapat dikutip mengikut prosedur yang diluluskan.

Sekiranya berlaku penilaian semula dalam tempoh berikutnya yang mengakibatkan pengurangan amaun kerugian rosot nilai dan pengurangan tersebut boleh dihubungkan secara objektif kepada peristiwa selepas pengiktirafan asal kerugian rosot nilai akan dinyatakan semula dalam untung atau rugi.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.20 Derivatif Instrumen Kewangan

Derivatif pada asalnya diiktiraf pada tarikh kontrak derivatif dimenterai dengan menggunakan nilai saksama dan dinilai semula menggunakan nilai saksama pada setiap tarikh laporan. Perubahan pada nilai saksama instrumen derivatif yang tidak layak untuk perakaunan lindung nilai diiktiraf dengan serta merta dalam untung atau rugi termasuk untung atau rugi bersih atas perubahan nilai saksama derivatif tersebut.

#### 2.21 Manfaat Pekerja

##### (a) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan social (PERKESO), caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau caruman pencen dan bayaran gratuity kepada pekerja kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan tersebut dilaksanakan oleh pekerja Kumpulan. Pampasan ketidakhadiran jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan dilaksanakan oleh pekerja yang kemudiannya meningkatkan kelayakan pekerja untuk pampasan ketidakhadiran yang akan datang. Sementara itu, pampasan ketidakhadiran jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

##### (b) Manfaat jangka panjang

Bayaran manfaat jangka panjang selepas persaraan dan/atau selepas tamat tempoh kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan manfaat pekerja atas dasar terakru dalam tahun semasa Penyata Pendapatan Komprehensif. Pada masa yang sama, amaun tersebut diiktiraf sebagai liabiliti yang dikategorikan sebagai faedah pekerja dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Jenis-jenis faedah jangka panjang yang diiktiraf berdasarkan asas akruan adalah seperti berikut:

- Bayaran anugerah cuti gantian; dan
- Manfaat perubatan pesara.

Pengiraan manfaat perubatan pesara dilaksanakan secara dalaman setiap tahun.



# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 2.22 Pengiraan Nilai Saksama

Instrumen kewangan seperti derivatif dan pelaburan kewangan, dinyatakan pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan. Nilai saksama instrumen kewangan yang dinyatakan pada nilai Kos Yang Dilunaskan dinyatakan dalam Nota 33 kepada Penyata Kewangan.

Nilai saksama adalah amaun yang akan diterima daripada jualan aset atau amaun yang dibayar bagi pemindahan liabiliti dalam transaksi yang teratur di antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi jualan aset atau pemindahan liabiliti dilaksanakan sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- Jika ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

Pasaran utama atau pasaran yang paling menguntungkan hendaklah boleh diakses oleh Kumpulan dan KWAP. Nilai saksama aset atau liabiliti diukur dengan menggunakan andaian yang diambil kira oleh peserta pasaran dalam menentukan harga aset atau liabiliti, serta andaian bahawa peserta pasaran akan bertindak mengikut kepentingan ekonomi yang terbaik.

Pengukuran nilai saksama aset bukan kewangan mengambil kira kebolehan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi melalui penggunaan aset secara terbaik atau jualan kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut secara terbaik.

Kumpulan dan KWAP menggunakan teknik penilaian yang dianggap bersesuaian dengan keadaan di mana data yang mencukupi boleh didapati untuk penilaian nilai saksama, dengan memaksimumkan penggunaan input yang boleh diperhatikan serta meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Aset dan liabiliti di mana nilai saksama diukur atau dinyatakan dalam Penyata Kewangan dikategorikan mengikut hierarki nilai saksama berikut, berdasarkan tahap input paras terendah dari segi kepentingan terhadap ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Tahap 1: Sebut harga (tidak dilaras) harga pasaran di dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang sama;
- Tahap 2: Teknik penilaian di mana input paras terendah dari segi kepentingan terhadap ukuran nilai saksama yang boleh diperhatikan secara langsung atau tidak langsung; dan
- Tahap 3: Penilaian teknik di mana input paras terendah dari segi kepentingan terhadap pengukuran nilai saksama yang tidak boleh diperhatikan.

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan secara berulang, penilaian semula bagi kategori aset dan liabiliti dilaksanakan bagi menentukan sama ada berlakunya pemindahan aset di antara tahap dalam hierarki (berdasarkan input paras terendah dari segi kepentingan kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tarikh laporan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 2.23 Aset Luar Jangka Dan Liabiliti Luar Jangka

Aset Luar Jangka merupakan aset yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu di mana kewujudannya disahkan dengan terjadi atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang berada di luar kawalan Kumpulan dan KWAP. Tiada pengiktirafan bagi Aset Luar Jangka, hanya pendedahan mengenai kewujudan aset tersebut di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan tetapi tidak boleh dijangka. Liabiliti Luar Jangka adalah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu di mana kewujudannya disahkan dengan terjadi atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa masa depan yang berada di luar kawalan Kumpulan dan KWAP atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian bahawa aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti Luar Jangka mungkin juga timbul melalui kes yang amat jarang berlaku di mana liabiliti tidak diiktiraf disebabkan oleh ketidakupayaan untuk dinilai dengan yakin.

Tiada pengiktirafan bagi Liabiliti Luar Jangka, hanya pendedahan dalam Penyata Kewangan.

#### 2.24 Instrumen Kewangan Yang Diofset

Aset dan liabiliti kewangan diofset di mana jumlah bersih dibentangkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila terdapat hak kuatkuasa secara sah untuk mengofset jumlah yang telah diiktiraf serta hasrat untuk menyelesaikan pada asas bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti pada masa yang sama. Hak kuatkuasa tersebut tidak boleh bergantung kepada peristiwa masa depan dan boleh dikuatkuasakan dalam operasi biasa perniagaan dan sekiranya berlaku penjejasan, ketidakmampuan bayar atau muflis.

#### 2.25 Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun

Peruntukan kerugian rosot nilai mencerminkan penilaian ECL yang menggunakan kaedah tiga (3) peringkat berdasarkan MFRS 9, seperti yang diterangkan didalam bahagian polisi perakaunan signifikan.

Tiada peruntukan bagi kerugian rosot nilai dalam tahun laporan.

**(c) Hapuskira dibawah aktiviti penguatkuasaan**

Tiada amaun kontrak yang tertunggak bagi aset kewangan yang dihapuskira sepanjang tahun laporan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 21. PENGHUTANG PERNIAGAAN

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2017 RM'000	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2017 RM'000
Jualan Saham Dan Bon	116,068	249,515	116,067	249,515
Pendapatan Dividen	64,009	40,327	90,011	40,327
Pendapatan Faedah Belum Diterima	600,264	692,244	600,263	692,244
Pendapatan Sewaan	6,807	14,832	-	588
Amaun Belum Diterima Daripada Broker	678,844	1,435,092	678,844	1,435,092
Lain-Lain Penghutang Perniagaan	51,547	12,997	34,761	49,811
	<b>1,517,539</b>	2,445,007	<b>1,519,946</b>	2,467,577

**(a) Pergerakan bagi peruntukan penghutang perniagaan**

Tiada peruntukan kerugian rosot nilai bagi Penghutang Perniagaan dalam tahun laporan

**(b) Kesan pergerakan nilai dibawa bagi peruntukan kerugian rosot nilai**

Peruntukan kerugian rosot nilai mencerminkan penilaian ECL yang menggunakan kaedah tiga (3) peringkat berdasarkan MFRS 9, seperti yang diterangkan didalam bahagian polisi perakaunan signifikan.

Tiada peruntukan bagi kerugian rosot nilai dalam tahun laporan.

**(c) Hapuskira dibawah aktiviti penguatkuasaan**

Tiada amaun kontrak yang tertunggak bagi aset kewangan yang dihapuskira sepanjang tahun laporan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**22. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI**

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember 2018	31 Disember 2017	31 Disember 2018	31 Disember 2017
<b>DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Deposit Dan Penempatan Dengan Institusi Kewangan Matang Dalam Tempoh 3 Bulan	<b>9,084,827</b>	3,520,447	<b>9,084,827</b>	3,514,416
Deposit Dan Penempatan Dengan Institusi Kewangan Matang Dalam Tempoh Melebihi 3 Bulan	<b>445,450</b>	3,163,876	<b>445,450</b>	3,163,876
	<b>9,530,277</b>	6,684,323	<b>9,530,27</b>	6,678,292
<b>BAKI TUNAI DAN BANK</b>	<b>1,812,174</b>	1,249,259	<b>1,533,563</b>	1,046,361

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember 2018	31 Disember 2017	31 Disember 2018	31 Disember 2017
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Deposit Dan Penempatan Dengan Institusi Kewangan Matang Dalam Tempoh 3 Bulan	<b>9,084,827</b>	3,520,447	<b>9,084,827</b>	3,514,416
Baki Tunai Dan Bank	<b>1,812,174</b>	1,249,259	<b>1,533,563</b>	1,046,361
	<b>10,897,001</b>	4,769,706	<b>10,618,390</b>	4,560,777

Tunai di bank menerima faedah pada kadar terapung berdasarkan pada kadar deposit bank harian. Deposit jangka pendek dilaksanakan untuk pelbagai tempoh jangka pendek antara satu (1) hari dan tiga (3) bulan, bergantung kepada keperluan tunai segera Kumpulan dan KWAP, dan menerima faedah pada kadar deposit jangka pendek masing-masing.

**(a) Pergerakan bagi deposit dan penempatan dengan institusi kewangan**

Tiada peruntukan kerugian rosot nilai bagi Tunai dan Kesetaraan Tunai dalam tahun laporan.

**(b) Kesan pergerakan nilai dibawa bagi peruntukan kerugian rosot nilai**

Peruntukan kerugian rosot nilai mencerminkan penilaian ECL yang menggunakan kaedah tiga (3) peringkat berdasarkan MFRS 9, seperti yang diterangkan didalam bahagian polisi perakaunan signifikan.

Tiada peruntukan kerugian rosot nilai dalam tahun laporan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**23. PEMIUTANG PERNIAGAAN**

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2017 RM'000	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2017 RM'000
Deposit Ke Atas Hartanah	23,792	6,495	8,132	6,495
Amaun Terhutang Kepada Dana Ekuiti Persendirian	-	2,436	-	2,436
Pemiutang Perniagaan	610,626	1,271,559	586,439	1,248,401
Pendahuluan	578	-	578	-
	<b>634,996</b>	<b>1,280,490</b>	<b>595,149</b>	<b>1,257,332</b>

Pemiutang perniagaan tidak dikenakan faedah dengan pemberian syarat kredit perniagaan biasa di antara 30 hingga 90 hari yang diberikan kepada Kumpulan dan KWAP.

**24. PEMIUTANG DAN AKRUAN LAIN**

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2017 RM'000	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2017 RM'000
Cukai Barang Dan Perkhidmatan ("GST") Belum Bayar	3,712	-	-	-
Cukai Jualan Dan Perkhidmatan ("SST") Belum Bayar	460	-	460	-
Cukai Pegangan Belum Bayar	1,472	-	952	-
Amaun Terhutang Kepada Syarikat Subsidiari	38,168	-	38,168	21,607
Peruntukan Bonus	28,517	31,725	28,518	31,725
Peruntukan Perkhidmatan	25,911	44,205	25,911	44,934
Peruntukan Yuran Pengurus Dana Luar	17,327	5,410	16,056	15,734
Peruntukan Yuran Kustodian	1,430	10,229	1,430	1,495
Peruntukan Cukai	392	2,091	-	5,273
Pemiutang Dan Akruan Lain	16,049	99,192	3,344	3,365
	<b>133,438</b>	<b>192,852</b>	<b>114,839</b>	<b>124,133</b>

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**25. PINJAMAN**

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2017 RM'000	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2017 RM'000
Bukan Semasa	<b>1,289,728</b>	1,512,936	-	-
Semasa	<b>893,484</b>	256,067	-	-

**Pinjaman Sedia Ada Kumpulan**

- (a) Pinjaman sebanyak AUD70.0 juta kepada KWAP Managed Investment Trust ("KWAP MIT") pada kadar tetap berdasarkan kadar faedah derivatif yang dijadualkan akan matang pada Februari 2023 dan bercagar dengan aset KWAP MIT.
- (b) Pinjaman sebanyak AUD113.4 juta kepada KWAP Managed Investment Trust 3 ("KWAP MIT 3") pada kadar terapung tiga (3) bulan BBSY+1.10% setahun, dijadualkan akan matang pada 4 Februari 2021 dan bercagar dengan aset KWAP MIT 3.
- (c) Pinjaman sebanyak AUD160.0 juta kepada KWAP Managed Investment Trust 4 ("KWAP MIT 4") pada kadar terapung BBSY+margin setahun (2018: 3.6%, 2017: 3.39%), dijadualkan akan matang pada bulan Oktober 2022 dan bercagar dengan aset KWAP MIT 4.
- (d) Pinjaman sebanyak GBP120.0 juta kepada Prima Harta (Jersey) Unit Trust ("Prima Harta") pada kadar faedah terapung LIBOR+1.35% setahun, dijadualkan akan matang pada 7 Jun 2019 dan bercagar dengan aset Prima Harta.

**Pinjaman Baru Kumpulan**

- (a) Pinjaman sebanyak AUD103.0 juta kepada KWAP Managed Investment Trust 2 ("KWAP MIT 2") pada kadar faedah 5.00% setahun, dijadualkan akan matang pada 3 Januari 2020.
- (b) Pinjaman sebanyak EUR54.2 juta kepada Prima Harta (Jersey) Unit Trust 3 ("Prima Harta 3") pada kadar faedah EURIBOR tiga (3) bulan + 1.1% margin, dijadualkan akan matang pada 30 Jun 2022.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**26. PERUNTUKAN KUMPULAN WANG TERKANUN**

	Kumpulan dan KWAP	
	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2017 RM'000
Pada 1 Januari	25,501,944	25,001,944
Tambah: Peruntukan Tahun Semasa	500,000	500,000
Pada 31 Disember	26,001,944	25,501,944

**27. CARUMAN PENCEN**

	Nota	Kumpulan dan KWAP	
		31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2017 RM'000
Caruman Daripada Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Agensi Lain	A	14,624,744	13,375,077
Caruman Daripada Syer Kerajaan, Gajaran Dan Potongan Lain	B	37,606,008	36,001,623
		52,230,752	49,376,700

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**27. CARUMAN PENCEN (SAMBUNGAN)**

Nota A – Caruman Daripada Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Agensi Lain

Kumpulan dan KWAP menerima caruman bulanan bagi pekerja tetap dengan status berpencen daripada majikan seperti Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi lain. Caruman yang dibuat adalah berdasarkan kepada 17.5% daripada gaji asas bulanan pekerja.

	<b>Kumpulan dan KWAP</b>		
	<b>Caruman Terkumpul RM'000</b>	<b>Terimaan RM'000</b>	<b>Baki RM'000</b>
<b>2018</b>			
Badan Berkanun	10,638,313	1,016,378	11,654,691
Pihak Berkuasa Tempatan	2,626,079	229,141	2,855,220
Agensi Lain	116,652	5,682	122,334
	<b>13,381,044</b>	<b>1,251,201</b>	<b>14,632,245</b>
Tolak:			
Tuntutan Bayaran Balik	(5,967)	(1,534)	(7,501)
	<b>13,375,077</b>	<b>1,249,667</b>	<b>14,624,744</b>
<b>2017</b>			
Badan Berkanun	9,683,109	955,204	10,638,313
Pihak Berkuasa Tempatan	2,404,388	221,691	2,626,079
Agensi Lain	108,678	7,974	116,652
	<b>12,196,175</b>	<b>1,184,869</b>	<b>13,381,044</b>
Tolak:			
Tuntutan Bayaran Balik	(3,968)	(1,999)	(5,967)
	<b>12,192,207</b>	<b>1,182,870</b>	<b>13,375,077</b>



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**27. CARUMAN PENCEN (SAMBUNGAN)**

Nota B – Caruman Daripada Syer Kerajaan, Ganjaran Dan Potongan Lain

Berikut adalah caruman bahagian Kerajaan, ganjaran dan potongan lain yang diserahkan kepada Kumpulan dan KWAP bagi mana-mana pengeluaran yang dibuat oleh pegawai-pegawai awam di bawah Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen:

<b>2018</b>	<b>Caruman Terkumpul RM'000</b>	<b>Terimaan RM'000</b>	<b>Baki RM'000</b>
KWSP	27,441,442	1,090,653	28,532,095
KWSG	146,709	-	146,709
KWSG - Sabah	12,479	-	12,479
LTAT	7,332,056	458,309	7,790,365
SESCO	45,309	-	45,309
JPA	1,147,968	72,889	1,220,857
Lain-lain	40,522	591	41,113
	<b>36,166,485</b>	<b>1,622,442</b>	<b>37,788,927</b>
Tolak:			
Tuntutan Bayaran Balik	(164,862)	(18,057)	(182,919)
	<b>36,001,623</b>	<b>1,604,385</b>	<b>37,606,008</b>
<b>2017</b>			
KWSP	26,183,633	1,257,809	27,441,442
KWSG	146,709	-	146,709
KWSG - Sabah	12,479	-	12,479
LTAT	6,849,837	482,219	7,332,056
SESCO	45,309	-	45,309
JPA	1,059,125	88,843	1,147,968
Lain-lain	40,353	169	40,522
	<b>34,337,445</b>	<b>1,829,040</b>	<b>36,166,485</b>
Tolak:			
Tuntutan Bayaran Balik	(142,018)	(22,844)	(164,862)
	<b>34,195,427</b>	<b>1,806,196</b>	<b>36,001,623</b>

**28. PENGELUARAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN**

Sepanjang tahun, terdapat pengeluaran daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM4.5 billion (2017: nil) dari Jumlah Rizab Terkumpul KWAP yang dilaksanakan berdasarkan kepada Seksyen 13(5) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) bagi tujuan pembiayaan sebahagian daripada liabiliti pencen tahunan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**29. PEROLEHAN TERTAHAN**

Perolehan tertahan Kumpulan berjumlah RM66.8 bilion adalah merupakan baki rizab hasil pada 31 Disember 2018 (2017: RM61.8 bilion). Perolehan tertahan KWAP berjumlah RM67.0 bilion adalah merupakan baki rizab hasil pada 31 Disember 2018 (2017: RM61.7 bilion).

**30. RIZAB**

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2017 RM'000	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2017 RM'000
Rizab-Rizab Lain	(46,642)	(42,944)	-	-
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing	(164,830)	(43,664)	-	-
Rizab Sedia Dijual	-	4,238,908	-	4,238,908

Nota	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2017 RM'000	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2017 RM'000
Instrumen Hutang pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	A	(94,431)	-	(94,431)
Instrumen Ekuiti pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	B	(4,080,609)	-	(4,080,609)
		<b>(4,175,040)</b>	-	<b>(4,175,040)</b>

Nota A: Terdapat pelaburan tertentu yang diklasifikasikan sebagai instrumen hutang pada FVOCI dimana perubahan nilai saksama dikumpulkan bersama rizab FVOCI dalam ekuiti. Perubahan nilai saksama terkumpul dipindahkan ke untung atau rugi apabila pelaburan dilupuskan.

Nota B: Kumpulan dan KWAP telah memilih untuk mengiktiraf perubahan nilai saksama bagi instrumen ekuiti dalam Pendapatan Komprehensif Lain dimana perubahan nilai saksama dikumpulkan bersama rizab FVOCI dalam ekuiti. Perubahan nilai saksama terkumpul dipindahkan Perolehan Tertahan apabila pelaburan dinyahaktifkan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 31. LIABILITI CUKAI TERTUNDA

	Group	
	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2017 RM'000
Pada 1 Januari	154	101
Amaun Yang Diiktiraf Dalam Untung Atau Rugi	(88)	53
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>66</b>	<b>154</b>
Amaun Berikut Ditunjukkan Selepas Pelarasan Berkaitan Dalam Penyata Kedudukan Kewangan:		
Liabiliti Cukai Tertunda	(66)	(154)
	<b>(66)</b>	<b>(154)</b>
Liabiliti Cukai Tertunda:		
- Selesai Selepas Tempoh 12 Bulan	(66)	(154)
	<b>(66)</b>	<b>(154)</b>

Komponen dan pergerakan dalam Aset dan Liabiliti Cukai Tertunda sepanjang tahun kewangan semasa sebelum pelarasan adalah seperti berikut:

	Susut Nilai RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2018	(154)	(101)
Pada 31 Disember 2017/ 1 Januari 2018	(154)	(101)
Amaun Yang Diiktiraf Dalam Untung Atau Rugi	88	(53)
<b>Pada 31 Disember 2018</b>	<b>(66)</b>	<b>(154)</b>

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 32. MANFAAT PEKERJA

	Kumpulan dan KWAP Manfaat Perubatan Pesara RM'000
Pada 1 Januari 2018	5,410
Peruntukan Bagi Tahun Semasa	(1,658)
Manfaat Dibayar	(8)
<b>Pada 31 Disember 2018</b>	<b>3,744</b>

Struktur kematangan Manfaat Pekerja adalah seperti berikut:

	Kumpulan dan KWAP	
	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2017 RM'000
Matang Dalam Tempoh 12 Bulan	36	30
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 Bulan	3,708	5,380
	<b>3,744</b>	<b>5,410</b>

(a) Pergerakan nilai semasa obligasi tidak dibiayai adalah seperti berikut:

	Kumpulan dan KWAP	
	31 Disember 2018 RM'000	31 Disember 2017 RM'000
Pada 1 Januari	5,410	-
Kos Perkhidmatan Semasa	(1,658)	5,416
Kos Faedah	-	-
Manfaat Dibayar	(8)	(6)
Keuntungan Aktuari Bersih	-	-
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>3,744</b>	<b>5,410</b>

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**32. MANFAAT PEKERJA (SAMBUNGAN)****(b) Amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah seperti berikut:**

	Kumpulan dan KWAP	
	31 Disember 2018	31 Disember 2017
	RM'000	RM'000
Nilai Semasa Obligasi Tidak Dibiayai	5,410	-
Jumlah Kos Pencen Yang Diiktiraf Dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dan Pendapatan Komprehensif Lain	(1,658)	5,416
Manfaat Dibayar	(8)	(6)
<b>LIABILITI BERSIH PADA 31 DISEMBER</b>	<b>3,744</b>	<b>5,410</b>

**(c) Amaun yang diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dianalisa seperti berikut:**

	Kumpulan dan KWAP	
	31 Disember 2018	31 Disember 2017
	RM'000	RM'000
Kos Perkhidmatan Semasat	(1,658)	5,416
<b>JUMLAH KOS PENCEN YANG DIIKTIRAF DALAM PENYATA UNTUNG RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN</b>	<b>(1,658)</b>	<b>5,416</b>

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**32. MANFAAT PEKERJA (SAMBUNGAN)****(d) Andaian utama aktuari yang diguna pakai adalah seperti berikut:**

	Kumpulan dan KWAP	
	31 Disember 2018 RM'000 %	31 Disember 2017 RM'000 %
Kadar Diskaun (%)	<b>4.7%</b>	2.8%
Kadar Inflasi Kos Perubatan (%)		
Bawah 30	<b>1.9%</b>	1.9%
30 - 39	<b>2.1%</b>	2.1%
40 & Ke Atas	<b>2.4%</b>	2.4%
Kadar Jangka Hayat Purata (Tahun):		
LELAKI	<b>83</b>	77
PEREMPUAN	<b>84</b>	79

Peruntukan obligasi manfaat perubatan pesara adalah berdasarkan kepada NAV yang mewakili anggaran nilai semasa bagi jangkaan keluaran aliran tunai masa hadapan yang diperlukan bagi menyelesaikan Obligasi Manfaat Perubatan Pesara. Amaun NAV didiskaunkan menggunakan jangkaan kadar pasaran wang 4.73%, berdasarkan anggapan bahawa instrumen yang terlibat adalah konservatif dan cair bagi Kumpulan dan KWAP. Aliran tunai yang diselaraskan dengan kadar inflasi digunakan bagi memastikan potensi perubahan keatas kos perubatan bagi keseluruhan jangkaan tempoh liputan diambil kira. Memandangkan tempoh liputan yang panjang, jangkaan aliran tunai dikategorikan mengikut umur setiap penerima. Selain itu, untuk memastikan kadar inflasi yang digunakan adalah konservatif dan munasabah, aliran tunai jangka pendek telah diselaraskan dengan kadar inflasi yang lebih tinggi berbanding dengan kadar inflasi bagi aliran tunai jangka panjang. Ini adalah berdasarkan kepada andaian bahawa kadar inflasi lazimnya adalah lebih rendah bagi jangka masa panjang seperti yang diperhatikan secara empirik dalam kebanyakan kes di negara maju.

Laporan Jangka Hayat di Malaysia ("Malaysia's Life Expectancy Report") yang dikeluarkan oleh United Nation ("UN") diguna pakai bagi penyediaan andaian model, berdasarkan kepada liputan tempoh keseluruhan Obligasi Manfaat Perubatan Pesara. Berpandukan kepada data yang sedia ada, Kumpulan dan KWAP dapat membuat anggaran bagi jangka hayat setiap pekerja dan pesara semasa bagi mewakili tempoh liputan yang dijangkakan. Purata jangka hayat adalah berdasarkan anggaran jangka hayat setiap pekerja dan juga pesara semasa.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**32. MANFAAT PEKERJA (SAMBUNGAN)**

- (e) **Analisa sensitiviti di bawah ditentukan berdasarkan kaedah kebarangkalian kejadian perubahan munasabah bagi andaian yang diguna pakai dalam Penyata Kedudukan Kewangan, di mana segala anggapan andaian lain tidak berubah:**

	Kumpulan dan KWAP				
	31 Disember 2018		31 Disember 2017		
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	
	Peningkatan	Pengurangan	Peningkatan	Pengurangan	
Nilai Obligasi Manfaat Pada 31 Disember	3,744	-	-	-	-
Kadar Diskaun (Perubahan 1 %)	-	(970)	1,373	(1,402)	1,984
Kadar Jangka Hayat Purata (Perubahan 1 Tahun)	-	186	(187)	269	(271)
	<b>3,744</b>	<b>(784)</b>	<b>1,186</b>	<b>(1,132)</b>	<b>1,714</b>

**33. RISIKO KEWANGAN**

Kumpulan dan KWAP terdedah kepada risiko kewangan yang berikutan daripada aktiviti operasi dan penggunaan instrumen kewangan. Risiko kewangan utama merangkumi risiko kadar faedah, risiko harga ekuiti, risiko kredit dan risiko kecairan.

Kumpulan dan KWAP telah melaksanakan garis panduan dan polisi serta kawalan dalaman yang diluluskan yang menetapkan strategi perniagaan secara keseluruhan bagi pengurusan risiko kewangan tersebut. Objektif pengurusan risiko kewangan secara keseluruhan adalah untuk meningkatkan nilai pemegang saham melalui pengurusan risiko yang berkesan.

Polisi dan prosedur pengurusan risiko kewangan disemak dan diluluskan oleh pihak Lembaga. Bahagian seterusnya memberi penjelasan terperinci mengenai pendedahan kepada risiko kewangan bagi Kumpulan dan KWAP serta objektif-objektif, polisi-polisi dan proses-proses pengurusan risiko tersebut.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**33. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)****(a) Risiko kadar faedah**

Risiko kadar faedah ialah risiko perubahan nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan instrumen kewangan disebabkan oleh pergerakan kadar faedah pasaran. Pendedahan Kumpulan dan KWAP kepada perubahan kadar faedah pasaran pinjaman berkadar faedah terapung.

Kumpulan dan KWAP mengamalkan pengurusan risiko kadar faedah secara aktif dengan mengekalkan nisbah kadar faedah diluputi pada tahap minimum iaitu satu (1) setengah kali.

**Sensitiviti kadar faedah**

Jadual berikut menunjukkan sensitiviti kadar faedah terhadap kebarangkalian perubahan kadar faedah ke atas sebahagian daripada pinjaman. Dengan ketetapan bagi faktor boleh diubah, jadual di bawah menunjukkan ringkasan pendedahan risiko kadar faedah bagi pinjaman dengan kadar faedah terapung serta sekuriti pendapatan tetap Kumpulan dan KWAP.

	<b>Kumpulan Kesan Kepada Ekuiti RM'000</b>	<b>KWAP Kesan Kepada Ekuiti RM'000</b>	<b>Kumpulan Kesan Kepada Pendapatan Sebelum Cukai RM'000</b>	<b>KWAP Kesan Kepada Pendapatan Sebelum Cukai RM'000</b>
<b>2018</b>				
Peningkatan Dalam 100 Mata Asas	<b>(2,958,869)</b>	<b>(2,958,869)</b>	<b>(9,694)</b>	<b>(9,694)</b>
Penurunan Dalam 100 Mata Asas	<b>2,958,869</b>	<b>2,958,869</b>	<b>9,694</b>	<b>9,694</b>
<b>2017</b>				
Peningkatan Dalam 100 Mata Asas	(488,292)	(488,292)	(156,720)	(165,060)
Penurunan Dalam 100 Mata Asas	488,292	488,292	156,720	165,060

Kumpulan dan KWAP terdedah kepada pelbagai risiko yang berkaitan dengan perubahan kadar faedah pasaran ke atas Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Aliran Tunai. Jadual berikut menunjukkan aset dan liabiliti kewangan Kumpulan dan KWAP pada kadar faedah efektif dan nilai dibawa yang dianalisa mengikut tarikh kematangan atau tarikh penentuan semula harga, berdasarkan tarikh yang paling hampir.



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 33. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Risiko kadar faedah (sambungan)

Kumpulan	0-12	Melebihi	Melebihi	Tidak	Jumlah
	Bulan	5 Tahun	5 Tahun	Sensitif	
2018	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	-	-	-	-	-
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	-	-	-	424,185	424,185
Pelaburan Dalam Kepentingan Usaha Sama	-	-	-	376,020	376,020
Pinjaman Dan Belum Terima	150,000	8,084,033	556,818	-	8,790,851
Instrumen Hutang Pada Kos Terlunas	-	4,064,072	13,089,789	-	17,153,861
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	897,424	260,412	109,013	-	1,266,849
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	-	179,178	1,500,000	34,268,908	35,948,086
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	-	12,854,721	17,889,623	-	30,744,344
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	-	25,258,816	25,258,816
Aset Kewangan Derivatif	43,350	-	-	-	43,350
Deposit Dan Penempatan Dengan Institusi Kewangan	9,530,277	-	-	-	9,530,277
Lain-lain Aset Yang Tidak Sensitif Faedah	-	-	-	9,808,014	9,808,014
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>10,621,051</b>	<b>25,442,416</b>	<b>33,145,243</b>	<b>70,135,942</b>	<b>139,344,653</b>

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**33. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)****(a) Risiko kadar faedah (sambungan)**

KWAP	0-12	Melebihi	Melebihi	Tidak	Jumlah
	Bulan	5 Tahun	5 Tahun	Sensitif	
2018	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	-	-	-	3,699,623	3,699,623
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	-	-	-	387,292	387,292
Pelaburan Dalam Kepentingan Usaha Sama	-	-	-	10,000	10,000
Pinjaman Dan Belum Terima	150,000	8,417,003	556,818	-	9,123,821
Instrumen Hutang Pada Kos Terlunas	-	4,064,072	13,089,789	-	17,153,861
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	1,101,556	260,412	109,013	-	1,470,981
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	-	179,178	1,500,000	34,268,908	35,948,086
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	-	12,854,721	17,889,623	-	30,744,344
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	-	25,258,816	25,258,816
Aset Kewangan Derivatif	43,350	-	-	-	43,350
Deposit Dan Penempatan Dengan Institusi Kewangan	9,530,277	-	-	-	9,530,277
Lain-lain Aset Yang Tidak Sensitif Faedah	-	-	-	3,963,544	3,963,544
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>10,825,183</b>	<b>25,775,386</b>	<b>33,145,243</b>	<b>67,588,183</b>	<b>137,333,995</b>

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**33. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)****(a) Risiko kadar faedah (sambungan)**

Kumpulan	0-12	Melebihi	Melebihi	Tidak	Jumlah
	Bulan	5 Tahun	5 Tahun	Sensitif	
2017	RM'000	RM'000	RM'000	Faedah RM'000	RM'000
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	-	-	-	-	-
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	-	-	-	1,175,390	1,175,390
Pelaburan Dalam Kepentingan Usaha Sama	-	-	-	366,879	366,879
Aset Kewangan Sedia Dijual	-	16,081,509	32,747,670	61,177,383	110,006,562
Aset Kewangan Pada Nilai Saksama					
Melalui Untung Atau Rugi	823,786	-	-	-	823,786
Pinjaman Dan Belum Terima	1,546,641	9,075,609	4,737,737	-	15,359,987
Aset Kewangan Derivatif	539,181	-	-	-	539,181
Deposit Dan Penempatan Dengan					
Institusi Kewangan	6,684,323	-	-	-	6,684,323
Lain-lain Aset Yang Tidak Sensitif Faedah	-	-	-	9,304,107	9,304,107
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>9,593,931</b>	<b>25,157,118</b>	<b>37,485,407</b>	<b>72,023,759</b>	<b>144,260,215</b>

KWAP	0-12	Melebihi	Melebihi	Tidak	Jumlah
	Bulan	5 Tahun	5 Tahun	Sensitif	
2017	RM'000	RM'000	RM'000	Faedah RM'000	RM'000
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	-	-	-	2,606,888	2,606,888
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	-	-	-	1,008,428	1,008,428
Pelaburan Dalam Kepentingan Usaha Sama	-	-	-	10,000	10,000
Aset Kewangan Sedia Dijual	-	16,081,509	32,747,670	61,177,383	110,006,562
Aset Kewangan Pada Nilai Saksama					
Melalui Untung Atau Rugi	823,786	-	-	-	823,786
Pinjaman Dan Belum Terima	1,546,641	9,909,621	4,737,737	-	16,193,999
Aset Kewangan Derivatif	539,181	-	-	-	539,181
Deposit Dan Penempatan Dengan					
Institusi Kewangan	6,678,292	-	-	-	6,678,292
Lain-lain Aset Yang Tidak Sensitif Faedah	-	-	-	4,459,943	4,459,943
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>9,587,900</b>	<b>25,991,130</b>	<b>37,485,407</b>	<b>69,262,642</b>	<b>142,327,079</b>

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 33. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (b) Risiko harga ekuiti

Instrumen ekuiti tersiar harga bagi Kumpulan dan KWAP adalah terdedah kepada risiko harga pasaran disebabkan ketidaktentuan nilai masa hadapan pelaburan tersebut. Pengurusan risiko harga ekuiti bagi Kumpulan dan KWAP adalah melalui kepelbagaian serta penetapan had pelaburan ke atas instrumen ekuiti secara individu dan keseluruhan. Laporan berkaitan portfolio ekuiti diedarkan secara berskala kepada pihak pengurusan atasan Kumpulan dan KWAP. Keputusan mengenai pelaburan ekuiti disemak dan diluluskan oleh pihak Lembaga Kumpulan dan KWAP.

#### Sensitiviti harga ekuiti

Jadual berikut menunjukkan sensitiviti harga ekuiti terhadap kebarangkalian perubahan harga ekuiti bagi aset kewangan Kumpulan dan KWAP yang disebabkan oleh perubahan dalam nilai saksama ekuiti tersiar harga, di mana tiada perubahan bagi faktor yang lain.

	Kumpulan Kesan Kepada Ekuiti RM'000	KWAP Kesan Kepada Ekuiti RM'000	Kumpulan Kesan Kepada Pendapatan Sebelum Cukai RM'000	KWAP Kesan Kepada Pendapatan Sebelum Cukai RM'000
<b>2018</b>				
<b>FBM KLCI</b>				
Peningkatan 5% Dalam Harga Ekuiti	<b>2,397,181</b>	<b>2,397,181</b>	<b>1,134,240</b>	<b>1,134,240</b>
Penurunan 5% Dalam Harga Ekuiti	<b>(2,397,181)</b>	<b>(2,397,181)</b>	<b>(1,134,240)</b>	<b>(1,134,240)</b>
<b>MSCI World</b>				
Peningkatan 10% Dalam Harga Ekuiti	<b>814,180</b>	<b>814,180</b>	<b>814,180</b>	<b>814,180</b>
Penurunan 10% Dalam Harga Ekuiti	<b>(814,180)</b>	<b>(814,180)</b>	<b>(814,180)</b>	<b>(814,180)</b>
<b>2017</b>				
<b>FBM KLCI</b>				
Peningkatan 5% Dalam Harga Ekuiti	2,509,534	2,509,534	374	374
Penurunan 5% Dalam Harga Ekuiti	(2,509,534)	(2,509,534)	(374)	(374)
<b>MSCI World</b>				
Peningkatan 10% Dalam Harga Ekuiti	813,402	813,402	-	-
Penurunan 10% Dalam Harga Ekuiti	(813,402)	(813,402)	-	-

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 33. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (c) Risiko tukaran mata wang asing

Risiko tukaran mata wang asing ialah risiko yang melibatkan perubahan ke atas nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan disebabkan oleh perubahan dalam kadar tukaran mata wang asing.

Pendedahan kepada risiko tukaran mata wang asing bagi Kumpulan dan KWAP adalah merangkumi pelaburan ekuiti antarabangsa, pelaburan pendapatan tetap serta pelaburan alternatif seperti dana ekuiti persendirian dan hartanah.

Jadual di bawah menunjukkan ringkasan nilai saksama pelaburan antarabangsa mengikut mata wang bagi Kumpulan dan KWAP:

<b>2018</b>	<b>Kumpulan dan KWAP Pelaburan Antarabangsa RM'000</b>
<b>Mata Wang</b>	
USD	7,395,285
AUD	7,395,285
GBP	1,417,107
EUR	1,841,031
HKD	1,176,245

<b>2017</b>	<b>Kumpulan dan KWAP Pelaburan Antarabangsa RM'000</b>
<b>Mata Wang</b>	
USD	5,544,831
AUD	1,669,587
GBP	1,659,945
EUR	1,589,205
HKD	1,218,421

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 33. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (c) Risiko tukaran mata wang asing (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan sensitiviti terhadap perubahan munasabah mata wang ke atas pelaburan antarabangsa Kumpulan dan KWAP:

2018	Kumpulan dan KWAP Kesan Ke Atas Keuntungan Sebelum Cukai	
	RM'000 +3%	RM'000 -3%
<b>Mata Wang</b>		
USD	221,859	(221,859)
AUD	33,212	(33,212)
GBP	42,513	(42,513)
EUR	55,231	(55,231)
HKD	35,287	(35,287)

2017	Kumpulan dan KWAP Kesan Ke Atas Keuntungan Sebelum Cukai	
	RM'000 +3%	RM'000 -3%
<b>Mata Wang</b>		
USD	166,345	(166,345)
AUD	50,088	(50,088)
GBP	49,798	(49,798)
EUR	47,676	(47,676)
HKD	36,553	(36,553)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 33. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (d) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul daripada instrumen kewangan tertunggak yang disebabkan oleh kegagalan peminjam untuk menyelesaikan obligasinya. Pendedahan risiko kredit bagi Kumpulan dan KWAP melibatkan pinjaman belum terima. Bagi aset-aset kewangan lain (termasuk pelaburan dalam bon, instrumen pasaran wang dan deposit di bank), Kumpulan dan KWAP meminimakan risiko kredit dengan hanya melaksanakan transaksi dengan peminjam yang mempunyai gred kadaran kredit yang tinggi.

Pada tarikh laporan, pendedahan maksimum Kumpulan dan KWAP terhadap risiko kredit dinyatakan melalui nilai dibawa bagi setiap kelas aset kewangan yang diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan, termasuk derivatif yang mempunyai nilai saksama positif.

#### (i) Pengurusan risiko kredit

Kumpulan dan KWAP mengambil kira kebarangkalian penjejasan aset pada pengiktirafan asal dan samada terdapat peningkatan risiko kredit yang signifikan dan berterusan sepanjang setiap tempoh laporan. Dalam penilaian sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang signifikan, Kumpulan dan KWAP membandingkan berlakunya risiko terjejas ke atas aset pada tarikh laporan dengan risiko terjejas pada tarikh pengiktirafan asal. Segala maklumat pandang ke hadapan yang munasabah dan disokong diambil kira termasuk petunjuk-petunjuk berikut:

- kadar kredit dalaman;
- kadar kredit luaran (selagi ada);
- perubahan merosot yang signifikan didalam perniagaan, kewangan atau keadaan ekonomi samada yang nyata atau jangkaan yang dijangka akan mengakibatkan perubahan signifikan bagi memenuhi obligasi penghutang; dan
- perubahan signifikan didalam nilai obligasi sokongan cagaran atau kualiti jaminan pihak ketiga atau peningkatan kredit.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 33. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (d) Risiko kredit (sambungan)

##### (i) Pengurusan risiko kredit (sambungan)

Maklumat makroekonomi (seperti kadar faedah pasaran atau kadar pertumbuhan) adalah merupakan daripada sebahagian model kadaran dalaman.

Tanpa mengambil kira analisa diatas, peningkatan risiko kredit dianggap signifikan sekiranya pembayaran kontrak oleh penghutang adalah melebihi 30 hari tunggakan.

Aset kewangan dianggap terjejas apabila terdapat kegagalan dalam pelaksanaan pembayaran kontrak didalam tempoh 90 hari dari tempoh pembayaran.

Kesemua aset kewangan dianggap sebagai aset kewangan berisiko rendah, sejurusnya peruntukan rosot nilai diiktiraf sepanjang tahun laporan telah dihadkan kepada 12 bulan ECL. Pihak pengurusan menganggap 'risiko rendah' sebagai gred pelaburan kadaran kredit dari sekurang-kurangnya satu (1) agensi kadaran kredit utama.

Bagi menentukan penambahbaikan risiko kredit aset kewangan yang telah dimodifikasi dimana peruntukan kerugian telah dinilai berdasarkan ECL dan dinilai semula pada 12 bulan ECL, sistem gred (i.e. gred pelaburan dan gred bukan pelaburan) digunakan bagi menilai penambahbaikan kualiti kredit aset kewangan yang dimodifikasi.

Aset kewangan tersebut dipantau sehingga tahap peruntukan kerugian diukur semula pada ECL sepanjang hayat.



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 33. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (d) Risiko kredit (sambungan)

##### (ii) Pengukuran kerugian kredit dijangka (“ECL”)

Kumpulan dan KWAP mengguna pakai tiga (3) peringkat bagi Pinjaman Dan Belum Terima serta instrumen hutang bagi mencerminkan risiko kredit dan penentuan peruntukan kerugian bagi setiap kategori. Andaian bagi dasar model ECL Kumpulan dan KWAP diringkaskan seperti berikut:

Kategori	Definisi Kategori Bagi Kumpulan Dan KWAP	Asas Pengiktirafan ECL
Peringkat 1	Penghutang yang mempunyai risiko penjejasan yang rendah dan keupayaan yang kukuh bagi memenuhi pembayaran aliran tunai kontrak	ECL 12 bulan
Peringkat 2	Penghutang yang mempunyai peningkatan risiko kredit yang signifikan atau anggapan peningkatan risiko kredit yang signifikan sekiranya pembayaran faedah dan/atau pokok melebihi 30 hari dari tarikh pembayaran.	ECL Sepanjang hayat
Peringkat 3	Pembayaran faedah dan/atau pokok melebihi 90 hari dari tarikh pembayaran atau terdapat bukti yang menunjukkan rosot nilai kredit kewangan.	ECL Sepanjang hayat

Berdasarkan maklumat diatas, peruntukan kerugian diukur samada pada 12 bulan ECL atau ECL sepanjang hayat menggunakan kaedah “PD x LGD x EAD” seperti yang berikut:

- PD (“Probability of Default”) - penghutang berkemungkinan tidak berupaya untuk membuat pembayaran sepanjang tempoh kontrak;
- LGD (“Loss Given Default”) - peratusan aliran tunai kontrak yang tidak dapat diterima sekiranya berlaku penjejasan; dan
- EAD (“Exposure at Default”) - amaun tertunggak yang terdedah pada risiko penjejasan.

Kumpulan dan KWAP telah mengenal pasti nilai pasaran keseluruhan barangan dan perkhidmatan Malaysia (“GDP”) dan kadar tukaran USD/MYR sebagai faktor yang paling relevan bagi instrumen domestik, dan kadar dana persekutuan dan index komoditi yang luas sebagai faktor yang relevan bagi instrumen antarabangsa. Kumpulan dan KWAP telah melaraskan informasi tanda aras luaran berdasarkan kepada jangkaan perubahan faktor-faktor tersebut. Tiada perubahan bagi teknik anggaran atau andaian yang dilaksanakan sepanjang tahun laporan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 33. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (d) Risiko kredit (sambungan)

##### (iii) Kualiti kredit

Pelbagai kaedah digunakan bagi pengukuran risiko kredit seperti menerapkan solusi dari pihak ketiga bagi kiraan kredit Risiko-pada-Nilai (“VaR”) dan model pemarkahan kadaran kredit dalaman untuk penyediaan kadaran dalaman bagi korporat dan juga institusi kewangan.

Kumpulan dan KWAP boleh melabur dalam bon yang berkadaran sekurang-kurangnya A3 (RAM), A-(MARC) bagi bon domestik serta bon yang berkadaran sekurang-kurangnya BBB- (S&P atau Fitch), Baa3 (Moody’s) atau mana-mana kadaran setara yang diiktiraf oleh agensi kadaran antarabangsa lain bagi bon antarabangsa. Bagi portfolio sekuriti hutang persendirian, purata kualiti kredit berwajaran adalah AA.

Model pemarkahan kadaran kredit dalaman diguna pakai sebagai pendekatan untuk melengkapi proses penilaian kredit sedia ada dan membantu dalam mengawasi perkembangan kredit tersebut. Kaedah yang diguna pakai oleh model pemarkahan tersebut adalah berdasarkan pendekatan oleh agensi-agensi kadaran di mana pelaksanaannya adalah berdasarkan satu (1) set kaedah pemarkahan bagi kredit domestik dan antarabangsa.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**33. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)****(d) Risiko kredit (sambungan)****(iii) Kualiti kredit (sambungan)**

Sekuriti-sekuriti hutang diklasifikasi mengikut skala kadaran dalaman yang konsisten dengan agensi-agensi kadaran. Klasifikasi kualiti kredit adalah seperti berikut:

**i. Kadaran Jangka Panjang Bagi Bayaran Obligasi Kewangan Jangka Panjang**

<b>Domestik</b>	<b>Kadaran Kredit</b>	<b>Definisi Klasifikasi Kualiti</b>
Sovereign	Sovereign	Diterbitkan/Dijamin oleh Kerajaan
Tinggi	AAA dan AA	Keupayaan tinggi untuk memenuhi obligasi kewangan
Sederhana	A	Keupayaan mencukupi untuk memenuhi obligasi kewangan
Lemah	BBB dan ke bawah	Keupayaan sederhana/lemah untuk memenuhi obligasi kewangan

<b>Antarabangsa</b>	<b>Kadaran Kredit</b>	<b>Definisi Klasifikasi Kualiti</b>
Sovereign	Sovereign	Diterbitkan/Dijamin oleh Kerajaan
Tinggi	AAA dan AA	Keupayaan tinggi untuk memenuhi obligasi kewangan
Sederhana	A	Keupayaan mencukupi untuk memenuhi obligasi kewangan
Lemah	BBB dan ke bawah	Keupayaan sederhana/lemah untuk memenuhi obligasi kewangan

**ii. Kadaran Jangka Pendek Bagi Bayaran Obligasi Kewangan Jangka Pendek Domestik Kadaran**

<b>Domestik</b>	<b>Kadaran Kredit</b>	<b>Definisi Klasifikasi Kualiti</b>
Tinggi	P1/MARC1	Keupayaan tinggi untuk memenuhi obligasi kewangan
Sederhana	P2/MARC2	Keupayaan mencukupi untuk memenuhi obligasi kewangan

<b>Antarabangsa</b>	<b>Kadaran Kredit</b>	<b>Definisi Klasifikasi Kualiti</b>
Tinggi	A1/P1/F1	Keupayaan tinggi untuk memenuhi obligasi kewangan
Sederhana	A2/P2/F2	Keupayaan mencukupi untuk memenuhi obligasi kewangan

**iii. Aset Kewangan Tidak Berkadaran**

Merujuk kepada aset kewangan tanpa kadaran kredit luaran.

**iv. Dirosot Nilai**

Pendedahan rosot nilai yang ditaksir secara individu berdasarkan dasar pelaburan KWAP.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 33. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (d) Risiko kredit (sambungan)

##### (iii) Kualiti kredit (sambungan)

Penilaian kualiti kredit bagi aset kewangan adalah berdasarkan kepada rujukan dari sistem kadaran dalam yang diterima pakai oleh Kumpulan dan KWAP.

##### a. Instrumen Hutang Pada FVTPL

	Jangkaan Kerugian Kredit 12-Bulan RM'000	Jangkaan Kerugian Kredit Sepanjang Hayat Rosot Nilai Bukan Kredit RM'000	Jangkaan Kerugian Kredit Sepanjang Hayat Rosot Nilai Kredit RM'000	Belian Atau Asalan Rosot Nilai Kredit RM'000
AA	29	-	-	-
A	145	-	-	-
BBB	307	-	-	-

##### b. Instrumen Hutang Pada Kos Yang Dilunaskan

	Jangkaan Kerugian Kredit 12-Bulan RM'000	Jangkaan Kerugian Kredit Sepanjang Hayat Rosot Nilai Bukan Kredit RM'000	Jangkaan Kerugian Kredit Sepanjang Hayat Rosot Nilai Kredit RM'000	Belian Atau Asalan Rosot Nilai Kredit RM'000
AA	8	-	-	-
A	2	-	-	-

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 33. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (d) Risiko kredit (sambungan)

##### (iv) Nilai jangkaan jaminan bagi aset kewangan

	Nilai Jaminan RM'000	Pendedahan Risiko Kredit Kasar RM'000	Pendedahan Kredit Tidak Bercagar RM'000
Pinjaman Dan Belum Terima	377,900	9,123,821	8,745,921

##### (v) Kualiti kredit

Kumpulan 31 Disember 2018 Aset Kewangan (RM'000)					Tidak		Jumlah
	Sovereign	Tinggi	Sederhana	Lemah	Berkadaran		
Pinjaman Dan Belum Terima	5,041,392	3,599,459	150,000	-	-	8,790,851	
Instrumen Hutang Pada Kos Terlunas	10,312,509	6,691,352	150,000	-	-	17,153,861	
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	862,424	116,951	233,564	18,910	35,000	1,266,849	
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	-	1,500,000	179,178	-	-	1,679,178	
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	15,591,640	12,202,457	2,130,058	820,189	-	30,744,344	
Penghutang Perniagaan	-	-	-	-	1,517,539	1,517,539	
Penghutang Runcit Dan Deposit Deposit Dan Penempatan	-	-	-	-	121,648	121,648	
Dengan Institusi Kewangan	-	7,371,922	2,158,355	-	-	9,530,277	
Baki Tunai Dan Bank	101	401,098	1,132,356	-	278,619	1,812,174	
	<b>31,808,066</b>	<b>31,883,239</b>	<b>6,133,511</b>	<b>839,099</b>	<b>1,952,806</b>	<b>72,616,721</b>	

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 33. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Risiko kredit (sambungan)

(v) Kualiti kredit (sambungan)

KWAP 31 Disember 2018 Aset Kewangan (RM'000)	Kualiti Kredit					Jumlah
	Sovereign	Tinggi	Sederhana	Lemah	Tidak Berkadaran	
Pinjaman Dan Belum Terima Instrumen Hutang Pada Kos Terlunas	5,041,392	3,932,429	150,000	-	-	9,123,821
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	10,312,509	6,691,352	150,000	-	-	17,153,861
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	862,424	321,083	233,564	18,910	35,000	1,470,981
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	-	1,500,000	179,178	-	-	1,679,178
Penghutang Perniagaan	15,591,640	12,202,457	2,130,058	820,189	-	30,744,344
Penghutang Runcit Dan Deposit	-	-	-	-	1,519,946	1,519,946
Deposit Dan Penempatan Dengan Institusi Kewangan	-	-	-	-	142,358	142,358
Baki Tunai Dan Bank	-	7,371,922	2,158,355	-	-	9,530,277
	101	401,098	1,132,356	-	8	1,533,563
	<b>31,808,066</b>	<b>32,420,341</b>	<b>6,133,511</b>	<b>839,099</b>	<b>1,697,312</b>	<b>72,898,329</b>

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 33. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Risiko kredit (sambungan)

(v) Kualiti kredit (sambungan)

Kumpulan 31 Disember 2017 Aset Kewangan (RM'000)						Tidak	Jumlah
	Sovereign	Tinggi	Sederhana	Lemah	Berkadaran		
Aset Kewangan Sedia Dijual	31,659,090	13,945,922	2,649,460	574,708	-	48,829,180	
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui							
Untung Atau Rugi	346,967	-	-	-	476,819	823,786	
Pinjaman Dan Belum Terima	5,298,640	5,035,869	150,000	-	4,875,478	15,359,987	
Penghutang Perniagaan	-	-	-	-	2,445,007	2,445,007	
Penghutang Runcit Dan Deposit	-	-	-	-	235,616	235,616	
Deposit Dan Penempatan							
Dengan Institusi Kewangan	-	5,800,556	883,767	-	-	6,684,323	
Baki Tunai Dan Bank	101	280,735	765,517	-	202,906	1,249,259	
	37,304,798	25,063,082	4,448,744	574,708	8,235,826	75,627,158	

#### KWAP

Aset Kewangan Sedia Dijual	31,659,090	13,945,922	2,649,460	574,708	-	48,829,180
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui						
Untung Atau Rugi	346,967	-	-	-	476,819	823,786
Pinjaman Dan Belum Terima	5,298,640	5,869,881	150,000	-	4,875,478	16,193,999
Penghutang Perniagaan	-	-	-	-	2,467,577	2,467,577
Penghutang Runcit Dan Deposit	-	-	-	-	172,419	172,419
Deposit Dan Penempatan						
Dengan Institusi Kewangan	-	5,794,525	883,767	-	-	6,678,292
Baki Tunai Dan Bank	101	280,735	765,517	-	8	1,046,361
	37,304,798	25,891,063	4,448,744	574,708	7,992,301	76,211,614

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 33. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (d) Risiko kredit (sambungan)

##### (vi) Pendedahan maksimum risiko kredit

Penilaian risiko kredit peminjam dilaksanakan bagi menentukan amaun dan jenis cagaran yang diperlukan. Pengendalian bagi cagaran diwujudkan dan merangkumi penerimaan dan penilaian bagi setiap jenis cagaran.

Jenis-jenis cagaran utama adalah seperti berikut:

- Jaminan daripada Kerajaan Malaysia bagi pinjaman yang berkaitan dengan kerajaan;
- Caj ke atas cagaran dan jaminan daripada syarikat induk bagi pinjaman syarikat subsidiari masing-masing berkaitan dengan pinjaman korporat; dan
- Wang tunai dan sekuriti bagi sekuriti yang dibeli semula.

Kumpulan dan KWAP memantau nilai pasaran cagaran serta pohonan cagaran tambahan berdasarkan perjanjian asas.

##### **Analisa pendedahan maksimum kepada risiko kredit dan cagaran serta peningkatan kredit lain**

Jadual berikut menunjukkan pendedahan maksimum kepada risiko kredit mengikut kelas aset kewangan serta jumlah nilai saksama cagaran, lebih cagaran (sejauh mana nilai saksama cagaran yang dipegang adalah lebih besar daripada pendedahan yang berkaitan), sekiranya ada, dan pendedahan bersih kepada risiko kredit.

Pendedahan kepada risiko kredit adalah bersamaan dengan nilai dibawa bagi aset kewangan yang dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pendedahan risiko kredit bagi komitmen dan kontingensi yang tidak pulih adalah dinyatakan sepenuhnya.

Kesan kewangan cagaran (kuantifikasi sekadar risiko kredit dikurangkan oleh cagaran dan peningkatan kredit lain) yang dipegang bagi aset kewangan Kumpulan dan KWAP yang terdedah kepada risiko kredit adalah 0.35% (2017:0.68%). Kesan kewangan cagaran yang dipegang sepanjang baki tempoh aset kewangan adalah dianggap tidak signifikan.



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 33. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (d) Risiko kredit (sambungan)

#### Analisa pendedahan maksimum kepada risiko kredit dan cagaran dan peningkatan kredit lain (sambungan)

Jenis cagaran dan peningkatan kredit

Kumpulan 31 Disember 2018	Pendedahan Maksimum Kepada Risiko	Nilai Saksama Cagaran Dan Peningkatan Kredit		Cagaran Bersih	Pendedahan Bersih
		Hartanah, Kenderaan Pengangkutan, Aset Bukan Saham	Aset Bukan Semasa Lain		
Aset Kewangan (RM'000)					
Pinjaman Dan Belum Terima	8,790,851	286,329	91,571	377,900	8,412,952
Instrumen Hutang Pada Kos Terlunas	17,153,861	-	-	-	17,153,861
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	1,266,849	-	-	-	1,266,849
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	1,679,178	-	-	-	1,679,178
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	30,744,344	-	-	-	30,744,344
Penghutang Perniagaan	1,517,539	-	-	-	1,517,539
Penghutang Runcit Dan Deposit	121,648	-	-	-	121,648
Deposit Dan Penempatan Dengan Institusi Kewangan	9,530,277	-	-	-	9,530,277
Baki Tunai Dan Bank	1,812,174	-	-	-	1,812,174
